سُورَةُ المُمْتَحَنَة

SURAH AL-MUMTAHANAH

Surah Wanita Yang Diuji

Surah (60) – Madaniyah – 13 ayat

Dengan Nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟
بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا
فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن
يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

1. Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku, (maka janganlah kamu berbuat demikian), iaitu kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu. Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar.

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ

2. Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata-kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir.

لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ ۚ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

3. Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat, Allah akan memisahkan di antara kamu (pada hari itu), dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ إِذْ قَالُوا۟ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُا۟ مِنكُمْ
وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا۟
بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ
تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

4. Sesungguhnya terdapat contoh teladan yang baik untuk kamu pada Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujud permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal, kecuali pada perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda, kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali.

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَٱغْفِرْ لَنَا رَبَّنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٥﴾

5. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ ۚ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ
الْحَمِيدُ ﴿٦﴾

6. **Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji.**

عَسَى اللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً ۚ وَاللَّهُ قَدِيرٌ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

7. **Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka. Dan Allah Maha Kuasa, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.**

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا
إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

8. **Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berlaku adil.**

إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ
أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

9. **Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu bersahabat setia dengan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusirkan kamu keluar dari kampung halaman kamu dan turut membantu untuk mengusir kamu. Dan barang siapa yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ ۖ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ ۖ فَإِنْ
عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ ۖ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ ۖ وَآتُوهُم مَّا أَنفَقُوا ۚ
وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَن تَنكِحُوهُنَّ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۚ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ وَاسْأَلُوا
مَا أَنفَقْتُمْ وَلْيَسْأَلُوا مَا أَنفَقُوا ۚ ذَٰلِكُمْ حُكْمُ اللَّهِ ۖ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

10. Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang kepada kamu wanita-wanita Mu'min yang berhijrah (dari Makkah), maka ujilah mereka. Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka. Dan jika kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka dan suami mereka tidak halal kepada mereka. Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu membayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya itu dan biarlah mereka tuntut maskahwin yang mereka telah belanjakannya, itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

وَإِن فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَاقَبْتُمْ فَآتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَاجُهُم مِّثْلَ
مَا أَنفَقُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

11. Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَن لَّا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ
وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ
وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ ۙ فَبَايِعْهُنَّ وَاسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

12. Wahai Nabi! Jika wanita-wanita Mu'minat datang kepadamu untuk bermubaya'ah denganmu bahawa mereka tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak mereka dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan melanggar perintahmu dalam perkara-perkara yang baik, maka hendaklah engkau bermubaya'ah dengan mereka dan pohonlah keampunan kepada mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَوَلَّوْا۟ قَوْمًا غَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَئِسُوا۟ مِنَ ٱلْـَٔاخِرَةِ كَمَا يَئِسَ ٱلْكُفَّارُ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْقُبُورِ ﴿١٣﴾

13. **Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bersahabat setia dengan kaum yang telah dimurkai Allah. Sesungguhnya mereka telah berputus asa terhadap hari Akhirat sebagaimana orang-orang kafir yang berada di dalam kubur itu berputus asa.**

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu siri dari siri-siri pendidikan keimanan, penyusunan peraturan sosial dan negara di dalam masyarakat Madinah iaitu satu siri dari siri-sirinya yang panjang, atau merupakan satu siri dari siri-siri sistem hidup Ilahi yang dipilih untuk kelompok Muslimin yang terpilih. Mereka telah ditugaskan Allah mengikut iradat-Nya untuk merealisasikan sistem itu dalam kehidupan manusia dalam bentuk amali di alam kenyataan, supaya ia tegak di bumi sebagai satu sistem yang mempunyai garis-garis, bentuk, batas-batas dan ciri keperibadian yang tersendiri yang kadang-kadang dapat dicapai manusia dan kadang-kadang tidak dapat dicapai, tetapi walau bagaimanapun ia tetap selama-lamanya bergantung kepada usaha-usaha perjuangan manusia untuk mencapaikannya dan tetap tersergam di hadapan mereka satu gambaran realiti yang telah pernah wujud dan direalisasikan pada suatu zaman yang lampau di bumi ini.

Semuanya ini – seperti telah kami tegaskan di awal juzu' ini – memerlukan kepada satu penyediaan dan persiapan yang panjang diatur secara bertahap-tahap dan berperingkat-peringkat. Segala peristiwa yang berlaku di dalam lingkungan kelompok Muslimin atau berkaitan dengan mereka merupakan bahan-bahan dari penyediaan dan persiapan itu, iaitu bahan-bahan yang telah diatur di dalam ilmu Allah yang menjadi asas bagi bahan yang lain, iaitu bahan pentafsiran, penerangan, ulasan dan bimbingannya.

Di dalam gelombang peristiwa-peristiwa itu dan di dalam arus kehidupan yang deras itu terlaksanalah proses pembinaan jiwa Mu'min yang terpilih untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di muka bumi ini. Di sana tidak ada pemencilan diri atau 'uzlah melainkan pemencilan dengan konsep keimanan yang baru, tanpa bercampuraduk dengan tampalan-tampalan yang asing darinya semasa pembentukan jiwa kelompok Muslimin itu. Malah didikan yang berterusan itu sentiasa menuju kepada matlamat mewujudkan konsep keimanan istimewa yang tersendiri dan terasing dengan hakikat dan sifatnya dari konsep-konsep keimanan lain yang wujud di seluruh alam pada masa itu umumnya dan di Semenanjung Tanah Arab khususnya. Adapun kelompok Muslimin yang ditanamkan dengan konsep keimanan istimewa di dalam jiwa mereka, maka mereka tidak sekali-kali

terpisah dan terpencil dari realiti kehidupan dan dari gelombang peristiwa-peristiwa yang berlaku, malah mereka dileburkan dalam kancah peristiwa-peristiwa itu sehari demi sehari, sekali demi sekali, dan mereka dilebur dan dibentuk berulang-ulang kali dalam perkara yang sama dan kelakuan yang sama dan mereka terus dilebur di bawah berbagai-bagai faktor yang berkesan, kerana Allah yang telah menciptakan jiwa manusia itu tahu bahawa tidak semua jiwa itu menerima, menyambut seruan, menyesuaikan diri dan mantap dengan penyesuaian ini sejak sentuhan yang pertama. Allah tahu bahawa keladak-keladak zaman lampau, daya-daya tarikan tabiat semulajadi, kelemahan-kelemahan manusia, suasana-suasana realiti dan pengaruh adat kebiasaan semuanya kadang-kadang menjadi penghalang-penghalang yang kuat yang mengalahkan faktor-faktor didikan dan bimbingan sekali demi sekali, kerana itu penghalang-penghalang itu perlu ditentang dengan peringatan dan amaran yang berulang-ulang dan dengan perleburan yang berkali-kali. Kerana itu peristiwa-peristiwa itu berlaku berturut-turut. Ia disusun dalam perencanaan Allah dan dijadikan pengajaran, peringatan dan bimbingan yang berulang-ulang sekali demi sekali.

Rasulullah s.a.w. dengan penuh kesedaran memetik dan memungut peristiwa-peristiwa dan kejadian itu pada setiap peluang yang diperolehinya dan menggunakannya dengan penuh bijaksana dalam usaha membina jiwa kaum Muslimin. Sementara wahyu dan ilham dari Allah membantu usaha-usaha beliau itu sehingga peristiwa-peristiwa itu benar-benar dapat membentuk kelompok Muslimin yang terpilih di bawah pandangan dan taufiq Allah dan dengan pimpinan Rasulullah s.a.w.

* * * * * *

Surah ini merupakan satu siri dari siri-siri persiapan yang panjang yang dituju bersama surah-surah yang lain seumpamanya untuk membangun alam Rabbani yang tulen dalam hati nurani manusia Muslim, iaitu sebuah alam yang paksinya ialah beriman kepada Allah Yang Tunggal. Dan seluruh orang Islam adalah diikat kepada paksi itu dengan tali hubungan yang amat kukuh yang tidak akan putus, iaitu tali hubungan yang memutuskan mereka dari segala perhubungan perkauman, pertalian kebangsaan, perhubungan dunia, perhubungan keluarga dan kaum kerabat dan digantikan dengan satu tali hubungan, iaitu tali hubungan iman kepada Allah dan berteduh di bawah panji-panji Allah dan berada dalam Hizbullah.

Alam yang hendak dibangunkan Islam itu ialah alam Rabbani, insani atau alam ketuhanan dan kemanusiaan. Ia disifatkan alam Rabbani kerana seluruh asas dan terasnya diambil dari bimbingan Allah dan hukum-Nya, dan kerana ia bertawajjuh kepada Allah dengan seluruh perasaan dan tindakan. Ia juga disifatkan alam insani kerana ia meliputi seluruh bangsa manusia dalam satu 'aqidah yang luas, di mana leburnya segala batas-batas bangsa, negara, bahasa, keturunan dan segala sesuatu yang membezakan di antara

satu manusia dengan manusia yang lain. Inilah sebuah alam yang luhur yang layak dihayati oleh makhluk manusia yang mulia di sisi Allah dan yang wujud di dalam dirinya hembusan roh dari ciptaan Allah.

Untuk membangunkan alam ini, di sana terdapat berbagai-bagai halangan di dalam masyarakat Arab di masa itu dan masih terus terdapat di seluruh dunia sehingga hari ini, iaitu halangan-halangan dalam bentuk fanatik keturunan, fanatik keluarga, fanatik kaum, fanatik bangsa dan fanatik negara, di samping halangan-halangan dalam bentuk keinginan, hawa nafsu, perasaan-perasaan hati, sifat tamak haloba, cintakan harta untuk kepentingan diri sendiri, perasaan angkuh, penyelewengan-penyelewengan dan sebagainya dari berbagai-bagai perasaan hasad dengki dan dendam kesumat yang bersarang di dalam dada.

Islam terpaksa mengubati penyakit-penyakit itu semua di dalam kalangan kelompok Islam yang disediakan untuk merealisasikan sistem hidup Ilahi di bumi ini dalam bentuk amali di alam kenyataan. Gambaran yang termuat dalam surah ini merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan dan rawatan yang amat panjang itu.

Setengah-setengah orang Muhajirin yang meninggalkan kampung halaman, harta benda dan sanak saudara kerana menyelamatkan 'aqidah mereka masih menaruh kasih sayang kepada anak-pinak, suami isteri dan sanak saudara yang ditinggalkan mereka di Makkah. Walaupun mereka mengalami berbagai-bagai penindasan dari kaum Quraysy, namun mereka masih bercita-cita semoga terjalin kembali hubungan mesra di antara mereka dengan penduduk Makkah dan semoga berakhirnya permusuhan yang sengit ini yang memaksa mereka bertindak membunuh keluarga dan kaum kerabat sendiri dan memutuskan segala hubungan di antara mereka.

Iradat Allah berkehendak supaya jiwa kelompok Muslimin ini bersih dan bebas dari semua hubungan-hubungan itu. Ia mahukan jiwa mereka bulat dan ikhlas semata-mata untuk agama-Nya, untuk 'aqidah-Nya dan untuk sistem hidup Ilahi yang diciptakan-Nya. Allah memang mengetahui betapa beratnya tekanan keinginan-keinginan semulajadi, keladak-keladak kepercayaan dan sikap-sikap jahiliyah itu menekan jiwa mereka, terutama bagi orang-orang Arab yang mempunyai tabiat yang begitu kuat berpegang kepada semangat fanatik suku, keluarga dan keturunan. Kerana itu al-Qur'an mengasuh mereka perlahan-lahan sehari demi sehari merawat penyakit-penyakit itu dengan ubat yang mujarrab melalui peristiwa-peristiwa dan ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, supaya pengubatan dan rawatan itu dilakukan di atas pentas peristiwa-peristiwa itu sendiri dan supaya ketukan-ketukan itu dapat dilakukan semasa besi masih panas.

Menurut riwayat-riwayat, di sana terdapat satu peristiwa khusus yang menyebabkan turunnya permulaan surah ini. Mungkin riwayat-riwayat ini benar, tetapi jangkauan nas-nas al-Qur'an selalunya lebih jauh dari peristiwa-peristiwa secara langsung yang menyebabkan turunnya nas-nas itu.

Peristiwa itu telah diceritakan begini: Ada seorang bernama Hatib ibn Abu Balta'ah. Dia seorang dari kaum Muhajirin, juga seorang ahli Peperangan Badar. Dia mempunyai anak-anak dan harta benda di Makkah. Dia bukannya dari kaum Quraysy itu sendiri, tetapi dia mempunyai hubungan perikatan setia dengan 'Uthman. Apabila Rasulullah s.a.w. berazam untuk mena'luk negeri Makkah kerana penduduknya telah melanggar syarat-syarat perjanjian Hudaybiyah, beliau memerintah kaum Muslimin supaya bersiap sedia untuk memerangi mereka dan berdo'a, "Ya Tuhanku lindungkan berita kami ini dari mereka." Kemudian Rasulullah s.a.w. telah memberitahu tujuannya itu kepada sekumpulan sahabat-sahabatnya termasuk Hatib. Tiba-tiba Hatib menulis sepucuk surat dan mengirimkannya melalui seorang perempuan dari kaum Musyrikin. Menurut satu cerita, perempuan itu adalah dari suku Muzaynah dan dia datang ke Madinah kerana meminta bantuan. Surat itu ditujukan kepada penduduk Makkah untuk memberitahu kepada mereka bahawa Rasulullah s.a.w. telah berazam untuk menyerang mereka. Hatib berbuat begitu dengan tujuan untuk berbudi dengan mereka. Lalu Allah dedahkan perbuatan itu kepada Rasulullah s.a.w. sebagai memperkenankan do'a beliau dan meneruskan perencanaannya untuk mena'luk negeri Makkah. Lalu beliau mengirim orang-orangnya mengejar perempuan itu dan merampas surat itu darinya.

Al-Bukhari telah mengisahkan cerita ini dalam kitab al-Maghazi, sedangkan Muslim menceritakannya dalam Sahihnya dari hadith Hasin ibn Abdul Rahman dari Sa'd ibn Ubaydah dari Abu Abdul Rahman as-Salami dari Ali r.a. katanya: Aku telah diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. bersama Abu Marthad dan az-Zubayr ibn al-'Awam. Kami semua dari pasukan berkuda. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Pergilah kamu hingga sampai ke Raudhah Khakh. Di sana kamu akan dapati seorang perempuan dari kaum Musyrikin dan ada bersamanya sepucuk surat dari Hatib ibn Abu Balta'ah yang dikirim kepada kaum Musyrikin." Kami dapat menangkap perempuan itu sedang mengenderai unta kepunyaannya di tempat yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. Lalu kami bertanya: " Di mana surat?" Lalu dia jawab: "Aku tidak bawa apa-apa surat." Kami pun menerungkan untanya dan memeriksa, tetapi kami tidak dapati sebarang surat. Lalu kami berkata: "Rasulullah s.a.w. tidak pernah berbohong, awak mesti keluarkan surat itu, jika tidak kami akan menanggalkan pakaian awak." Apabila dia melihat kesungguhan kami dia pun mendapatkan tali pinggang bajunya dan mengeluarkan surat itu. Kami pun berlepas membawa surat itu kepada Rasulullah s.a.w. Lalu 'Umar pun berkata, "Wahai Rasulullah! Dia (Hatib) telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan sekalian orang Mu'min. Serahkan sahaja kepada hamba memenggal lehernya." Rasulullah s.a.w. bertanya Hatib: "Apakah tujuan engkau berbuat begini?" Jawab Hatib: "Demi Allah, saya tidak mempunyai apa-apa tujuan melainkan untuk tetap beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Tujuan saya berbuat begitu supaya budi saya dikenang mereka dan saya harap dengan budi ini Allah melindungkan keluarga dan harta benda saya di sana, kerana tiada seorang pun dari sahabat-sahabat anda melainkan semuanya masing-masing ada anak buahnya, dan dengan perantaraan mereka Allah melindungkan keluarga dan harta benda mereka

di sana." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, "Cakapnya memang benar. Oleh itu, janganlah lagi kamu berkata apa-apa melainkan kata-kata yang baik sahaja." 'Umar menyampuk lagi, "Dia telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan sekalian orang Mu'min, serahkan sahaja kepada hamba memenggal lehernya." Jawab beliau, "Bukankah dia ahli Peperangan Badar?" Lalu 'Umar berkata, "Semoga Allah memberi kebaikan kepada ahli Peperangan Badar." Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Buatlah apa yang kamu suka, sesungguhnya Syurga telah ditetapkan untuk kamu atau (syak rawi) sesungguhnya dosa-dosa kamu telah diampunkan Allah." Lalu kedua mata 'Umar digenangi air mata dan berkata, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Al-Bukhari telah menambah dalam kitab al-Maghazi: Lalu Allah menurunkan surah.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ

1. **"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka."**

Berdiri sejenak di hadapan peristiwa ini dan apa yang berlaku di sekitarnya tidaklah mengeluarkan kita dari " ظلال القرأن " untuk mengambil contoh tarbiyah darinya dan peristiwa-peristiwa, bimbingan-bimbingan dan ulasan-ulasan Rasulullah selaku pemimpin dan pendidik agung.

Menurut riwayat yang lain orang-orang yang diutus untuk mendapatkan perempuan itu ialah Ali, az-Zubayr dan al-Miqdad.

Perkara yang mula-mula menarik perhatian kita dalam peristiwa ini ialah perbuatan Hatib seorang Muslim dari kaum Muhajirin. Dia adalah salah seorang dari sahabat-sahabat yang telah diberitahu oleh Rasulullah s.a.w. tentang rancangan beliau untuk mena'luk Makkah. Kisah ini menggambarkan liku-liku jiwa manusia yang aneh dan bagaimana dia dipengaruhi oleh kelemahan-kelemahan semulajadi walau bagaimana kuat dan sempurna keimanannya. Kerana tiada yang dapat melindungkan seseorang dari terjerumus di sa'at-sa'at kelemahan ini melainkan Allah jua. Dialah sahaja yang dapat menyelamatkannya di sa'at-sa'at itu.

Kemudian satu lagi perkara yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah keagungan peribadi Rasulullah s.a.w. yang tidak bertindak gopoh, malah dengan tenang bertanya Hatib: "Apakah tujuan engkau berbuat begitu?" Beliau bertanya dengan dada yang lapang dan dengan perasaan simpati terhadap detik-detik kelemahan yang tiba-tiba mempengaruhi jiwa seorang sahabatnya. Beliau faham bahawa apa yang dikatakan oleh Hatib itu adalah benar dan kerana itu beliau melarang sahabat-sahabat yang lain supaya jangan lagi mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap Hatib untuk menolong dia

membetulkan kesilapannya. Beliau tidak sekali-kali memburu Hatib dan tidak pula membenarkan sahabat-sahabat yang lain memburunya. Sementara itu kita melihat pula betapa tegasnya dan seriusnya keimanan 'Umar apabila dia berkata, "Dia telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, serahkan sahaja kepada saya memenggalkan lehernya." Sayyidina 'Umar r.a. hanya melihat kepada kesilapan itu sahaja, kerana itu dia marahkan Hatib. Tetapi Rasulullah s.a.w. melihat dari celah-celah kefahamannya yang luas yang meliputi segala liku-liku hakikat jiwa manusia. Beliau melihat dengan rasa simpati yang dicetuskan oleh kefahamannya yang meliputi keseluruhan hakikat jiwa itu. Beliau melihat dengan sikap seorang pendidik yang murah hati, pengasih, hati-hati dan menimbangkan segala suasana dan keadaan.

Kemudian satu lagi yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah kata-kata jawapan Hatib dalam detik-detik kelemahannya, tetapi kefahamannya terhadap takdir-takdir Allah dan sebab-sebab keduniaan adalah suatu kefahaman keimanan yang betul ketika ia berkata: "Tujuan saya berbuat begitu ialah supaya budi saya dikenang mereka. Dan saya harap dengan budi ini Allah melindungkan keluarga dan harta benda saya di sana." Di sini dia mengatakan Allah itulah yang memberi perlindungan-perlindungan sedangkan budi itu sendiri tidak berkuasa memberi perlindungan. Kemudian dia tekankan konsep ini di akhir kata-kata jawapannya, "Kerana tiada seorang pun dari sahabat-sahabat anda melainkan masing-masing ada anak buahnya, dan dengan perantaraan mereka Allah melindungkan keluarga dan harta benda mereka di sana." Allah itulah yang hadir dalam kefahamannya dan Allah itulah yang memberi perlindungan bukannya anak buah, sedangkan anak buah itu hanya alat yang digunakan Allah untuk memberi perlindungan kepada mereka sahaja.

Barangkali kerana kefahamannya yang benar dan tepat itulah menyebabkan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Cakapnya memang benar, oleh itu, janganlah kamu berkata apa-apa lagi melainkan kata-kata yang baik sahaja."

Akhir sekali yang menarik perhatian dalam kisah ini ialah kedudukan Hatib yang termasuk dalam golongan sahabat yang sedikit yang dimaklumkan Rasulullah s.a.w. tentang rancangan pena'lukan itu. Dia tiba-tiba telah dipengaruhi detik-detik kelemahan manusia walaupun dia termasuk dalam golongan sahabat pilihan. Kemudian mujurlah takdir Allah telah berlangsung menyelamatkan kaum Muslimin dari bahaya yang lahir dari detik-detik kelemahan Hatib itu. Seolah-olah tujuan peristiwa ini ialah untuk mendedahkannya sahaja dan untuk menunjuk cara menanganinya kemudian sahabat-sahabat yang lain yang tidak dipertaruhkan rahsia itu tidak dapat menyangkalkan apa yang telah berlaku dan tidak dapat mengeluarkan kata-kata kesat, "Nah lihatlah orang ini. Dia telah dipertaruhkan rahsia tetapi dia telah khianatkannya, dan andainya kita yang dipertaruhkan rahsia tentulah kita tidak akan membocorkannya." Perkara yang seperti ini tidak berlaku. Ini menunjukkan betapa tinggi budi bahasa kaum Muslimin dengan pemimpin-pemimpin mereka dan betapa tawadhu'nya mereka menilaikan diri mereka sendiri dan betapa ikhlasnya mereka mengambil pengajaran dari peristiwa yang berlaku kepada saudara-saudara mereka.

Peristiwa ini adalah satu riwayat yang mutawatir. Dan turunnya ayat-ayat itu kerana peristiwa ini merupakan salah satu dari riwayat-riwayat al-Bukhari dan kita tidak menafikan kesahihan riwayat ini, tetapi isi kandungan nas al-Qur'an sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini – adalah menjangkau lebih jauh dari peristiwa ini. Ia mengolahkan satu keadaan jiwa yang lebih luas dari peristiwa Hatib, menurut cara gaya al-Qur'an.

Al-Qur'an membicarakan masalah hubungan keluarga yang dekat dan hubungan-hubungan perkauman yang kecil, di samping membicarakan betapa kuatnya jiwa manusia berpegang dengan adat kebiasaannya yang turun-temurun itu, dengan tujuan untuk mengeluarkan mereka dari daerah yang sempit dan setempat kepada daerah sejagat yang meliputi seluruh umat manusia.

Al-Qur'an mewujudkan di dalam jiwa kaum Muslimin ini satu gambaran yang baru, nilai yang baru, neraca-neraca pertimbangan yang baru dan pandangan yang baru terhadap alam, terhadap hidup dan terhadap manusia, di samping mewujudkan fungsi para Mu'minin di bumi dan matlamat kewujudan insan di alam ini.

Al-Qur'an seolah-olah mengumpulkan tunas-tunas muda Muslimin di bawah naungan Allah untuk mengajar mereka, untuk menunjukkan kepada mereka hakikat dan matlamat kewujudan mereka, untuk membuka mata mereka terhadap perseteruan-perseteruan, dendam kesumat dan tipudaya jahat yang melingkungi hidup mereka. Seterusnya untuk menyedarkan mereka bahawa mereka adalah pahlawan-pahlawan Allah dan Hizbullah, dan menyedarkan mereka bahawa Allah mahu melakukan sesuatu dengan perantaraan mereka dan mahu merealisasikan sesuatu takdir melalui mereka, kerana itu mereka memakai dan membawa lencana-lencana Allah, dan mereka dikenal dengan lencana itu di kalangan antarabangsa seluruhnya di dunia dan di Akhirat. Kerana ini mereka harus bulat dan tulus ikhlas kepada Allah sahaja dan bergantung kepada naungan-Nya sahaja dengan membebaskan diri mereka dari segala hubungan yang lain sama ada di alam perasaan atau di alam tingkahlaku.

Keseluruhan surah ini menuju ke arah ini hingga ayat-ayat mengenai undang-undang dan peraturan yang disebut pada akhir surah tentang layanan terhadap wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah ke Madinah dan tentang mengadakan mubaya'ah dengan wanita-wanita yang telah memeluk agama Islam, juga undang-undang memisahkan wanita-wanita Mu'minat dari suami-suami mereka yang kafir, dan memisahkan orang-orang Mu'min dari isteri-isteri mereka yang kafir. Semua peraturan dan undang-undang itu adalah lahir dari arahan umum itu belaka.

Surah ini diakhiri sama seperti ia dimulai dengan larangan supaya kaum Muslimin jangan mengadakan mubaya'ah dengan musuh-musuh Allah yang telah dimurkainya sama ada mereka dari kaum Musyrikin atau kaum Yahudi supaya mereka benar-benar berbeza

dan unik, juga supaya mereka benar-benar terpisah dari segala hubungan dan pertalian yang lain dari hubungan 'aqidah dan bukan pertalian iman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟
بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ ۙ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا
فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن
يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

1. **"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku, (maka janganlah kamu berbuat demikian), iaitu kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu. Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar."**

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ
تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

2. **"Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata-kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."**

Kaum Mu'minin Dilarang Membocorkan Rahsia Kelompok Mereka Kepada Musuh-musuh Islam

Surah ini dimulai dengan seruan mesra, **"Wahai orang-orang yang beriman!"** Allah menyeru mereka dengan nama keimanan untuk menjelaskan hakikat-hakikat kedudukan mereka dan mengingatkan mereka terhadap tipudaya musuh mereka dan seterusnya untuk menyedarkan mereka terhadap tugas-tugas yang terpikul di bahu mereka.

Dengan ungkapan penuh mesra Allah sifatkan musuh mereka sebagai musuh-Nya dan musuh-Nya sebagai musuh mereka:

لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ

1. **"Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia, dan kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka."**

Allah menyedarkan kaum Mu'minin bahawa mereka dari Allah dan dikembalikan kepada Allah dan Allah memusuhi sesiapa sahaja yang memusuhi mereka. Merekalah pahlawan-pahlawan-Nya yang membawa lencana-Nya di bumi ini. Merekalah kesayangan-Nya dan kerana itu mereka tidak seharusnya memberi kasih mesra kepada musuh-musuh mereka dan musuh-musuh Allah.

Kemudian al-Qur'an mengingatkan kaum Muslimin terhadap perbuatan-perbuatan jenayah yang telah dilakukan musuh mereka terhadap diri mereka, agama mereka dan Rasul mereka dengan penuh kezaliman:

وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُم مِّنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ

1. **"Sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu."**

Apa lagi yang ada pada mereka untuk kamu mendapatkan kasih mesra mereka setelah mereka melakukan jenayah-jenayah yang zalim itu? Mereka ingkarkan agama yang benar. Mereka menghalau Rasul dan orang-orang Mu'min bukan kerana sesuatu kesalahan melainkan kerana mereka beriman kepada Allah Tuhan mereka. Al-Qur'an menggerakkan di dalam hati orang-orang Mu'min kenangan-kenangan yang berkaitan dengan 'aqidah mereka, sebab kerana 'aqidah mereka diperangi kaum Musyrikin bukannya kerana sesuatu sebab yang lain. Al-Qur'an menimbulkan pokok masalah yang melahirkan persengketaan, perseteruan dan peperangan di antara mereka dengan kaum Musyrikin, iaitu masalah 'aqidah dan agama yang benar yang diingkarkan mereka, dan kerana masalah 'aqidah dan keimanan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin diusir keluar dari Makkah.

Apabila pokok masalah ini jelas dan ketara, maka al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa di sana tiada lagi tempat untuk mengadakan hubungan-hubungan mesra di antara mereka dengan kaum Musyrikin jika mereka benar-benar keluar dari kampung halaman mereka dengan maksud mencari keredhaan Allah dan berjihad kerana Sabilullah.

إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِي سَبِيلِي وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِي

1. **"Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku."**

Tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati keinginan berhijrah untuk berjihad fi Sabilillah dan keinginan mengadakan hubungan mesra dengan kaum Musyrikin yang telah mengusirnya kerana ia beriman kepada Allah. Mereka tetap musuh Allah dan musuh Rasulullah s.a.w.

Kemudian al-Qur'an secara halus mengingatkan mereka terhadap perasaan yang terpendam di hati mereka dan terhadap perbuatan mereka menunjukkan kasih mesra secara rahsia kepada musuh-musuh mereka dan musuh-musuh Allah, kerana Allah mengetahui segala rahsia hati sama ada yang terpendam atau yang ternyata:

تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ

1. **"Kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."**

Kemudian al-Qur'an memberi amaran yang menimbulkan ketakutan di dalam hati orang-orang Mu'min:

وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

1. **"Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar."**

Tiada suatu yang ditakuti seseorang Mu'min seperti ketakutannya kepada kesesatan dari jalan yang benar setelah dia mendapat hidayat dan sampai kepada matlamat keimanan.

Al-Qur'an memberi amaran dan peringatan ini kepada kaum Muslimin sebelum ia mendedahkan kepada mereka hakikat musuh mereka yang sentiasa menyimpan niat yang jahat terhadap mereka seperti yang terkandung dalam ayat lanjutan yang berikut:

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

2. **"Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka (memukul dan membunuh kamu) dan menghulurkan lidah mereka (dengan kata-kata nista yang jahat), dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."**

Sebaik-baik sahaja mereka mendapat peluang mengalahkan kaum Muslimin mereka akan bertindak sebagai musuh ketat terhadap mereka. Mereka akan melakukan segala macam penyeksaan terhadap mereka dengan menggunakan tangan, lidah dan segala sarana yang lain.

Dan yang lebih dari itu semuanya ialah:

وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

2. **"Dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."**

Kepada orang Mu'min cita-cita mereka ini adalah lebih dahsyat dari segala penindasan dan penyeksaan dengan tangan atau lidah. Orang yang bercita-cita supaya dia kehilangan perbendaharaan iman yang amat mahal dan kembali menjadi kafir adalah seorang musuhnya yang paling besar dari segala musuh yang menyeksakannya dengan tangan dan lidah.

Orang yang telah merasa kemanisan iman setelah bergelimang di dalam kekufuran, dan orang yang telah bersuluh dengan cahaya iman setelah meraba-raba di dalam kesesatan dan orang yang hidup dengan kehidupan seorang Mu'min, iaitu hidup dengan konsep hidup seorang Mu'min, dengan kefahaman seorang Mu'min, dengan pemikiran seorang Mu'min, dengan perasaan-perasaan seorang Mu'min, dengan kelurusan seorang Mu'min dan dengan ketenangan hati seorang Mu'min, akan merasa begitu benci dan jijik untuk kembali kepada kekufuran, sama dengan bencinya atau lebih lagi jika dia hendak dilontarkan ke dalam api. Hanya musuh Allah sahaja yang berangan-angan supaya orang yang Mu'min itu kembali ke dalam neraka kekufuran setelah dia berada di dalam syurga keimanan, dan supaya dia kembali ke alam kekufuran yang tandus dan kosong setelah dia berada di dalam alam keimanan yang mewah ma'mur.

Justeru itu al-Qur'an secara beransur-ansur memberangsangkan hati para Mu'minin menentang musuh-musuhnya dan musuh mereka hingga sampai kemuncaknya dengan menjelaskan kepada para Mu'minin mengenai cita-cita mereka: **"Mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."**

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Itulah pusingan pertama yang mengemukakan berbagai-bagai sentuhan, kemudian diikuti pula dengan pusingan yang kedua mengemukakan satu sentuhan yang memperkatakan perasaan-perasaan dalam hubungan kekerabatan yang amat mendalam di dalam hati manusia, iaitu perasaan yang sentiasa membara di dalam hati dan mendorong mereka ke arah kasih mesra terhadap kaum kerabat mereka hingga melupakan kewajipan mempertahankan perbezaan 'aqidah:

لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ ۚ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

Hubungan Keluarga Tidak Berguna Pada Hari Qiamat

3. **"Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat, Allah akan memisahkan di antara kamu (pada hari itu) dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."**

Seorang Mu'min itu beramal dan mengharapkan balasan di Akhirat. Ia menanam di dunia dan mengharapkan tuaiannya di Akhirat. Dengan menyedarkan hati mereka bahawa hubungan kekeluargaan mereka akan putus di Akhirat, setelah putusnya hubungan 'aqidah di antara mereka, boleh mengurangkan kepentingan hubungan kekeluargaan itu di sisi mereka dalam masa hidup di dunia yang pendek ini, dan mendorong mereka kepada mencari satu hubungan yang kekal yang tidak akan terputus di dunia dan tidak pula di Akhirat. Kerana itu Allah berfirman kepada mereka, **"Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu"** yang kamu rindui dan cintai sehingga kamu terpaksa membuat hubungan mesra secara sulit dengan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu untuk memelihara keselamatan mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada Hatib yang sangat sayangkan anak-anak dan harta bendanya, dan sebagaimana pernah difikirkan oleh orang-orang yang lain darinya terhadap nasib kaum kerabat dan anak-anak mereka yang ditinggalkan di Makkah, sedangkan mereka berada di Madinah Darul-hijrah. Kaum kerabat dan anak-anak kamu itu tidak akan berguna kepada kamu, kerana pada hari Qiamat kelak Allah akan memisahkan di antara kamu dengan mereka, kerana tali hubungan yang mengikat kamu dengan mereka telah terputus. Hanya tali 'aqidah sahaja dan bukannya tali yang lain yang boleh mengikatkan kamu dengan mereka di sisi Allah.

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu" yakni mengetahui segala tindakan yang lahir dan segala niat yang tersembunyi di dalam hati.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Angkatan Musl min Merupaka Angkatan Yan Bersinambunga Sejak Nabi Ibrahin a.s. Hingga Ke Nab Muhammad s.a.w

Kemudian tiba pula pusingan yang ketiga yang menghubungkan kaum Muslimin dengan umat yang pertama iaitu umat tauhid dan dengan satu angkatan yang sama iaitu angkatan keimanan. Ini bererti bahawa umat dan angkatan ini adalah keimanan. Ini bermakna bahawa umat dan angkatan ini telah wujud sejak zaman berzaman lagi dan mendukung keimanan yang berbeza dan bebas dari segala hubungan yang bertentangan dengan hubungan 'aqidah. Mereka adalah satu umat yang sambung-menyambung sejak Nabi Ibrahim a.s. lagi iaitu moyang mereka yang ulung dan pejuang agama tauhid yang ulung. Beliau merupakan contoh ikutan bukan sahaja di dalam 'aqidah malah di dalam seluruh pembawaan hidupnya, juga dalam pengalaman-pengalamannya dalam bidang hubungan dengan kaum kerabat. Beliau dan pengikut-pengikutnya yang beriman telah berjaya membulatkan hati mereka berpegang teguh kepada hubungan 'aqidah sahaja:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِيٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ إِذْ قَالُوا۟ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُا۟ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

4. **"Sesungguhnya terdapat contoh teladan yang baik untuk kamu pada Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujud permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal, kecuali pada perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda, kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali."**

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَٱغْفِرْ لَنَا رَبَّنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٥﴾

5. **"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ ۚ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِىُّ

6. "Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."

Apabila seorang Muslim merenungkan ayat-ayat ini, dia akan sedar bahawa salasilah keturunannya begitu tua, zaman silamnya begitu lama dan contoh ikutannya bersambung jauh ke zaman purba. Ia berhubung dengan Nabi Ibrahim a.s. bukan sahaja dalam bidang 'aqidah malah dalam semua pengalaman-pengalaman yang telah dialami beliau. Ketika itu dia akan merasa mempunyai stok simpanan pengalaman yang lebih banyak dari stok simpanan peribadinya, malah lebih banyak dari stok simpanan generasinya, di mana dia hidup. Angkatan kaum yang beriman dengan agama Allah yang sambung-menyambung dari zaman purbakala dan bernaung di bawah panji-panji Allah itu telah mengalami pengalaman-pengalaman yang sama seperti yang dialaminya, dan mereka telah pun mengambil keputusan dari pengalaman itu. Jadi, apa yang dialaminya bukanlah sesuatu yang baru dan bukanlah sesuatu taklif yang menyusahkan kaum Mu'minin. Ia mempunyai hubungan dengan satu umat yang amat tua yang mempunyai titik hubungan dengannya dalam bidang 'aqidah dan ia telah memutuskan hubungannya dengan musuh-musuh 'aqidahnya. Ia adalah satu cabang dari satu pokok yang besar yang begitu dalam tunjangan akar umbinya dan begitu banyak dahan-dahannya dengan daun-daun yang begitu lebat dan rimbun. Itulah pokok agung yang ditanam oleh Muslim pertama Nabi Allah Ibrahim a.s.

Nabi Allah Ibrahim a.s. dan pengikut-pengikutnya telah pun melalui pengalaman-pengalaman yang ditempuh oleh kaum Muslimin yang berhijrah ke Madinah, kerana itu pengalaman mereka merupakan contoh teladan yang amat baik:

إِنَّا بُرَءَٰٓؤُاْ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ
أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُواْ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ

4. "Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Dan kini jelaslah wujudnya permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Tunggal."

Itulah keputusan yang memutuskan hubungan dengan kaum mereka, dengan tuhan-tuhan sembahan dan cara ibadat mereka. Itulah keputusan menolak agama mereka dan

beriman kepada Allah. Itulah permusuhan dan kebencian yang tidak akan putus sehingga kaum mereka beriman kepada Allah Yang Tunggal. Itulah pemisahan yang tegas yang tidak ada lagi sebarang perhubungan dan pertalian selepas terputusnya hubungan 'aqidah dan keimanan. Itulah keputusan mu'tamad dalam menghadapi pengalaman yang dilalui oleh setiap Mu'min di dalam mana-mana generasi. Dan keputusan yang telah diambil oleh Nabi Ibrahim a.s. dan pengikut-pengikutnya adalah menjadi contoh teladan yang baik kepada angkatan Muslimin yang datang selepas mereka hingga kepada hari Qiamat.

Setengah-setengah orang Islam dapati perbuatan Nabi Ibrahim a.s. yang telah memohon keampunan kepada ayahandanya itu sebagai satu lubang untuk mereka mencurahkan kasih mesra mereka terhadap anggota-anggota keluarga mereka dari kaum Musyrikin, kerana itu al-Qur'an datang menjelaskan hakikat pendirian Ibrahim terhadap perkataannya yang mahu memohon keampunan kepada ayahandanya itu. Beliau telah berkata begitu sebelum beliau yakin ayahandanya berdegil untuk berpegang terus dengan agama syiriknya. Kerana itulah beliau berkata begitu dengan harapan ayahandanya beriman, tetapi setelah beliau yakin ayahandanya terus berpegang dengan agama syiriknya beliau pun terus berlepas diri darinya seperti diterangkan ayat:

فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ

114. "Apabila jelaslah kepada Ibrahim bahawa ayahandanya musuh Allah, maka dia pun berlepas diri darinya."

(Surah at-Taubat)

Di sini nyatalah bahawa Ibrahim telah menyerahkan segala urusannya kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan tawakkal, taubat dan kembali kepada-Nya dalam segala keadaan:

وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

4. "Anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu azab dari Allah. Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali."

Penyerahan diri kepada Allah secara mutlaq itu merupakan petanda iman yang jelas pada Nabi Ibrahim a.s. Ia menonjolkan petanda ini untuk menarik hati anak cucunya kaum Muslimin supaya berpegang dengannya, ini ialah salah satu siri dari siri-siri pendidikan dan bimbingan menerusi kisah dan ulasannya mengikut cara gaya al-Qur'an.

Kemudian al-Qur'an selangi dengan menyebut sambungan do'a Nabi Ibrahim a.s. yang bermunajat kepada Tuhannya:

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا وَاغْفِرْ لَنَا رَبَّنَا ۖ إِنَّكَ أَنتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٥﴾

5. "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan bagi orang-orang kafir. Ampunkan kami, wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

Janganlah Engkau jadikan mereka dapat menguasai dan bertindak ganas terhadap kami, kerana ini boleh menjadikan kami sasaran fitnah mereka, kerana mereka boleh berkata: "Jika keimanan itu boleh melindungi orang-orang yang beriman tentulah kita tidak dapat bertindak mengalahkan mereka." Inilah kekeliruan yang banyak menimbulkan keraguan di hati setengah-setengah orang apabila kebatilan dapat menguasai kebenaran dan apabila manusia-manusia yang zalim dapat mengalahkan orang-orang yang beriman dalam mana-mana zaman kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah. Seorang Mu'min sentiasa bersikap sabar dalam menghadapi ujian, tetapi ini tidaklah menghalanginya untuk berdo'a kepada Allah supaya dihindari dari bala yang boleh menjadikannya sasaran penindasan dan kekeliruan yang menimbulkan keraguan di dalam hati.

Do'a Nabi Ibrahim a.s. selanjutnya ialah:

5. "Ampunkan kami."

Istighfar ini diucapkan oleh Ibrahim Khalilur-Rahman kerana beliau sedar tahap ibadatnya kepada Allah yang berhak ke atas dirinya, di samping menyedari kelemahannya sebagai manusia untuk sampai ke tahap ibadat yang seimbang dengan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepadanya. Beliau mengagung-agungkan kebesaran dan kemuliaan Allah dan memohon keampunan dari-Nya supaya menjadi contoh teladan kepada pengikut-pengikutnya yang ada bersamanya dan kepada kaum Muslimin yang datang selepasnya.

Kemudian beliau akhiri do'anya, taubatnya dan istighfarnya dengan menyebut sifat-sifat Allah sesuai dengan do'anya itu:

5. "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

Allah berkuasa melakukan segala-galanya dan Dia Maha Bijaksana dalam segala pentadbiran yang dilaksanakan-Nya.

Kemudian al-Qur'an mengulangi lagi contoh teladan Nabi Allah Ibrahim serta memberi satu sentuhan baru kepada hati orang-orang Mu'min:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ ۚ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٦﴾

6. **"Sesungguhnya untuk kamu pada mereka terdapat contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Contoh teladan yang baik pada Nabi Allah Ibrahim dan pengikut-pengikutnya itu memang wujud bagi orang-orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat. Merekalah sahaja yang dapat memahami nilai pengalaman yang dialami oleh angkatan Nabi Allah Ibrahim yang mulia itu dan dapat mengambil contoh teladan dari mereka untuk ikutan dan panduan. Oleh itu, barang siapa yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia mengambil contoh teladan dari mereka. Barang siapa yang ingin menolak agama ini, ingin menyimpang dari jalan angkatan Mu'minin dan ingin keluar dari salasilah keturunan Mu'min yang amat tua dan mulia ini, maka Allah tidak perlu apa-apa darinya kerana:

فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٦﴾

6. **"Sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Dengan berakhirnya pusingan ini kaum Mu'minin dapat kembali kepada permulaan sejarah mereka yang amat tua, dapat mengenangkan kembali asal-usul mereka di muka bumi ini, dapat mengetahui pengalaman-pengalaman mereka yang tersimpan berabad-abad yang silam, dapat melihat keputusan yang telah diambil mereka yang telah menjalani pengalaman-pengalaman itu dan dapat menemui jalan yang telah siap diratakan sejak dahulu lagi, kerana mereka bukanlah merupakan orang-orang yang pertama melalui jalan itu.

Al-Qur'an berulang-ulang kali menyebut kefahaman ini supaya angkatan kaum Mu'minin tidak putus dan tiada seorang pun dari mereka merasa dagang dan kesepian walaupun dia seorang diri di dalam generasi itu, di samping itu dia tidak merasa apa-apa kesukaran menjunjung taklif yang dijunjung oleh orang-orang yang berjalan bersamanya di jalan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 11)

Kaum Muslimin Digalakkan Menunjuk Sikap Yang Mesra Dan Adil Kepada Orang-orang Bukan Islam Yang Tidak Menindas Mereka

Setelah itu al-Qur'an kembali melapangkan hati orang-orang Islam. Allah tahu hati mereka penuh dengan keinginan dan cita-cita agar keadaan permusuhan dan persengketaan yang menyusahkan mereka itu hilang, agar musuh-musuh mereka bercantum dengan mereka di bawah panji-panji Islam dan memasuki ke dalam barisan kaum Muslimin. Inilah satu-satunya jalan untuk menghapuskan persengketaan itu dan membangunkan hubungan mesra di atas asas yang kukuh. Kemudian al-Qur'an sekali lagi meringankan kesulitan mereka dengan menggariskan satu dasar agung Islam dalam mengaturkan hubungan antarabangsa di antara umat Muslimin dengan umat yang bukan Muslimin. Menurut dasar ini, pemulauan dan perseteruan hanya dilakukan apabila tercetus keadaan permusuhan dan pencerobohan. Andainya keadaan permusuhan dan pencerobohan itu tidak wujud, maka dasar membuat baik dan berlaku adil hendaklah menjadi amalan:

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً ۚ وَٱللَّهُ قَدِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

7. **"Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka. Dan Allah Maha Kuasa dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟
إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

8. **"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berlaku adil."**

إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ
أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩﴾

9. **"Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu bersahabat setia dengan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusirkan kamu keluar dari kampung halaman kamu dan turut membantu untuk mengusir kamu. Dan barang siapa yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."**

Islam adalah agama damai dan 'aqidah kasih sayang. Islam adalah satu sistem yang bertujuan untuk menaungi seluruh alam di bawah naungannya, dan untuk menegakkan cara hidupnya. Islam bertujuan mengumpulkan manusia di bawah panji-panji Allah selaku

saudara-saudara yang saling mengenali dan menyintai satu sama lain. Tiada suatu yang menghalangi tujuan ini melainkan tindakan pencerobohan yang dilakukan oleh musuh-musuhnya yang mahu menindas perkembangannya dan penduduk-penduduknya. Andainya mereka memperlihatkan sikap yang damai terhadap Islam, maka Islam sama sekali tidak berminat untuk bermusuh dengan mereka. Hatta dalam keadaan permusuhan sekalipun Islam tetap memelihara punca-punca kasih mesra di dalam hati, iaitu memelihara perilaku yang bersih dan layanan yang adil dengan harapan satu hari nanti mereka akan sedar bahawa mereka lebih baik berteduh di bawah panji-panji Islam yang luhur. Islam tidak pernah berputus asa menunggu hari itu di mana jiwa manusia akan berubah menjadi lurus dan menuju ke jalan yang lurus.

Di dalam ayat pertama di bahagian ini terdapat isyarat kepada harapan yang tidak mengenal putus asa itu untuk meringan perasaan setengah golongan Muhajirin dan menyenangkan hati mereka yang sedang menderita kepenatan kerana pemulauan dan peperangan dengan kaum kerabat dan keluarga:

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ عَادَيْتُم مِّنْهُم مَّوَدَّةً ۚ وَٱللَّهُ قَدِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

7. **"Semoga Allah jalinkan hubungan kasih sayang di antara kamu dan orang-orang yang kamu musuhi dari golongan mereka."**

Harapan ini adalah dari Allah yang bererti harapan ini akan tetap menjadi kenyataan, dan orang-orang Islam yang mendengar harapan ini merasa begitu yakin kepadanya, dan tidak lama selepas turunnya ayat ini negeri Makkah telah dita'lukkan oleh kaum Muslimin, dan orang-orang Quraysy memeluk Islam dan seluruh mereka berdiri di bawah satu panji-panji. Segala lembaran persengketaan dan dendam kesumat telah tertutup dan seluruh mereka menjadi saudara yang saling mesra.

وَٱللَّهُ قَدِيرٌ ۚ

7. **"Allah Maha Kuasa."**

Dia melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

7. **"Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."**

Dia mengampunkan dosa-dosa syirik dan kesalahan-kesalahan yang telah lalu.

Sehingga janji Allah yang terkandung dalam kata-kata harapan itu terlaksana, Allah telah membenarkan orang-orang Islam mengadakan hubungan yang baik dengan orang-

orang kafir yang tidak memerangi mereka kerana agama dan tidak mengusir mereka dari kampung halaman mereka. Allah tidak menghalangi orang-orang Islam dari berbuat baik kepada mereka dan berlaku adil dalam hubungan-hubungan dengan mereka dan bersikap tidak mengurangkan hak-hak mereka barang sedikit pun, tetapi Allah melarang keras mereka bermubaya'ah dengan orang-orang kafir yang memerangi mereka kerana agama dan mengusir mereka dari kampung halaman mereka atau turut membantu mengusir mereka. Allah menghukumkan orang-orang Islam yang bermubaya'ah dengan mereka sebagai orang-orang yang zalim. Dan di antara pengertian kezaliman ialah syirik berdasarkan firman Allah S.W.T:

13. **"Sesungguhnya perbuatan syirik itu suatu kezaliman yang amat besar."** (Surah Luqman)

Ini adalah satu amaran yang menakutkan orang yang beriman yang bimbang termasuk dalam pengertian syirik yang amat digeruni itu.

Dasar melayani orang-orang yang bukan Islam itu merupakan satu dasar yang paling adil yang sesuai dengan tabiat agama Islam, sesuai dengan pandangannya terhadap hayat insaniyah, malah sesuai dengan pandangan umumnya terhadap alam buana yang lahir dari ciptaan Tuhan Yang Maha Esa dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Tunggal, iaitu alam buana yang selaras dengan reka bentuk laduni dan perencanaan azali-Nya di sebalik segala kelainan dan keragaman. (1)

Dasar perhubungan itu merupakan asas undang-undang Islam antarabangsa yang meletakkan hubungan damai di antara orang-orang Islam dengan orang-orang yang bukan Islam sebagai satu keadaan yang tetap, dan keadaan itu tidak boleh diubah melainkan apabila berlaku pencabulan perang yang perlu ditentang atau timbul kebimbangan berlakunya tindakan khianat setelah dimeteraikan perjanjian iaitu dalam bentuk ancaman menyerang atau tindakan menghalangkan kebebasan da'wah dan kebebasan 'aqidah dengan menggunakan kekerasan, kerana tindakan ini juga merupakan suatu pencerobohan. Selain dari perlakuan-perlakuan ini, maka dasar hubungan ialah perdamaian, perhubungan yang baik dan layanan yang adil terhadap semua orang. (2)

Dasar perhubungan ini juga merupakan dasar yang sesuai dengan kefahaman Islam yang menjadikan pokok persoalan di antara orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam ialah persoalan 'aqidah Islam itu sahaja, bukannya persoalan-persoalan yang lain. Ia menjadikan nilai yang harus dipertahankan oleh orang-orang Islam ialah persoalan

(1) *Lihat buku:* " السلام العالمى والاسلام. باب طبيعة السلام فى الاسلام "
(2) *Sumber yang sama.*

'aqidah Islam itu sahaja. Tiada persoalan lain yang harus menimbulkan pertikaian dan peperangan di antara orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam melainkan persoalan kebebasan da'wah, kebebasan 'aqidah, persoalan pelaksanaan agama Allah di bumi dan persoalan meninggikan kalimat Allah.

Arahan ini sesuai dengan aliran keseluruhan surah ini yang bertujuan menonjolkan nilai 'aqidah dan menjadikannya satu-satunya panji-panji yang berdiri di bawahnya seluruh umat Muslimin. Siapa sahaja yang berdiri bersama mereka di bawah panji-panji itu, maka dia termasuk dalam golongan mereka dan siapa sahaja yang memerangi mereka kerana berdiri di bawah panji-panji itu, maka dia musuh mereka. Siapa sahaja yang bersikap damai dengan mereka, iaitu tidak mengganggu 'aqidah dan da'wah mereka, dan tidak menghalangi orang lain mendengar da'wah mereka, juga tidak menindas orang-orang yang beriman kepada da'wah mereka, maka dia dianggap seorang yang damai yang tidak dilarangkan Islam berbuat baik dan berlaku adil kepadanya.

Seorang Muslim yang hidup di bumi ini adalah untuk 'aqidahnya. 'Aqidah inilah yang menjadi satu-satu persoalan dengan dirinya dan dengan orang lain di sekelilingnya. Dia tidak bermusuh kerana sesuatu kepentingan, dia tidak berperang kerana persoalan perkauman, kebangsaan, kenegerian, kekeluargaan atau keturunan. Kerana satu-satunya jihad ialah jihad untuk meninggikan kalimat Allah dan jihad untuk menjadikan 'aqidah Allah satu sistem hidup yang dipraktikkan di dalam kehidupan.

Selepas itu turun pula Surah at-Taubat yang menyebut:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

1. **"Inilah perisytiharan pemutusan hubungan dari Allah dan Rasul-Nya yang dituju kepada orang-orang Musyrikin yang telah kamu meteraikan perjanjian dengan mereka...."**

(Surah Bara'ah)

Dengan perisytiharan ini tamatlah keadaan hubungan perjanjian dan hubungan perdamaian di antara orang-orang Islam dengan kaum Musyrikin seluruhnya setelah diberi tempoh selama empat bulan kepada pihak-pihak yang mengadakan perjanjian dengan orang-orang Islam tanpa menentukan had masanya dan diberi tempoh sehingga tamat had masa perjanjian kepada pihak yang mengadakan perjanjian yang ditentukan had masanya. Perisytiharan ini dibuat setelah menempuh pengalaman-pengalaman yang membuktikan bahawa kaum Musyrikin tidak mematuhi perjanjian-perjanjian mereka dengan orang-orang Islam. Mereka hanya menunggu-nunggu peluang untuk mengoyakkannya apabila mereka mendapat keuntungan. Tindakan ini sesuai dengan satu dasar yang lain:

58. "Dan jika kamu bimbang sesuatu pengkhianatan dari satu kaum yang kafir, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan saksama. Sesungguhnya Allah tidak sukakan pengkhianat-pengkhianat."

(Surah al-Anfal)

Peraturan ini merupakan satu keperluan untuk mengamankan tapak pertumbuhan Islam – yang pada masa itu ialah seluruh wilayah Semenanjung Tanah Arab – dari segala musuh yang menunggu peluang untuk menyerang kaum Muslimin. Mereka terdiri dari kaum Musyrikin dan kaum Ahli-Kitab yang hidup bersama kaum Muslimin. Mereka telah berulang-ulang kali mengkhianati perjanjian-perjanjian mereka. Perbuatan itu merupakan suatu pencabulan yang tepat dengan peruntukan undang-undang "keadaan pencabulan", lebih-lebih lagi pada masa itu dua empayar Parsi dan Rom yang melingkungi negara Islam mulai mengemblengkan kekuatan mereka untuk menghadapi Islam dan mulai merasa bahayanya. Kedua-dua empayar ini telah menghasut negeri-negeri Arab yang bersempadan dengan dua empayar itu dan tunduk kepada penjajahan mereka supaya menentang Islam. Oleh itu, satu tindakan tegas adalah perlu untuk membersihkan khemah Islam dari saki-baki musuhnya sebelum terlibat dalam pertempuran-pertempuran luar yang diduga akan berlaku pada masa itu.

Cukuplah sekadar ini, dan marilah kita kembali kepada nas-nas surah mengenai hukum wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّ فَإِنْ
عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَٰتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاتُوهُم مَّآ أَنفَقُوا۟
وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَن تَنكِحُوهُنَّ إِذَآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا۟ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ وَسْـَٔلُوا۟
مَآ أَنفَقْتُمْ وَلْيَسْـَٔلُوا۟ مَآ أَنفَقُوا۟ ذَٰلِكُمْ حُكْمُ ٱللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

10. "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang kepada kamu wanita-wanita Mu'minat yang berhijrah (dari Makkah), maka ujilah mereka. Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka. Dan jika kamu mengetahui mereka beriman, maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka dan suami mereka tidak halal kepada mereka. Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu membayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya itu dan biarlah mereka tuntut maskahwin

yang mereka telah belanjakannya, itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."

وَإِن فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَاقَبْتُمْ فَآتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَاجُهُم مِّثْلَ مَا أَنفَقُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

11. "Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."

Prosedur Ujian Terhadap Wanita-wanita Yang Berhijrah

Menurut riwayat, sebab turunnya hukum-hukum ini ialah selepas dimeteraikan Perjanjian Hudaybiyah yang berbunyi, "Dengan syarat tiada seorang pun dari orang kami yang datang kepada engkau walaupun ia memeluk agama engkau melainkan hendaklah engkau pulangkannya kepada kami." Ketika Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam yang ada bersamanya berada di hilir Hudaybiyah, tiba-tiba sekumpulan wanita Mu'minat datang menemuinya. Mereka memohon untuk berhijrah ke negeri Islam di Madinah, tetapi orang-orang Quraysy datang meminta supaya wanita-wanita itu dipulangkan ke pihak mereka berdasarkan kehendak perjanjian. Nampaknya peruntukan mengenai kaum wanita dalam perjanjian itu tidak begitu jelas, kerana itu diturunkan dua ayat ini melarang wanita-wanita yang berhijrah itu dipulangkan ke pihak orang-orang kafir memandang mereka golongan yang lemah supaya keimanan mereka tidak digugatkan.

Turunnya hukum-hukum untuk menangani hubungan antarabangsa adalah ditegakkan di atas prinsip yang paling adil untuk memelihara keadilan itu sendiri tanpa terpengaruh kepada tindak-tanduk pihak yang satu lagi, yang tidak adil dan zalim. Ini berdasarkan cara Islam dalam segala hubungannya baik hubungan dalam negeri mahupun hubungan antarabangsa.

Prosedur pertama yang diambil ialah menguji wanita-wanita yang berhijrah untuk mempastikan sebab hijrah mereka yang sebenar. Motif hijrah itu hendaklah bukan kerana melarikan diri dari perkahwinan yang tidak disukainya, bukan kerana mencari sesuatu faedah dan bukan kerana mengejar cinta kepada seorang lelaki yang berada di negara Islam (Madinah).

Ujar Ibn 'Abbas: Beliau menguji wanita-wanita itu: "Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana bencikan suami. Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana tidak suka tinggal di kampungnya dan ingin mencari tempat yang lain. Demi Allah saya tidak keluar berhijrah kerana mencari kepentingan dunia dan demi Allah saya tidak keluar berhijrah melainkan kerana cintakan Allah dan Rasul-Nya."

Ujar 'Ikrimah pula wanita-wanita itu dikatakan kepadanya: "Anda tidak datang berhijrah melainkan kerana kasih kepada Allah dan Rasul-Nya. Anda tidak datang berhijrah kerana cintakan seorang lelaki dari kami dan bukan pula kerana lari dari suami anda."

Inilah ujian yang dilakukan terhadap mereka. Beliau berpegang kepada keadaan mereka yang lahir dan kepada ikrar mereka yang bersumpah dengan nama Allah sahaja, sedangkan rahsia-rahsia mereka yang sebenar yang terpendam di dalam hati mereka adalah dipulangkan kepada Allah. Manusia tidak mungkin menembusi ke dalam dada mereka:

ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّ

10. **"Allah lebih mengetahui kebenaran keimanan mereka."**

Andainya mereka telah membuat ikrar yang seperti itu,

فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ

10. **"Maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada suami-suami mereka yang kafir, kerana mereka tidak halal kepada suami mereka, dan suami mereka tidak halal kepada mereka."**

Hubungan utama iaitu hubungan 'aqidah telah terputus di antara mereka, kerana itu tiada lagi satu hubungan yang lain yang dapat menyambungkan hubungan yang terputus itu. Kehidupan suami isteri merupakan suatu kehidupan sebati, padu dan mantap, dan ia tidak mungkin berdiri tegak apabila putusnya hubungan asasi itu, sedangkan keimanan pula merupakan tiang seri kehidupan hati dan tiada satu sentimen yang lain yang dapat menggantikan tiang seri itu. Apabila sebuah hati itu kosong dari iman, maka tiada hati Mu'min yang dapat berhubung mesra dengannya dan dapat mencari ketenangan di sampingnya. Perkahwinan itu adalah dijalinkan dengan kasih sayang, kemesraan dan ketenangan.

Di permulaan Hijrah keadaan ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa ditentukan oleh sesuatu nas. Di waktu itu isteri yang Mu'min tidak dipisahkan dari suami yang kafir dan suami yang Mu'min tidak dipisahkan dari isteri yang kafir, kerana masyarakat Islam ketika itu belum lagi berdiri di atas tapak-tapaknya yang teguh, tetapi setelah dimeteraikan Perjanjian Hudaybiyah atau selepas pena'lukan Makkah, mengikut anggapan kebanyakan rawi, maka tibalah masanya untuk dilaksanakan pengasingan yang sempurna (di antara suami dan isteri Mu'minin dengan suami isteri Musyrikin) supaya jelaslah di dalam hati orang-orang Mu'min, sama ada lelaki atau perempuan, sebagaimana jelasnya di dalam kehidupan mereka di alam kenyataan bahawa tiada hubungan yang mengikat mereka melainkan hubungan iman dan 'aqidah dan tiada pertalian melainkan di antara orang-orang yang mempunyai pertalian dengan Allah.

Prosedur pengasingan itu disertakan pula dengan prosedur membayar pampasan berdasarkan lunas keadilan dan persamaan, iaitu melakukan pembayaran balik kepada suami yang kafir nilai maskahwin yang telah dibelanjakannya kepada isterinya yang Mu'min yang telah berpisah dengannya sebagai pampasan atas kerugian yang dialaminya, sebagaimana dibayar balik kepada suami Mu'min nilai maskahwin yang telah dibelanjakannya kepada isterinya yang kafir yang telah dibebaskannya dari tali perkahwinan dengannya.

Selepas itu barulah halal bagi lelaki Mu'min berkahwin dengan perempuan-perempuan Mu'minat yang berhijrah itu apabila mereka membayar mohor yang terhak kepada mereka. Walau bagaimanapun di sana terdapat perbezaan faham dari segi fiqhiyah, adakah wanita-wanita seperti itu ber'iddah atau tidak ber'iddah kecuali wanita-wanita yang hamil sahaja yang ber'iddah sehingga mereka bersalin? Andainya mereka beri'iddah, maka adakah 'iddah mereka ialah 'iddah wanita-wanita yang ditalaq iaitu sebanyak tiga quru' atau hanya 'iddah untuk memastikan kesucian rahim iaitu dengan sekali haidh sahaja?

وَءَاتُوهُم مَّآ أَنفَقُواْ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَن تَنكِحُوهُنَّ إِذَآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُواْ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ وَسْـَٔلُواْ مَآ أَنفَقْتُمْ

10. **"Dan bayarkanlah kepada suami mereka maskahwin yang telah mereka belanjakannya, dan tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu berkahwin dengan mereka jika kamu membayar kepada mereka maskahwin mereka. Dan janganlah kamu terus berpegang dengan tali perkahwinan dengan wanita-wanita yang kafir dan tuntutlah maskahwin yang telah kamu belanjakannya."**

Kemudian al-Qur'an mengikatkan semua hukum-hukum itu dengan jaminan yang besar di dalam hati orang-orang Mu'min, iaitu jaminan pengawasan Allah dan takut kepada-Nya:

ذَٰلِكُمْ حُكْمُ ٱللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

10. **"Itulah hukum Allah yang Dia tetapkan di antara kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."**

Itulah satu-satunya jaminan untuk menghindari segala tindakan pengingkaran, penyelewengan dan tipu helah, kerana hukum Ilahi itu adalah hukum Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, hukum Allah yang melihat segala rahsia yang terpendam di dalam dada, hukum Allah Yang Maha Gagah dan Maha Kuasa. Cukuplah bagi

seseorang Mu'min menyedari hubungan ini dan menginsafi sumber hukum-hukum itu untuk bertindak dengan jujur mematuhinya dengan keyakinan bahawa dia tetap akan pulang kepada Allah.

Apabila suami-suami yang Mu'min tidak dapat mengambil balik bayaran maskahwin yang telah dibelanjakannya kerana isteri-isterinya yang kafir, atau keluarga mereka enggan membayar balik maskahwin suami yang Mu'min sebagaimana telah berlaku kepada setengah-setengah suami, maka pemerintah (al-Imam) akan membayar pampasan kepada mereka dari harta orang-orang kafir yang beristerikan perempuan-perempuan yang telah berhijrah itu, iaitu harta-harta yang terhak kepada isteri-isteri mereka yang berada di negeri Islam (Madinah), atau pemerintah akan membayar gantirugi kepada mereka dari kumpulan harta rampasan perang yang jatuh ke tangan orang-orang Islam:

وَإِن فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَاقَبْتُمْ فَآتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَاجُهُم مِّثْلَ
مَا أَنفَقُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

11. **"Dan jika seorang dari isteri-isteri kamu lari ke pihak orang-orang kafir kemudian kamu kalahkan mereka (dengan peperangan dan mendapat harta rampasan perang), maka hendaklah kamu bayar (dengan harta itu) kepada orang-orang (Islam) yang hilang (lari) isteri-isteri itu sebanyak maskahwin yang telah dibelanjakan kepada mereka. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."**

Kemudian al-Qur'an sekali lagi mengikatkan pelaksanaan hukum ini dengan jaminan:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

11. **"Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."**

Ini merupakan satu sentuhan untuk mengingatkan orang-orang Mu'minin kepada Allah yang memberi kesan yang mendalam dalam hati mereka.

Demikianlah hukum-hukum pengasingan di antara suami isteri Mu'min dengan suami isteri yang kafir dilaksanakan dalam kehidupan. Ia merupakan satu pelaksanaan yang jelas terhadap dasar Islam mengenai nilai-nilai hidup dan hubungan-hubungannya, mengenai perpaduan barisan Islam dan perbezaannya yang unik dari barisan-barisan yang lain, mengenai penegakan seluruh aspek kehidupan di atas asas 'aqidah dan mengikatkan seluruhnya pada paksi keimanan, dan seterusnya mengenai dasar pembangunan sebuah alam insaniyah, di mana leburnya segala perbezaan-perbezaan bangsa, warna, bahasa, keturunan dan negeri. Hanya satu sahaja tanda atau lencana yang membezakan di antara

manusia iaitu lencana kumpulan yang mereka masuki, dan di sana hanya ada dua kumpulan sahaja iaitu Hizbullah dan Hizbusy-syaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 12)

Garis Panduan Mengadakan Mubaya'ah Dengan Wanita-wanita Mu'minat

Kemudian al-Qur'an menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. bagaimana dan di atas asas-asas apakah hendak diadakan mubaya'ah untuk beriman dengan wanita-wanita yang berhijrah itu dan dengan lain-lain wanita yang hendak memeluk Islam:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰٓ أَن لَّا يُشْرِكْنَ بِٱللَّهِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَٰنٍ يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِى مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُنَّ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

12. **"Wahai Nabi! Jika wanita-wanita Mu'minat datang kepadamu untuk bermubaya'ah denganmu bahawa mereka tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak mereka dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan melanggar perintahmu dalam perkara-perkara yang baik, maka hendaklah engkau bermubaya'ah dengan mereka dan pohonlah keampunan kepada mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."**

Asas-asas mubaya'ah ini merupakan asas-asas terpenting 'aqidah dan asas-asas kehidupan masyarakat yang baru, iaitu asas menafikan segala bentuk syirik terhadap Allah, asas tidak melanggar batas-batas Allah iaitu melakukan perbuatan mencuri, berzina dan membunuh anak. Ini merupakan isyarat kepada perbuatan menanam anak perempuan hidup-hidup di dalam zaman jahiliyah, ia juga termasuk perbuatan membunuh bayi dalam kandungan kerana sebab-sebab yang tertentu, sedangkan mereka pemegang amanah terhadap anak yang dikandung mereka.

وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَٰنٍ يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ

12. **"Dan tidak akan membuat dusta yang sengaja mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka."**

Ujar Ibn 'Abbas, "Janganlah mereka menghubungkan anak orang lain kepada suami mereka." Demikianlah juga pandangan Muqatil. Mungkin peringatan hemat selepas

diadakan upacara mengangkat baya'ah dengan wanita-wanita ini disebabkan adanya kes-kes yang berlaku di zaman jahiliyah di mana seorang wanita menyerahkan dirinya kepada beberapa orang lelaki, dan apabila dia melahirkan anak, maka dia akan melihat siapakah di antara lelaki itu yang mempunyai rupa paras yang mirip dengan anak yang dilahirkan itu. Kadang-kadang dia memilih lelaki yang paling tampan di antara mereka, lalu dia hubungkan si anak itu kepadanya, sedangkan dia tahu siapakah bapanya yang sebenar.

Tetapi ungkapan itu begitu umum, ia meliputi kes-kes tadi, juga kes-kes lain yang ada kaitan dengan pembohongan dan pemalsuan yang diada-adakan. Mungkin juga Ibn 'Abbas dan Muqatil mengkhususkannya dengan kes itu ialah kerana adanya satu kes yang berlaku pada masa itu.

Dan syarat mubaya'ah yang akhir ialah:

وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ

12. **"Dan tidak akan melanggar perintah-Mu dalam perkara-perkara yang baik."**

Ini termasuk janji mematuhi perintah-perintah Rasulullah s.a.w. yang disuruh oleh beliau, kerana beliau tidak menyuruh melainkan untuk kebaikan. Tetapi syarat ini juga merupakan salah satu dasar perlembagaan dalam Islam yang menetapkan bahawa seseorang rakyat tidak wajib ta'at kepada pemerintah melainkan dalam perkara-perkara yang baik, yang sesuai dengan agama dan syari'at Allah. Keta'atan kepada pemerintah bukanlah merupakan suatu keta'atan yang mutlaq di dalam segala perintah yang dikeluarkannya. Dasar inilah yang menjadikan kekuatan undang-undang dan perintah kerajaan itu adalah diambil dari syari'at Allah, bukannya dari kemahuan pemerintah atau dari kehendak rakyat itu sendiri apabila undang-undang itu bertentangan dengan syari'at Allah. Pemerintah dan rakyat adalah kedua-duanya pasti dihukum dengan syari'at Allah dan dari syari'at inilah diambil segala kuasa.

Apabila wanita-wanita itu sanggup bermubaya'ah mematuhi lunas-lunas umum ini, maka mubaya'ah mereka diterima dan Rasulullah s.a.w. akan memohon keampunan atas dosa-dosa mereka yang telah lalu. **"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."** Allah bersedia untuk memberi keampunan, rahmat dan mema'afkan kesalahan.

* * * * * *

Surah ini diakhiri dengan satu kenyataan umum:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَوَلَّوْا۟ قَوْمًا غَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَئِسُوا۟ مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ كَمَا يَئِسَ

13. "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bersahabat setia dengan kaum yang telah dimurkai Allah. Sesungguhnya mereka telah berputus asa terhadap hari Akhirat sebagaimana orang-orang kafir yang telah berada di dalam kubur itu berputus asa."

Ayat ini menyeru orang-orang yang beriman dengan nama keimanan dan dengan sifat Mu'min yang membezakan mereka dari kaum-kaum yang lain, kerana sifat ini menghubungkan mereka dengan Allah dan memisahkan mereka dari musuh-musuh Allah.

Menurut setengah-setengah riwayat, yang dimaksudkan di sini dengan kaum yang telah dimurkai Allah itu ialah kaum Yahudi. Ini berdasarkan kerana mereka pernah dicapkan dengan sifat itu pada ayat-ayat al-Qur'an yang lain. Tetapi ini tidak menghalangkan keumuman nas ini supaya termasuk sama kaum Yahudi dan kaum Musyrikin yang disebutkan di dalam surah ini, juga termasuk seluruh musuh Allah, kerana seluruh mereka itu dimurkai Allah dan seluruh mereka putus harapan dengan Akhirat. Mereka tidak mengharapkan apa-apa di Akhirat dan tidak pula membuat apa-apa perhitungan dengannya. Mereka samalah seperti putusnya harapan orang-orang kafir yang telah mati dan menjadi penghuni kubur, kerana dalam anggapan mereka segala sesuatu mengenai diri mereka telah selesai dengan kematian itu, mereka tidak akan dibangkitkan kembali dan tidak akan dihisabkan lagi.

Seruan ayat ini merupakan satu seruan yang terkumpul padanya semua kenyataan-kenyataan surah dan arah tujuannya, dan dengan seruan inilah diakhiri surah ini sebagaimana ia dimulakan dengan seruan yang sama agar seruan ini merupakan paluan yang akhir yang meninggalkan gema-gemanya di dalam hati.

سُورَةُ الصَّفِّ

SURAH AS-SAFF
Surah Barisan
Surah (61) – Madaniyah – 14 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ١

1. **Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi semuanya bertasbih memuji Allah. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ٢

2. **Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?**

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ٣

3. **Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya.**

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ ٤

4. **Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh.**

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يَا قَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِي وَقَدْ تَعْلَمُونَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ
فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ٥

5. **Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq.**

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُم مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا
بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

6. **Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang Rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata.**

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَىٰٓ إِلَى ٱلْإِسْلَٰمِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧﴾

7. **Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim.**

يُرِيدُونَ لِيُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨﴾

8. **Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir.**

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

9. **Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin.**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

10. **Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih?**

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

11. Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui.

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتِ عَدْنٍ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

12. Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar.

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

13. Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا أَنصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيِّينَ مَنْ أَنصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ اللَّهِ فَآمَنَت طَّائِفَةٌ مِّن بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَت طَّائِفَةٌ فَأَيَّدْنَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا ظَاهِرِينَ ﴿١٤﴾

14. Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu Kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Matlamat surah ini ialah memperkatakan dua perkara asasi yang amat jelas, di samping menyentuh persoalan-persoalan cabang yang lain yang dapat dikembalikan kepada dua perkara asasi itu.

Matlamat yang pertama ialah hendak menanamkan di dalam hati nurani setiap Muslim bahawa agamanya adalah satu sistem hidup Ilahi yang diaturkan untuk umat manusia dalam bentuknya yang akhir. Sebelum ini sistem itu telah dilalui oleh berbagai-bagai bentuknya yang sesuai dengan tahap-tahap perkembangan yang tertentu yang dilalui oleh sejarah umat manusia. Begitu juga sebelum ini sistem ini telah didahului oleh berbagai-bagai pengalaman yang dilalui oleh kehidupan para rasul dan kelompok-kelompok Mu'minin, dan seluruh bentuk dan pengalaman itu adalah untuk melicinkan jalan bagi penjelmaan bentuk akhir agama Allah yang satu yang dikehendaki Allah untuk menjadikannya agama penamat atau agama yang mengakhiri segala agama samawi dan menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain di muka bumi ini.

Kerana itu al-Qur'an menyebut kerasulan Musa untuk menjelaskan bahawa kaumnya yang Allah utuskan beliau kepada mereka telah menyakiti beliau dan menyeleweng dari agama yang di bawa beliau, dan akibatnya mereka menjadi sesat dan tidak lagi dapat menjadi pemegang-pemegang amanah agama Allah di muka bumi ini:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِى وَقَد تَّعْلَمُونَ أَنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ ۖ فَلَمَّا زَاغُوٓا۟ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾

5. **"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."**

Jadi, kepimpinan kaum Musa terhadap agama Allah telah berakhir. Mereka tidak lagi menjadi para pemegang agama sejak mereka menyimpang dan sesat dari agama Allah, lalu Allah simpang dan sesatkan hati mereka darinya, dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang fasiq.

Al-Qur'an juga menyebut kerasulan 'Isa untuk menjelaskan bahawa kedatangan beliau adalah lanjutan dari risalah Musa untuk membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumnya dan untuk melicinkan jalan bagi kerasulan yang terakhir, juga untuk menyampaikan berita gembira iaitu berita kedatangan Rasul yang akan membawa agama yang akhir itu. Kedatangan 'Isa adalah merupakan penyambung di antara agama Kitabi yang pertama dengan agama Kitabi yang akhir:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُم مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ

6. **"Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang Rasul yang akan datang selepasku namanya ialah Ahmad."**

Jadi Nabi 'Isa a.s. adalah datang untuk menyerahkan amanah agama Ilahi yang dibawanya selepas Musa kepada Rasul yang akan datang iaitu seorang Rasul yang beliau telah menyampaikan berita kedatangannya.

Memang telah diputuskan dalam ilmu Allah dan dalam takdir-Nya bahawa langkah-langkah itu akan berakhir kepada suatu ketetapan yang mantap dan kekal, dan bahawa agama Allah di muka bumi ini akan mantap dalam bentuknya yang terakhir di tangan Rasul-Nya yang terakhir:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ﴿٩﴾

9. **"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."**

Inilah matlamat pertama yang jelas di dalam surah ini, iaitu matlamat yang menjadi asas tegaknya matlamat yang kedua, kerana apabila seseorang Muslim itu menyedari hakikat ini dan memahami kisah 'aqidah, juga memahami peranannya sebagai pemegang amanahnya di bumi ini, sudah tentu kesedaran itu akan diikuti oleh kesedarannya terhadap tugas-tugas memikul amanah itu, iaitu satu kesedaran yang akan mendorongnya ke arah niat yang teguh untuk memperjuangkan agama Allah supaya mengatasi segala agama yang lain seperti yang dikehendaki Allah dan bersikap tidak terumbang-ambing di antara kata-kata dan amal. Amatlah keji apabila seseorang Mu'min mengumumkan keinginan untuk berjuang kemudian selepas itu dia mengundurkan dirinya dari medan perjuangan sebagaimana telah berlaku kepada segolongan orang-orang Islam menurut keterangan yang diceritakan oleh riwayat-riwayat. Kerana itu di permulaan surah ini, selepas diumumkan tasbih alam buana dan segala isi penghuninya terhadap Allah, al-Qur'an menyatakan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٢﴾

2. **"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?"**

كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٣﴾

3. **"Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."**

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنْيَٰنٌ مَّرْصُوصٌ ﴿٤﴾

4. **"Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."**

Kemudian di tengah surah, al-Qur'an menyeru mereka kepada satu perniagaan yang paling menguntungkan di dunia dan Akhirat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

10. **"Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih?"**

تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

11. **"Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui."**

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّٰتِ عَدْنٍ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

12. **"Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar."**

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

13. **"Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."**

Kemudian surah ini mengakhiri dengan satu seruan yang akhir kepada orang-orang yang beriman supaya mereka menjadi para penyokong agama Allah sebagaimana sahabat-sahabat 'Isa yang setia menjadi para penyokongnya untuk memperjuangkan agama Allah walaupun beliau didustakan Bani Israel dan dimusuhi mereka.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوٓا۟ أَنصَارَ ٱللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيِّـۧنَ مَنْ أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ
قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٌ فَأَيَّدْنَا ٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا۟ ظَٰهِرِينَ ﴿١٤﴾

14. "Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu Kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."

Inilah dua persoalan yang jelas yang dikemukakan oleh surah ini yang hampir-hampir menghabiskan semua ayat-ayatnya. Tiada lagi persoalan lain kecuali mengecam orang-orang yang mendustakan kerasulan yang terakhir. Kecaman ini pula sentiasa berhubung rapat dengan dua persoalan pokok itu. Hal ini terkandung dalam firman Allah mengenai Rasulullah s.a.w. setelah menyebut berita gembira dari 'Isa a.s. tentang kedatangannya:

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ وَهُوَ
يُدْعَىٰٓ إِلَى ٱلْإِسْلَٰمِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧﴾ يُرِيدُونَ لِيُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَٱللَّهُ
مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨﴾

6 - 8. "Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata. Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim. Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang yang kafir."

Dari keterangan ini jelaslah di dalam hati nurani seseorang Muslim bahawa agamanya adalah agama Allah dalam bentuknya yang terakhir di bumi ini dan bahawa amanah 'aqidah ini di kalangan umat manusia adalah diserahkan kepadanya. Kini dia sedar bahawa dia ditugaskan untuk berjuang kerana Sabilullah seperti yang dikehendaki Allah.

Kini jalan di hadapannya terang dan jelas, tiada lagi di dalam pemikirannya sebarang kekeliruan dan kekaburan, dan tiada lagi di dalam hidupnya sebarang ruang untuk merungut dan mengomel dalam urusan agama ini, atau ruang untuk teragak-agak dan menoleh-noleh dari terus menuju ke matlamat yang telah ditetapkan Allah dan dari terus menuju kepada peranan yang telah dibahagikan di dalam ilmu Allah dan perencanaan-Nya sejak zaman-berzaman.

Di samping membimbing kepada matlamat yang jelas ini, al-Qur'an juga membimbing kepada pembentukan akhlak seseorang Muslim dan sifat hati nuraninya iaitu dia tidak harus berkata sesuatu yang dia tidak laksanakannya. Perkataannya jangan bercanggah dengan amalannya, yang zahirnya jangan berbeza dari yang batinnya, dan yang tersembunyinya jangan berlainan dari yang nyatanya. Dia harus tetap dengan sikap dirinya di setiap waktu, iaitu ikhlas kepada Allah, tulus kepada da'wah-Nya, terus-terang dalam kata-kata dan perbuatannya, tetap teguh mengatur langkahnya di jalan Allah, bersatupadu dengan saudara-saudara seagamanya laksana bangunan yang tersusun teguh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

1. **"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi semuanya bertasbih memuji Allah. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Tasbih dari alam buana kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Bijaksana adalah disebut di permulaan surah yang mengumumkan kepada umat Muslimin bahawa agama mereka adalah siri yang terakhir dari agama Allah, dan bahawa mereka adalah pemegang-pemegang amanah agama yang memperjuangkan kepercayaan keesaan Allah, agama yang menentang kaum kafirin dan Musyrikin kerana kekufuran dan kesyirikan mereka, agama yang menyeru mereka berjihad untuk menegakkannya, agama yang telah ditakdirkan Allah untuk menonjolkannya ke atas semua agama yang lain walaupun tidak disukai kaum Musyrikin.

Permulaan surah ini juga menyarankan bahawa amanah agama yang dipikul oleh umat Muslimin adalah amanah seluruh alam buana, dan 'aqidah yang diseru mereka berjihad kerananya ialah 'aqidah seluruh penghuni langit dan bumi, dan kemunculan agama Islam ini mengatasi segala agama yang lain merupakan satu gejala alam yang sesuai dengan tawajjuh seluruh alam kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 4)

Kecaman Terhadap Reaksi Setengah Golongan Muslimin Ketika Difardhukan Jihad

Kemudian Allah mengecam hebat segolongan orang-orang Mu'min kerana melakukan satu perbuatan yang amat dibencinya, apatah lagi perbuatan itu dilakukan oleh orang-orang Mu'min sendiri:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٢﴾

2. **"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?"**

كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٣﴾

3. **"Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."**

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِهِۦ صَفّٗا كَأَنَّهُم بُنۡيَٰنٞ مَّرۡصُوصٞ ﴿٤﴾

4. **"Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."**

Ujar Ali ibn Talhah dari Ibn 'Abbas katanya: Ada sekumpulan orang-orang Mu'min sebelum difardhukan jihad telah bercakap-cakap: Kita sangat suka agar Allah menunjukkan kepada kita amalan yang paling disukai-Nya agar kita dapat beramal dengannya. Lalu Allah menceritakan kepada Nabi-Nya bahawa amalan yang paling disukai-Nya ialah beriman tanpa sebarang keraguan dan berjihad menentang orang-orang yang menderhakakan-Nya iaitu orang-orang yang tidak beriman dan tidak mengakui-Nya. Apabila fardhu jihad diturunkan, ramai orang-orang Mu'min tidak sukakannya dan merasa sukar, lalu Allah S.W.T. pun berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٢﴾

2. **"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?"**

كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفۡعَلُونَ ﴿٣﴾

3. **"Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."**

Ibn Jarir dalam tafsirnya telah memilih pendapat ini.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: Para Jumhur Ulama' telah mengatakan bahawa ayat ini diturunkan apabila mereka bercita-cita supaya difardhukan jihad ke atas mereka, tetapi setelah jihad itu difardhukan, setengah mereka enggan berjihad sebagaimana telah diterangkan Allah di dalam firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ
إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ
لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا
﴿٧٧﴾ أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

77 - 78. "Tidakkah kamu melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu dari berperang dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Kemudian apabila difardhukan ke atas mereka berperang, tiba-tiba sekumpulan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih lagi, dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapa engkau wajibkan peperangan ke atas kami? Mengapa tidak engkau tangguhkannya hingga ke suatu masa yang terdekat? Katakanlah (kepada mereka): Keni'matan dunia ini amat sedikit, sedangkan Akhirat itu lebih baik kepada mereka yang bertaqwa dan kamu tidak akan dianiayai sedikit pun. Di mana sahaja kamu berada maut akan mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam benteng yang kukuh."

(Surah an-Nisa')

Ujar Qatadah dan adh-Dhahak pula: Surah ini diturunkan untuk mengecam segolongan orang Islam yang berbual-bual, "kami telah bunuh sekian banyak, kami telah menetak sekian banyak, kami telah menikam sekian banyak, kami buat itu dan ini," sedangkan mereka tidak berbuat apa-apa.

Pendapat yang kuat berdasarkan keterangan ayat-ayat ini dan penjelasan mengenai peperangan ialah pendapat yang dipegang oleh Jumhur Ulama', iaitu pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir. Tetapi jangkauan nas-nas al-Qur'an selama-lamanya lebih jauh dari peristiwa-peristiwa tunggal yang menyebabkan turunnya nas-nas itu. Ia mencakup berbagai-bagai keperihalan yang sama selain dari keperihalan yang menjadi sebab ia diturunkan. Kerana itu kami membawa nas-nas ini kepada pengertian-pengertiannya yang luas di samping mengambil kira peristiwa yang menjadi sebab nuzulnya yang disebut oleh riwayat-riwayat itu.

Surah ini dimulakan dengan kecaman terhadap satu peristiwa atau beberapa peristiwa yang telah berlaku:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾

2. **"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya?"**

Kemudian ia iringi dengan mencela perbuatan dan kelakuan itu dengan ungkapan yang menghebatkan lagi kecaman itu:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

3. **"Amatlah besar kemurkaan Allah bahawa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak laksanakannya."**

Kemurkaan yang besar di sisi Allah merupakan kebencian, kemarahan dan kecelaan yang paling besar terutama pada hati orang Mu'min yang diseru dalam ayat ini dengan sifat imannya, atau orang-orang Mu'min yang diseru oleh Tuhannya yang mereka beriman kepada-Nya.

Ayat yang ketiga menyebut secara langsung persoalan yang diperbualkan mereka tanpa melaksanakannya iaitu persoalan jihad serta menjelaskan bagaimana cara jihad yang disukai dan diredhai Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنْيَـٰنٌ مَّرْصُوصٌ ﴿٤﴾

Cara Jihad Yang Disukai Allah

4. **"Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun teguh."**

Yang disukainya bukanlah semata-mata jihad, tetapi jihad kerana agama dan jihad yang bersatupadu dengan kelompok Muslimin dalam satu barisan, dan jihad yang penuh keberanian dan ketahanan seolah-olah sebuah bangunan yang dibina begitu teguh.

* * * * * *

Di berbagai-bagai tempat yang lain dalam tafsir juzu' ini kami telah tegaskan bahawa al-Qur'an bertujuan membangunkan satu umat. Ia mahu membangunkan satu umat untuk memikul amanah agama Allah di bumi ini dan untuk menegakkan sistem hidup dan undang-undang-Nya dalam kehidupan umat manusia. Kerana itu al-Qur'an harus membangunkan mereka secara individu dan secara kelompok dan secara amali di alam kenyataan serentak dalam satu waktu. Seseorang Muslim tidak dapat dibangunkan melainkan di tengah kelompok Muslimin, dan Islam tidak dapat ditegak melainkan dalam satu lingkungan kelompok Muslimin yang tersusun kemas, mempunyai pertalian, peraturan

dan matlamat bersama yang membabitkan setiap individu dalam kelompok itu, iaitu matlamat menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam hati nurani manusia dan berusaha menegakkannya di muka bumi ini. Dan sistem ini tidak dapat tegak di bumi ini melainkan di dalam satu masyarakat yang hidup, bergerak, bekerja dan menghasilkan pengeluarannya mengikut peraturan dan undang-undang sistem ini.

Walaupun Islam begitu besar memberi perhatiannya kepada pembinaan hati dan tanggungjawab individu, namun ia bukanlah agama individu-individu yang hidup berasingan satu sama lain, di mana setiap orang masing-masing menyembah Allah di rumah ibadat, kerana ini tidak dapat menegakkan Islam dalam hati individu itu sendiri dan tidak dapat menegakkan Islam dalam kehidupannya. Islam tidak datang untuk hidup terpencil dan berasingan seperti itu, malah Islam datang untuk mengendali dan menyelenggarakan kehidupan umat manusia, untuk mengawasi setiap kegiatan individu dan kelompok dalam segala bidang dan arah tujuan mereka. Manusia tidak hidup secara individu-individu yang berasingan, malah mereka hidup secara berkelompok dan berumat-umat, kerana itu Islam datang untuk mengendali mereka dalam bentuk hidup yang seperti itu. Islam ditegakkan di atas asas bahawa manusia itu hidup secara berkelompok. Oleh sebab itu, semua peradaban, undang-undang dan peraturannya adalah disusun mengikut asas hidup berkelompok. Apabila Islam memberi perhatiannya yang berat mendidik hati individu, maka Islam mendidikkannya di atas asas hidup berkelompok, di mana dia dan kelompok yang hidup bersamanya adalah semuanya bertawajjuh kepada Allah, semuanya bertugas menjaga amanah agama Allah di muka bumi dan mengawasi sistem hidup dan peraturan-peraturan-Nya di dalam kehidupan manusia.

Sejak hari pertama da'wah lagi, masyarakat atau kelompok Islam itu telah wujud di bawah satu kepimpinan yang dipatuhi iaitu kepimpinan Rasulullah s.a.w. Masyarakat itu mempunyai komitmen-komitmen kelompok di antara individu-individunya, dan mempunyai syakhsiyah yang tersendiri yang berbeza dari kelompok-kelompok yang lain yang wujud di sekeliling mereka, di samping mempunyai peradaban-peradaban yang berhubung dengan hati manusia, iaitu peradaban-peradaban yang dalam satu waktu yang sama bertujuan untuk menjaga kehidupan kelompok Muslimin itu. Semuanya itu wujud sebelum tertubuhnya negara Islam di Madinah, malah wujudnya kelompok Muslimin pertama itu merupakan wasilah untuk membangunkan negara Islam di Madinah.

Apabila kita memerhatikan tiga ayat ini kita dapat melihat persebatian akhlak individu dan keperluan kelompok di bawah naungan 'aqidah dan tabiatnya yang perlu direalisasikan dalam kehidupan manusia dalam bentuk satu sistem yang dijaga dan dikawal.

Dua ayat yang pertama mengandungi hukuman dan kecaman dari Allah terhadap setengah-setengah orang Mu'min yang berkata tetapi tidak mengotakan perkataan mereka, kedua-dua ayat itu menggariskan satu aspek pokok dari syakhsiyah seorang Muslim iaitu bersifat benar dan jujur di mana batinnya harus sama dengan zahirnya, dan perbuatannya sama dengan perkataannya secara umumnya dan dalam batas-batas yang lebih jauh dari persoalan peperangan yang dibicarakan dalam ayat yang ketiga itu.

Inilah ciri syakhsiyah Muslim yang amat ditekankan oleh al-Qur'an, kemudian diikuti pula oleh as-Sunnah yang berulang-ulang kali menjelas dan menambahkan penekanannya. Firman Allah S.W.T. mengecam sikap kaum Yahudi:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

44. "Adakah kamu menyuruh orang ramai melakukan keta'atan, tetapi kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab Taurat. Apakah tidak kamu berfikir?"

(Surah al-Baqarah)

Firman Allah S.W.T. lagi mengecam orang-orang Munafiqin:

وَيَقُولُونَ طَاعَةٌ فَإِذَا بَرَزُوا۟ مِنْ عِندِكَ بَيَّتَ طَآئِفَةٌ مِّنْهُمْ غَيْرَ ٱلَّذِى تَقُولُ

81. "Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami tetap patuh dan ta'at, tetapi apabila mereka keluar dari sisimu, maka segolongan dari mereka merancang tindakan-tindakan yang berlainan dari apa yang dikatakan mereka."

(Surah an-Nisa')

Firman-Nya lagi mengenai mereka:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعْجِبُكَ قَوْلُهُۥ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَيُشْهِدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِى قَلْبِهِۦ وَهُوَ أَلَدُّ ٱلْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِى ٱلْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ ٱلْحَرْثَ وَٱلنَّسْلَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

204 - 205. "Di antara manusia ada orang yang engkau tertarik kepada ucapan-ucapannya mengenai kehidupan dunia dan dia mempersaksikan dengan nama Allah atas kejujuran isi hatinya, sedangkan sebenarnya dialah musuh yang paling ketat. Apabila dia beredar dari engkau dia akan berjalan di bumi untuk merosakkannya dan membinasakan tanaman dan ternakan, dan Allah tidak sukakan kerosakan."

(Surah al-Baqarah)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

آية المنافق ثلاث : إذا حدث كذب ، وإذا وعد أخلف وإذا اؤتمن خان .

"Tanda orang Munafiq itu tiga perkara: Apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mungkir janjinya dan apabila dipertaruhkan amanah dia khianati."

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tarmizi, an-Nasai' dari Abu Hurayrah.

Hadith yang seperti ini memang banyak, dan mungkin sebuah hadith yang kami akan sebutkan di sini merupakan satu bimbingan yang paling halus dan seni dari bimbingan-bimbingan Nabi yang mulia mengenai tujuan ini. Al-Imam Ahmad dan Abu Daud telah meriwayatkan dari Abdullah ibn 'Amir ibn Rabi'ah katanya: Rasulullah s.a.w. telah mengunjungi kami, sedangkan di waktu itu saya masih kanak-kanak. Apabila saya hendak keluar untuk bermain-main, ibu saya berkata, "Wahai Abdullah mari ke sini aku akan berikan awak sesuatu. Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya, "Apakah yang anda hendak berikan kepadanya?" Jawabnya: "Buah tamar. " Lalu beliau bersabda, "Ingat! Jika anda tidak berikannya nescaya ditulis satu perbuatan bohong ke atas anda." Barangkali kerana menimba dari matair bimbingan Rasulullah yang bersih dan jernih hening inilah al-Imam Ahmad ibn Hanbal r.a. enggan meriwayatkan sebuah hadith dari seorang lelaki yang beliau telah berjalan begitu jauh untuk mengambil hadith itu darinya apabila beliau dapati orang ini merapatkan ribanya dan memanggil keldainya dengan tujuan memahamkannya ada makanan di ribanya, sedangkan di ribaannya kosong. Beliau keberatan untuk meriwayatkan hadith itu dari orang ini kerana dia telah berbohong dengan keldainya.

Inilah cara pembinaan akhlak yang amat seni dan bersih terhadap hati dan syakhsiyah seseorang Muslim yang layak menjadi pemegang amanah sistem hidup Ilahi di muka bumi ini. Inilah perkara yang dijelaskan di dalam surah ini dan inilah satu siri dari siri-siri pendidikan dalam kelompok Muslimin yang dilengkapkan Allah untuk menjaga agama ini.

Apabila kita kembali memperkatakan persoalan jihad yang menjadi persoalan langsung yang dihadapi oleh ayat-ayat yang diturunkan ini, maka kita akan berdepan dengan berbagai-bagai persoalan untuk dibicara, diulas dan diambil pengajaran.

Yang pertama kita berdepan dengan jiwa sekumpulan manusia yang dilanda oleh sa'at-sa'at kelemahan yang mendadak, iaitu sa'at-sa'at kelemahan yang tidak terpelihara darinya melainkan dengan pertolongan Allah, melainkan dengan memberi peringatan yang berterusan memberi bimbingan dan didikan yang berturut-turut. Mereka ialah sekumpulan orang-orang Islam, yang menurut setengah-setengah riwayat adalah dari orang-orang Muhajirin yang bercita-cita supaya Allah mengizinkan mereka berperang sewaktu mereka masih berada di Makkah dahulu kerana terlalu bersemangat dan terburu-buru, tetapi mereka telah diperintah supaya menahankan tangan mereka dari berperang di samping diperintah mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan apabila peperangan itu telah diwajibkan ke atas mereka di Madinah setelah tiba waktunya yang sesuai menurut perencanaan Ilahi, tiba-tiba sebahagian dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih lagi, dan mereka berkata, **"Wahai Tuhan kami! Mengapa Engkau wajibkan peperangan ke atas kami? Mengapa tidak Engkau tangguhkannya hingga ke suatu masa yang dekat?"** Atau mereka adalah

dari sekumpulan kaum Muslimin Madinah yang bertanya tentang sesuatu amalan yang paling disukai di sisi Allah untuk diamalkan mereka, tetapi apabila mereka diperintah berperang mereka tidak sukakannya.

Pendirian ini sudah cukup untuk membuka mata kita betapa perlunya jiwa manusia itu terus-menerus diperkuat, diperkukuh dan dibimbingkan ketika ia menghadapi tugas-tugas yang berat supaya ia dapat berjalan lurus dan dapat mengatasi sa'at-sa'at kelemahannya dan supaya sentiasa bercita-cita untuk sampai ke ufuk yang lebih jauh, begitu juga pendirian ini menyarankan kepada kita supaya kita bersikap rendah diri apabila meminta tugas-tugas atau bercita-cita mendapatkan tugas-tugas semasa kita berada dalam keadaan 'afiat dan aman, kerana kita mungkin tidak mampu untuk melaksanakan sesuatu tugas yang telah kita cadangkan kepada Allah apabila Allah menyerahkan tugas-tugas itu kepada kita. Mereka adalah sekumpulan orang Islam angkatan pertama yang lemah dan mengatakan sesuatu yang tidak dikotakan mereka sehingga menyebabkan mereka dikecam hebat oleh Allah.

Yang kedua kita berdepan dengan kesukaan Allah terhadap mereka yang berperang kerana agama Allah dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun rapi. Di sini kita berdepan dengan galakan yang kuat dan mendalam untuk berjuang kerana agama Allah. Galakan ini ialah khusus untuk menghadapi satu keadaan kelemahan semangat perjuangan dan kebencian untuk berperang. Tetapi sebab yang aneh ini dalam satu peristiwa yang terbatas ini tidak menafikan bahawa galakan itu merupakan satu galakan umum yang mempunyai hikmat yang kekal di sebaliknya.

Islam tidak mengingini peperangan. Ia tidak mahukan peperangan itu kerana cintakan peperangan, tetapi Islam memfardhukan jihad itu kerana realiti hidup memerlukannya dan kerana tujuan di sebalik jihad itu amat besar. Islam menghadapi umat manusia dengan agama Allah dalam bentuknya yang terakhir dan mantap. Walaupun agama ini dapat memenuhkan kehendak fitrah manusia yang lurus, namun ia mengenakan tugas-tugas yang berat kepada manusia supaya mereka dapat meningkatkan jiwa mereka ke tahap yang layak dengannya, dan supaya mereka tetap berada di tahap yang luhur itu. Di sana terdapat berbagai-bagai kuasa yang tidak sukakan agama ini mendapat kedudukan yang teguh, kerana ia akan merampas berbagai-bagai kedudukan istimewa mereka yang ditegakkan di atas nilai-nilai yang batil dan palsu, iaitu nilai-nilai palsu yang ditentang dan dihancurkan oleh agama ini apabila ia tegak dalam kehidupan manusia. Kuasa-kuasa ini mempergunakan kelemahan-kelemahan jiwa manusia supaya tidak kekal beriman kepada agama ini dan melaksanakan tugas-tugasnya. Begitu juga mereka mempergunakan kejahilan akal manusia dan adat-adat resam yang diwarisi mereka generasi demi generasi untuk menentang dan menghalangkan perkembangan agama ini. Memandang kejahatan begitu merebak, kebatilan begitu angkuh dan syaitan begitu lihai, maka wajiblah kepada pendokong-pendokong keimanan dan para pembela agama ini menguatkan diri mereka masing-masing untuk menewaskan agen-agen kejahatan dan pembantu-pembantu syaitan itu. Mereka harus kuat dalam akhlak mereka di samping kuat dalam memerangi

musuh-musuh mereka. Mereka wajib berperang apabila peperangan itu merupakan satu-satunya alat untuk menjamin kebebasan berda'wah untuk menyeru manusia kepada agama yang baru ini, dan menjamin kebebasan beri'tiqad dengannya dan kebebasan beramal menurut peraturan dan undang-undangnya yang tersusun rapi itu.

Mereka berjihad kerana agama Allah, bukan berjihad kerana kepentingan diri sendiri, bukan kerana kepentingan 'Asabiyah dari apa-apa bentuk sekalipun, sama ada 'Asabiyah negara, 'Asabiyah keluarga atau 'Asabiyah keturunan, malah berjihad semata-mata kerana agama Allah sahaja agar Kalimatullah terjulang ke tahap yang paling tinggi. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو فى سبيل الله . (أخرجه الخمسة) .

"Barang siapa yang berperang untuk meninggikan Kalimatullah, maka bererti ia berjuang kerana Sabilullah."

Kalimatullah menggungkap dari iradat Allah, dan iradat Allah yang jelas kepada kita ialah iradat yang sesuai dengan undang-undang yang diikuti oleh alam buana seluruhnya yang bertasbih memuji Tuhannya. Agama Allah dalam bentuknya yang terakhir yang dibawa oleh Islam itulah agama yang sesuai dengan undang-undang yang dipatuhi alam buana yang menjadikan seluruh alam buana termasuk manusia diperintahkan dengan syari'at Allah bukan dengan syari'at yang diatur oleh yang lain dari Allah.

Islam terpaksa menghadapi tentangan individu-individu, tentangan berbagai-bagai golongan dan berbagai-bagai negara. Islam terpaksa mara terus menghadapi tentangan-tentangan itu. Kaum Muslimin terpaksa diwajibkan berjihad untuk menolong agama ini dan untuk menegakkan Kalimatullah di muka bumi, kerana itu Allah amat sayangkan orang-orang yang berperang kerana agama-Nya dalam satu barisan yang padu laksana satu bangunan yang tersusun teguh. (1)

Yang ketiga kita berdepan dengan satu keadaan, di mana Allah sukakan para Mujahidin berjuang dalam satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun kukuh. Perintah ini sendiri merupakan satu kewajipan individu, tetapi ia merupakan kewajipan individu dalam bentuk kelompok yang berperaturan. Ini memandangkan kerana pihak-pihak yang menentang Islam itu menentang dengan kekuatan-kekuatan kelompok. Mereka berpakat menyerangnya dengan gabungan kekuatan yang besar. Oleh itu, para perajurit Islam juga pasti menghadapi musuh-musuh mereka dalam satu barisan yang padu, tersusun rapi, kukuh dan teguh. Tambahan pula tabiat agama ini apabila ia menang dan menewas, ia akan memerintah kelompok manusia dan akan membentuk sebuah masyarakat yang padu dan tersusun rapi. Gambaran individu yang terpencil yang beribadat seorang diri, berjihad seorang diri dan hidup seorang diri merupakan satu gambaran yang amat jauh dari tabiat agama ini dan dari kehendak-kehendaknya dalam

---

(1) *Lihat bab* فصل سلام العالمي *di dalam kitab* السلام العالمي والاسلام

menghadapi keadaan perang dan dalam menguasai kehidupan umum selepas memenangi peperangan itu.

Gambaran perjuangan yang disukai Allah dari orang-orang Mu'min itu menggambarkan kepada mereka tabiat agama mereka dan menerangkan tanda-tanda jalannya dan seterusnya menjelaskan sifat perpaduan yang teguh yang dilukiskan oleh al-Qur'an dengan ungkapan yang amat indah, "**satu barisan yang padu seolah-olah mereka satu bangunan yang tersusun rapi**" iaitu satu bangunan di mana keping-keping batanya saling bantu-membantu, teguh-meneguh dan kukuh-mengukuh. Setiap keping bata memain peranannya dan menutup ruangnya masing-masing. Seluruh bangunan itu akan roboh apabila sekeping bata yang mengikatnya terkeluar dari tempatnya sama ada terlancar ke depan atau ke belakang, atau terlucut dari mengikatkan keping-keping bata di bawahnya atau di atasnya atau di sampingnya. Ia merupakan satu ungkapan yang memberi gambaran yang benar bukannya semata-mata bertujuan memberi perbandingan. Ia merupakan satu ungkapan yang menggambarkan sifat perpaduan kelompok Muslimin atau sifat perhubungan yang erat di antara individu-individu dalam kelompok Muslimin, iaitu perpaduan perasaan dan pergerakan di dalam organisasi yang teratur rapi menuju satu matlamat yang telah ditentukan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Setelah itu al-Qur'an menyebutkan kisah agama Allah dan peringkat-peringkat perkembangannya dalam risalah-risalah sebelum kedatangan Islam:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِى وَقَد تَّعْلَمُونَ أَنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ ۖ فَلَمَّا زَاغُوٓا۟ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ٥

Sekelumit Kisah Musa a.s. Dengan Kaumnya

5. **"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."**

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُم مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ٦

Nabi 'Isa a.s. Menyampaikan Berita Kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.

6. **"Dan (kenangilah) ketika 'Isa putera Maryam berkata: Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu, yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan**

menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang Rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah satu sihir yang nyata."

Perbuatan Bani Israel menyakiti Nabi Musa a.s., sedangkan beliaulah penyelamat mereka dari penindasan Fir'aun dan kaumnya, dan beliaulah Rasul, pemimpin dan guru mereka, merupakan perbuatan yang berlarut-larutan dan bermacam-macam ragam. Usaha perjuangan Musa untuk membetulkan akhlak mereka yang bengkok itu merupakan satu perjuangan yang amat berat, sukar dan memenatkan. Al-Qur'an menyebut di dalam kisah Bani Israel berbagai-bagai rupa tindak-tanduk mereka yang menyakiti dan memenatkan Nabi Musa a.s.

Mereka selalu tidak puas hati terhadap Nabi Musa a.s., sedangkan beliau berusaha untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman Fir'aun. Beliau terpaksa menghadapi kekejaman dan kezaliman Fir'aun, sedangkan mereka hidup aman dengan menghinakan diri kepada Fir'aun. Mereka pernah berkata kepada Musa kerana mengecam dan tidak puas hati terhadap beliau: "Kami telah ditindas sebelum engkau datang kepada kami lagi dan terus tertindas selepas engkau datang kepada kami." Seolah-olah mereka tidak nampak sebarang kebaikan dalam kerasulan Musa, dan seolah-olah mereka mahu meletakkan tanggungjawab penindasan Fir'aun yang akhir itu ke atas bahu Nabi Musa a.s.

Dan sebaik sahaja Musa a.s. berjaya membebaskan mereka dari penindasan Fir'aun dengan nama Allah Yang Maha Esa yang telah menyelamatkan mereka dan menenggelamkan Fir''aun di hadapan mata mereka sendiri, tiba-tiba mereka tertarik hati kepada cara ibadat Fir'aun dan kaumnya:

فَأَتَوْا عَلَىٰ قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَىٰ أَصْنَامٍ لَّهُمْ ۚ قَالُوا يَا مُوسَى اجْعَل لَّنَا إِلَٰهًا كَمَا لَهُمْ آلِهَةٌ ۚ

138. "Lalu mereka menemui satu kaum yang sedang asyik menyembah berhala-berhala mereka, mereka pun berkata: Wahai Musa! Adakan untuk kami satu berhala sebagaimana berhala-berhala yang dipunyai mereka."
(Surah al-A'raf)

Dan sebaik sahaja Musa a.s. pergi kerana memenuhi janji dengan Allah di atas Bukit Tursina untuk menerima lauh-lauh yang mengandungi pengajaran-pengajaran dari Allah, tiba-tiba mereka disesatkan pula oleh as-Samiri:

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُ خُوَارٌ فَقَالُوا هَٰذَا إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِيَ ﴿٨٨﴾

88. "Lalu dia (as-Samiri) mengeluarkan untuk mereka satu patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara dan mereka pun berkata: Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa, tetapi dia (Musa) telah lupakannya."

(Surah Taha)

Kemudian mereka merungut dan mengomel terhadap makanan mereka di padang pasir iaitu makanan **al-manna** dan **as-salwa**. Mereka berkata kepada Musa:

يَـٰمُوسَىٰ لَن نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَٰحِدٍ فَٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ مِنۢ بَقْلِهَا وَقِثَّآئِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا

61. "Wahai Musa! Kami tidak akan tahan memakan sejenis makanan sahaja. Oleh itu, pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya dia mengeluarkan untuk kami dari hasil-hasil tumbuhan bumi iaitu dari sayur-sayuran, timunnya, bawang putihnya, kacang dalnya dan bawang besarnya."

(Surah al-Baqarah)

Dan di dalam peristiwa lembu yang diperintah Allah supaya mereka menyembelihkannya, mereka terus bertengkar, berdalih dan menunjukkan kelakuan-kelakuan yang biadab terhadap nabi mereka dan Tuhan mereka. Kata mereka:

ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ

68. "Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami bagaimana lembu itu?"

(Surah al-Baqarah)

ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوْنُهَا

69. "Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami apakah warnanya?"

(Surah al-Baqarah)

ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ إِنَّ ٱلْبَقَرَ تَشَـٰبَهَ عَلَيْنَا

70. "Pohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu supaya Dia menjelaskan kepada kami bagaimana lembu itu. Kerana lembu itu telah menjadi kesamaran kepada kami?"

(Surah al-Baqarah)

فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

71. **"Mereka menyembelihkan lembu itu, sedangkan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya."**

(Surah al-Baqarah)

Kemudian mereka meminta supaya diadakan satu hari cuti yang suci, dan apabila mereka diwajibkan bercuti pada hari Sabtu, tiba-tiba mereka mencabulinya.

Ketika mereka berada di depan tanah suci yang telah diberitakan Allah kepada mereka bahawa mereka akan memasukinya, mereka berdiri dengan semangat yang lemah dan memalingkan muka mereka dengan rupa yang mengejek:

قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُوا مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُوا مِنْهَا فَإِنَّا دَاخِلُونَ ﴿٢٢﴾

22. **"Mereka berkata: Wahai Musa! Di dalam negeri ini ada satu kaum yang gagah dan zalim dan kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya dan apabila mereka keluar darinya barulah kami akan memasukinya."**

(Surah al-Ma'idah)

Apabila Musa a.s. berulang-ulang kali memberangsang dan meniupkan semangat keberanian, mereka terus berdegil dan ingkar:

قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا أَبَدًا مَّا دَامُوا فِيهَا فَاذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَاتِلَا إِنَّا هَاهُنَا قَاعِدُونَ ﴿٢٤﴾

24. **"Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya selama mereka berada di dalamnya. Oleh itu, pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Kami akan tetap duduk di sini sahaja."**

(Surah al-Ma'idah)

Demikianlah kedegilan mereka yang menyusahkan Musa a.s. dengan berbagai-bagai permintaan, cadangan, penderhakaan, pemberontakan dan melemparkan tuduhan-tuduhan peribadi yang tidak benar sebagaimana diterangkan di dalam setengah-setengah hadith.

Di sini al-Qur'an menyebut perkataan Musa mengancam mereka dengan lemah-lembut:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ لِمَ تُؤْذُونَنِى وَقَد تَّعْلَمُونَ أَنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ ۖ
فَلَمَّا زَاغُوٓا۟ أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾

5. "Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Mengapakah kamu menyakitiku, sedangkan kamu tahu bahawa aku adalah utusan dari Allah kepada kamu? Dan apabila mereka menyimpang dari jalan yang benar, maka Allah menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."

Mereka tahu hakikat ini dengan penuh keyakinan. Itulah kata-kata kecaman dan peringatan.

Tetapi pada akhirnya mereka terus menyimpang dari jalan yang benar setelah dikemukakan kepada mereka segala jalan kejujuran, kerana itu Allah menambahkan kesesatan mereka dan menyimpangkan hati mereka dari jalan yang benar hingga mereka tidak layak lagi untuk menerima hidayat. Mereka terus sesat dan Allah menetapkan mereka di dalam kesesatan untuk selama-lamanya :

وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾

5. "Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."

Dengan ini berakhirlah kepimpinan mereka dalam agama Allah, mereka tidak layak lagi memegang kepimpinan itu kerana mereka berada di dalam kesesatan.

Kemudian datang pula 'Isa putera Maryam berkata kepada Bani Israel:

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُم

6. "Wahai Bani Israel! Sesungguhnya aku adalah utusan dari Allah kepada kamu."

'Isa tidak berkata kepada mereka bahawa dia Allah, dan tidak pula berkata dia itu anak Allah dan tidak juga berkata dia itu adalah satu komponen dari komponen-komponen Allah.

مُّصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَىَّ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَمُبَشِّرًۢا بِرَسُولٍ يَأْتِى مِنۢ بَعْدِى ٱسْمُهُۥٓ أَحْمَدُ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ
قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

6. **"Yang membenarkan kitab suci at-Taurat yang diturunkan sebelumku dan menyampaikan berita gembira tentang kedatangan seorang Rasul yang akan datang selepasku, namanya ialah Ahmad. Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah satu sihir yang nyata."**

Ayat ini menggambarkan siri-siri rangkaian kerasulan yang bersinambungan dan saling serah-menyerah satu sama lain. Ia merupakan satu hakikat yang padu dan kukuh yang mempunyai arah tujuan yang sama. Ia menghulur dari langit ke bumi serangkai demi serangkai dalam satu untaian yang panjang dan sambung-menyambung. Inilah gambaran yang sesuai dengan ciptaan Allah dan agama Allah. Ia merupakan agama Allah yang sama pada asal-usulnya dan berlain-lainan pada bentuk rupanya mengikut kesediaan umat manusia, keperluan-keperluan dan daya tenaga mereka, perkembangan pengalaman-pengalaman dan stok simpanan ilmu pengetahuan mereka sehingga sampai kepada tahap kematangan akal dan perasaan. Di waktu inilah datangnya siri kerasulan terakhir dengan bentuknya yang terakhir yang lengkap dan sempurna, yang dapat berbicara dengan akal yang matang dan berlandaskan pengalaman-pengalaman yang matang. Ia membebaskan akal manusia bekerja mengikut batas-batas kemampuannya dalam lingkungan program yang ditentukan kepada keseluruhan manusia dan sesuai dengan daya tenaga, dan bakat-bakat kesediaan mereka.

Bisyarah atau penyampaian berita kedatangan Rasul yang bernama Ahmad yang diumumkan oleh 'Isa al-Masih adalah thabit dengan nas ini, sama ada bisyarah ini termuat di dalam kitab-kitab suci Injil yang tersebar itu atau tidak termuat. Begitu juga thabit dan jelas bahawa cara kitab-kitab Injil itu ditulis dan suasana-suasana yang dilalui kitab-kitab itu tidak dapat menjadikan kitab-kitab itu sebagai sumber rujukan mu'tamad dalam perkara ini.

Al-Qur'an ini telah dibaca kepada kaum Yahudi dan Kristian di Semenanjung Tanah Arab dan di dalamnya terdapat keterangan berikut:

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلْأُمِّيَّ ٱلَّذِى يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ

157. **"Mereka yang mengikut Nabi yang ummi yang mereka dapatinya tertulis di sisi mereka di dalam Taurat dan Injil."**

(Surah al-A'raf)

Setengah-setengah mereka yang jujur dari para ulama' mereka yang telah memeluk Islam seperti Abdullah ibn Salam telah mengakui hakikat ini iaitu satu hakikat yang mereka saling berpesan satu sama lain supaya menyembunyikannya.

Begitu juga thabit dan jelas dari riwayat-riwayat sejarah bahawa kaum Yahudi menunggu-nunggu kebangkitan seorang Nabi yang telah hampir masanya. Begitu juga para Muwahhidin (penganut-penganut kepercayaan tauhid) yang mengasingkan diri yang terdiri dari ulama'-ulama' Kristian di Semenanjung Tanah Arab turut menunggu-nunggu kebangkitan nabi itu, tetapi kaum Yahudi mahukan Nabi itu lahir dalam kalangan mereka. Oleh itu, apabila iradat Allah memutuskan bahawa Nabi itu dilahirkan dalam satu cabang keturunan yang lain dari zuriat Ibrahim, maka mereka terus memusuhi dan menentangnya.

Walau bagaimanapun nas al-Qur'an ini sendiri merupakan kata pemutus dan final dalam berita-berita yang seperti itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Kaum Yahudi Dan Kaum Kristian Melancarkan Persengketaan Yang Sengit Terhadap Islam Dan Kaum Muslimin Sejak Dahulu Sehingga Sekarang

Nampaknya ayat-ayat yang berikut dalam surah ini adalah kebanyakannya membicarakan tentang sambutan Bani Israel – orang-orang Yahudi dan Nasara – terhadap Nabi yang diumumkan kedatangannya di dalam kitab-kitab suci mereka, dan mengecamkan sambutan mereka yang seperti itu, juga membicarakan tentang usaha-usaha mereka yang jahat terhadap agama yang baru itu, iaitu agama yang telah ditakdirkan Allah untuk ditonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain dan menjadikannya agama yang terakhir.

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ قَالُواْ هَٰذَا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ٦

6. **"Tetapi apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas, mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata."**

وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَ وَهُوَ يُدۡعَىٰٓ إِلَى ٱلۡإِسۡلَٰمِۚ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٧

7. **"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang sanggup membuat dusta terhadap Allah, sedangkan dia diseru kepada agama Islam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."**

يُرِيدُونَ لِيُطۡفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٨

8. **"Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir."**

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ٩

9. **"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."**

Dalam menghadapi agama yang baru ini, Bani Israel telah mengambil sikap bermusuh dan merancang tindakan-tindakan jahat dan usaha-usaha menyesat dan mengelirukan. Mereka telah memeranginya dengan berbagai-bagai sarana dan cara. Mereka terus memeranginya dengan membabi buta tanpa mengenal gencatan senjata sehingga hari ini. Mereka memeranginya dengan melemparkan tuduhan, **"apabila dia (Ahmad) datang kepada mereka membawa ayat-ayat yang jelas mereka berkata: Ini adalah suatu sihir yang nyata."** Tuduhan mereka sama dengan tuduhan yang dilemparkan oleh orang-orang yang tidak mengetahui kitab-kitab suci dan tidak mengetahui tentang bisyarah yang mengumumkan berita kedatangan seorang Rasul yang akan membawa agama yang baru.

Mereka juga telah memerangi agama yang baru itu dengan menaburkan hasutan dan fitnah pergaduhan di dalam khemah Islam untuk melaga-lagakan di antara kaum Muhajirin dan Ansar, dan di antara Aus dan Khazraj di dalam barisan Ansar. Mereka memerangi dengan membuat pakatan sulit dengan kaum Munafiqin dan terkadang-kadang dengan kaum Musyrikin. Mereka memeranginya dengan menggabungkan diri mereka dengan pihak-pihak musuh yang menyerang sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan al-Ahzab. Mereka memeranginya dengan membuat desas-desus dan berita-berita angin yang dusta sebagaimana yang telah berlaku dalam peristiwa tuduhan curang yang dusta terhadap Sayyidatina 'Aisyah yang dilakukan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul, dan apa yang berlaku dalam peristiwa fitnah Sayydina 'Uthman yang dilakukan oleh musuh Allah, Abdullah ibn Saba'. Mereka memeranginya dengan cerita-cerita bohong dan cerita-cerita karut kaum Israel yang dimasukkan ke dalam kitab-kitab hadith, sirah dan tafsir setelah mereka gagal untuk memasukkan pembohongan-pembohongan mereka di dalam kitab suci al-Qur'anul- Karim.

Mereka terus memerangi Islam tanpa mengenal gencatan senjata walau satu sa'at sekalipun hingga ke masa kini. Gerakan Zionis antarabangsa dan gerakan Salib (crusade) antarabangsa terus-menerus merancangkan tindakan-tindakan yang jahat terhadap Islam. Mereka terus menyerang dan mengganyang Islam dan tidak pernah berhenti dan berdamai dalam mana-mana generasi sekalipun. Mereka memerangi Islam di dalam peperangan-peperangan Salib di Timur, dan memeranginya di Andalusia di Barat, dan mereka memeranginya di Timur Tengah di dalam kerajaan khilafah 'Uthmaniyah yang terakhir dengan peperangan yang ganas hingga mereka berjaya mencaing-caingkan kerajaan itu dan membahagi-bahagikan Empayar 'Uthmaniyah yang mereka namakannya sebagai harta pusaka "Orang Sakit". Setelah itu mereka mewujudkan pahlawan-pahlawan palsu di negeri-negeri Islam yang bekerja untuk kepentingan-kepentingan mereka, iaitu bekerja untuk melaksanakan dendam kesumat dan tindakan-tindakan jahat mereka terhadap Islam.

Apabila mereka mahu menghancurkan Khilafah 'Uthmaniyah dan menghapuskan saki-baki fenomena pemerintahan Islam yang terakhir di sana, mereka ciptakan seorang pahlawan di Turki (Kamal Ataturk – penterjemah), lalu mereka membesar-besarkan imejnya dan membuat angkatan-angkatan tentera pihak bersekutu yang menduduki Istanah di waktu itu berundur di hadapan angkatan tenteranya, supaya beliau benar-benar dipandang sebagai pahlawan di mata rakyat Turki, iaitu seorang pahlawan yang telah berjaya menghapuskan sistem pemerintahan khalifah, menghapuskan penggunaan bahasa Arab, memencilkan Turki dari umat Muslimin, dan mengisytiharkan negara Turki sebagai negara sekular yang tidak ada hubungan dengan agama. Mereka terus-terang mengulangi tindakan mereka mewujudkan pahlawan-pahlawan palsu apabila mereka mahu menghancurkan Islam dan harakat-harakat Islam di dalam mana-mana negeri Islam dan menggantikannya dengan satu 'Asabiyah baru yang bukan 'Asabiyah agama dan dengan satu bendera baru yang bukan bendera Islam.

يُرِيدُونَ لِيُطْفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَـٰفِرُونَ ٨

8. **"Mereka mahu memadamkan nur (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang kafir."**

Ayat ini mengungkapkan satu hakikat dan senafas itu juga melukiskan satu gambaran yang sinis. Sebenarnya mulut mereka berkata: **Ini adalah suatu sihir yang nyata,** dan di samping itu mereka melakukan berbagai-bagai tindakan yang jahat untuk menghapuskan agama yang baru itu. Ini adalah satu gambaran yang amat malang, yang berhempas pulas berusaha untuk memadamkan cahaya agama dengan tiupan angin dari mulut mereka, sedangkan mereka adalah makhluk-makhluk yang kerdil belaka.

وَٱللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَـٰفِرُونَ ٨

8. **"Tetapi Allah tetap menyempurnakan nur-Nya walaupun dibencikan orang-orang yang kafir."**

Allah telah menepati janji-Nya dan Dia telah menyempurnakan agama-Nya dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. Allah telah menegakkan kelompok Muslimin itu sebagai satu imej yang hidup di alam kenyataan yang menggambarkan sistem agama Allah yang terpilih, iaitu satu gambaran yang lengkap dengan ciri-cirinya yang jelas dan batas-batasnya yang terang, yang dapat difaham oleh seluruh generasi manusia, bukan selaku satu teori di dalam buku-buku tetapi selaku hakikat di alam kenyataan. Allah telah menyempurnakan nur-Nya dengan menyempurnakan agama umat Muslimin dan menyempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya ke atas mereka. Allah telah merelakan Islam menjadi agama yang dicintai mereka, agama yang mereka sanggup berjuang untuk

mempertahankannya. Setiap orang dari mereka rela dicampakkan ke dalam api dari kembali menjadi kafir. Dengan itu sempurnalah pertumbuhan hakikat agama di dalam hati dan di muka bumi. Dan hakikat ini terus membungkas dari satu masa ke satu masa dan terusan hidup dan bangkit berdiri walaupun Islam dan kaum Muslimin diperangi, ditipudaya, ditindas, diburu dan ditindak ganas dengan berbagai-bagai cara, kerana nur Allah tidak mungkin dipadamkan dengan mulut, dan tidak mungkin dihapuskan dengan kekuatan api dan besi di tangan manusia-manusia abdi, walaupun pemerintah-pemerintah yang ganas dan kejam dan pahlawan-pahlawan yang diwujudkan oleh pejuang-pejuang Salib dan kaum Yahudi itu merasa bahawa mereka telah berjaya mencapai matlamat mereka yang jauh itu.

Takdir Allah telah menentukan bahawa agama ini pasti muncul mengatasi agama-agama yang lain, kerana itu ia pasti berlaku begitu:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

9. **"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar supaya Dia menonjolkannya ke atas seluruh agama yang lain walaupun dibencikan para Musyrikin."**

Dalam ayat ini Allah memberi pengakuan bahawa agama ini adalah suatu hidayat dan agama yang benar. Pengakuan ini merupakan pengakuan mu'tamad, merupakan kata pemutus yang tidak perlu kepada apa-apa tokok-tambah lagi. Iradat Allah telah sempurna, dan agama ini telah tegak dan muncul mengatasi seluruh agama yang lain. Ia tegak dan muncul sebagai satu agama yang tidak dapat digugat oleh mana-mana agama yang lain baik dari segi hakikatnya mahu pun dari segi tabiatnya. Agama paganisme yang lain tidak mempunyai sesuatu nilai dalam bidang ini. Bagi agama-agama Kitabi (atau samawi) yang lain pula, maka agama Islam inilah yang menjadi penamatnya dan merupakan bentuk terakhir yang lengkap bagi agama-agama itu. Ia merupakan bentuk tertinggi yang sesuai hingga ke penghabisan zaman.

Agama-agama kitabi yang lain telah diubah, dikoyak-rabak dan ditokok-tambah dengan unsur-unsur yang asing darinya. Agama-agama itu telah dipotong dan dikurangi di sana sini dan akhirnya ia mempunyai bentuk yang tidak sedikit pun melayakkannya untuk memimpin kehidupan manusia. Dan hatta sekalipun agama-agama itu kekal tanpa dipinda, ditokok-tambah dan diubah, maka agama-agama itu merupakan satu naskhah lama yang tidak meliputi segala keperluan hidup manusia yang sentiasa berubah dan membaharu, kerana ia diturun mengikut perencanaan Allah untuk satu zaman yang terbatas sahaja.

Inilah pelaksanaan janji Allah dari segi tabiat agama dan hakikatnya. Adapun pelaksanaan janji Allah di alam kenyataan, maka Allah telah pun menepati janji-Nya sekali. Agama ini telah pun muncul sebagai satu kekuatan, sebagai satu hakikat dan sebagai satu

sistem pemerintahan yang mengatasi seluruh agama yang lain. Sebahagian terbesar dari negeri-negeri di dunia ini telah tunduk kepada pemerintahannya dalam masa satu abad sahaja kemudian secara damai ia mara ke tengah benua-benua Asia dan Afrika hingga begitu ramai telah memeluk agama ini dengan semata-mata da'wah, iaitu lima kali ganda lebih ramai dari jumlah manusia yang memeluk agama ini dalam masa gerakan-gerakan jihadnya yang pertama. Sehingga kini ia masih terus mengembang dengan sendiri tanpa dibantu oleh sebuah kerajaan pun sejak Pergerakan Zionisme Antarabangsa dan Pergerakan Salib Antarabangsa berjaya menghapuskan sistem khilafah yang terakhir di tangan pahlawan yang diwujudkan mereka. Agama ini terus berkembang walaupun ditentang dan ditindas berbagai-bagai negeri di dunia dan walaupun harakat-harakat Islamiyah yang bangkit dalam setiap negeri Islam itu dihancurkan oleh pahlawan-pahlawan yang diwujudkan oleh Pergerakan Zionisme Antarabangsa dan Pergerakan Salib Antarabangsa.

Agama ini masih terus mempunyai peranan-peranan di dalam sejarah manusia dan dengan izin Allah ia akan muncul mengatasi segala agama yang lain tepat seperti yang dijanjikan itu, iaitu satu janji yang tidak mungkin dihalangi oleh tenaga usaha manusia-manusia abdi yang kerdil biarpun bagaimana hebat kekuatan, tipudaya dan pengeliruan mereka.

Semua ayat-ayat ini memberi perangsang kepada para Mu'minin yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka supaya memikul amanah agama Allah setelah mereka dipilih Allah untuk tugas itu dan setelah amanah itu dikhianati oleh kaum Yahudi dan Kristian. Ayat-ayat ini juga dituju untuk meyakinkan hati mereka dalam usaha perjuangan melaksanakan takdir Allah untuk menegakkan agama-Nya sebagaimana yang dikehendaki oleh-Nya. Mereka hanya tidak lebih dari alat belaka. Dan ayat-ayat ini akan terus memberangsang dan meyakinkan hati para Mu'minin yang percaya kepada janji Allah, dan akan terus mencetuskan perasaan-perasaan yang seperti itu di dalam kalangan generasi-generasi yang akan datang, sehingga janji Allah terlaksana sekali lagi dengan izin-Nya di alam kenyataan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

Allah Sifatkan Jihad Sebagai Perniagaan Yang Paling Menguntungkan Orang-orang Yang Beriman

Di bawah bayangan kisah 'aqidah dan dengan janji Allah untuk menegakkan agama-Nya yang terakhir ini, al-Qur'an menyeru para Mu'minin yang ditujukan ayat-ayat berikut kepada mereka, juga menyeru para Mu'minin yang datang selepas mereka sehingga sampai kepada hari Qiamat...... Al-Qur'an menyeru mereka kepada satu perniagaan yang paling beruntung di dunia dan di Akhirat, iaitu perniagaan beriman kepada Allah dan berjihad kerana agama Allah:

10. "Wahai orang-orang yang beriman! Apakah kamu suka Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih?"

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

11. "Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu. Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui."

يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّٰتِ عَدْنٍ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾

12. "Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar."

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

13. "Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."

Susunan pengungkapan ayat ini yang mengandungi keterangan-keterangan yang dipisah dan disambung, pertanyaan dan jawapan dan keterangan yang disebut dahulu dan disebut kemudian, adalah satu pengungkapan yang jelas bermaksud untuk menyematkan isi kandungan seruan ini di dalam hati manusia dengan segala saranan pengungkapan yang efektif.

Ayat ini dimulakan dengan seruan atas nama keimanan, **"Wahai orang-orang yang beriman"**, kemudian diiringi dengan pertanyaan yang menarik kerana Allah sendiri yang bertanya kepada mereka dan menggalakkan mereka menjawab: **Apakah kamu suka aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih?** Siapakah yang tidak suka ditunjukkan Allah tentang perniagaan? Sampai di sini ayat ini pun berakhir dan kedua-dua penerangan yang menggalakkan itu terputus menunggu jawapan. Kemudian jawapan yang ditunggu-tunggu oleh hati dan telinga itu pun datang **"Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya."** Hati mereka pun riang mendengar sebahagian jawapan (yang menyebut sifat) yang ada pada mereka, **"Dan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga**

kamu." Itulah maudhu' pokok yang dibicarakan oleh surah ini. Ia dikemukakan dengan uslub ini dan diulang-ulangkan begini dan ia diterangkan dengan ungkapan seperti ini. Allah mengetahui bahawa hati manusia memerlukan keterangan yang berulang-ulang dan beranekaragam dan sentuhan-sentuhan yang menarik seperti ini supaya mereka sanggup memikul tugas yang berat itu, dan ia juga perlu untuk menegakkan sistem hidup Ilahi ini dan mengawalkannya di muka bumi ini. Kemudian ia iringi penjelasan perniagaan itu dengan kenyataan memuji kebaikannya, "**Itulah yang lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui.**" Oleh itu mengetahui hakikat yang sebenar akan membawa orang yang mengetahuinya kepada kebaikan yang amat diyakinkan itu. Kemudian ia menghuraikan kebaikan itu satu persatu dalam ayat berikutnya yang tersendiri, kerana huraian yang terperinci selepas keterangan yang ringkas ini membuat hati rindu kepada huraian itu dan membuat huraian itu tersemat kukuh di dalam perasaannya. "**Nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu.**" Keampunan ini sahaja sudah cukup. Siapakah orang yang dijamin Allah mendapat keampunan dari dosa-dosanya, kemudian ia mengharapkan lagi sesuatu yang lain selepasnya? Atau hendak menyimpan sesuatu yang lain kerana keampunan itu? Tetapi limpah kurnia Allah itu tidak ada batasnya, malah Allah akan "**memasukkan kamu ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai dan menempatkan kamu di kediaman-kediaman yang selesa di dalam Syurga-syurga 'Adni. Itulah keberuntungan yang amat besar.**"

Itulah satu perniagaan yang paling menguntungkan apabila seseorang Mu'min sanggup berjihad dalam hidupnya yang pendek di dunia ini – sekalipun dia kehilangan seluruh kehidupan ini – kemudian dia dibalaskan dengan taman-taman Syurga dan tempat-tempat kediaman yang amat selesa dalam satu kehidupan yang penuh ni'mat yang abadi. Sebenarnya, "**itulah keberuntungan yang amat besar.**"

Seolah-olah kira-kira perniagaan yang amat menguntungkan itu berakhir di sini. Itulah keuntungan yang amat besar apabila orang Mu'min memberi dunia dan mengambil Akhirat. Peniaga yang berniaga dengan satu dirham dan mendapat keuntungan sepuluh dirham akan diiri hati oleh semua peniaga di pasar itu, bagaimana pula dengan peniaga yang berniaga beberapa hari di bumi dan hidup dengan keni'matan yang amat terbatas di dalam kehidupan dunia, kemudian dia mendapat keuntungan dengan kehidupan yang kekal abadi yang tiada diketahui hujung sutnya melainkan mengikut iradat Allah, iaitu satu keni'matan yang tak kunjung putus dan tak pernah tersekat dan terlarang!

Satu mubaya'ah telah diadakan di antara Rasulullah s.a.w. dan Abdullah ibn Rawahah r.a. di malam al-'Aqabah. Abdullah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Terangkan syarat-syarat yang anda kehendaki untuk Tuhan anda dan untuk diri anda." Jawap Rasulullah s.a.w.: "Aku memberi syarat untuk Tuhanku ialah kamu beribadat kepada-Nya sahaja dan jangan sekali-kali kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa, dan aku memberi syarat untuk diriku pula ialah kamu mempertahankan diriku sebagaimana kamu mem-

pertahankan diri kamu dan harta benda kamu." Lalu Abdullah bertanya: "Apakah balasan untuk kami jika kami laksanakan semuanya itu?" Jawab beliau: "Syurga." Lalu mereka berkata: "Alangkah untungnya urusniaga ini dan kami tidak akan membatalkannya dan tidak akan menuntut dibatalkannya."

Tetapi limpah kurnia Allah itu amat besar. Dia mengetahui mereka menginginI suatu limpah kurnia Allah yang dekat di bumi ini yang sesuai dengan tabiat manusia yang terbatas, lalu Allah memperkenankan kehendak mereka dan menyampaikan kepada mereka berita gembira yang telah ditetapkan dalam ilmu-Nya yang tersembunyi iaitu berita kemenangan agama ini di bumi, berita terlaksananya sistem Ilahi ini menguasai seluruh bidang hidup generasi mereka:

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا ۖ نَصْرٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

13. "Dan satu lagi kurnia yang disukai kamu iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin."

Di sini perniagaan itu telah mencapai kemuncak keuntungan yang tidak mungkin dikurniakan melainkan oleh Allah yang tak pernah kering khazanah-Nya dan tak pernah menahan limpah rahmat-Nya, iaitu pengurniaan keampunan, taman-taman Syurga, kediaman-kediaman yang selesa dan ni'mat yang kekal abadi di Akhirat dan di samping mendapat keuntungan yang amat besar itu ialah pengurniaan pertolongan dan kemenangan yang dekat. Siapakah orangnya setelah Allah tunjukkan kepadanya satu perniagaan yang amat menguntungkan, tiba-tiba dia berpatah ke belakang dan menyimpang darinya?

Ketika berdepan dengan galakan dan pemberangsangan ini, tercetuslah di dalam hati satu pandangan iaitu seorang Mu'min yang memahami hakikat persepsi keimanan terhadap alam buana dan hayat, kemudian dia menghayati persepsi itu dengan sepenuh hatinya sambil melihat dan meninjau ufuk-ufuknya yang jauh, kemudian dia meneliti pula kehidupan tanpa iman, dalam batasnya yang sempit dan kecil, dan dalam tahap-tahapnya yang rendah dan dengan minat-minatnya yang kerdil dan remeh, sudah tentu hati seperti ini tidak berupaya hidup barang sedetikpun tanpa keimanan dan tidak akan teragak-agak untuk turun ke medan jihad demi menegakkan persepsi yang agung, luas dan luhur itu di alam kenyataan supaya dia dapat hidup di dalamnya dan dapat melihat orang lain juga hidup bersama-sama dengannya. Orang ini mungkin tidak akan meminta sesuatu upah yang luar dari jihad itu sendiri, kerana jihad itu sendiri merupakan pahala yang melimpahkan kepuasan dan kegirangan di dalam hati. Kemudian orang ini tidak akan berupaya untuk hidup di sebuah alam tanpa iman, tidak sanggup untuk berhenti berjihad demi membangunkan sebuah alam yang dipenuhi keimanan, malah dia akan terus mara berjihad biarpun bagaimana nasib yang akan diterimanya.

Tetapi Allah S.W.T. mengetahui bahawa jiwa manusia dilanda kelemahan, semangatnya yang berkobar-kobar menurun dan daya tenaganya patah dan penat. Kecintaan kepada keselamatan hidup kadang-kadang menurunkan seluruh perasaan itu dan mendorong mereka berpuas hati dengan realiti hidup yang rendah.

Justeru itu al-Qur'an bersungguh-sungguh menanamkan semangat jihad itu di dalam jiwa manusia dan berulang-ulang kali menyeru mereka dengan berbagai-bagai saranan dan perangsang dalam bermacam-macam kesempatan. Al-Qur'an tidak hanya berpada dengan menyeru mereka kepada keimanan semata-mata dan tidak pula berpada dengan membuat satu seruan sahaja atas nama keimanan itu.

Di sini al-Qur'an menamatkan surah ini dengan satu seruan yang baru yang membawa ciri yang baru, galakan yang baru dan saranan yang baru:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوٓا۟ أَنصَارَ ٱللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيِّـۧنَ مَنْ أَنصَارِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ۖ فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٌ ۖ فَأَيَّدْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا۟ ظَٰهِرِينَ ﴿١٤﴾

14. "Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah? Jawab sahabat-sahabat setia itu: Kamilah para penyokong Allah. Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."

Sahabat-sahabat setia atau Hawariyyun ialah murid-murid 'Isa al-Masih a.s. – mereka – menurut satu pendapat – terdiri dari dua belas orang yang sentiasa bersama dengannya dan menumpukan seluruh hidup mereka untuk menerima pengajaran-pengajaran darinya. Merekalah yang berjuang selepas beliau diangkatkan Allah ke langit menyebarkan ajaran-ajaran dan wasiat-wasiatnya.

Tujuan ayat ini ialah untuk menggambarkan satu pendirian bukannya untuk memperincikan sebuah kisah, kerana itu kami tumpukan ulasan kami di sini kepada tujuan disebutkan kisah itu di tempat ini dalam surah ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوٓا۟ أَنصَارَ ٱللَّهِ

14. "Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu para penyokong Allah"

di tempat yang mulia ini, di mana kamu telah diangkatkan Allah kepadanya. Apakah di sana ada lagi satu tempat yang lebih tinggi dari tempat seorang hamba yang menyerahkan dirinya menjadi penyokong Allah? Sifat penyokong Allah merupakan satu sifat yang membawa penghormatan yang lebih besar dari Syurga dan ni'mat yang limpah. Jadilah kamu para penyokong Allah, sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya, **"Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah?"** Jawab sahabat-sahabat setia itu, **"Kamilah para penyokong Allah."** Mereka telah memberi kesanggupan untuk memikul tugas itu dan telah memperolehi penghormatan mendapat gelaran para penyokong Allah. Nabi 'Isa a.s. adalah datang untuk menyampaikan berita gembira mengenai kedatangan seorang Nabi yang baru dan agama yang baru. Oleh itu, alangkah lebih wajarnya bagi pengikut-pengikut Nabi Muhammad s.a.w. memberi kesanggupan untuk memikul tugas yang berkekalan ini sebagaimana sahabat-sahabat setia 'Isa a.s. telah memberi kesanggupan untuk memikul tugas itu yang hanya bersifat sementara sahaja kepada mereka. Inilah maksud yang jelas dari menyebut kisah soal jawab itu di dalam ayat ini.

Bagaimana akibatnya?

فَـَٔامَنَت طَّآئِفَةٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَكَفَرَت طَّآئِفَةٌ فَأَيَّدۡنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَىٰ عَدُوِّهِمۡ فَأَصۡبَحُواْ ظَٰهِرِينَ ﴿١٤﴾

14. "Lalu berimanlah segolongan dari Bani Israel dan segolongan yang lain pula menjadi kafir. Lalu kami bantukan orang-orang yang beriman itu mengalahkan musuh mereka dan mereka telah mendapat kemenangan."

Pentafsiran maksud dari ayat ini bolehlah dibawa kepada dua pengertian, iaitu sama ada ayat ini bermaksud menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dengan kerasulan 'Isa ialah seluruh orang-orang Kristian termasuk mereka yang berpegang dengan 'aqidah yang betul dan mereka yang berpegang dengan 'aqidah yang telah bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan yang sesat, kerana mereka telah dibantu oleh Allah mengalahkan orang-orang Yahudi yang sama sekali tidak beriman kepada kerasulan 'Isa sebagaimana telah berlaku di dalam sejarah, atau ayat ini bermaksud menyatakan bahawa orang-orang yang beriman itu ialah golongan yang berpegang teguh dengan kepercayaan tauhid yang menentang golongan yang bertuhankan 'Isa dan golongan yang berpegang dengan 'aqidah triniti ('aqidah tiga komponen) dan seluruh golongan agama yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid. Maksud ayat, **"Dan mereka telah mendapat kemenangan"** ialah mereka telah mendapat kemenangan dengan kekuatan hujah-hujah dan alasan-alasan yang kukuh, atau 'aqidah tauhid yang dipegang oleh mereka itulah yang diberi kemenangan oleh Allah dengan agama yang terakhir ini dan kepadanya diserahkan pusingan terakhir di bumi ini sebagaimana telah berlaku di

dalam sejarah. Pengertian yang akhir ini lebih hampir dan lebih kuat kemungkinannya di dalam ayat ini.

Contoh teladan yang dapat diambil dari kisah ini dan dari seruan ini ialah contoh teladan yang telah kami terangkan tadi iaitu membangkitkan semangat para Mu'minin untuk memperjuangkan agama yang akhir ini, kerana merekalah pemegang-pemegang amanah agama Allah di muka bumi ini. Merekalah pewaris 'aqidah dan agama Ilahiyah yang dipilih untuk memikul tugas Yang Maha Agung ini atau membangkitkan semangat mereka untuk membantu Allah dan membantu agama-Nya sebagaimana 'Isa putera Maryam berkata kepada sahabat-sahabat setianya: **"Siapakah yang sanggup menjadi para penyokongku untuk menegakkan agama Allah?"** Jawab sahabat-sahabat setia itu, **"Kamilah para penyokong Allah."** Dan kemenangan itu pada akhirnya dicapai oleh para penyokong Allah.

Itulah pusingan dan sentuhan terakhir dalam surah ini. Pusingan dan sentuhan ini mempunyai warna dan rasa yang sesuai dengan suasana surah dan penerangan-penerangannya yang mengandungi anekaragam warna dan rasa itu.

سُورَةُ الْجُمُعَةِ

SURAH AL-JUMU'AT
Surah Jumu'at
Surah (62) – Madaniyah – 11 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١﴾

1. **Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah, Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.**

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٢﴾

2. **Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas.**

وَآخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا بِهِمْ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣﴾

3. **Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka, dan Dia (Allah) Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.**

ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٤﴾

4. **Itulah limpah kurnia Allah yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar.**

مَثَلُ ٱلَّذِينَ حُمِّلُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ ٱلْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًۢا ۚ بِئْسَ مَثَلُ
ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥﴾

5. **Perbandingan orang-orang yang telah dipertanggungkan Taurat, kemudian mereka tidak menanggungnya sama seperti keldai yang menanggung kitab-kitab yang besar. Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim.**

قُلْ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ هَادُوٓا۟ إِن زَعَمْتُمْ أَنَّكُمْ أَوْلِيَآءُ لِلَّهِ مِن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ
إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿٦﴾

6. **(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Wahai orang-orang Yahudi! Jika benar kamu mendakwa bahawa hanya kamu sahaja orang-orang kesayangan Allah tidak orang-orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar.**

وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُۥٓ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٧﴾

7. **Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim.**

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَـٰقِيكُمْ ۖ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ
وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

8. **(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu.**

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟
ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

9. Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jualbeli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui.

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا
لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

10. Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu di bumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyak kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan.

وَإِذَا رَأَوْا۟ تِجَٰرَةً أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓا۟ إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمًا ۚ قُلْ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ
ٱلتِّجَٰرَةِ ۚ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١﴾

11. Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan, mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini diturun selepas Surah as-Saff yang telah lalu. Ia juga mengolahkan persoalan yang diolahkan oleh Surah as-Saff, tetapi pengolahannya dari sudut yang lain, dengan gaya cara yang lain dan dengan pernyataan-pernyataan menarik yang baru.

Ia mahu menanamkan di dalam hati kelompok Muslimin di Madinah bahawa merekalah umat terpilih yang akhir untuk memikul amanah 'aqidah keimanan. Ini merupakan suatu limpah kurnia Allah kepada mereka. Juga ia mahu menanamkan dalam hati mereka bahawa kebangkitan Rasul yang akhir dalam kalangan kaum Ummi iaitu bangsa Arab merupakan satu pengurniaan Yang Maha Besar yang wajib dipandang berat dan disyukuri mereka. Pengurniaan itu juga memberi tugas-tugas yang harus dipikul oleh kelompok Muslimin yang telah menyambut da'wah Rasul dan memikul amanah itu, iaitu amanah yang terus bersambung dari zaman ke zaman tanpa putus-putus. Takdir Allah telah menentukan bahawa benih da'wah ini harus subur dan berkembang setelah gagalnya Bani Israel memikul amanah ini dan putusnya hubungan mereka dengan amanah Allah. Kini mereka memikul Taurat sama seperti keldai membawa kitab-kitab yang besar di atas belakangnya tanpa komitmen untuk memahami isi kitab-kitab itu dan tanpa memberi apa-apa sumbangan kepadanya.

Itulah hakikat pokok yang dibicarakan oleh surah ini dan yang mahu ditanamkannya di dalam hati kaum Muslimin yang berada di Madinah pada masa itu khususnya,

iaitu mereka yang telah ditugaskan Allah untuk menegakkan sistem hidup Islam di alam kenyataan, juga di dalam hati kaum Muslimin umumnya yang akan datang kemudian dari mereka, iaitu dari orang-orang yang diisyarat dan digabungkan oleh surah ini ke dalam angkatan Muslimin yang bersambung-sambung di sepanjang zaman itu.

Dalam waktu yang sama surah ini memperkatakan tentang beberapa keadaan yang berlaku dalam angkatan pertama kaum Muslimin, iaitu semasa mereka berada dalam proses pembinaan jiwa yang sukar, halus dan mengambil masa yang panjang, juga dalam proses membersihkan jiwa mereka dari daya-daya penarik yang menjadi penghalang perkembangannya, iaitu perasaan-perasaan tamak haloba dan keinginan yang terburu-buru untuk mendapatkan keuntungan, juga adat resam yang diwarisi masyarakat, dan khususnya perasaan kasihkan harta kekayaan dan sebab-sebabnya yang melalaikan kaum Muslimin dari tugas memikul amanah yang maha agung dan dari tugas menyiapkan diri untuk maksud itu. Surah ini menyebut satu peristiwa tertentu. Pada masa itu Rasulullah s.a.w. sedang menyampaikan khutbah Juma'at dalam masjid, tiba-tiba satu qafilah dari qafilah-qafilah perdagangan tiba di situ dan sebaik sahaja berita ketibaannya diumumkan, maka hadhirin yang sedang mendengar khutbah itu keluar menyerbu kepada qafilah perdagangan dan hiburan yang biasanya diberikan kepada qafilah itu seperti memalu gendang dan menyanyi. Mereka meninggalkan Rasulullah s.a.w. berdiri, dan yang tinggal di situ hanya dua belas orang sahaja dari sahabat-sahabat yang teguh termasuk Abu Bakr dan 'Umar yang terus mendengar khutbah beliau. Walaupun riwayat-riwayat mengenai bilangan mereka itu boleh jadi kurang tepat, namun riwayat itu merupakan riwayat-riwayat yang thabit dari segi berlakunya kejadian penyerbuan keluar yang dilakukan oleh sebilangan hadhirin yang perlu ditegur di dalam al-Qur'anul-Karim.

Peristiwa ini sendiri menunjukkan sejauh mana usaha yang ditumpahkan untuk mendidik kelompok Muslimin yang pertama itu sehingga mereka berjaya menjadi contoh yang unik di dalam sejarah Islam dan di dalam sejarah umat manusia seluruhnya. Peristiwa ini juga menyarankan kepada kita supaya bersabar menempuh kesulitan mendidik dan membina jiwa di dalam mana-mana generasi Muslimin untuk membentuk kelompok Muslimin yang mampu memikul amanah 'aqidah Islam dan menegakkannya di alam kenyataan sebagaimana yang telah dilakukan oleh kelompok Muslimin pertama.

Di dalam surah ini juga disebut kisah mubahalah atau cabaran terhadap orang Yahudi, iaitu mencabar mereka supaya sanggup sama-sama berdo'a kepada Allah dengan cita-cita ditimpa maut ke atas pihak yang salah dari dua puak itu (puak Yahudi dan puak Islam). Cabaran ini dibuat sebagai menyambut dakwaan mereka bahawa merekalah golongan manusia kesayangan Allah dan bukannya golongan manusia yang lain, dan bahawa merekalah umat pilihan Allah dan bahawa kebangkitan Rasul itu tidak akan berlaku di kalangan umat lain dari mereka, tetapi al-Qur'an dengan tegas menjelaskan bahawa mereka tidak akan sanggup menerima cabaran itu kerana mereka sedar bahawa dakwaan-dakwaan mereka adalah dusta. Kemudian surah ini mengulas peristiwa cabaran ini

dengan menjelaskan hakikat maut yang ditakuti mereka itu, iaitu maut akan tetap menemui mereka dan mereka tetap akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, dan Allah akan memberitahu mereka segala perbuatan yang telah dilakukan mereka. Penjelasan ini bukan hanya ditujukan kepada orang Yahudi sahaja, malah al-Qur'an mengemukakan penjelasan itu dan membiarkannya begitu supaya mempengaruhi jiwa kaum Muslimin juga, kerana hakikat ini perlu tersemat di dalam jiwa pendukung-pendukung amanah Allah di bumi supaya mereka melaksanakan tugas-tugas mereka dengan pengetahuan yang cukup ke jalan mana mereka tuju.

Inilah maksud surah ini dan ia hampir-hampir sama dengan maksud Surah as-Saff sebelumnya. Yang berbeza hanya sudut yang diolah oleh masing-masing surah itu dan gaya cara yang digunakan masing-masing untuk menarik hati manusia. Sekarang marilah kita memperhatikan bagaimana gaya cara al-Qur'an membicarakan maksud ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

1. **"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah, Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Sifat-sifat Allah Yang Mempunyai Hubungan Yang Halus Dengan Pembicaraan Surah

Ayat permulaan ini menjelaskan hakikat tasbih yang berterusan diucapkan oleh seluruh makhluk di alam al-wujud. Ia menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang ada kaitan yang seni dengan maudhu' surah ini, iaitu surah yang dinamakan dengan nama 'al-Jumu'at' yang mengandungi pengajaran mengenai solat Juma'at, penumpuan kepada Zikrullah di waktu solat Juma'at, meninggalkan hiburan dan perniagaan dan mencari keredhaan Allah dan ini adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan. Kerana itu al-Qur'an menyebut sifat Allah " الملك " atau Pemilik Yang Maha Agung yang memiliki segala sesuatu di alam ini kerana sifat ini ada kaitan dengan kegiatan perniagaan yang mereka tergesa-gesa menyerbu kepadanya untuk mendapatkan keuntungan. Kemudian ia menyebut sifat " القدوس " Yang Maha Suci, yang seluruh isi langit dan bumi bertawajjuh kepada-Nya dengan ucapan taqdis dan tanziyah, kerana sifat ini ada kaitan dengan hiburan yang melalaikan mereka dari mengingati Allah. Kemudian ia menyebut sifat " العزيز " Yang Maha Perkasa kerana ada kaitan dengan mubahalah, di mana orang-orang Yahudi dicabar melakukannya, dan dengan maut yang pasti dihadapi oleh seluruh manusia, juga ada kaitan dengan hakikat seluruh manusia pulang kepada Allah dan dengan hakikat hisab. Kemudian ia menyebut sifat " الحكيم " Yang Maha Bijaksana kerana ada kaitan dengan pemilihan Allah yang telah memilih kaum Ummi yang dibangkitkan dalam kalangan mereka seorang Rasul

yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka. Semua sifat-sifat itu mempunyai kaitan-kaitan yang halus dan seni.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Kemudian al-Qur'an mula membicarakan persoalan pokok dari surah ini:

Rasul Terakhir Dipilih Dari Kalangan Kaum Ummi Arab

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ۝٢

2. **"Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas."**

Menurut satu pendapat orang-orang Arab itu dinamakan kaum Ummi kerana kebanyakan mereka tidak tahu membaca dan menulis. Menurut satu riwayat dari Rasulullah s.a.w. beliau telah bersabda:

الشّهر هكذا وهكذا وهكذا وأشار بأصابعه وقال : إنّا نحن أمّة أميّة لا نحسب ولا نكتب (1)

"**Bulan itu begini, begini dan begini.** Dan beliau memberi isyarat dengan tangannya sambil bersabda: **Kami adalah satu umat yang Ummi, kami tidak tahu mengira dan menulis."**

Menurut satu pendapat yang lain pula sebab dinamakan orang yang tidak tahu menulis itu sebagai Ummi kerana ia dihubungkan dengan keadaannya yang jahil semasa dilahirkan ibunya, sebab kepandaian menulis itu hanya dicapai melalui belajar.

Mungkin juga orang-orang Arab itu dinamakan begitu sama seperti orang-orang Yahudi menamakan bangsa yang lain dari mereka sebagai 'Juyim' dalam bahasa Hebrew yang bererti 'Bangsa-bangsa asing' atau umamiyun' nisbah kepada umat-umat yang lain. Ini dengan sifat mereka sebagai satu bangsa pilihan Allah, sedangkan bangsa-bangsa yang lain merupakan bangsa-bangsa asing belaka. Kata nisbah " أمة " yang mufrad dalam bahasa Arab ialah Ummi. Barangkali pentafsiran ini lebih dekat kepada maudhu' surah ini.

---

(1) Hadith ini disebut oleh al-Imam al-Jassas pengarang " أحكام القرآن " tanpa sanad.

Orang-orang Yahudi (di zaman itu) memang menunggu-nunggu kebangkitan Rasul yang akhir dari kalangan bangsa mereka dengan harapan bahawa Rasul inilah yang akan dapat menyatupadukan orang-orang mereka yang telah berpecahbelah itu dan menolong mereka menang kembali setelah mereka dikalahkan umat yang lain, juga mengangkatkan mereka ke taraf yang mulia setelah mereka jatuh ke taraf yang hina. Mereka sentiasa memohon kemenangan dengan Nabi yang akhir itu.

Tetapi kebijaksanaan Allah telah menghendaki bahawa Nabi yang akhir itu dibangkitkan dari bangsa Arab dari golongan Ummi yang lain dari bangsa Yahudi, kerana Allah mengetahui bahawa bangsa Yahudi tidak lagi mempunyai kelayakan untuk memegang teraju kepimpinan baru yang sempurna bagi umat manusia, sebagaimana akan diterangkan dalam bahagian yang berikut dalam surah ini. Bangsa Yahudi itu telah menyimpang dari jalan yang benar dan sesat sebagaimana telah diterangkan oleh Surah as-Saff, kerana itu mereka tidak layak untuk memikul tugas amanah 'aqidah setelah berlaku penyelewengan dalam sejarah mereka yang panjang.

Di sana do'a Nabi Ibrahim Khalilur-Rahman bersama anaknya Nabi Ismail telah bergema di bawah naungan Baitullah:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَـٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ
ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾ رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا
وَتُبْ عَلَيْنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾ رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ
ءَايَـٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

127 - 129. "Dan (kenangilah) ketika Ibrahim dan Ismail membina asas-asas rumah Ka'bah (dan berdo'a): Wahai Tuhan kami! Terimalah (usaha ini) dari kami, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Wahai Tuhan kami! Jadikan kami berdua Muslim (yang berserah) kepada-Mu dan jadikan dari zuriat kami umat Muslimin (yang berserah) kepada-Mu. Tunjukkan kepada kami ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang. Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah dalam kalangan mereka (zuriat kami) seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Mu kepada mereka, mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka dan membersihkan jiwa mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah)

Itulah do'a yang bergema di sebalik alam ghaib dan di sebalik abad-abad yang silam dan yang tersimpan di sisi Allah dan tidak pernah hilang sehingga tiba waktunya

yang telah ditentukan dalam ilmu Allah menurut keputusan-Nya yang bijaksana, dan sehingga do'a itu menjadi kenyataan di dalam waktunya yang sesuai, sebagaimana yang diaturkan oleh perencanaan Ilahi, dan sehingga ia dapat melaksanakan peranannya di alam buana ini mengikut tadbir Ilahi yang tidak pernah cepat dan tidak pernah lewat walau sedikitpun dari masanya yang telah ditetapkan itu.

Kemudian do'a ini telah menjadi kenyataan mengikut takdir dan tadbir Allah, tepat (seperti ungkapan do'a Ibrahim) yang diulangkan di sini oleh surah ini untuk mengingatkan kata-kata beliau:

رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

2. "Seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka."

Sama seperti yang diucapkan Ibrahim hingga kepada sebutan sifat-sifat Allah pada do'a beliau:

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

129. "Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah)

Itulah sifat yang sama yang disebut sebagai ulasan untuk mengingatkan limpah kurnia-Nya yang besar:

3. "Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai dirinya, lalu beliau bersabda:

«دعوة أبي ابراهيم وبشرى عيسى، ورأت أمّي حين حملت بي كأنّه خرج منها نور أضاءت له قصور بصرى من أرض الشّام.» (1)

---

(1) *Dari riwayat Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Thaur ibn Ziyad dari Khalid ibn Ma'dan dari Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Ujar Ibn Kathir: Ini adalah satu sanad yang baik. Di sana ada lagi syawahid yang diriwayatkan olehnya dari jalan-jalan yang lain.*

yang telah ditentukan dalam ilmu Allah menurut keputusan-Nya yang bijaksana, dan sehingga do'a itu menjadi kenyataan di dalam waktunya yang sesuai, sebagaimana yang diaturkan oleh perencanaan Ilahi, dan sehingga ia dapat melaksanakan peranannya di alam buana ini mengikut tadbir Ilahi yang tidak pernah cepat dan tidak pernah lewat walau sedikitpun dari masanya yang telah ditetapkan itu.

Kemudian do'a ini telah menjadi kenyataan mengikut takdir dan tadbir Allah, tepat (seperti ungkapan do'a Ibrahim) yang diulangkan di sini oleh surah ini untuk mengingatkan kata-kata beliau:

رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

2. **"Seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka."**

Sama seperti yang diucapkan Ibrahim hingga kepada sebutan sifat-sifat Allah pada do'a beliau:

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

129. **"Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**
(Surah al-Baqarah)

Itulah sifat yang sama yang disebut sebagai ulasan untuk mengingatkan limpah kurnia-Nya yang besar:

3. **"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai dirinya, lalu beliau bersabda:

«دعوة أبي ابراهيم وبشرى عيسى ، ورأت أمّي حين حملت بي كأنّه خرج منها نور أضاءت له قصور بصرى من أرض الشّام . »(1)

---

(1) *Dari riwayat Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Thaur ibn Ziyad dari Khalid ibn Ma'dan dari Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Ujar Ibn Kathir: Ini adalah satu sanad yang baik. Di sana ada lagi syawahid yang diriwayatkan olehnya dari jalan-jalan yang lain.*

"Aku ini adalah hasil do'a moyangku Ibrahim dan bisyarah 'Isa. Ibuku telah bermimpi ketika dia mengandungkanku bahawa dia melihat satu cahaya yang menerangi istana Busra di negeri Syam."

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٢﴾

2. **"Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang Rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas."**

Limpah kurnia Allah itu amat jelas sekali apabila Dia memilih kaum Ummi untuk menjadikan mereka Ahli Kitab al-Qur'an yang amat nyata dan mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka untuk mengangkatkan mereka ke darjat yang tinggi dan mengeluarkan mereka dari kebutaan huruf mereka atau dari sifat keummiyan mereka dengan membacakan ayat-ayat Allah kepada mereka, mengubahkan keadaan jiwa dan hidup mereka dan membezakan mereka dari umat-umat yang lain.

Maksud "**membersihkan jiwa mereka**" ialah pembersihan hati nurani dan perasaan, pembersihan pekerjaan dan tingkahlaku, pembersihan kehidupan berumahtangga. Pembersihan kehidupan sosial, pembersihan yang meluhurkan jiwa mereka dari 'aqidah syirik kepada 'aqidah tauhid, dari kepercayaan-kepercayaan yang batil kepada kepercayaan yang benar dan dari dongeng-dongeng yang kabur kepada keyakinan yang amat jelas. Juga meluhurkan jiwa mereka dari noda-noda kekacauan akhlak kepada kebersihan budi pekerti yang beriman, dari kekotoran riba dan pendapatan yang haram kepada kebersihan pendapatan yang halal. Ia merupakan satu pembersihan yang meliputi individu dan kelompok, meliputi kehidupan kebatinan dan kehidupan di alam kenyataan. Pembersihan yang meningkatkan manusia dan kefahaman-kefahamannya terhadap hidup seluruhnya, terhadap dirinya sendiri dan terhadap kelahirannya kepada ufuk-ufuk nur di mana ia dapat berhubung dengan Allah dan berinteraksi dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menghisabkan perasaan dan amalannya dengan hisab para malaikat tertinggi yang amat mulia itu. (1)

Maksud "**Dan mengajar kitab dan hikmat kepada mereka**" ialah mengajar mereka kitab suci al-Qur'an supaya mereka menjadi umat yang mengerti kitab Allah dan mengajar hikmat kepada mereka supaya mereka dapat memahami hakikat-hakikat segala persoalan, membuat perencanaan yang baik, juga mengilham kepada mereka keputusan-keputusan yang saksama dan tindakan-tindakan yang betul. Itulah kebaikan-kebaikan yang melimpah-ruah.

---

(1) Semaklah secara meluas dari kitab " الإنسان بين المادّيّة والإسلام " *Oleh Muhammad Qutb.*

Maksud, "**Walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas**", ialah kesesatan jahiliyah yang pernah dijelaskan oleh Ja'far ibn Abu Talib kepada Najjasyi Seri Maharaja Habsyah semasa kaum Quraysy mengirim 'Amr ibn al-'Aas dan Abdullah ibn Abu Rabi'ah kepada baginda untuk menghasut baginda supaya bencikan kaum Muslimin yang berhijrah ke negeri itu dengan memburuk-burukkan mereka agar baginda menghalau mereka. Ja'far telah mengadap baginda dan berkata:

"Wahai Seri Maharaja, kami dahulu adalah satu kaum yang hidup dalam keadaan jahiliyah, kami menyembah berhala, kami makan bangkai, kami melakukan kejahatan-kejahatan, kami memutuskan hubungan rahim, kami menyakiti jiran tetangga. Orang-orang yang kuat dari kami menelan orang-orang yang lemah. Demikianlah keadaan hidup kami sehingga Allah utuskan kepada kami seorang Rasul dari kalangan kami sendiri. Kami kenal asal-usul keturunannya, kebenaran percakapannya, kejujuran dan kesucian hatinya. Beliau menyeru kami beriman kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya dan beribadat kepada-Nya, beliau menyeru kami supaya membuang segala sembahan yang lain dari Allah yang disembah oleh kami dan datuk nenek kami dari batu-batu dan berhala-berhala. Beliau menyuruh kami bercakap benar, menunaikan amanah, menyambung tali hubungan rahim, memberi layanan yang baik kepada jiran tetangga, menahan diri dari melakukan kejahatan-kejahatan dan bercakap bohong, makan harta anak yatim dan menuduh perempuan-perempuan yang baik dengan tuduhan-tuduhan yang curang, dan beliau menyuruh kami menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa dan beliau menyuruh kami mendirikan solat, menunaikan zakat dan mengerjakan puasa."

Walaupun mereka hidup dalam keadaan jahiliyah, namun Allah mengetahui mereka layak menjadi pendukung-pendukung dan pemegang amanah 'aqidah ini. Allah mengetahui mereka mempunyai kesediaan semulajadi untuk tugas-tugas kebajikan, mempunyai bakat untuk memikul tugas da'wah yang baru, setelah kosongnya kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat itu dari jiwa kaum Yahudi yang telah dirosakkan oleh kehidupan mereka yang sekian lama tertindas hingga menyebabkan jiwa mereka penuh kompleks-kompleks, penyelewengan-penyelewengan dan kesesatan-kesesatan. Kerana itu mereka tidak dapat dibetulkan lagi buat selama-lamanya selepas itu, sama ada dalam masa hidup Nabi Musa a.s. atau dalam masa Nabi-nabi yang lain yang datang selepas beliau. Sehingga Allah telah menetapkan la'nat-Nya dan kemurkaan-Nya ke atas mereka dan merampas kembali dari tangan mereka tugas pengawas amanah agamanya di bumi ini sehingga hari Qiamat.

Allah mengetahui bahawa Semenanjung Tanah Arab di zaman itu merupakan sebaik-baik tapak da'wah yang datang untuk membebaskan seluruh alam dari kesesatan jahiliyah dan dari keruntuhan tamadun empayar-empayar yang agung di mana ulat-ulat perosak telah memamah tamadun itu hingga ke jantungnya. Keadaan ini telah disifatkan oleh seorang penulis barat seperti berikut:

Kedudukan Dunia Yang Bertamadun Di Abad Yang Kelima Dan Keenam

"Di dalam abad yang kelima dan keenam kawasan dunia yang bertamadun adalah berada di tepi jurang kekacauan, kerana 'aqidah-'aqidah agama yang telah menolong membangunkan tamadun itu telah runtuh. Di sana tidak ada lagi satu 'aqidah yang baik yang dapat mengambil tempatnya. Jelaslah di waktu ini bahawa tamadun yang agung yang telah mengambil masa selama 4,000 tahun untuk membangunkannya itu sedang menghampiri kehancuran dan keruntuhan, dan umat manusia ketika itu hampir-hampir kembali semula kepada keadaan yang jakun, kerana suku-suku kaum sentiasa berperang dan berbunuh-bunuhan antara satu sama lain. Di sana tiada peraturan dan undang-undang. Sementara peraturan-peraturan yang telah diwujudkan oleh agama Kristian telah menjalankan fungsi yang memecahbelah dan menghancur menggantikan fungsinya yang menyatupadu dan menegakkan peraturan. Tamadun di waktu itu ibarat sebatang pokok yang besar dengan dahannya menghulur jauh menaungi seluruh alam tetapi berdiri terumbang-ambing kerana kerosakan telah menjalar di dalam tubuhnya hingga ke terasnya... dan di tengah-tengah gejala kerosakan yang menyeluruh inilah lahirnya lelaki yang menyatukan alam seluruhnya." (1)

Gambaran ini diambil dari sudut pandangan seorang penulis Eropah, tetapi gambaran dari sudut pandangan Islam adalah lebih gelap dan kelam lagi.

Allah S.W.T. telah memilih umat Badwi di Semenanjung Tanah Arab yang penuh dengan padang-padang gurun itu untuk mendukung agama ini, kerana Allah mengetahui jiwa mereka dan suasana yang dihadapi mereka mempunyai kesediaan untuk menerima pembaikan, juga mempunyai kesediaan untuk berkorban dan memberi. Lalu Allah utuskan kepada mereka seorang Rasul yang membaca ayat-ayat Allah kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka, walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang amat jelas.

(Pentafsiran ayat 3)

وَءَاخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا۟ بِهِمْ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٣

Siapakah Angkatan Muslimin Kemudian?

3. **"Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka, dan Dia (Allah) Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai maksud "**orang-orang yang lain dari mereka**" itu.

Ujar al-Imam al-Bukhari Rahimahullah: Kami telah diceritakan oleh Abdul Aziz ibn Abdullah, kami telah diceritakan oleh Sulayman ibn Bilal, dari Thaur, dari Abul al-Ghayth,

---

(1) *Dari buku "Sentimen-sentimen Sebagai Asas Tamadun" oleh J.H.Denison dinukilkan dari kitab "Islam Dan Sistem Antarabangsa Yang Baru" karangan Maulana Muhammad Ali terjemahan al-Ustaz Ahmad Jaudah as-Sahhar.*

dari Abu Hurayrah r.a. katanya, "Kami sedang duduk di sisi Nabi s.a.w. tiba-tiba diturunkan kepadanya Surah al-Jumu'at:

وَءَاخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا۟ بِهِمْ ۚ

3. **"Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka."**

Mereka bertanya: **"Siapakah orang-orang itu, wahai Rasulullah?"** Beliau tidak menjawab pertanyaan itu sehingga ditanya sebanyak tiga kali. Di antara kami termasuk Salman al-Farisi, lalu Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya di atas Salman al-Farisi, kemudian beliau bersabda, "Jika iman itu berada di bintang Thuria nescaya ia dicapai oleh lelaki atau seorang lelaki dari mereka." Ini menunjukkan bahawa maksud nas ini merangkumi penduduk negeri Parsi. Kerana inilah Mujahid mentafsirkan ayat ini, "Mereka ialah orang-orang 'Ajam dan siapa sahaja yang beriman kepada Nabi s.a.w. dari bangsa-bangsa yang bukan Arab."

Ujar Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan oleh bapa kami, kami telah diceritakan oleh Ibrahim ibn al-A'la az-Zubaydi, kami telah diceritakan oleh al-Walid ibn Muslim, kami telah diceritakan oleh Abu Muhammad 'Isa ibn Musa dari Abu Hazim, dari Sahl ibn Sa'd as-Sa'idi katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

«إن فى أصلاب أصلاب رجال ونساء من أمتي يدخلون الجنة بغير حساب» ثمّ
قرأ: «وآخرين منهم لمّا يلحقوا بهم.......

"Sesungguhnya di dalam keturunan demi keturunan demi keturunan terdapat lelaki-lelaki dan wanita-wanita yang masuk Syurga tanpa Hisab. Kemudian beliau membaca: **Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka."**

Maksudnya, ialah sekalian mereka yang tinggal dari umat Muhammad s.a.w.

Kedua-dua pendapat ini termasuk di dalam maksud ayat ini iaitu orang-orang yang lain dari bangsa Arab dan orang-orang yang lain dari generasi yang diturunkan al-Qur'an kepada mereka. Ayat ini menunjukkan bahawa umat Islam itu merupakan mata-mata rantai yang terus bersambung-sambung di merata pelosok bumi dan di sepanjang liku-liku zaman. Mereka silih berganti mendukung amanah yang agung dan berdiri teguh di atas agama Allah yang akhir ini.

3. **"Dan Dia Maha Perkasa Dan Maha Bijaksana."**

Maksud, "Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana," ialah Allah itu amat berkuasa membuat pilihan mengangkatkan Rasul dan amat bijaksana dan 'arif di mana hendak meletakkan pilihan-Nya itu. Siapa sahaja yang menjadi pilihan-Nya sama ada orang-orang yang dahulu atau orang-orang yang kemudian merupakan limpah kurnia dan kemurahan dari-Nya.

(Pentafsiran ayat 4)

ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٤﴾

4. **"Itulah limpah kurnia Allah yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar."**

Pemilihan Allah terhadap satu umat atau satu kumpulan atau satu individu untuk mendukung amanah yang agung ini dan untuk menjadi tempat simpanan nur Allah dan tempat menerima limpah kurnia-Nya, juga untuk menjadi pusat perhubungan langit dengan bumi... pemilihan itu merupakan suatu kelebihan yang tidak dapat ditanding dengan kelebihan-kelebihan yang lain. Ia merupakan kelebihan agung yang mengatasi segala apa yang dikorbankan seseorang Mu'min dari dirinya, harta bendanya dan nyawanya, dan mengatasi segala kepayahan perjalanan, segala kesakitan dalam perjuangan dan segala keseksaan dalam jihad.

Allah mengingatkan kelompok Muslimin di Madinah dan kaum Muslimin yang datang selepas mereka yang belum lagi berhubung dengan mereka terhadap limpah kurnia Allah yang telah memilih mereka untuk mendukung amanah yang agung itu dan untuk dibangkitkan di dalam kalangan mereka seorang Rasul yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka. Allah tinggalkan kepada kaum Muslimin yang datang di dalam berbagai-bagai zaman itu satu stok simpanan yang besar dari bekalan Ilahi, dari contoh-contoh teladan yang berlaku dalam angkatan Muslimin yang pertama. Allah mengingatkan mereka terhadap pengurniaan yang amat besar itu, iaitu satu pengurniaan yang membuat seluruh nilai-nilai dan ni'mat-ni'mat yang lain kelihatan begitu kecil di sampingnya dan membuat seluruh pengorbanan dan kesakitan-kesakitan dalam perjuangan begitu kerdil di sampingnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 5)

Keberakhiran Peranan Kaum Yahudi Memegang Teraju Kepimpinan Agama Allah

Kemudian al-Qur'an menyebut satu hakikat yang menunjukkan bahawa peranan umat Yahudi dalam memikul amanah itu telah pun berakhir, mereka tidak lagi mempunyai hati yang dapat memikul amanah itu, kerana amanah itu hanya dapat dipikul oleh hati-hati

yang hidup, yang faham, yang mengerti, yang sedar, yang ikhlas dan yang mengamalkan segala ajaran yang dipikulnya:

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَاةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ۚ بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

5. **"Perbandingan orang-orang yang telah dipertanggungkan Taurat, kemudian mereka tidak menanggungnya sama seperti keldai yang menanggung kitab-kitab yang besar. Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."**

Kaum Bani Israel telah dipertanggungjawabkan dengan kitab Taurat dan ditugas memegang amanah 'aqidah dan syari'at, tetapi mereka gagal melaksanakan tanggungjawab itu kerana tugas menanggung Taurat itu harus bermula dengan usaha memahami dan mengerti isi kandungannya dan berakhir dengan amalan dan tindakan untuk merealisasikan maksud-maksudnya di alam hati dan alam kenyataan, tetapi sejarah Bani Israel sebagaimana dibentangkan oleh al-Qur'anul-Karim dan mengikut hakikatnya yang sebenar tidak membuktikan bahawa mereka telah menghargai amanah yang agung itu dan tidak pula membuktikan bahawa mereka telah memahami hakikatnya, dan seterusnya tidak pula membuktikan bahawa mereka telah beramal dengannya. Oleh kerana itu mereka dibandingkan dengan keldai yang memikul kitab-kitab yang besar di atas belakangnya tanpa mendapat apa-apa habuan selain dari menanggung berat kitab-kitab itu sahaja, kerana ia bukannya pemilik kitab-kitab itu dan bukan pula kongsi dalam tujuan kitab-kitab itu.

Ini adalah satu gambaran yang hina dan satu perbandingan yang keji, tetapi gambaran itu amat tepat menggambarkan satu hakikat yang benar.

بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

5. **"Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."**

Sama dengan kaum Yahudi yang telah dipertanggungjawabkan dengan kitab at-Taurat kemudian mereka tidak melaksanakan tanggungjawabnya ialah semua orang yang telah dipertanggungjawabkan dengan amanah 'aqidah kemudian mereka tidak melaksanakan tanggungjawab itu, dan semua orang Islam dari generasi-generasi yang telah berlalu dan semua orang Islam yang hidup di zaman ini yang memakai nama-nama orang Islam tetapi tidak beramal dengan amalan orang-orang Islam yang sebenar, terutama sekali orang-orang Islam yang membaca al-Qur'an dan kitab-kitab kemudian mereka tidak beramal dengannya. Seluruh orang ini adalah sama sahaja dengan keldai yang membawa

kitab-kitab yang besar di atas belakangnya. Orang-orang seperti ini memang banyak dan memang ramai. Yang menjadi masalah di sini bukannya masalah memikul dan membaca kitab, tetapi masalah memahami dan mengamalkan apa yang diajar di dalam kitab-kitab itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Dakwaan-dakwaan Palsu Dan Angkuh Kaum Yahudi

Di zaman dahulu kaum Yahudi berfikir sama seperti yang difikirkan mereka pada hari ini iaitu mereka merupakan satu bangsa pilihan Allah. Merekalah sahaja hamba-hamba kesayangan Allah, sedangkan orang-orang yang lain adalah kaum Juyim atau bangsa-bangsa asing (Umami) atau golongan Ummi. Oleh sebab inilah mereka tidak dituntut mengamalkan hukum-hukum agama mereka terhadap kaum Ummi:

قَالُوا۟ لَيْسَ عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ

75. **"Mereka berkata tiada sebarang dosa di atas kami terhadap orang-orang Ummi"**

(Surah Aali 'Imran)

dan sebagainya dari dakwaan-dakwaan mereka yang bohong terhadap Allah tanpa bersandarkan kepada satu dalil. Dalam ayat yang berikut ini dikemukakan mubahalah iaitu cabaran yang berulang-ulang kali dikemukakan kepada mereka, kepada kaum Kristian dan kepada kaum Musyrikin:

قُلْ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ هَادُوٓا۟ إِن زَعَمْتُمْ أَنَّكُمْ أَوْلِيَآءُ لِلَّهِ مِن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿٦﴾

Kaum Yahudi Dikecam Kerana Takut Mati

6. **"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Wahai orang-orang Yahudi! Jika benar kamu mendakwa bahawa hanya kamu sahaja orang-orang kesayangan Allah tidak orang-orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar."**

وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُۥٓ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٧﴾

7. **"Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."**

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَـٰقِيكُمْ ۖ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

8. **"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

Kaum Yahudi Dicabar Mengadakan Upacara Bermubahalah Dengan Rasulullah

Cabaran bermubahalah yang dimaksudkan di sini ialah dua puak yang bertentangan berdiri berhadapan muka kemudian kedua-duanya sama-sama berdo'a kepada Allah supaya ditimpakan bala ke atas pihak yang tidak benar. Setiap orang yang dicabar oleh Rasulullah s.a.w. supaya bermubahalah dengannya merasa takut dan tidak mahu menerima cabaran itu. Ini menunjukkan bahawa mereka akui kebenaran Rasulullah s.a.w. dan kebenaran agama ini di dalam lubuk hati mereka.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Ismail ibn Yazid az-Zaraqi, kami telah diceritakan oleh Abu Yazid, kami telah diceritakan oleh Furat dari Abdul Karim ibn Malik al-Jazari, dari 'Ikrimah dari Ibn 'Abbas katanya: Abu Jahl La'natullah telah berkata: "Jika aku nampak Muhammad di Ka'bah nescaya aku akan pergi menemuinya dan memijak lehernya." Kata Ibn 'Abbas: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Jika dia (Abu Jahl) berbuat begitu nescaya dia akan diseksakan malaikat secara terang-terangan, dan jika orang-orang Yahudi itu bercita-cita mati nescaya mereka akan mati dan melihat tempat mereka di dalam Neraka, dan jika orang-orang yang mahu bermubahalah dengan Rasulullah s.a.w. itu keluar nescaya mereka akan pulang (ke rumah mereka) tanpa mendapati keluarga dan harta." (1)

Mungkin ajakan ini bukannya dituju sebagai mubahalah bahkan sebagai satu cabaran biasa sahaja dengan sebab mereka mendakwa bahawa mereka sahaja orang-orang kesayangan Allah bukannya orang-orang lain. Jika dakwaan mereka benar, mengapa mereka takut kepada maut, dan mengapa mereka jadi makhluk Allah yang paling pengecut? Bukankah jika mereka mati, mereka akan menerima balasan yang baik di sisi Allah sebagaimana diterima oleh orang-orang kesayangan Allah dan orang-orang yang hampir kepada Allah?

Kemudian al-Qur'an menggulung cabaran ini dengan keterangan yang menunjukkan bahawa mereka tidak benar di dalam dakwaan-dakwaan mereka, dan mereka sedar bahawa mereka tidak membuat amalan-amalan bekalan untuk masa depan Akhirat yang menenangkan hati mereka dan yang dapat diharapkan mereka untuk memperolehi balasan yang baik dan maqam yang hampir di sisi Allah. Apa yang telah dilakukan mereka selama ini ialah kerja-kerja maksiat, dan inilah yang membuat mereka takut kepada maut dan balasan-balasan selepasnya. Orang yang tidak menyediakan bekalan tentulah takut untuk berjalan.

---

(1) *Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari hadith Abdur-Razaq dari Ma'mar dari Abdul Karim.*

وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُۥٓ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٧﴾

7. **"Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."**

Pada akhirnya, al-Qur'an menerangkan hakikat maut dan apa yang akan berlaku selepasnya. Ia menjelaskan kepada mereka betapa tidak bergunanya usaha mereka untuk lari dari maut, kerana maut merupakan sesuatu yang wajib berlaku yang tidak dapat dihindari darinya, begitu juga segala apa yang akan berlaku selepas maut seperti kepulangan kepada Allah dan hisab di atas amalan merupakan sesuatu yang wajib berlaku yang tidak dapat diragui lagi:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَـٰقِيكُمْ ۖ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ
وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

8. **"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

Ini merupakan satu peringatan dari peringatan-peringatan al-Qur'an yang bertujuan menanamkan di dalam hati manusia hakikat maut yang dilupai mereka, sedangkan maut tetap mengejar mereka di mana sahaja mereka berada. Hidup ini tetap berakhir. Menjauhi diri dari Allah dalam hidup ini tetap berakhir dengan kepulangan kepada-Nya. Tiada tempat perlindungan dari azab Allah melainkan dengan kembali kepada Allah. Hisab dan balasan selepas kembali kepada Allah wajib berlaku, tiada lagi tempat untuk lari dan mengelakkan diri darinya.

At-Tabari dalam Mu'jamnya telah meriwayatkan sebuah hadith yang marfu' dari hadith Mu'az, dari Yunus dari al-Hassan dari Samurah:

«مثل الّذي يفرّ من الموت كمثل الثّعلب، تطلبه الأرض بدين، فجاء يسعى، حتّى إذا أعيا وأنهر دخل جحره، فقالت له الأرض: يا ثعلب! ديني. فخرج له حصاص. فلم يزل كذلك حتّى تقطّعت عنقه فمات.»

"Bandingan orang yang lari dari maut itu sama seperti sang kancil yang dituntut oleh bumi supaya membayar hutangnya. Ia datang merayau-rayau sehingga apabila ia merasa penat dan berpeluh ia masuk ke dalam lubangnya dan bumi pun berkata kepadanya:

Wahai kancil! Mana hutangku. Lalu terkeluar kentutnya kerana terlalu kencang berlari dan ia terus berlari dalam keadaan itu hingga ia tidak larat berlari, lalu ia pun mati."

Inilah suatu gambaran hidup yang memberi saranan yang amat mendalam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kini tibalah pula bahagian akhir surah ini yang khusus memberi pengajaran mengenai solat Juma'at berikutan dengan peristiwa tersebut yang mungkin berlaku lebih dari sekali. Kerana pengungkapan ayat berikut menunjukkan peristiwa itu berlaku berulang-ulang kali:

Komitmen-komitmen Seorang Muslim Pada Hari Juma'at

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْاْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

9. **"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."**

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُواْ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

10. **"Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu di bumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyak kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan."**

وَإِذَا رَأَوْاْ تِجَٰرَةً أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓاْ إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمًا ۚ قُلْ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِ ۚ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١﴾

11. **"Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah: Balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."**

Solat Juma'at ialah solat yang menghimpunkan orang ramai. Ia tidak sah melainkan dengan berjama'ah. Ia merupakan solat mingguan di mana pada hari itu kaum Muslimin

diwajibkan berkumpul, bertemu dan mendengar khutbah yang mengingatkan mereka kepada Allah. Ia merupakan ibadat mengatur disiplin masyarakat mengikut cara Islam untuk melakukan persiapan bagi kehidupan dunia dan Akhirat dalam satu disiplin yang sama dan ibadat yang sama. (1) Solat Juma'at mempunyai makna yang khusus yang mencerminkan tabiat 'aqidah Islamiyah yang berasaskan kelompok yang telah kami bicarakan di dalam bayangan Surah as-Saff. Di sana terdapat hadith yang banyak menerangkan kelebihan solat Juma'at dan galakan supaya menghadhirinya dan bersedia untuknya dengan bermandi-manda, memakai pakaian yang elok dan bau-bauan.

Tersebut dalam Sahih (kumpulan hadith al-Bukhari dan Muslim) dari Ibn 'Umar r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا جاء أحدكم يوم الجمعة فليغتسل

"Apabila seseorang dari kamu menghadhiri solat Juma'at, maka hendaklah ia mandi."

Para pengumpul as-Sunnah yang empat telah meriwayatkan hadith Aus ibn Aus ath-Thaqafi katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

«من غسل واغتسل يوم الجمعة ، وبكروا بتكر، ومشى ولم يركب ، ودنا من الامام واستمع ولم يلغى ، كان له بكل خطوة أجر سنة صيامها وقيامها . »

"Siapa yang bermandi-manda pada hari Juma'at dan datang awal-awal, dan berjalan kaki tanpa menunggang, dan duduk dekat imam serta mendengar khutbah dan tidak lagha (dengan bercakap-cakap), maka pada setiap langkahnya ia akan memperolehi pahala setahun puasanya dan ibadat malamnya."

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dari hadith Ka'b ibn Malik dari Abu Ayyub al-Ansari katanya aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

«من اغتسل يوم الجمعة ومسّ من طيب أهلها إن كان عنده ، ولبس من أحسن ثيابه ، ثمّ خرج يأتي المسجد ، فيركع إن بداله ، ولم يؤذ أحدا ، ثمّ أنصت إذا خرج إمامه حتّى يصلّي ، كانت كفّارة لما بينها وبين الجمعة الأخرى . »

"Siapa yang bermandi-manda pada hari Juma'at dan memakai bauan ahlinya jika ada, dan memakai seelok-elok pakaiannya, kemudian dia keluar pergi ke masjid kemudian sembahyang (Sunat Tahiyatul-Masjid) jika dia berpeluang dan dia tidak menyakiti sesiapa,

---

(1) *Libat* "فصل العبادات الإسلاميّة" *dalam kitab* " في النّفس والمجتمع " *oleh Muhammad Qutb.*

kemudian dia mendengar dengan teliti apabila imam keluar (berkhutbah) sehingga dia mendirikan solat, maka dia akan memperolehi balasan penghapusan dosa (kifarat) di antara Juma'at itu dengan Juma'at yang akan datang."

Ayat yang pertama dalam bahagian ini menyuruh kaum Muslimin supaya meninggalkan jualbeli dan segala kegiatan mencari kehidupan sebaik sahaja mereka mendengar azan:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟
ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

9. **"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jualbeli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."**

Ayat ini menggalakkan kaum Mu'minin supaya meninggalkan segala urusan kehidupan dan masuk ke dalam ibadat mengingati Allah pada waktu dikumandangkan azan itu:

ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

9. **"Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."**

Dalam waktu yang sama ayat ini juga merupakan satu pengajaran yang berkekalan pada setiap masa, kerana di sana pastilah diwujudkan waktu-waktu yang tertentu, di mana hati dapat membebaskan dirinya dari segala kesibukan kehidupan dan segala sesuatu yang menarik di bumi untuk memencilkan diri mengadap Allah, membulatkan ingatannya kepada Allah dan mengecapi rasa istimewa dari keni'matan penumpuan diri dan keni'matan perhubungan dengan alam al-Mala'ul-A'la dan mengisikan hati dan dadanya dengan udara yang bersih dan harum dari alam itu. Kemudian selepas itu barulah ia pulang kembali kepada kesibukan kehidupan serta mengingati Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا
لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

10. **"Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu di bumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyak kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan."**

Imbangan Di Antara Keperluan Kehidupan Dengan Keperluan Menghubungkan Jiwa Dengan Allah

Inilah imbangan yang menjadi ciri sistem hidup Islam, iaitu memelihara imbangan di antara keperluan kehidupan seperti bekerja, membanting tulang, bergiat dan berusaha dengan keperluan jiwa yang memerlukan 'uzlah atau pemencilan diri sebentar dari suasana yang sibuk itu untuk menumpukan ingatannya kepada Allah. Masa 'uzlah yang seperti itu merupakan satu keperluan bagi kebaikan dan kesejahteraan kehidupan hati untuk berhubung dengan Allah dan menerima ilham-ilham darinya dan untuk memikul tugas amanah agama yang agung itu. "**Zikrullah**" atau mengingati Allah itu adalah perlu dalam masa mencari kehidupan, kerana perasaan dan kesedaran kepada Allah dalam masa inilah yang mengubahkan kegiatan mencari kehidupan itu kepada ibadat. Namun demikian ia tetap memerlukan kepada suatu masa yang khusus untuk Zikrullah semata-mata, untuk mengasingkan diri yang sempurna dari kesibukan kehidupan dan untuk pembulatan hati yang tulus kepada Allah sebagaimana disarankan oleh dua ayat tadi.

Kebiasaan 'Irak ibn Malik r.a. ialah apabila dia selesai bersembahyang Juma'at dan mengundurkan dirinya, dia berhenti di pintu masjid dan berdo'a:

«اللّهم إنّي أجبت دعوتك وصلّيت فريضتك، وانتشرت كما أمرتني، فارزقني من فضلك وأنت خير الرّازقين.» (رواه ابن أبي حاتم).

"Ya Allah ya Tuhanku! Aku telah menyahuti seruan-Mu, aku telah selesai mengerjakan solat yang difardhukan-Mu, dan aku berhambur keluar sebagaimana diperintahkan Engkau, oleh itu kurniakanlah kepadaku rezeki dari limpah kurnia-Mu dan sesungguhnya Engkau sebaik-baik pemberi rezeki."

Cerita ini menggambarkan bagaimana 'Irak ibn Malik memandang perintah Ilahi ini dengan begitu sungguh-sungguh dan melaksanakannya dengan begitu mudah, iaitu melaksanakan perintah dengan sepenuh ertikatanya sebaik sahaja diterima olehnya.

Mungkin kefahaman yang sungguh-sungguh, jelas dan mudah inilah yang telah meningkatkan kelompok Muslimin di zaman itu ke taraf yang amat tinggi yang dicapai oleh mereka, walaupun ketika itu terdapat di persekitaran mereka adat kebiasaan jahiliyah yang menarik seperti yang digambarkan oleh ayat yang akhir dari surah ini:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا ۚ قُلْ مَا عِندَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ ۚ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

Gangguan Hiburan Dan Perlagaan Terhadap Penumpuan Minda Kepada Ibadat Solat

11. **"Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah: Balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."**

Dari Jabir r.a. katanya: Ketika kami mendirikan solat tiba-tiba datanglah angkatan qafilah yang membawa makanan, lalu mereka menyerbu kepada qafilah itu hingga tiada yang tinggal (meneruskan solat) bersama Nabi s.a.w. melainkan dua belas orang sahaja termasuk Abu Bakr dan 'Umar r.a. Kerana itu turunlah ayat: **"Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri."** (1)

Di dalam ayat ini dijelaskan kepada mereka bahawa balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, juga mengingatkan mereka bahawa rezeki itu adalah dari Allah **"Dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."**

Peristiwa ini sebagaimana telah kami terangkan adalah membuktikan betapa hebatnya usaha mendidik dan membangun jiwa kelompok Muslimin di zaman itu sehingga akhirnya berjaya diwujudkan kelompok Muslimin yang unik di dalam sejarah. Peristiwa ini juga memberikan kepada pejuang-pejuang da'wah Allah di setiap zaman bekalan modal kesabaran dalam menghadapi kelemahan, kekurangan, kemunduran dan jatuh rebah di tengah jalan perjuangan yang dialami mereka. Kerana inilah sifat jiwa manusia dengan segala baik buruknya. Dan jiwa itu mempunyai kesediaan dan kemampuan yang tidak terbatas untuk mendaki tangga-tangga 'aqidah dan kebersihan diri yang tinggi apabila disertakan dengan kesabaran, kefahaman, kesedaran, ketekunan, kegigihan dan tidak patah semangat di separuh jalan. Kepada Allah dipohon pertolongan.

---

(1) Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi.

سُورَةُ المُنَافِقُونَ

SURAH AL-MUNAFIQUN
Surah Orang-orang Yang Munafiq
Surah (63) – Madaniyah – 11 ayat

Dengan Nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

إِذَا جَآءَكَ ٱلۡمُنَٰفِقُونَ قَالُواْ نَشۡهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ وَٱللَّهُ يَشۡهَدُ إِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ١

1. **Apabila orang-orang Munafiq itu datang menemuimu mereka berkata: Kami menyaksikan bahawa engkau adalah utusan dari Allah. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka.**

ٱتَّخَذُوٓاْ أَيۡمَٰنَهُمۡ جُنَّةٗ فَصَدُّواْ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۚ إِنَّهُمۡ سَآءَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٢

2. **Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka.**

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ ءَامَنُواْ ثُمَّ كَفَرُواْ فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ فَهُمۡ لَا يَفۡقَهُونَ ٣

3. **Sebabnya ialah kerana mereka telah beriman kemudian mereka kembali menjadi kafir, lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti.**

وَإِذَا رَأَيۡتَهُمۡ تُعۡجِبُكَ أَجۡسَامُهُمۡۖ وَإِن يَقُولُواْ تَسۡمَعۡ لِقَوۡلِهِمۡۖ كَأَنَّهُمۡ خُشُبٞ مُّسَنَّدَةٞۖ

يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ ۚ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ ۖ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

4. **Dan apabila engkau melihat mereka engkau akan tertarik kepada tubuh badan mereka, dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar, mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka. Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka. Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?**

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّوْا رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُمْ
مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

5. **Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus berpaling dan bersikap angkuh.**

سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾

6. **Sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq.**

هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنْفِقُوا عَلَىٰ مَنْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنْفَضُّوا ۗ وَلِلَّهِ خَزَائِنُ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

7. **Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar): Janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti.**

يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ
وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

8. **Mereka berkata: Jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui.**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٩﴾

9. **Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilekakan oleh harta benda kamu dan anak-anak kamu dari mengingati Allah. Barang siapa yang berbuat demikian, merekalah orang-orang yang rugi.**

وَأَنفِقُوا۟ مِن مَّا رَزَقْنَٰكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَآ أَخَّرْتَنِىٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠﴾

10. **Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhan-ku! Mengapakah tidak Engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang salih?**

وَلَن يُؤَخِّرَ ٱللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَآءَ أَجَلُهَا ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

11. **Dan Allah tidak akan menempohkan seseorang apabila telah tiba ajalnya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka.**

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini yang membawa nama khusus **"Al-Munafiqun"** yang membicarakan keperihalan orang-orang Munafiq bukanlah merupakan satu-satunya surah yang membicarakan sifat nifaq (hipokrit) dan keperihalan kaum Munafiqin dan tipudaya mereka, malah semua surah-surah yang diturunkan di Madinah tidak sunyi dari menyinggung kaum Munafiqin baik secara sindiran mahupun secara terus-terang. Tetapi surah ini hampir-hampir khusus membicarakan tentang keperihalan kaum Munafiqin dengan menyebut beberapa peristiwa dan kata-kata yang diceritakan telah berlaku dan diucapkan mereka.

Surah ini mengandungi kecaman yang keras terhadap perangai kaum Munafiqin dan pembohongan-pembohongan, tipudaya-tipudaya, pakatan-pakatan dan tindak-tanduk

mereka yang jahat, juga dendam kesumat dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap kaum Muslimin yang tersimpan di dalam hati mereka, juga sifat-sifat keji, pengecut dan buta mata hati nurani mereka.

Tidak ada pembicaraan yang lain di dalam surah ini selain dari pembicaraan-pembicaraan tersebut kecuali satu peringatan yang disebut pada akhir surah ini ditujukan kepada orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka supaya jangan terbabit dengan mana-mana sifat orang-orang Munafiq walaupun dari jauh. Darjat sifat nifaq yang paling bawah sekali ialah ketidaktulusan kepada Allah dan kelalaian dari mengingati Allah kerana leka dan sibuk dengan harta benda dan anak-pinak, dan menempoh-nempoh untuk membelanjakan harta bagi kepentingan agama Allah sehingga tiba hari kedatangan maut yang tidak lagi berguna segala pendermaan dan sedekah.

Gerakan hipokrit yang bermula dengan kemasukan Islam ke negeri Madinah dan berterusan sehingga hampir wafatnya Rasulullah s.a.w. dan lebih kurang hampir-hampir tidak terputus pada mana-mana waktu walaupun fenomena-fenomena dan sarana-sarananya berubah-ubah dari satu masa ke satu masa... gerakan ini memberi kesan yang jelas dalam sejarah zaman ini dan di dalam perkembangan peristiwa-peristiwanya. Gerakan ini telah menelan sebahagian besar dari waktu dan tenaga kaum Muslimin. Dan ia disebut berulang-ulang kali di dalam al-Qur'anul-Karim dan di dalam al-Hadith asy-Syarif yang membuktikan betapa hebatnya gerakan ini dan betapa besarnya kesan gerakan ini di dalam kehidupan da'wah pada masa itu.

Gerakan ini telah dibicarakan di dalam satu bab yang menarik di dalam buku "Sirah Rasulullah s.a.w.: Gambaran-gambaran yang dipetik dari al-Qur'anul-Karim" [1] karangan al-Ustaz Muhammad 'Izzah Daruzah. Di sini kami petikkan beberapa para yang memberi pendedahan-pendedahan yang penting:

"Sebab lahirnya gerakan ini di Madinah amat jelas kerana di Makkah Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin yang pertama di sana tidak mempunyai kekuatan dan pengaruh yang mendorong wujudnya satu golongan yang takut kepada mereka atau mengharapkan kebaikan dari mereka hingga mereka terpaksa berpura-pura mengampu dan membuat baik kepada mereka pada lahirnya, tetapi secara diam-diam membuat pakatan dan rancangan-rancangan yang jahat terhadap mereka sebagaimana sifat orang-orang Munafiq pada keseluruhannya. Penduduk Makkah terutama pemimpin-pemimpinnya adalah menentang Nabi s.a.w. secara terang-terangan. Mereka bertindak sewenang-wenang menindas orang-orang Islam. Mereka memerangi da'wah dengan segala cara dan sarana tanpa sebarang keseganan. Mereka mempunyai kekuatan yang cukup sehingga orang-orang Islam terpaksa berhijrah kerana menyelamatkan agama dan darah mereka. Mula-mula mereka berhijrah ke negeri Habsyah kemudian ke negeri Yathrib, dan sehingga setengah-setengah mereka ditindas supaya meninggalkan agama mereka dengan

---

(1) سيرة الرسول : صور مقتبسة من القرآن الكريم .

menggunakan kekerasan dan paksaan atau menggunakan pujukan dan pemberian yang menarik atau dengan melakukan gangguan-gangguan, dan sehingga pendirian setengah-setengah dari mereka bergoncang dan bosan, lalu berpura-pura memihak kepada kaum Musyrikin, dan sehingga setengah-setengah mereka yang kuat imannya mati kerana diazab dan diseksa.

"Tetapi keadaan di Madinah adalah berlainan sama sekali, kerana Nabi s.a.w. telah berjaya mendapatkan penyokong-penyokong yang kuat dari suku-suku Aus dan Khazraj sebelum beliau berhijrah ke sana. Beliau tidak berhijrah ke sana sehingga beliau telah cukup yakin dengan kedudukannya, sehingga hampir-hampir tidak ada rumah orang Arab di sana yang tidak dimasuki Islam. Oleh itu, dalam keadaan yang seperti ini tentulah tidak mudah bagi orang-orang yang masih tidak beriman dengan agama Islam sama ada kerana jahil dan dungu atau kerana marah, dendam, dengki dan degil dengan sebab mereka memandang kedatangan Nabi s.a.w. telah membataskan pengaruh dan kuasa mereka... tidak mudah bagi mereka untuk mengambil sikap menentang dan bermusuh secara terang-terangan terhadap Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin yang terdiri dari orang-orang Muhajirin dan Ansar. Di samping itu, semangat perpaduan juga, dalam waktu yang sama, mempunyai pengaruh yang tidak sedikit mendorong mereka untuk tidak mengambil sikap yang seperti itu kerana majoriti suku-suku Aus dan Khazraj telah menjadi penyokong-penyokong Nabi s.a.w. dan mereka telah terikat dengan beliau dengan perjanjian-perjanjian pertahanan dan bantuan, di samping kebanyakan mereka mempunyai pegangan keislaman yang kukuh, dan mereka telah memandang Nabi s.a.w. sebagai utusan Allah dan pemimpin mereka yang tertinggi yang wajib dita'ati dan sebagai ketua mereka yang agung yang harus dipatuhi. Oleh itu, orang-orang yang masih dipengaruhi kepercayaan syirik dan menyimpan perasaan sakit hati dan dendam kesumat yang membuat mereka menentang Nabi s.a.w., da'wahnya dan pengaruhnya, tidak berdaya untuk memperlihatkan permusuhan dan perseteruan mereka terhadap beliau secara terus-terang. Mereka terpaksa berpura-pura memeluk agama Islam dan menjunjung rukun-rukunnya dan bersatu padu dengan suku-suku mereka. Mereka terpaksa menjalankan usaha-usaha curang mereka dan mengaturkan rancangan-rancangan jahat dan pakatan-pakatan sulit mereka secara tipu helah yang berbelit-belit. Dan andainya sekali sekala mereka menunjukkan budaya tipudaya dan nifaq yang terus-terang, maka tindakan-tindakan itu hanya dilakukan mereka dalam suasana-suasana genting dan keadaan-keadaan yang gawat yang dihadapi Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin. Mereka bertindak demikian kerana menjaga kepentingan, pendirian yang logikal dan langkah yang hemat. Dalam keadaan-keadaan yang seperti itu mereka sama sekali tidak mengakui kekufuran dan nifaq mereka. Tetapi kekufuran dan nifaq mereka, juga budaya tipudaya, rancangan dan pakatan sulit mereka yang jahat itu tetap tidak terlindung dari Nabi s.a.w. dan dari pandangan para sahabatnya yang jujur dan setia dari kaum Muhajirin dan Ansar. Sikap permusuhan yang terus-terang yang telah diambil mereka di dalam keadaan-keadaan yang genting itu telah menyebabkan tembelang, kekufuran dan nifaq mereka bertambah terdedah dan semakin menimbulkan kebencian. Al-Qur'an berulang-ulang

kali membuka tembelang-tembelang dan mendedahkan tindak-tanduk dan budaya tipudaya mereka yang jahat, di samping mengingatkan Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin supaya berwaspada terhadap mereka di setiap waktu dan keadaan.

Pendirian-pendirian kaum Munafiqin dan rancangan-rancangan mereka yang jahat mempunyai kesan yang jauh sebagaimana dibayangkan oleh ayat-ayat Madinah. Ia seolah satu pertentangan yang amat hebat yang mengingatkan kita dengan pertentangan yang berlaku di antara Nabi s.a.w. dengan pemimpin-pemimpin Makkah, walaupun peranan dan hasil dari kedua-dua pertentangan itu berlainan, kerana kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah semakin kukuh dan kuat, dan wilayah Islam semakin berkembang dan meluas. Beliau telah muncul sebagai satu-satunya pemegang kuasa yang kuat, sedangkan kaum Munafiqin tidak dapat berdiri sebagai satu gabungan yang padu, yang mempunyai syakhsyiah yang menonjol jelas. Kelemahan kedudukan dan kekecilan bilangan mereka adalah kebalikan dari kedudukan Rasulullah s.a.w. yang bertambah kuat dan dari kedudukan Islam yang bertambah luas daerahnya dan bertambah kukuh kekuatan dan kekuasaannya.

"Cukuplah bagi anda untuk merasakan betapa besarnya peranan yang dimainkan kaum Munafiqin terutama di zaman permulaan Hijrah apabila anda memerhatikan bahawa orang-orang Munafiq adalah orang-orang yang kuat dengan semangat perkauman mereka, iaitu semangat yang masih mempunyai pengaruh yang cukup kuat di dalam jiwa kebanyakan suku-suku mereka. Di samping itu pula tembelang nifaq mereka belum lagi terdedah dengan seterang-terangnya, dan Islam belum lagi bertapak cukup kukuh di kalangan kebanyakan orang ramai, dan Nabi s.a.w. sentiasa dikepung kaum Musyrikin dari segenap sudut, sementara penduduk-penduduk Makkah yang menjadi musuh ketat beliau sentiasa menunggu-nunggu peluang dan kesempatan untuk menghancurkannya, sementara kaum Yahudi yang berada di Madinah dan di kawasan sekeliling sejak awal masa Hijrah lagi telah mengambil sikap bermusuh dengan beliau dan menaruh fikiran yang pesimis terhadapnya. Setelah itu mereka secara terus-terang memperlihatkan kekufuran, perseteruan dan tipudaya mereka terhadap beliau dan tidak lama kemudian mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Munafiqin untuk menyatukan langkah dan tindakan dan menguatkan perpaduan dalam mengaturkan penentangan dan tipudaya hingga dapatlah dikatakan bahawa kedudukan kaum Munafiqin tidak akan kuat dan kukuh dan tidak sanggup melakukan gangguan-gangguan dan penindasan-penindasan dan tidak akan berdaya meneruskan rancangan-rancangan dan komplot-komplot mereka yang jahat melainkan dengan sebab mereka mendapat sokongan dari kaum Yahudi dan dengan sebab wujudnya hubungan kerjasama dan saling mempercayai di antara mereka dengan kaum Yahudi itu. Kedudukan kaum Munafiqin tidak mengalami kelemahan, dan bahaya mereka tidak berkurangan melainkan setelah Allah mengurniakan kekuatan kepada Nabi s.a.w. mengalahkan kaum Yahudi dan menyelamatkannya dari kejahatan mereka. "

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Ciri-ciri Budaya Hipokrit

Surah ini dimulakan dengan pendedahan bagaimana cara kaum Munafiqin menyembunyikan kekufuran di dalam hati mereka dan mengumumkan keislaman dan pengakuan mereka terhadap Nabi s.a.w. sebagai utusan dari Allah, juga menerangkan bagaimana cara mereka menipu dengan menggunakan sumpah-sumpah yang dusta supaya dipercayai oleh orang-orang Islam, dan bagaimana cara mereka menggunakan sumpah-sumpah itu sebagai pelindung dan perisai untuk menyembunyikan hakikat mereka yang sebenar dan untuk menipu orang-orang Islam terhadap mereka:

إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُنَٰفِقُونَ قَالُوا۟ نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴿١﴾

1. **"Apabila orang-orang Munafiq itu datang menemuimu mereka berkata: Kami menyaksikan bahawa engkau adalah utusan dari Allah. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka."**

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

2. **"Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka."**

Mereka datang menemui Rasulullah s.a.w., lalu membuat pengakuan di hadapan beliau dengan lidah mereka bahawa beliau adalah utusan dari Allah, sedangkan mereka tidak bertujuan membuat pengakuan yang sebenar, malah pengakuan itu dilakukan dengan tujuan menyelamatkan diri mereka dan untuk menyembunyikan kedudukan dan hakikat mereka yang sebenar kepada kaum Muslimin. Mereka semuanya pendusta belaka apabila mereka datang membuat pengakuan yang seperti itu. Yang sebenarnya mereka datang untuk menipu orang-orang Islam dan melindungkan diri mereka dengan pengakuan dusta itu, kerana itulah Allah mendustakan pengakuan mereka setelah membuat kenyataan hemat membenarkan hakikat kerasulan beliau:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ

1. **"Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya."**

وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴿١﴾

1. **"Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka."**

Ungkapan ini begitu halus, hemat dan menarik perhatian, kerana al-Qur'an lebih dahulu menthabitkan kerasulan Nabi s.a.w. sebelum mendustakan pengakuan orang-orang Munafiq. Jika tidak ada kenyataan hemat ini tentulah pengertian yang zahir dari ungkapan itu mungkin memberi maksud yang salah iaitu mendustakan penyaksian orang-orang Munafiq terhadap perkara kerasulan beliau. Sedangkan ini bukanlah maksud ungkapan itu, malah yang dimaksudkan dengan ungkapan itu ialah mendustakan pengakuan mereka kerana mereka sebenarnya tidak mengakui kerasulan beliau. Dan pengakuan itu adalah dibuat oleh mereka tanpa hati yang ikhlas.

2. **"Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai."**

Ayat ini menyarankan bahawa mereka mengangkat sumpah setiap kali tembelang-tembelang mereka terbuka atau setiap kali tipudaya dan rancangan-rancangan jahat mereka dapat diketahui atau setiap kali disampaikan perkataan-perkataan mereka yang tidak baik terhadap orang-orang Islam. Mereka bersumpah untuk menyelamatkan diri mereka dari akibat terbukanya tembelang kejahatan mereka. Mereka menggunakan sumpah-sumpah itu sebagai perisai untuk berlindung di sebaliknya bagi membolehkan mereka meneruskan tipudaya dan komplot-komplot jahat, juga bagi membolehkan mereka memperdayakan orang-orang yang terpesona kepada mereka.

فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ

2. **"Lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah."**

Mereka menghalangi diri mereka sendiri dan orang ramai dari agama Allah dengan menggunakan sumpah-sumpah yang palsu:

2. **"Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka."**

Adakah lagi perbuatan yang lebih buruk dari perbuatan menipu dan menyesatkan orang lain?

Punca Sifat Hipokrit

Al-Qur'an memberi sebab musabab terhadap tindak-tanduk mereka membuat pengakuan yang bohong, mengangkat sumpah-sumpah palsu dan menghalangkan orang lain dari agama Allah dan melakukan perbuatan yang keji. Al-Qur'an memberi sebab-sebabnya iaitu kerana mereka kafir kembali setelah beriman dan kerana mereka memilih kekufuran setelah mereka mengenal Islam:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟ فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

3. **"Sebabnya ialah kerana mereka telah beriman kemudian mereka kembali menjadi kafir, lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti."**

Mereka telah mengenali keimanan tetapi mereka memilih kembali semula kepada kekufuran. Hati yang telah mengenal keimanan kemudian kembali semula kepada kekufuran bukanlah hati yang mempunyai kefahaman, perasaan dan hayat. Siapakah gerangannya orang yang telah merasa, mengenal, mengetahui persepsi keimanan terhadap alam al-wujud, mengecapi citarasa keimanan terhadap hayat, bernafas di dalam udara keimanan yang bersih, hidup dalam cahaya keimanan yang terang benderang, berteduh di bawah naungan keimanan yang lembut, kemudian masih sanggup kembali kepada kekufuran yang suram-muram, mati, kosong, tandus dan tidak tahu mengenang budi? Siapakah gerangannya orang yang sanggup berbuat demikian? Tiada lain melainkan manusia yang padam cahaya hatinya, tidak tahu mengenang budi, pendendam yang tidak faham, tidak merasa dan tidak menyedari perbezaan yang amat jauh itu.

فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

3. **"Lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti."**

Pendedahan Hakikat Jiwa Manusia Munafiq

Kemudian al-Qur'an melukiskan satu gambaran yang unik dan indah yang menggambarkan keadaan mereka, iaitu satu gambaran yang sinis terhadap manusia-manusia yang padam cahaya hatinya, dan menyifatkan mereka sebagai manusia-manusia kosong, lompong, padam cahaya hati, pengecut, gelisah, dendam dan tidak tahu mengenang budi. Gambaran itu menjadikan orang-orang ini laksana patung dan sasaran ejekan dalam pameran alam al-wujud:

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ ۖ وَإِن يَقُولُوا۟ تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ ۖ يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ هُمُ ٱلْعَدُوُّ فَٱحْذَرْهُمْ ۚ قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۖ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

4. **"Dan apabila engkau melihat mereka engkau akan tertarik kepada tubuh badan mereka, dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar**

percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar, mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka. Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka. Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?"

Mereka hanya tubuh-tubuh yang menarik bukannya manusia-manusia yang boleh menjawab dan menyahut. Selama mereka diam membisu mereka hanya merupakan tubuh-tubuh yang menarik pandangan mata sahaja, dan apabila mereka bercakap, maka segala percakapan mereka adalah kosong dari segala pengertian, perasaan dan fikiran.

وَإِن يَقُولُوا تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ

4. **"Dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar."**

Mereka bukannya seperti kayu semata-mata, tetapi mereka seperti kayu yang tersandar yang tidak bergerak-gerak, iaitu kayu yang tersadai mati di tepi dinding.

Gambaran kebekuan yang dingin ini menggambarkan keadaan mereka dari segi kefahaman jiwa mereka – jika mereka berjiwa –, dari segi yang lain pula menggambarkan keadaan mereka yang sentiasa berada di dalam keadaan takut, cemas dan resah gelisah:

يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ

4. **"Mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka."**

Mereka tahu bahawa mereka adalah golongan Munafiqin yang berselindung di belakang tabir yang tipis, iaitu tabir berpura-pura, tabir sumpah, tabir menghampu dan putar-belit, kerana itu setiap sa'at mereka takut dan bimbang rahsia mereka akan terbuka dan tabir-tabir yang melindungi mereka akan tersingkap. Ayat ini melukiskan keadaan mereka sentiasa berpaling-paling di sekeliling mereka. Mereka merasa cemas dan takut kepada setiap gerak-geri, setiap bunyi dan suara, mereka fikir semuanya ditujukan kepada mereka dan mereka fikir rahsia mereka telah pun terbuka.

Jika dari sudut kefahaman, roh dan kesedaran terhadap kesan keimanan, mereka diibaratkan sebagai batang kayu yang tersandar dan tersadai mati, maka dari segi ketakutan dan kecemasan mereka terhadap keselamatan nyawa dan harta, mereka laksana batang lalang yang terumbang-ambing ditiup angin.

Dengan sifat-sifat yang seperti itu, mereka merupakan musuh utama Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin:

هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ

4. **"Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka."**

Merekalah musuh yang sebenar, musuh yang bersembunyi di dalam khemah dan barisan kaum Muslimin. Mereka lebih merbahaya dari musuh luar yang terang, kerana itu hendaklah engkau (wahai Muhammad) berhati-hati terhadap mereka, tetapi Rasulullah s.a.w. tidak diperintah membunuh mereka, malah mereka ditindakkan dengan satu cara yang lain yang bijaksana, selesa dan menjaminkan keselamatan dari tipudaya mereka yang jahat, dan salah satu contoh dari cara layanan ini akan dikemukakan sebentar lagi selepas ini.

قَاتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

4. **"Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?"**

Allahlah yang memerangi mereka di mana sahaja mereka pergi. Do'a dari Allah merupakan satu keputusan yang lulus dan tidak dapat ditolak. Dan inilah kesudahan yang diterima mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 8)

Kemudian al-Qur'an menayangkan tindak-tanduk mereka yang menunjukkan niat-niat mereka yang busuk dan rancangan-rancangan sulit yang jahat yang diatur mereka untuk mengingatkan Rasulullah s.a.w., juga sifat mereka yang dusta ketika berdepan. Inilah kumpulan sifat orang-orang Munafiq yang terkenal.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّوْا رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

Kelakuan-kelakuan Kaum Munafiqin

5. **"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus berpaling dan bersikap angkuh."**

6. "Sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq."

هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنفِقُوا عَلَىٰ مَنْ عِندَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنفَضُّوا وَلِلَّهِ خَزَائِنُ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

7. "Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar) janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti."

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ
وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

8. "Mereka berkata jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."

Menurut Ulama' Salaf, ayat ini semuanya diturunkan mengenai Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Dan Ibn Ishaq telah menghuraikan cerita ini di dalam hadithnya mengenai Peperangan Bani al-Mustaliq pada tahun yang keenam hijrah. Peperangan ini berlaku di al-Muraysi' di tempat air kepunyaan mereka. Ketika Rasulullah s.a.w. berada di tempat air itu setelah selesai berperang, tiba-tiba datanglah sekumpulan orang menuju ke tempat itu, dan bersama-sama 'Umar ibn al-Khattab ada seorang gaji dari Bani Ghifar bernama Jahjah ibn Mas'ud membawa kudanya. Tiba-tiba Jahjah dan Sinan ibn Wabar al-Juhani sekutu Bani 'Aun ibn al-Khazraj berebut-rebut untuk mendapatkan air, lalu kedua-duanya bergaduh. Lalu Sinan al-Juhani berteriak, "Tolong! Wahai orang-orang Ansar!" Dan Jahjah juga berteriak, "Tolong! Wahai orang-orang Muhajirin!" Abdullah ibn Ubay ibn Salul naik marah, bersama-samanya ada sekumpulan orang dari kaumnya termasuk seorang anak muda Zaid ibn Arqam. Kata Abdullah ibn Ubay: "Adakah mereka (Muhajirin) tergamak melakukannya? Mereka telah melebihi kita di negeri kita. Demi Allah, keadaan kita dengan jubah-jubah Quraysy [1] ini tidak ubah seperti pepatah orang-orang dahulu: Gemukkan

Cerita Kepala Munafiqin Abdullah Ibn Ubay

---

(1) Jubah-jubah Quraysy ialah gelaran yang digunakan oleh orang-orang Munafiq terhadap orang-orang Muhajirin dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.

anjingmu nescaya ia akan memakanmu. Demi Allah, jika kita telah kembali ke Madinah nanti, orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kemudian dia pergi mendapatkan kaumnya dan berkata kepada mereka: "Inilah akibat perbuatan kamu di atas diri kamu sendiri. Kamu telah memasukkan mereka (Muhajirin) ke negeri kamu, kamu membahagi-bahagikan harta benda kamu dengan mereka. Demi Allah, jika kamu tahankan harta benda kamu dari mereka dengan kuatkuasa kamu nescaya mereka akan berpindah ke tempat lain dari negeri kamu." Kata-kata ini telah didengar oleh Zaid ibn Arqam, lalu dia pun berjalan menuju kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu Rasulullah s.a.w. telah selesai mengalahkan musuhnya, lalu menyampaikan kepada beliau berita itu. Kebetulan 'Umar ibn al-Khattab ada bersamanya, lalu dia berkata kepada beliau, "Hantarkan 'Ubbad ibn Bisyr kepadanya supaya dia membunuhnya." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Wahai 'Umar! Bagaimana nanti jika orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabat-sahabatnya? Ini tidak mungkin, tetapi perintahkan mereka supaya bertolak sekarang meninggalkan tempat ini." Sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak pernah bertolak pada waktu yang seperti itu (iaitu waktu Zohor), lalu orang ramai pun bertolak meninggalkan tempat itu. Kemudian Abdullah ibn Ubay ibn Salul terus pergi mendapatkan Rasulullah s.a.w. setelah mendapat berita bahawa Zaid ibn Arqam telah menyampaikan segala apa yang diucapkannya kepada beliau. Lalu dia pun bersumpah: "Demi Allah, saya tidak pernah kata apa yang telah diceritakannya itu." Dia merupakan pembesar kaumnya. Lalu orang-orang Ansar dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang ada bersama beliau ketika itu berkata: "Wahai Rasulullah! Mungkin anak muda itu telah tersalah menyampaikan berita dan tidak ingat apa yang sebenar diucapkan oleh Abdullah." Mereka berkata begitu kerana kasihan dan untuk membelanya.

Ujar Ibn Ishaq: Apabila Rasulullah s.a.w. bertolak dan berjalan, tiba-tiba datang Usayd ibn Hudhayr menemuinya, lalu memberi salam kepada beliau kemudian berkata: "Wahai Nabi Allah! Demi Allah, anda telah berjalan pada waktu yang sangat buruk (panas terik) yang belum pernah anda lakukannya seperti ini." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Tidakkah sampai kepada anda apa yang diucapkan oleh sahabat anda?" Kata Usayd: "Sahabat yang mana wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Abdullah ibn Ubay." Tanya Usayd: "Apa katanya?" Jawab beliau: "Dia kata jika dia pulang ke Madinah nanti orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kata Usayd: "Ya Rasulullah! Demi Allah, anda boleh menghalaukannya dari Madinah jika anda suka. Dialah yang sebenarnya orang yang hina dan anda adalah orang yang mulia." Setelah itu dia berkata lagi: "Ya Rasulullah! Layanilah dia dengan lemah-lembut. Demi Allah, semasa Allah mengutuskan anda kepada kami, kaumnya sedang menggubah mutiara untuk memahkotakannya, dan sejak itu dia memandang anda telah merampaskan kerajaannya."

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan perjalanannya tidak berhenti-henti bersama sahabat-sahabatnya sehingga senja, kemudian menyambung ke malam hingga ke pagi, dan dari pagi itu dia meneruskan perjalanannya sehingga mereka diselar panas yang terik, barulah beliau berhenti bersama mereka. Sebaik sahaja kaki mereka menyentuh

anjingmu nescaya ia akan memakanmu. Demi Allah, jika kita telah kembali ke Madinah nanti, orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kemudian dia pergi mendapatkan kaumnya dan berkata kepada mereka: "Inilah akibat perbuatan kamu di atas diri kamu sendiri. Kamu telah memasukkan mereka (Muhajirin) ke negeri kamu, kamu membahagi-bahagikan harta benda kamu dengan mereka. Demi Allah, jika kamu tahankan harta benda kamu dari mereka dengan kuatkuasa kamu nescaya mereka akan berpindah ke tempat lain dari negeri kamu." Kata-kata ini telah didengar oleh Zaid ibn Arqam, lalu dia pun berjalan menuju kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu Rasulullah s.a.w. telah selesai mengalahkan musuhnya, lalu menyampaikan kepada beliau berita itu. Kebetulan 'Umar ibn al-Khattab ada bersamanya, lalu dia berkata kepada beliau, "Hantarkan 'Ubbad ibn Bisyr kepadanya supaya dia membunuhnya." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Wahai 'Umar! Bagaimana nanti jika orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabat-sahabatnya? Ini tidak mungkin, tetapi perintahkan mereka supaya bertolak sekarang meninggalkan tempat ini." Sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak pernah bertolak pada waktu yang seperti itu (iaitu waktu Zohor), lalu orang ramai pun bertolak meninggalkan tempat itu. Kemudian Abdullah ibn Ubay ibn Salul terus pergi mendapatkan Rasulullah s.a.w. setelah mendapat berita bahawa Zaid ibn Arqam telah menyampaikan segala apa yang diucapkannya kepada beliau. Lalu dia pun bersumpah: "Demi Allah, saya tidak pernah kata apa yang telah diceritakannya itu." Dia merupakan pembesar kaumnya. Lalu orang-orang Ansar dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang ada bersama beliau ketika itu berkata: "Wahai Rasulullah! Mungkin anak muda itu telah tersalah menyampaikan berita dan tidak ingat apa yang sebenar diucapkan oleh Abdullah." Mereka berkata begitu kerana kasihan dan untuk membelanya.

Ujar Ibn Ishaq: Apabila Rasulullah s.a.w. bertolak dan berjalan, tiba-tiba datang Usayd ibn Hudhayr menemuinya, lalu memberi salam kepada beliau kemudian berkata: "Wahai Nabi Allah! Demi Allah, anda telah berjalan pada waktu yang sangat buruk (panas terik) yang belum pernah anda lakukannya seperti ini." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Tidakkah sampai kepada anda apa yang diucapkan oleh sahabat anda?" Kata Usayd: "Sahabat yang mana wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Abdullah ibn Ubay." Tanya Usayd: "Apa katanya?" Jawab beliau: "Dia kata jika dia pulang ke Madinah nanti orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kata Usayd: "Ya Rasulullah! Demi Allah, anda boleh menghalaukannya dari Madinah jika anda suka. Dialah yang sebenarnya orang yang hina dan anda adalah orang yang mulia." Setelah itu dia berkata lagi: "Ya Rasulullah! Layanilah dia dengan lemah-lembut. Demi Allah, semasa Allah mengutuskan anda kepada kami, kaumnya sedang menggubah mutiara untuk memahkotakannya, dan sejak itu dia memandang anda telah merampaskan kerajaannya."

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan perjalanannya tidak berhenti-henti bersama sahabat-sahabatnya sehingga senja, kemudian menyambung ke malam hingga ke pagi, dan dari pagi itu dia meneruskan perjalanannya sehingga mereka diselar panas yang terik, barulah beliau berhenti bersama mereka. Sebaik sahaja kaki mereka menyentuh

bumi, mereka pun terus baring dan tidur. Rasulullah s.a.w. bertindak demikian supaya sahabat-sahabatnya itu tidak mendapat kesempatan untuk membincangkan kata-kata yang diucapkan oleh Abdullah ibn Ubay semalam.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian turunlah surah yang menyebut keperihalan kaum Munafiqin yang ditujukan kepada Abdullah ibn Ubay dan orang-orang yang sepertinya. Apabila surah ini turun, Rasulullah s.a.w. memegang telinga Zaid ibn Arqam sambil berkata: "Inilah anak muda yang telah menyempurnakan kewajipannya kepada Allah dengan telinganya"... Kemudian cerita Abdullah ibn Ubay ini sampai kepada anaknya yang bernama Abdullah, lalu dia pun datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Ada berita sampai kepada saya bahawa anda hendak membunuh bapa saya Abdullah ibn Ubay kerana kata-kata ancamannya yang telah sampai kepada anda. Jika anda terpaksa bertindak begitu, maka serahkan sahaja perkara ini kepada saya. Saya sanggup membawa kepalanya kepada anda. Demi Allah, suku Khazraj tahu bahawa tiada seorang lelaki dalam kalangan mereka yang lebih berbakti kepada ibubapanya lain dari saya. Saya takut anda menyuruh orang lain dari saya membunuhnya, kerana itu janganlah anda membiarkan diri saya melihat pembunuh Abdullah ibn Ubay itu berjalan di tengah orang ramai hingga menyebabkan saya membunuhnya, dan ini bererti saya telah membunuh seorang Mu'min yang telah membunuh seorang kafir, dan akibatnya saya akan masuk Neraka." Lalu Rasulullah s.a.w. pun berkata: "Sebenarnya kita akan melayaninya dengan lemah-lembut dan kita akan terus bersahabat baik dengannya selama dia berada bersama-sama kita."

Sejak itu apabila Abdullah ibn Ubay melakukan sesuatu perkara, maka kaumnya sendiri yang mengecam, menyalah dan bertindak keras terhadapnya. Kerana itu Rasulullah s.a.w. berkata kepada 'Umar ibn al-Khattab r.a. apabila sampai kepadanya berita tindak-tanduk kaumnya itu: "Bagaimana fikiran anda, wahai 'Umar? Demi Allah, jika aku perintah membunuhnya pada hari anda telah mencadangkan supaya dia dibunuh, tentulah ramai yang menggigil takut kepadanya. Tetapi jika pada hari ini aku perintah mereka membunuhnya, tentulah mereka akan membunuhnya." Jawab 'Umar: "Demi Allah, saya yakin bahawa keputusan Rasulullah s.a.w. itu lebih besar kebaikannya dari keputusan saya."

'Ikrimah, Ibn Ziyad dan lain-lain telah menceritakan iaitu apabila orang ramai balik ke Madinah, Abdullah anak kepada Abdullah ibn Ubay telah berdiri di pintu masuk Madinah dan menghunuskan pedangnya. Semua orang lalu di hadapannya, dan apabila tiba ayahnya Abdullah ibn Ubay dia pun berkata: "Ayah! Berhenti! Jangan masuk." Bentak bapanya, "Mengapa? Celaka engkau!" Jawab anaknya, "Demi Allah, ayah tidak boleh lalu dari sini melainkan apabila ayah telah diizinkan Rasulullah s.a.w., kerana dialah orang yang mulia sedangkan ayah seorang yang hina." Apabila Rasulullah s.a.w. tiba, kerana kebiasaan beliau ialah berjalan di belakang angkatan tentera (untuk melihat orang-orang yang ketinggalan, yang sesat dan yang memerlukan pertolongan

– pengarang, Abdullah ibn Ubay pun mengadu kepadanya atas perbuatan anaknya itu. Lalu Abdullah anaknya berkata: "Demi Allah, ya Rasulullah, dia tidak boleh masuk ke Madinah sehingga anda memberi keizinan kepadanya." Lalu Rasulullah s.a.w. pun memberi keizinannya. Anaknya pun berkata: "Jika Rasulullah s.a.w. telah memberi keizinan kepada ayah, maka sekarang bolehlah ayah masuk." (1)

* * * * * *

Apabila kita memandang sekali kepada peristiwa-peristiwa, sekali kepada tokoh-tokoh yang terlibat dan sekali pula kepada nas al-Qur'an, kita dapati kita berdepan dengan sirah Rasulullah s.a.w., berdepan dengan sistem pendidikan Ilahi dan berdepan dengan perencanaan Allah yang menarik dalam menguruskan segala perkara.

Sikap Rasulullah Terhadap Munafiqin

Barisan kaum Muslimin ini telah diresapi golongan Munafiqin. Mereka hidup dalam barisan mereka semasa hidup Rasulullah s.a.w. hampir-hampir sepuluh tahun lamanya. Namun demikian Rasulullah s.a.w. tidak bertindak mengeluarkan mereka dari barisan itu, dan Allah tidak pula memperkenalkan mereka kepada beliau dengan nama-nama dan batang tubuh mereka, melainkan menjelang masa yang tidak lama sebelum kewafatan beliau, walaupun beliau dapat mengenal mereka dalam keterlanjuran kata mereka yang berbelit-belit dan mengampu-ngampu, walaupun beliau mengenal mereka dari air muka mereka yang mencerminkan kesan-kesan emosi dan perasaan mereka. Hal sedemikian kerana Allah tidak mahu menyerahkan hati manusia kepada manusia. Urusan hati manusia terpulang kepada Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengetahui isinya dan menghisabkannya, sedangkan manusia hanya boleh menghukumkan perkara-perkara yang zahir sahaja. Mereka tidak boleh menghukum orang dengan kacamata sangkaan dan firasat. Walaupun selepas Allah memberitahu Rasulullah s.a.w. mengenai orang-orang yang terus mengambil sikap nifaq di akhir-akhir hayatnya, beliau tidak juga bertindak mengusir mereka dari kelompok Muslimin selama mereka memperlihatkan keislaman mereka dan menunaikan fardhu-fardhunya. Beliau hanya mengenal mereka dan memperkenalkan mereka kepada seorang dari sahabat-sahabatnya sahaja iaitu Khuzayfah ibn al-Yaman dan beliau tidak hebohkannya kepada orang ramai sehingga 'Umar r.a. sendiri datang menemui Khuzayfah untuk mempastikan kedudukan dirinya bahawa Rasulullah tidak mengecapnya dari golongan Munafiqin. Khuzayfah hanya berkata ringkas: "Wahai 'Umar, anda tidak termasuk dalam golongan mereka", dan dia tidak menambah apa-apa.

Rasulullah s.a.w. telah diperintahkan supaya jangan sekali-kali menyembahyangkan mana-mana jenazah orang Munafiqin. Sahabat-sahabat beliau hanya tahu apabila mereka melihat Rasulullah s.a.w. tidak menyembahyangkan mana-mana jenazah. Dan apabila

---

(1) *Dapatlah diperhatikan bahawa cerita fitnah terhadap Siti 'Aisyah r.a. yang terkenal itu adalah berlaku selepas Peperangan Bani al-Mustaliq itu dan yang menjadi dalangnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul.*

Rasulullah s.a.w. wafat, Khuzayfah tidak menyembahyangkan mana-mana jenazah yang dikenalinya dari golongan Munafiqin. Begitu juga 'Umar r.a. tidak bangkit menyembahyangkan mana-mana jenazah sehingga dia lihat, dan apabila dia nampak Khuzayfah ada di sana dia pun tahu bahawa jenazah itu bukan dari kelompok Munafiqin dan jika tidak tentulah dia juga tidak menyembahyangkannya. Tetapi Khuzayfah tidak berkata apa-apa.

Demikianlah peristiwa-peristiwa itu berlaku mengikut bagaimana ketetapan perencanaan Allah kerana sesuatu hikmat dan tujuan untuk memberi pendidikan dan contoh teladan dan untuk membina akhlak, mengaturkan peraturan-peraturan dan peradaban-peradaban.

Peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat-ayat ini merupakan satu peristiwa yang memberi banyak contoh teladan dan pengajaran.

Contoh Teladan Di Sebalik Peristiwa Abdullah Ibn Ubay Dan Anaknya

Lihatlah Abdullah ibn Ubay ibn Salul, dia hidup dalam kalangan kelompok Muslimin dan berhampiran dengan Rasulullah s.a.w. pula. Berbagai-bagai peristiwa dan bukti terpampang di hadapannya yang menunjukkan kebenaran agama ini dan kebenaran Rasulullah s.a.w., tetapi Allah tidak menunjukkan hatinya kepada iman, kerana Rahmat dan ni'mat ini tidak ditulis untuknya. Dia menentang agama ini dan menentang limpahan nur hidayat kerana didorong perasaan dendam yang berkecamuk di dalam dadanya iaitu dendam kerana dia tidak dapat menjadi raja yang memerintah suku-suku Aus dan Khazraj dengan sebab kedatangan Rasulullah s.a.w. membawa Islam ke Madinah. Dendam inilah satu-satunya yang menghalangkannya dari menerima hidayat, sedangkan dalil-dalil kebenarannya tersergam di sekelilingnya kerana dia hidup dalam limpahan cahaya perkembangan Islam di Yathrib (Madinah).

Lihatlah pula kepada anaknya Abdullah r.a., dia merupakan satu contoh seorang Muslim yang amat tinggi, ikhlas dan ta'at. Dia tidak senang dengan bapanya dan tindak-tanduknya dan merasa malu dengan sikap-sikap yang ditunjukkannya. Namun demikian sebagai seorang anak yang baik dan berbudi, dia menaruh perasaan hormat kepada bapanya. Apabila dia mendengar Rasulullah s.a.w. mahu membunuh bapanya, hatinya berkecamuk dengan berbagai-bagai perasaan dan sentimen yang bertentangan. Semuanya dihadapinya dengan terus-terang, tegas dan ikhlas. Dia benar-benar cintakan Islam dan benar-benar ta'at kepada Rasulullah s.a.w. dan bersedia untuk melaksanakan perintahnya walaupun terhadap bapanya sendiri, tetapi dia tidak sanggup melihat orang lain memenggal leher bapanya kemudian berjalan bebas di hadapan matanya. Dia bimbang dikhianati hatinya dan tidak berupaya melawan syaitan semangat perkauman dan panggilan menuntut bela. Di sini dia terpaksa menemui Nabinya dan pemimpinnya supaya dapat menolongnya mengatasi perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya dan menghapuskan penderitaan batin yang sedang dialaminya itu. Lalu dia memohon kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menyerahkan tugas membunuh bapanya kepada dia

sendiri jika beliau terpaksa bertindak demikian. Dia akan tetap patuh kepada perintah beliau dan dia sanggup membawa kepala bapanya kepada beliau supaya tugas itu tidak dilaksanakan oleh orang yang lain darinya, kerana dia tidak sanggup melihat pembunuh bapanya berjalan bebas di bumi ini. Dia takut dia akan membunuhnya dan ini bererti dia membunuh seorang Mu'min kerana membunuh seorang kafir dan akibatnya ia masuk Neraka.

Itulah keindahan iman dalam hati seorang manusia yang menawarkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyerahkan kepadanya satu tugas yang paling sulit kepada jiwa manusia iaitu tugas membunuh bapanya sendiri, dan tawaran itu adalah dibuat dengan hati yang jujur dengan tujuan untuk menghindarkan dirinya dari melakukan perbuatan yang lebih dahsyat iaitu dia bimbang terdorong oleh keinginannya sebagai seorang manusia kepada membunuh seorang Mu'min kerana membunuh seorang kafir dan akibatnya dia akan dimasukkan ke dalam Neraka, itulah keindahan bercakap benar dan terus-terang ketika dia menghadapi kelemahannya sebagai manusia untuk bertindak terhadap orang tuanya sendiri. Apabila dia berkata: "Demi Allah, suku Khazraj tahu bahawa tiada seorang lelaki dalam kalangan mereka yang lebih berbakti kepada ibu bapanya lain dari saya." Dia memohon Nabinya dan pemimpinnya supaya menolongnya mengatasi kelemahan dan menyelamatkannya dari keadaan serba-salah, bukan memohon supaya beliau membatal atau mengubahkan keputusannya, kerana perintah Rasulullah tetap dipatuhi dan dijunjungi, tetapi dia memohon supaya tugas membawa kepala bapanya ditugaskan kepada dia sendiri.

Rasulullah yang baik hati itu menyedari keserbasalahan tokoh Mu'min ini, oleh itu, beliau hapuskan perasaan itu dengan penuh kema'afan dan penghormatan: "Sebenarnya kita akan melayaninya dengan lemah-lembut dan kita akan terus bersahabat baik dengannya selama dia berada bersama-sama kita." Sebelum ini beliau telah membantah cadangan 'Umar supaya Abdullah ibn Ubay itu dibunuh dengan sabdanya: "Wahai 'Umar, bagaimana nanti jika orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabatnya?"

Kemudian cara Rasulullah s.a.w. menangani peristiwa ini dengan pengendalian seorang pemimpin yang bijaksana yang mendapat ilham Ilahi, beliau memerintah angkatan tenteranya supaya meninggalkan tempat itu segera walaupun bukan masanya yang wajar dan memimpin mereka meneruskan perjalanan itu sehingga mereka letih lesu untuk menghindarkan mereka dari memikirkan emosi perkauman yang busuk yang ditimbulkan oleh seruan kedua-dua orang yang bergaduh tadi. "Tolong, wahai orang-orang Ansar! Tolong", "Wahai orang-orang Muhajirin!" Juga untuk menghindarkan mereka dari memikirkan kata-kata ancaman atau fitnah yang dikeluarkan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul yang bertujuan untuk membakarkan hubungan kemesraan dan persaudaraan yang kukuh yang wujud di antara kaum Ansar dan kaum Muhajirin, iaitu hubungan kemesraan dan persaudaraan yang unik di dalam sejarah agama dan di

dalam sejarah manusia seluruhnya. Dalam percakapan beliau dengan Usayd ibn Hudhayr yang memberi semangat supaya menentang gerakan fitnah dan menentang tokoh yang membuat fitnah itu yang masih dipandang tinggi dalam kalangan kaumnya walaupun selepas kedatangan Islam.

Akhir sekali kita berdiri di hadapan satu pemandangan akhir yang amat menarik, iaitu pemandangan Abdullah anak Abdullah ibn Ubay sedang menghunuskan pedangnya di pintu masuk kota Madinah dan menahan bapanya. Dia tidak membenarkan bapanya masuk ke kota Madinah untuk menepati kata-katanya dahulu: "Orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah" supaya bapanya sedar bahawa Rasulullah itulah yang mulia dan dialah yang hina. Dan dia terus menahan bapanya sehingga Rasulullah s.a.w. tiba dan membenarkannya masuk. Dengan kejadian ini jelaslah kepadanya siapakah sebenarnya yang mulia dan yang hina.

Sesungguhnya itulah kemuncak kelebihan yang dicapai oleh tokoh-tokoh Muslim zaman itu. Keimananlah yang menaikkan mereka ke kemuncak itu, dan walaupun mereka telah meningkat ke kemuncak itu, namun mereka masih bersifat manusia yang mempunyai titik-titik kelemahan seorang manusia, dan mempunyai perasaan-perasaan dan fikiran-fikiran seorang manusia. Itulah hakikat yang paling indah dan paling benar yang terdapat dalam 'aqidah Islam apabila manusia memahami hakikatnya dan apabila diri mereka sendiri mencerminkan hakikatnya yang bergerak di bumi dalam rupa manusia yang makan makanan-makanan dan berjalan di pasar-pasar.

* * * * * *

Kemudian marilah kita hidup dalam bayangan keterangan-keterangan al-Qur'an sendiri yang mengisahkan peristiwa-peristiwa itu:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّوْا رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

Keangkuhan Kaum Munafiqin

5. **"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus berpaling dan bersikap angkuh."**

Mereka telah membuat perbuatan dan melepaskan perkataan itu, dan apabila mereka tahu berita perbuatan dan perkataan mereka itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., mereka merasa takut dan lemah, lalu mereka menafikannya dengan mengangkat sumpah yang digunakan mereka sebagai perisai. Apabila ada orang berkata kepada mereka: **"Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasulullah memohon keampunan**

untuk kamu" sedangkan mereka cukup aman untuk mengadap beliau, nescaya mereka menggeleng-gelengkan kepala mereka kerana angkuh dan sombong. Kedua-dua kelakuan ini merupakan dua sifat yang tidak terpisah dari jiwa manusia Munafiq. Walaupun kelakuan seperti ini biasanya ditunjukkan oleh mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan kaumnya, tetapi dalam hati mereka sendiri, mereka adalah cukup lemah untuk berdepan dengan Rasulullah s.a.w., kerana itu mereka bersikap sombong dan berpaling dan menggeleng-gelengkan kepala mereka selama mereka merasa aman dari berdepan dengan beliau, tetapi apabila sampai masa mereka terpaksa berdepan dengan beliau, mereka akan takut, lemah dan bersumpah-sumpah.

Kerana itu al-Qur'an menujukan ayat berikut kepada Rasulullah untuk menjelaskan keputusan Allah terhadap kaum Munafiqin pada setiap masa, juga menjelaskan tidak ada gunanya memohon keampunan untuk mereka setelah Allah memberi keputusan-Nya:

سَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ أَسۡتَغۡفَرۡتَ لَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تَسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ لَن يَغۡفِرَ ٱللَّهُ لَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي
ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٦

6. **"Sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq."**

Al-Qur'an menceritakan sebahagian dari perbuatan mereka yang fasiq yang wajar mendapat keputusan Allah yang keras terhadap mereka:

هُمُ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنفِقُواْ عَلَىٰ مَنۡ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ حَتَّىٰ يَنفَضُّواْۗ وَلِلَّهِ خَزَآئِنُ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَٰكِنَّ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ لَا يَفۡقَهُونَ ٧

Rancangan Memulau Kaum Muslimin Supaya Mereka Lapar

7. **"Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar): Janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti."**

Ini adalah perkataan yang jelas menunjukkan tabiat yang buruk dan perangai mereka yang keji. Ia merupakan satu rancangan untuk melaparkan kaum Muslimin, iaitu satu rancangan yang nampaknya selalu digunakan oleh musuh-musuh kebenaran dan keimanan. Mereka saling anjur-menganjur sesama mereka supaya menggunakan cara ini untuk memerangi 'aqidah dan menentang agama Islam. Oleh kerana mereka mempunyai perasaan yang rendah dan hina, mereka fikir masalah mendapatkan sesuap makanan

itulah merupakan satu masalah yang maha penting dalam hidup insan, kerana itu mereka menggunakan masalah ini sebagai alat untuk memerangi orang-orang Mu'min.

Itulah cara yang telah dijalankan orang-orang Quraysy semasa mereka memulaukan Bani Hasyim di lorong-lorong bukit supaya mereka berundur dari membantu Rasulullah s.a.w. dan menyerahkan beliau kepada kaum Musyrikin.

Ia juga merupakan cara golongan Munafiqin seperti yang dijelaskan oleh ayat-ayat ini supaya sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. meninggalkan beliau apabila mereka ditekan oleh kepicikan hidup dan kelaparan.

Ia juga merupakan cara pemerintah komunis. Mereka mengharamkan orang-orang yang beragama di negeri-negeri mereka dari mendapatkan kad catuan makanan supaya mereka mati kelaparan atau kafir terhadap Allah dan meninggalkan solat.

Ia juga merupakan cara pihak-pihak yang lain yang memerangi gerakan da'wah kepada Allah dan gerakan kebangkitan Islamiyah di negeri-negeri Islam dengan mengadakan sekatan, kepungan, pelaparan dan usaha menutup pintu pekerjaan dan mencari rezeki.

Demikianlah cara yang hina ini digunakan oleh semua musuh keimanan dari zaman dahulu hingga ke zaman ini, sedangkan mereka lupakan hakikat yang asasi yang diperingatkan oleh al-Qur'an di akhir ayat ini:

وَلِلَّهِ خَزَآئِنُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ۝٧

Sumber Rezeki Di Tangan Allah

7. **"Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti."**

Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan Allah di langit dan di bumi inilah mereka yang cuba menyekat rezeki orang-orang Mu'min itu mendapatkan rezeki mereka kerana mereka tidak menciptakan rezeki mereka sendiri. Alangkah bodoh dan dungunya orang-orang ini apabila mereka cuba memotong rezeki-rezeki orang lain.

Demikianlah Allah mengukuhkan hati orang-orang Mu'min dalam menghadapi cara yang hina yang digunakan oleh musuh-musuh Allah untuk memerangi mereka. Allah meyakinkan mereka bahawa perbendaharaan-perbendaharaan Allah di langit dan di bumi itulah perbendaharaan rezeki bagi seluruh manusia, dan Allah yang memberi rezeki kepada musuh-musuh-Nya tentulah tidak akan lupakan rezeki hamba-hamba kesayangan-Nya. Rahmat Allah telah menghendaki tidak menyeksakan para hamba-Nya dengan tindakan melapar dan memotong rezeki mereka walaupun musuh-musuh-Nya. Allah tahu mereka tidak berkuasa mengadakan rezeki untuk diri mereka sendiri sama ada banyak atau sedikit jika Allah memotong rezeki mereka. Allah itu Maha Pemurah, Dia tidak menyerahkan kepada hamba-hamba-Nya walaupun musuh-musuh-Nya tugas

mengadakan rezeki yang tidak mampu dilaksanakan mereka. Oleh itu, nyatalah bahawa tindakan melaparkan orang lain merupakan satu cara yang tidak akan difikir melainkan oleh orang-orang yang paling jahat dan hina.

Kemudian kata-kata ancaman mereka yang terakhir:

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ
وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Ancaman Munafiqin Untuk Mengusir Rasulullah Dan Kaum Muslimin Dari Madinah

8. "Mereka berkata: Jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiqin tidak mengetahui."

Kita telah melihat bagaimana Abdullah ibn Abdullah ibn Ubay telah membuktikan kebenaran kata-kata ini dan bagaimana orang yang hina tidak dapat masuk ke Madinah melainkan dengan kebenaran orang yang mulia.

وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

8. "Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."

Allah S.W.T. telah membawa Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min ke pihak-Nya dan melimpah kemuliaan-Nya ke atas mereka. Ini adalah satu penghormatan yang amat tinggi yang tidak dapat diberi melainkan oleh Allah sahaja. Tiada lagi satu penghormatan yang lebih tinggi setelah Allah S.W.T. membariskan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min di sampingnya sambil berfirman: "Kamilah yang paling mulia! Inilah panji-panji orang-orang yang termulia dan inilah barisan yang mulia".

Alangkah benarnya firman Allah. Dia telah menjadikan kemuliaan itu cabang dari keimanan di dalam hati orang yang beriman, iaitu kemuliaan yang diambil dari kemuliaan zat-Nya Yang Maha Tinggi, kemuliaan yang tidak akan hina dan tidak mungkin dihinakan, kemuliaan yang tidak akan tunduk dan berlembut, kemuliaan yang tidak akan berpisah dari hati orang-orang Mu'min dalam sa'at-sa'at yang paling genting kecuali keimanannya telah lemah. Sebaliknya apabila keimanan itu terpacak teguh, maka perasaan merasa mulia itu tetap teguh dan kukuh bersamanya.

وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

8. "Tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."

Bagaimana mereka dapat mengetahui, sedangkan mereka tidak pernah merasa kemuliaan ini dan tidak pernah berhubung dengan sumbernya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kepada orang-orang Mu'min yang dibariskan Allah dalam barisan-Nya bersama-sama Rasulullah s.a.w. dan Allah jadikan kemuliaan mereka dari kemuliaan-Nya, al-Qur'an menujukan seruannya yang akhir kepada mereka dalam surah ini supaya mereka meningkat ke darjat yang mulia ini dan supaya mereka membersihkan diri mereka dari segala sifat yang menyerupai sifat-sifat kaum Munafiqin dan supaya mereka lebih mengutamakan darjat yang mulia itu dari harta kekayaan dan anak-anak, dan jangan membiarkan harta dan anak-anak itu melalaikan mereka dari mencapai darjah yang gemilang itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ
ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٩﴾

9. **"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilekakan oleh harta benda kamu dan anaka-anak kamu dari mengingati Allah. Barang siapa yang berbuat demikian, merekalah orang-orang yang rugi."**

وَأَنفِقُوا۟ مِن مَّا رَزَقْنَٰكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَآ أَخَّرْتَنِىٓ
إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠﴾

10. **"Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah tidak engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang salih?"**

وَلَن يُؤَخِّرَ ٱللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَآءَ أَجَلُهَا ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

11. **"Dan Allah tidak akan menempohkan seseorang apabila telah tiba ajalnya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka."**

Sikap Orang-orang Yang Beriman Terhadap Harta Kekayaan Dan Anak-anak

Harta kekayaan dan anak-anak pinak itu memang meleka dan melalaikan jika hati seseorang itu tidak mempunyai kesedaran, tidak memahami matlamat kewujudannya dan tidak merasa mempunyai suatu matlamat yang tinggi, yang layak dengan makhluk insan yang mendapat tiupan roh dari Allah. Dan di dalam roh inilah Allah meletakkan rasa kerinduan untuk melaksanakan setengah-setengah sifat Ilahiyah mengikut batas-batas kemampuan yang ada pada manusia. Allah mengurniakan harta kekayaan dan anak-pinak kepada manusia supaya dia dapat melaksanakan tugas khilafah di bumi ini dan bukan untuk melalaikannya dari mengingati Allah dan membuat hubungan dengan Allah yang menjadi sumber di mana dia menerima pengajaran-pengajaran yang boleh menjadikannya makhluk insan. Barang siapa yang lalai dan cuai dari membuat hubungan dengan sumber itu, "**Merekalah orang-orang yang rugi.**"

Kerugian pertama yang akan dialami mereka ialah mereka akan kehilangan "Sifat insan" kerana sifat insan adalah terhenti di atas wujudnya perhubungan dengan Allah yang menjadi sumber yang melayakkan untuk menjadikannya seorang insan yang sebenar, dan barang siapa yang kehilangan dirinya bererti kehilangan segala-galanya, walaupun sebanyak mana ia memiliki harta kekayaan dan anak-pinak.

Kemudian al-Qur'an menyentuh mereka dalam persoalan membelanjakan harta untuk jalan kebajikan dengan berbagai-bagai sentuhan yang terkandung dalam ayat yang sama:

وَأَنفِقُوا مِن مَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

10. **"Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah tidak Engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang salih?"**

Dalam ayat ini, al-Qur'an mengingatkan mereka tentang sumber rezeki yang ada di tangan mereka, iaitu rezeki itu adalah datang dari sisi Allah yang mereka beriman kepada-Nya dan yang menyuruh mereka supaya membelanjakan harta mereka ke jalan kebajikan.

10. **"Sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut...."**

Lalu dia meninggalkan segala harta kekayaannya kepada orang lain kemudian dia melihat dan dapati bahawa dia tidak menyediakan sesuatu apa pun untuk dirinya. Inilah kebodohan yang amat jelas dan kerugian yang amat besar. Di waktu inilah dia berharap-harap dan berangan-angan semoga ajalnya ditangguhkan supaya dia sempat membelanjakan hartanya ke jalan kebajikan dan menjadikan dirinya termasuk di dalam golongan orang-orang yang salih. Bagaimana ini mungkin berlaku?

وَلَن يُؤَخِّرَ ٱللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَآءَ أَجَلُهَا

11. **"Dan Allah tidak akan menempohkan seseorang apabila telah tiba ajalnya."**

Dan bagaimana pula dengan amalan yang dijadikan bekal untuknya?

وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

11. **"Dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka."**

Itulah berbagai-bagai sentuhan dalam ayat yang sama. Dan sentuhan itu dibuat sesuai dengan tempatnya setelah al-Qur'an membentangkan sifat-sifat kaum Munafiqin dan tipudaya mereka terhadap orang-orang Mu'min, dan menyatakan bahawa orang-orang Mu'min berlindung dalam barisan Allah yang menyelamatkan mereka dari tipudaya kaum Munafiqin. Oleh itu, amatlah wajar kepada mereka bangkit melaksanakan komitmen-komitmen keimanan dan bersikap tidak lalai dari mengingati Allah yang menjadi sumber keamanan dan ketenteraman.

Demikianlah Allah mendidik kaum Muslimin dengan al-Qur'anul-Karim.

سُورَةُ التَّغَابُنِ

SURAH AT-TAGHABUN
Surah Pertandingan
Surah (64) – Madaniyah – 18 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ لَهُ ٱلْمُلْكُ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ١

1. Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ٢

2. Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu.

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ٣

3. Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu, dan kepada-Nya tempat kembali.

يَعْلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٤

4. Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada.

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَبْلُ فَذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

5. **Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang yang kafir sebelum kamu. Mereka telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan memperolehi azab yang amat pedih.**

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالُوا أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا وَتَوَلَّوا ۚ وَّاسْتَغْنَى اللَّهُ ۚ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

6. **Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Apakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji.**

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَن لَّن يُبْعَثُوا ۚ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ ۚ وَذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧﴾

7. **Orang-orang yang kafir mengatakan bahawa mereka tidak akan dibangkitkan kembali (selepas mati). Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu, demi Tuhanku kamu akan dibangkitkan kembali kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Urusan itu amat mudah kepada Allah.**

فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالنُّورِ الَّذِي أَنزَلْنَا ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٨﴾

8. **Oleh itu, berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur al-Qur'an yang Kami turunkannya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu.**

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ۖ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّغَابُنِ ۗ وَمَن يُؤْمِن بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾

9. **Ingatlah hari di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab) itulah hari pertandingan. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang salih nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke**

dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا ۖ وَبِئْسَ
الْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

10. **Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.**

مَا أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَمَن يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمٌ ﴿١١﴾

11. **Tiada musibat yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.**

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿١٢﴾

12. **Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas.**

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

13. **Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia, dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ ۚ
وَإِن تَعْفُوا وَتَصْفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

14. **Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh kepada kamu. Oleh itu, hendaklah kamu berhati-hati terhadap mereka. Dan jika kamu mema'af, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang.**

إِنَّمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَأَوۡلَٰدُكُمۡ فِتۡنَةٞۚ وَٱللَّهُ عِندَهُۥٓ أَجۡرٌ عَظِيمٞ ١٥

15. Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu adalah ujian (kepada kamu), dan di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar.

فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ مَا ٱسۡتَطَعۡتُمۡ وَٱسۡمَعُواْ وَأَطِيعُواْ وَأَنفِقُواْ خَيۡرٗا لِّأَنفُسِكُمۡۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفۡسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٦

16. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atilah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabiat kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung.

إِن تُقۡرِضُواْ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنٗا يُضَٰعِفۡهُ لَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ١٧

17. Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun.

عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١٨

18. Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini hampir menyamai Surah-surah Makkiyah dalam maudhu' pembicaraannya, ungkapan ayat-ayatnya, bayangan-bayangannya dan saranan-saranannya terutama dalam bahagian-bahagian pertamanya. Suasana-suasana masyarakat Madinah hampir-hampir tidak ternyata melainkan di dalam beberapa ayatnya yang akhir.

Ayat-ayatnya yang pertama sehingga kepada permulaan seruan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ

14. "Wahai orang-orang yang beriman!"

adalah dituju untuk membina asas-asas 'aqidah dan menegakkan kefahaman Islamiyah di dalam hati manusia dengan gaya cara Surah-surah Makkiyah yang mula-mula menghadapi orang-orang kafir Musyrikin. Ia menjelaskan kefahaman Islamiyah kepada mereka dengan

penjelasan orang yang baru menghadapinya. Kemudian surah ini menggunakan kejadian-kejadian alam buana dan jiwa yang menarik di samping memperlihatkan kesudahan-kesudahan yang diterima oleh pendusta-pendusta sebelum mereka. Surah ini juga menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat kepada mereka untuk menegakkan kepercayaan kepada kebangkitan semula selepas mati dan memberi penekanan-penekanan yang kuat. Ini menunjukkan bahawa orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini adalah dari golongan para pengingkar yang degil.

Ayat-ayat yang akhir dari surah ini adalah berbicara dengan orang-orang Mu'min dengan pembicaraan yang serupa dengan pembicaraan dengan mereka di dalam Surah-surah Madaniyah, iaitu pembicaraan-pembicaraan yang menggalakkan mereka membelanjakan harta benda untuk Sabilullah dan mengingatkan mereka tentang ujian-ujian harta dan anak. Ini merupakan da'wah yang berulang-ulang disebut di zaman Madaniyah dengan sebab-sebab keperluan hidup Islamiyah di Madinah. Begitu juga di dalam ayat-ayat yang akhir itu terdapat kenyataan yang mungkin berupa ta'ziah atas kesusahan-kesusahan dan bebanan-bebanan berat yang terpikul di atas bahu orang-orang Mu'min dan kenyataan yang mengembalikan segala-galanya itu kepada takdir Allah di samping menegakkan kefahaman ini sendiri. Semuanya ini berulang-ulang disebut di dalam Surah-surah Madaniyah terutama setelah turunnya perintah jihad yang menimbulkan pengorbanan-pengorbanan itu.

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah dan ada pula riwayat-riwayat yang lain yang mengatakan ia diturunkan di Madinah dan riwayat inilah merupakan riwayat yang kuat. Saya hampir-hampir cenderung mengatakan bahawa surah ini diturunkan di Makkah kerana terpengaruh dengan gaya cara pengungkapan bahagian-bahagiannya yang pertama dan suasana-suasananya, tetapi saya kekalkan surah ini sebagai surah yang diturunkan di Madinah kerana di sana tidak ada halangan bahawa ayat-ayat pertama dari surah ini merupakan ayat yang ditujukan kepada orang-orang kafir selepas Hijrah sama ada mereka dari orang-orang kafir Makkah atau orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan Madinah. Begitu juga di sana tidak ada halangan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan di Madinah itu kadang-kadang dituju untuk menjelaskan asas-asas 'aqidah dan kefahaman-kefahaman Islamiyah dengan gaya cara yang selalu terdapat di dalam surah-surah yang diturunkan di Makkah. Wallahua'lam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Bahagian pertama dari surah ini bertujuan untuk membina kefahaman keimanan universal dan menjelaskan hakikat hubungan di antara Allah S.W.T. selaku Khaliq dengan alam buana selaku makhluk yang diciptakan-Nya, juga menjelaskan hakikat beberapa

sifat Allah dan nama-nama-Nya yang maha indah dan kesannya di alam buana dan di dalam kehidupan manusia.

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ لَهُ ٱلْمُلْكُ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

1. **"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."**

هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

2. **"Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

3. **"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu dan kepada-Nya tempat kembali."**

يَعْلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤﴾

4. **"Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."**

Kefahaman Keimanan Universal

Kefahaman keimanan universal ini merupakan satu kefahaman atau persepsi yang paling halus dan paling luas yang pernah diketahui oleh orang-orang yang beriman di dalam sejarah agama Ilahi. Semua agama Ilahi membawa kepercayaan Wahdaniyah atau keesaan Allah dan Dialah satu-satunya Pencipta alam al-wujud dan seluruh makhluk-Nya. Dialah yang memelihara dan menjaga seluruh makhluk di alam al-wujud. Hakikat ini tidak dapat kita ragukan lagi kerana al-Qur'an sendiri telah menceritakannya dari para rasul dan agama-agama Ilahi seluruhnya. Kita tidak boleh berpegang dengan keterangan-keterangan yang kita dapati di dalam kitab-kitab suci yang palsu dan yang telah diubah dan dipindakan itu atau berpegang dengan keterangan-keterangan yang ditulis oleh pengarang-pengarang yang tidak beriman kepada al-Qur'an semuanya atau setengahnya, iaitu pengarang-pengarang yang menulis mengenai kajian perbandingan di antara agama. Penyelewengan dari 'aqidah Wahdaniyah itu adalah datang dari pengikut-pengikut agama-agama itu sendiri. Kerana itu kita nampak agama-agama itu tidak membawa 'aqidah tauhid yang bersih dan tidak menjelaskan hakikat bahawa hanya Allah sahaja yang menguasai

dan menghubungi segala makhluk yang ada. Ini adalah satu penyelewengan yang baru timbul bukannya dari pengajaran asal agama-agama itu. Agama Allah itu hanya satu sahaja sejak kebangkitan rasul-rasul yang pertama hingga kepada kebangkitan Rasul yang akhir. Dan mustahil bagi Allah menurunkan satu agama yang bertentangan dengan dasar-dasar kepercayaan Wahdaniyah ini sebagaimana didakwakan oleh pendakwa-pendakwa berdasarkan keterangan-keterangan yang mereka perolehi dari kita-kitab suci yang palsu dan yang telah diubah dan dipindakan atas nama agama itu.

Tetapi penjelasan hakikat ini tidak bertentangan dengan penjelasan bahawa kefahaman Islam mengenai zat Allah dan sifat-sifat-Nya Yang Maha Tinggi serta kesan-kesan dari sifat-sifat itu di dalam alam buana dan di dalam kehidupan merupakan satu kefahaman yang lebih luas, lebih halus dan lebih sempurna dari semua kefahaman ketuhanan yang telah lalu yang terdapat di dalam agama-agama Ilahi. Ini memang sesuai dengan sifat agama Islam dan tugasnya yang terakhir, juga sesuai dengan kematangan pemikiran manusia, yang mana tujuan kedatangan agama yang akhir ini ialah untuk berbicara dengan mereka dan untuk memberi bimbingan kepada mereka, dan seterusnya untuk menanamkan di dalam jiwa mereka kefahaman keimanan yang sempurna dan meliputi segala kehendak keperluannya, segala cabang dan segala kesannya.

Di antara ciri kefahaman ini ialah ia membolehkan hati manusia memahami mengikut kadar kemampuannya hakikat Uluhiyah dan keagungannya dan dapat merasakan pengaruh qudrat Ilahi serta melihatnya pada kesan-kesannya yang dapat disaksikan pada seluruh alam buana ini, juga dapat merasakannya pada makhluk-makhluk yang berjiwa dengan kesan-kesannya yang dapat disaksi dan difahami, juga ia dapat hidup dalam ruang qudrat Ilahi itu dan kesan-kesannya yang tidak pernah luput dari tanggapan pancaindera, minda dan ilham yang diterimanya. Ia dapat melihat qudrat Ilahi itu meliputi segala sesuatu, menguasai segala sesuatu, mentadbirkan segala sesuatu dan memelihara segala sesuatu. Tiada suatu pun yang terkeluar dari bidang qudrat Ilahi sama ada yang besar, yang kecil, yang mulia dan yang hina.

Di antara ciri kefahaman ini lagi ialah ia membolehkan hati manusia hidup dalam keadaan yang sentiasa peka, sentiasa waspada dan hati-hati, sentiasa bimbang dan menunggu, sentiasa kepingin dan mengharap rahmat Allah. Ia membolehkannya meneruskan hidupnya dengan sentiasa menggantungkan seluruh gerak-geri dan pemikirannya pada Allah, sentiasa merasakan qudrat dan pengawasan Allah, sentiasa sedarkan dengan pengetahuan dan pemerhatian Allah terhadap perbuatan-perbuatannya, sentiasa merasakan kekuatan dan keperkasaan Allah, sentiasa merasakan kewujudan rahmat dan limpah kurnia Allah dan sentiasa merasakan kehampiran Allah dengannya dalam segala keadaan.

Dan pada akhirnya di antara ciri kefahaman ini lagi ialah ia membolehkan hati seseorang sedar bahawa segala makhluk yang maujud ini adalah bertawajjuh kepada

Khaliqnya dan ia juga turut serta bertawajjuh kepada-Nya bersama-sama mereka. Segala makhluk adalah bertasbih memuji Tuhannya dan ia juga turut serta bertasbih bersama-sama mereka dan segala makhluk adalah ditadbirkan dengan perintah dan kebijaksanaan Allah, kerana itu dia tunduk kepada syari'at dan peraturan-peraturan-Nya. Berdasarkan pengertian-pengertian inilah kefahaman keimanan ini dinamakan kefahaman keimanan universal di samping lain-lain pengertian yang terbentang di dalam berbagai-bagai tempat di dalam al-Qur'an, yang mengandungi penerangan-penerangan mengenai aspek-aspek kefahaman keimanan yang sempurna, halus dan meliputi segala-galanya ini. Contoh yang paling dekat ialah pengertian yang terkandung dalam ayat terakhir Surah al-Hasyr di dalam juzu' ini. (1)

* * * * * *

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

Seluruh Alam Buana Bertasbih Memuji Allah

1. **"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."**

Seluruh makhluk di langit dan di bumi adalah bertawajjuh kepada Allah dan bertasbih memuji-Nya. Hati alam al-wujud ini adalah beriman belaka dan roh makhluk di alam buana ini adalah beriman semuanya. Allah itu Pemilik dan Penguasa segala sesuatu, dan segala sesuatu menyedari hakikat ini. Allah itu Maha Terpuji dengan zat-Nya dan Dia dimuliakan oleh seluruh makhluk-Nya. Apabila ada manusia yang mengaku berdiri sendiri di dalam lautan alam al-wujud yang besar ini dengan hati yang kafir dan roh yang ingkar dan pendirian yang memberontak dan derhaka, tidak bertasbih kepada Allah dan tidak bertawajjuh kepada-Nya, maka manusia ini adalah seorang yang amat ganjil yang terpisah dari pendirian seluruh makhluk di alam al-wujud ini.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

1. **"Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."**

Qudrat Allah merupakan qudrat yang mutlaq yang tidak terikat dengan sebarang ikatan. Qudrat Allah merupakan satu hakikat yang diterapkan al-Qur'an di dalam hati orang yang beriman. Dia mengenal hakikatnya dan terpengaruh dengan pengertiannya. Dia sedar apabila dia bersandar kepada Allah bererti dia bersandar kepada satu qudrat yang berkuasa melaku dan melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya tanpa sebarang batasan dan ikatan.

---

(1) *"Konsep Islam Terhadap Alam, Kehidupan Dan Insan" satu kajian yang saya harap dengan taufiq Allah dapat melahirkannya ke alam kenyataan.*

Kefahaman ini terhadap hakikat qudrat Allah dan hakikat bahawa seluruh makhluk bertasbih kepada-Nya dan seluruh alam bertawajjuh kepada-Nya dengan pujian dan sanjungan merupakan sebahagian dari kefahaman keimanan yang agung ini.

Sentuhan yang kedua adalah menyentuh hati manusia yang berdiri di dalam lautan makhluk-makhluk yang ada di alam buana, iaitu makhluk-makhluk yang sentiasa beriman dan bertasbih memuji Allah, sedangkan manusia kadang-kadang beriman dan kadang-kadang kafir. Dialah sahaja di antara para makhluk itu yang mengambil pendirian yang ganjil seperti ini.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

Manusia Mempunyai Dua Arah Aliran Menuju Keimanan Atau Kekafiran

2. **"Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

Makhluk manusia adalah lahir dari iradat dan qudrat Allah. Jiwanya telah diisi dengan kemungkinan menuju kepada kekafiran dan kemungkinan menuju kepada keimanan. Dengan sifatnya yang mempunyai dua kesediaan ke arah kekafiran dan ke arah keimanan inilah manusia berbeza dari makhluk-makhluk yang lain. Berdasarkan kesediaan inilah juga manusia ditugaskan memikul amanah keimanan iaitu satu amanah yang agung dan satu tanggungjawab yang amat besar, tetapi Allah memuliakan makhluk ini dengan mengurniakan kepadanya kebolehan membeza dan memilih di samping membantunya dengan memberikannya neraca yang dapat digunakan olehnya untuk menilaikan kerja-kerjanya dan haluan-haluan yang ditujunya. Neraca itu ialah agama yang diturunkan kepada para rasul yang dipilih dari kalangannya. Dengan pengurniaan-pengurniaan ini Allah menolong manusia untuk memikul amanah keimanan itu tanpa menganiayakan sedikit pun.

2. **"Dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

Dialah yang mengawasi segala tindak-tanduk manusia dan mengetahui niat dan tujuan mereka. Oleh itu manusia harus berhati-hati terhadap Allah Yang Maha Mengawasi dan Maha Mengetahui.

Kefahaman terhadap hakikat manusia dan pendiriannya ini merupakan sebahagian dari kefahaman Islam yang jelas dan lurus terhadap pendirian manusia di alam buana ini, juga terhadap kesediaan-kesediaannya dan tanggungjawab-tanggungjawabnya di hadapan Allah Pencipta alam buana ini.

Sentuhan yang ketiga memperkatakan hikmat dan lunas kebenaran, yang semulajadi pada tabiat alam buana ini. Dengan hikmat dan lunas kebenaran inilah langit dan bumi diciptakan. Sentuhan ini juga memperkatakan penciptaan Allah yang indah pada diri manusia dan menjelaskan bahawa seluruh manusia akan pulang kepada Allah pada akhir penjelajahan hidupnya:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

3. **"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu dan kepada-Nya tempat kembali."**

Permulaan ayat, "**Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran**" menyedarkan orang yang beriman bahawa lunas kebenaran itu merupakan lunas semulajadi pada kejadian alam buana, bukannya sesuatu yang baru atau merupakan sesuatu yang bersifat tambahan, dan di atas lunas kebenaran inilah alam buana ini diciptakan Allah. Hakikat ini dijelaskan oleh Allah sendiri yang telah menciptakan langit dan bumi itu, dan Dialah yang mengetahui di atas asas apakah Dia ciptakan kedua-duanya. Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati seseorang, maka ia akan memberikan rasa ketenteraman kepadanya dan kepercayaan yang penuh terhadap lunas kebenaran yang menjadi asas agamanya dan asas penciptaan seluruh alam di sekelilingnya. Kerana itu agama ini pasti muncul, pasti kekal dan pasti bertapak teguh selepas hilangnya buih-buih kebatilan.

Struktur Rupa Bentuk Manusia Diciptakan Dengan Kejuruteraan Rabbani Yang Paling Sempurna

Hakikat yang kedua dari ayat "**Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu**" menyedarkan manusia betapa mulia kejadiannya di sisi Allah dan betapa besarnya limpah kurnia Allah yang telah mencantikkan rupa parasnya, iaitu rupa paras yang lahir dan rupa paras yang batin. Kerana itu manusia merupakan makhluk hidup yang paling sempurna dari segi bentuk tubuh badan dan paling tinggi dari segi struktur perasaan dan kesediaan-kesediaan rohaniyah yang mempunyai berbagai-bagai rahsia yang aneh, dan justeru kelebihan ini tugas khilafah memerintah bumi diserahkan kepada manusia.

Dengan sekilas pandangan yang teliti kepada kejuruteraan umum struktur kejadian manusia atau bentuk mana-mana anggota peralatannya sudah cukup untuk membuktikan kebenaran hakikat "**Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu.**" Bentuk rupa paras manusia merupakan suatu kejuruteraan yang mengumpulkan keindahan dan kesempurnaan, dan keindahan itu pula berbeza-beza dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain, tetapi reka bentuk itu sendiri adalah cukup indah, sempurna dan dapat memenuhi kehendak tugas-tugas dan ciri-ciri yang menjadikan makhluk insan mengatasi semua makhluk hidup yang lain di bumi ini.

3. **"Dan kepada-Nya tempat kembali."**

Segala sesuatu, segala urusan dan segala penciptaan adalah pulang kepada-Nya. Seluruh alam dan seluruh manusia adalah pulang kepada-Nya. Dari qudrat Allah mereka lahir ke alam dan kepada Allah S.W.T. mereka kembali. Dari Allah bermulanya segala sesuatu dan kepada Allah berakhirnya segala sesuatu. Allahlah yang awal dan yang akhir. Dialah yang meliputi segala sesuatu dari dua hujungnya iaitu hujung permulaan dan hujung penghabisan. Dan Allah S.W.T. tidak dibataskan oleh sebarang batas.

Sentuhan yang keempat dalam bahagian pertama surah ini ialah menggambarkan ilmu Ilahi yang mengetahui segala-galanya, yang melihat segala rahsia manusia dan segala yang nyata darinya dan segala rahsia yang tersembunyi di dalam dadanya:

يَعْلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤﴾

4. **"Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."**

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati orang yang beriman ia akan memberikan ma'rifat kepadanya iaitu dia mengenal hakikat Tuhannya, juga memberikan kepadanya sebahagian dari kefahaman keimanan universal, dan seterusnya ia akan memberi kesan kepada segala perasaan dan arah tujuannya. Dengan itu dia akan hidup dengan penuh kesedaran bahawa seluruh dirinya adalah terdedah kepada pandangan Allah. Tiada suatu dari rahsianya yang tersembunyi kepada Allah, dan tiada sebarang niatnya yang tersirat di dalam hatinya yang tidak diketahui Allah Yang Maha Mengetahui segala isi dada.

Ketiga-tiga ayat ini sudah cukup untuk menjadi garis panduan hidup seseorang manusia yang memahami hakikat kewujudannya dan kewujudan alam seluruhnya, juga memahami hubungannya dengan Allah Penciptanya, memahami adab sopan dengan Tuhannya, memahami rasa takut dan taqwanya dalam setiap langkah dan tujuannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Bantahan Terhadap Ciri Kemanusiaan Pada Rasul

Bahagian yang kedua dari surah ini mengingatkan kesudahan yang diterima oleh orang-orang dahulu yang telah mendustakan para rasul dan pengajaran-pengajaran Allah yang jelas dan membantah sifat kemanusiaan pada rasul sebagaimana yang dilakukan oleh

kaum Musyrikin yang telah mendustakan Rasulullah s.a.w. dan membantah sifat kemanusiaannya dan mengingkarkan segala pengajaran yang jelas yang dibawa olehnya:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ فَذَاقُوا۟ وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

5. **"Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang yang kafir sebelum kamu. Mereka telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan memperolehi azab yang amat pedih."**

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُۥ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا۟ وَتَوَلَّوا۟ ۚ وَّٱسْتَغْنَى ٱللَّهُ ۚ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

6. **"Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Adakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Ayat yang seperti ini biasanya ditujukan kepada kaum Musyrikin untuk mengingatkan mereka tentang akibat yang telah menimpa para pendusta agar akibat yang seumpama itu tidak menimpa mereka pula. Pertanyaan di dalam ayat ini mungkin dimaksudkan untuk mengecam sikap mereka yang degil setelah sampai kepada mereka cerita orang-orang kafir sebelum mereka yang telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan mungkin juga bermaksud untuk menarik perhatian mereka kepada berita ini yang diceritakan kepada mereka. Mereka memang tahu dan telah memanjangkan dari mulut ke mulut cerita-cerita orang-orang zaman dahulu yang telah dibinasakan Allah seperti cerita-cerita kaum 'Ad, Thamud dan kampung-kampung Lut. Mereka telah melalui tempat-tempat ini di Semenanjung Tanah Arab dalam perjalanan-perjalanan mereka ke utara dan ke selatan.

Al-Qur'an telah menambahkan cerita azab Allah yang umum diketahui telah menimpa mereka di dunia itu dengan cerita azab yang menunggu mereka di Akhirat, **"Dan mereka akan memperolehi azab yang amat pedih,"** kemudian al-Qur'an menerangkan sebab-sebab yang membuat mereka wajar menerima balasan yang telah menimpa mereka di dunia dan menunggu balasan yang akan menimpa mereka di Akhirat:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُۥ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا۟ وَتَوَلَّوا۟ ۚ وَّٱسْتَغْنَى ٱللَّهُ ۚ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

6. **"Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Apakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Bangkangan seperti inilah juga telah dikemukakan oleh kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. iaitu satu bangkangan yang tidak matang, yang terbit dari kejahilan tentang tabiat agama Allah yang merupakan satu sistem hidup ciptaan Ilahi untuk manusia. Sudah tentu sistem hidup ini pasti dijelmakan di alam realiti hidup seorang manusia (rasul), di mana dia hidup dengannya dan menterjemahkannya dengan perilaku peribadinya agar orang-orang lain dapat pula mencontohinya mengikut kemampuan mereka masing-masing. Dia (rasul) tidak boleh terpisah dari manusia kerana kedudukan ini akan membuat mereka tidak mendapat gambaran agama itu di alam kenyataan untuk direalisasikan pada diri mereka dan dalam kehidupan mereka. Bangkangan mereka juga terbit dari kejahilan mereka tentang tabiat manusia itu sendiri dan tentang ketinggian darjah manusia hingga dia dapat menerima agama dari Allah dan menyampaikannya kepada umat manusia tanpa memerlukan kepada malaikat untuk membawa agama itu kepada mereka seperti yang dicadangkan oleh kaum Musyrikin. Pada manusia terdapat tiupan Rohullah sebagai persediaan untuk menerima agama dari Allah dan menunaikannya dengan sempurna sebagaimana yang diterimanya dari al-Mala'ul-A'la. Pengurniaan agama dari Allah itu merupakan satu penghormatan kepada seluruh bangsa manusia. Tiada yang menolak agama Allah melainkan orang yang jahil terhadap kedudukan manusia yang tinggi di sisi Allah apabila dia merealisasikan hakikat tiupan Rohullah itu pada dirinya. Seterusnya bangkangan itu adalah terbit dari kedegilan dan keangkuhan mereka yang palsu untuk mengikut seorang rasul dari bangsa manusia seolah-olah ianya menjatuhkan nilai diri mereka. Pada hemat mereka, mereka bersedia mengikut dengan segala senang hati seorang rasul dari makhluk yang lain dari jenis mereka, tetapi untuk mengikut seorang rasul yang sejenis dengan mereka adalah satu kejatuhan dan kerendahan harga diri pada pandangan mereka.

Kerana itulah mereka menjadi kafir dan berpaling dari mempercayai para rasul dan pengajaran-pengajaran yang dibawa mereka. Keangkuhan dan kejahilan telah terlekat di dalam dada mereka dan kerana itu mereka telah memilih kesyirikan dan kekafiran untuk diri mereka.

6. **"Dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Allah tidak memerlukan mereka, tidak memerlukan keimanan dan keta'atan mereka, kerana Allah S.W.T. tidak berkehendak apa-apa dari mereka dan dari yang lain dari mereka. Allah tidak perlukan sesiapa, "**Dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji.**"

Inilah cerita orang-orang yang kafir di zaman dahulu yang telah merasakan akibat perbuatan mereka dan inilah sebabnya mereka telah ditimpakan azab di dunia dan menunggu azab di Akhirat. Bagaimana pula dengan orang-orang baru yang mendustakan rasul? Adakah mereka akan menerima kesudahan yang sama?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 13)

Bahagian yang ketiga dari surah ini yang menjadi ayat-ayat lanjutan kepada bahagian yang kedua adalah mengisahkan perbuatan orang-orang kafir yang telah mendustakan kebangkitan selepas mati. Yang nampak jelas ialah orang-orang kafir yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kaum Musyrikin yang menerima da'wah Rasulullah s.a.w. Bahagian ini juga mengandungi arahan Allah kepada Rasul supaya menjelaskan dengan setegas-tegasnya persoalan kebangkitan selepas mati kepada mereka, di samping menggambarkan pemandangan hari Qiamat dan kesudahan yang diterima oleh orang-orang yang mendustakannya dan orang-orang yang percaya kepadanya. Dan seterusnya menyeru mereka supaya beriman dan ta'at menjunjung perintah dan mengembalikan segala sesuatu yang berlaku dalam hidup mereka kepada Allah:

زَعَمَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن لَّن يُبۡعَثُواْۚ قُلۡ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبۡعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلۡتُمۡۚ وَذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ﴿٧﴾

Kebangkitan Selepas Mati Merupakan Hakikat Yang Pasti Berlaku

7. **"Orang-orang yang kafir mengatakan bahawa mereka tidak akan dibangkitkan kembali (selepas mati). Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan kembali kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Urusan itu amat mudah kepada Allah."**

فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلنُّورِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلۡنَاۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿٨﴾

8. **"Oleh itu berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur al-Qur'an yang Kami turunkannya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

يَوۡمَ يَجۡمَعُكُمۡ لِيَوۡمِ ٱلۡجَمۡعِۖ ذَٰلِكَ يَوۡمُ ٱلتَّغَابُنِۗ وَمَن يُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعۡمَلۡ صَٰلِحٗا يُكَفِّرۡ عَنۡهُ

سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُدۡخِلۡهُ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ

9. **"Ingatlah hari, di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab) itulah Hari Pertandingan. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang salih nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar."**

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

10. **"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka, di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."**

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

11. **"Tiada musibat yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."**

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٢﴾

12. **"Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas."**

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

13. **"Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia, dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja."**

Dari awal lagi al-Qur'an menyifatkan perkataan orang-orang kafir yang ingkarkan kebangkitan selepas mati itu sebagai sangkaan. Ini bererti al-Qur'an dari awal penceritaan lagi mendustakan perkataan mereka. Setelah itu Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menjelaskan dengan setegas-tegasnya persoalan kebangkitan semula selepas

mati itu dengan bersumpah demi Tuhannya. Tiada penjelasan yang lebih tegas apabila Rasulullah s.a.w. bersumpah demi Tuhannya:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ

7. **"Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu. Demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan kembali."**

ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ

7. **"Kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."**

Tiada satu perbuatan pun yang ditinggalkan. Allah lebih mengetahui dari mereka mengenai perbuatan-perbuatan mereka dan kerana itu Allah akan memberitahu perbuatan-perbuatan mereka pada hari Qiamat kelak.

وَذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧﴾

7. **"Urusan itu amat mudah kepada Allah."**

Kerana Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi, mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang nyata dan Dia Maha Mengetahui segala isi dada, dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu sebagaimana telah diterangkan di bahagian pertama surah ini sebagai pengantar kepada penjelasan ini.

Dalam bayangan penjelasan yang tegas ini, al-Qur'an menyeru mereka supaya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur yang diturunkan bersama-sama Rasul-Nya, iaitu kitab suci al-Qur'an. Inilah agama yang ditafsirkan oleh al-Qur'an. Al-Qur'an pada hakikatnya ialah cahaya kerana ia datang dari sisi Allah, dan kerana Allah itu nur langit dan bumi. Al-Qur'an adalah nur kerana kesan-kesannya dapat menerangi hati manusia, dan ia menjadikan hati terang benderang dapat melihat hakikat yang tersembunyi di dalam dirinya.

Setelah menyeru mereka supaya beriman, al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang membuat mereka sedar bahawa mereka terdedah kepada pandangan Allah di mana tiada suatu pun dari perbuatan mereka yang terlindung dari penglihatan-Nya:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٨﴾

8. **"Dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."**

Setelah menyampaikan seruan ini al-Qur'an kembali menyempurnakan pemandangan hari kebangkitan yang dijelaskan kepada mereka dengan setegas-tegasnya:

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّغَابُنِ

9. **"Ingatlah hari di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab) itulah Hari Pertandingan."**

Hari Qiamat dinamakan Hari Perhimpunan kerana seluruh manusia dari seluruh generasi dibangkitkan pada hari itu. Turut hadir pada hari itu ialah para malaikat yang tidak diketahui bilangannya melainkan Allah. Keterangan sebuah hadith Rasulullah s.a.w. mungkin dapat memudahkan kita untuk menggambarkan sebanyak mana bilangan malaikat itu. Hadith ini diriwayatkan dari Abu Zar katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.

إني أرى ما لا ترون، وأسمع ما لا تسمعون، أطت السماء وحق لها أن تيط، ما فيها موضع أربع إلاّ وفيه ملك واضع جبهته لله تعالى ساجدا، والله لو تعلمون ما أعلم لضحكتم قليلا، ولبكيتم كثيرا، ولما تلذّذتم بالنساء على الفرش ولخرجتم إلى الصعدات تجأرون إلى الله تعالى، لو وددت أني شجرة تعضد.

(أخرجه الترمذي).

"Sesungguhnya aku melihat apa yang kamu tidak lihat, dan aku dengar apa yang kamu tidak dengar. Langit telah mengeluh dan memang wajar ia mengeluh kerana tiada tempat di langit yang seluas empat jari melainkan di sana ada seorang malaikat yang sedang meletakkan dahinya sujud kepada Allah S.W.T. Demi Allah, jika kamu tahu apa yang aku tahu tentulah kamu sedikit ketawa dan banyak menangis, dan tentulah kamu tidak lagi berseronok dengan perempuan di atas tilam-tilam, dan tentulah kamu keluar di jalan-jalan raya memohon perlindungan kepada Allah. Alangkah sukanya aku menjadi pokok yang ditebang."

(Diriwayatkan oleh at-Tirmizi)

Di langit tiada ruang yang seluas empat jari pun melainkan di sana ada seorang malaikat. Langit itu amat luas sehingga manusia tidak mengetahui batas keluasannya. Di langit itu sebuah matahari seperti matahari kita hanya kelihatan seperti sebiji debu yang terbang di angkasa sahaja. Tidakkah hadith ini dapat memudahkan sedikit kepada manusia untuk memahami sebanyak mana bilangan para malaikat itu? Para malaikat yang ramai itulah yang akan turut hadhir pada Hari Perhimpunan Agung itu.

Dalam perhimpunan agung itu berlakukan pertandingan untung rugi. Di sana orang-orang Mu'min berjaya mendapat ni'mat, sedangkan orang-orang kafir gagal mendapat sebarang ni'mat, lalu mereka diseret ke dalam Neraka. Kedua-dua golongan

itu menerima nasib yang amat jauh berbeza. Seolah-olah di sana ada perlumbaan untuk memenangi segala sesuatu. Setiap puak harus mengalahkan lawannya dan dalam perlumbaan itu orang-orang yang beriman menang dan orang-orang yang kafir kalah. Itulah gambaran yang hidup dari pertandingan untung rugi yang kemudian diterangkan pula oleh ayat selanjutnya:

وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعْمَلْ صَٰلِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

9. **"Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang salih nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar."**

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

10. **"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."**

Sebelum menyeru mereka kepada keimanan, al-Qur'an menjelaskan satu lagi dasar dari dasar-dasar kefahaman keimanan mengenai qadha' qadar dan setelah itu ia menerangkan pula tentang pengaruh keimanan dalam membimbing hati manusia:

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

Qadha' Qadar Merupakan Dasar Keimanan

11. **"Tiada musibat yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."**

Barangkali tujuan disebutkan hakikat qadha' qadar di sini ialah semata-mata untuk menerangkan hakikat ini semasa memperkatakan hakikat keimanan yang diserukan manusia kepadanya di dalam bahagian ini, iaitu keimanan yang memulangkan segala sesuatu kepada Allah dan mempercayai bahawa segala baik buruk yang berlaku kepada manusia itu adalah berlaku dengan izin Allah. Inilah hakikat qadha' qadar dan tiada iman tanpa hakikat ini. Hakikat inilah yang menjadi asas segala kesedaran keimanan dalam

menghadapi pancaroba hidup yang penuh dengan peristiwa-peristiwa yang baik dan yang buruk. Dan mungkin pula hakikat qadha' qadar ini disebut di sini kerana adanya peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di antara orang-orang Mu'min dan kaum Musyrikin semasa diturunkan surah ini atau semasa diturunkan ayat ini.

Walau bagaimanapun, hakikat qadha' qadar ini tetap merupakan sebahagian yang terpenting dari kefahaman keimanan yang mahu diwujudkan Islam di dalam hati orang yang beriman agar dia merasa bahawa tangan qudrat Ilahi ada pada setiap peristiwa yang berlaku dan agar dia melihat tangan qudrat Ilahi itu wujud pada setiap harakat yang berlaku, dan agar hatinya tenang tenteram menghadapi kesusahan dan kesenangan yang dialaminya, iaitu dia bersabar apabila dilanda kesusahan dan bersyukur apabila mendapat ni'mat kesenangan, malah dia mungkin meningkat lebih tinggi dari itu lagi iaitu dia tetap bersyukur kepada Allah, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, kerana dia dapat melihat di sebalik kesusahan itu limpah rahmat Allah dalam bentuk memberi peringatan, memberi keampunan, memberatkan neraca kebaikan dan kebajikan dalam segala keadaan.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

«عجبا للمؤمن ! لا يقضى الله قضاء إلّا كان خيرا له . إن أصابته ضرّاء صبر فكان خيرا له . وإن أصابته سرّاء شكر فكان خيرا له . وليس ذلك لأحد إلّا للمؤمن» .

"Sungguh aneh kedudukan orang yang beriman. Apa sahaja keputusan yang telah diputuskan Allah terhadap dirinya adalah menjadi kebajikan belaka. Jika dilanda kesusahan dia bersabar, maka sikap ini mendatangkan kebaikan kepadanya. Dan jika dia mendapat kesenangan dia bersyukur, maka sikap ini juga mendatangkan kebaikan kepadanya. Balasan yang seperti ini tidak boleh dicapai melainkan oleh orang yang beriman sahaja."

وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ

11. **"Dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya."**

Setengah-setengah Ulama' Salaf mentafsirkan keimanan yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah keimanan kepada qadha' qadar Allah dan berserah kepada-Nya apabila ditimpa musibat. Menurut Ibn 'Abbas, maksud Allah memberi hidayat kepada hati itu ialah Dia memberi hidayat yang sempurna kepadanya di samping membuka rahsia hakikat laduniyah yang tersembunyi dan menghubungkannya dengan asal dan sumber yang melahir segala benda dan peristiwa itu. Di sana dia akan melihat asal mulanya dan

kesudahannya. Dengan itu hatinya akan tenang tenteram dan rehat. Seterusnya dia akan mendapat ma'rifat yang menyeluruh yang menyampaikannya kepada Allah. Oleh itu, dia tidak lagi perlu kepada pandangan cebisan (juz'i) yang penuh dengan kesilapan dan kelemahan.

Kerana itu Allah membuat kesimpulan:

وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

11. "Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Jelaslah bahawa hidayat yang dimaksudkan itu ialah hidayat kepada sesuatu pengetahuan dari ilmu Allah yang dikurniakan-Nya kepada sesiapa sahaja yang mendapat hidayat-Nya, iaitu apabila keimanannya betul. Ketika itu barulah wajar baginya mendapat ni'mat penyingkapan hijab dan pembukaan rahsia-rahsia Allah sekadar yang tertentu.

Kemudian al-Qur'an terus mengajak mereka kepada keimanan, iaitu menyeru mereka supaya ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul:

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٢﴾

12. "Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas."

Sebelum ini al-Qur'an telah menunjukkan kepada mereka kesudahan yang diterima oleh orang-orang yang berpaling dari keta'atan. Di sini juga al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa tugas rasul itu hanya penyampai, dan andainya beliau telah menyampai bererti beliau telah menunaikan amanahnya, melaksanakan kewajipannya dan menegakkan hujahnya.

Kemudian al-Qur'an menamatkan bahagian ini dengan menjelaskan hakikat Wahdaniyah yang diingkar dan dibohongi mereka, juga menjelaskan sikap orang yang beriman dalam hubungan mereka dengan Allah:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

13. "Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja."

Hakikat tauhid itulah asas kefahaman keimanan seluruhnya dan mengikut hakikat ini orang yang beriman haruslah bertawakkal kepada Allah sahaja. Inilah kesan kefahaman keimanan di dalam hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 18)

Isteri, Anak Dan Harta Merupakan Ujian-ujian Dalam Kehidupan Dunia

Pada akhirnya al-Qur'an menghadapkan seruannya kepada orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka dalam menghadapi ujian para isteri, anak-anak dan harta kekayaan, dan menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah, patuh, ta'at dan supaya membelanjakan harta mereka untuk kebajikan di samping mengingatkan mereka dari sifat kikir dan bakhil serta menjanjikan mereka dengan balasan rezeki yang berganda-ganda, keampunan dan keuntungan. Pada akhirnya al-Qur'an mengingatkan mereka tentang ilmu Allah yang mengetahui segala yang hadhir dan segala yang ghaib, juga tentang qudrat kuasa dan kebijaksanaan-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ مِنْ أَزْوَٰجِكُمْ وَأَوْلَٰدِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَٱحْذَرُوهُمْ ۚ وَإِن تَعْفُوا۟ وَتَصْفَحُوا۟ وَتَغْفِرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

14. **"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh kepada kamu. Oleh itu, hendaklah kamu berhati-hati terhadap mereka. Dan jika kamu mema'af, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."**

إِنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ ۚ وَٱللَّهُ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

15. **"Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu adalah ujian (kepada kamu), dan di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar."**

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُوا۟ وَأَطِيعُوا۟ وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

16. **"Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atlah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabiat kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung."**

إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾

17. "Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun."

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

18. "Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

Menurut riwayat Ibn 'Abbas r.a. tentang ayat pertama di atas apabila dia ditanya oleh seorang lelaki mengenai ayat ini, kata beliau: Mereka (orang-orang Mu'min yang disebut dalam ayat itu) ialah orang-orang yang telah memeluk Islam dari Makkah. Mereka mahu datang mengunjungi Rasulullah s.a.w., tetapi isteri-isteri dan anak-anak mereka enggan membenarkan mereka meninggalkan mereka. Dan apabila mereka datang menemui Rasulullah s.a.w., mereka dapati orang ramai semuanya telah pandai dan faham tentang hukum-hukum agama mereka, lalu mereka berazam hendak menderakan isteri-isteri dan anak-anak mereka. Ketika itu turunlah ayat:

وَإِن تَعْفُوا۟ وَتَصْفَحُوا۟ وَتَغْفِرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

14. "Dan jika kamu mema'af, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."

Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh at-Tirmizi dengan sanad yang lain dan katanya hadith ini adalah Hadith Hasan Sahih. Dan demikianlah juga kata 'Ikrimah maula Ibn 'Abbas.

Tetapi nas al-Qur'an ini lebih luas liputannya dari peristiwa yang kecil ini dan lebih jauh maksudnya. Peringatan dalam ayat ini sama dengan peringatan dalam ayat selanjutnya mengenai ujian harta benda dan anak-pinak.

Peringatan yang menyarankan bahawa di antara para isteri dan anak-anak itu ada yang menjadi musuh menunjukkan kepada satu hakikat yang amat mendalam dalam kehidupan manusia. Peringatan itu menyentuh hubungan-hubungan sentimen-sentimen yang amat halus dan menyentuh hubungan-hubungan dalam kehidupan. Para isteri dan anak-anak kadang-kadang menjadi sebab yang melalaikan seseorang dari mengingati Allah, dan kadang-kadang menjadi pendorong ke arah mencuaikan tanggungjawab-tanggungjawab keimanan kerana menghindari kesusahan-kesusahan yang mungkin menimpa anak-anak dan isteri andainya seseorang Mu'min itu berjihad dan menemui nasib yang ditemui oleh seorang mujahid fi Sabilillah yang sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai kerugian dan pengorbanan yang menyebabkan keluarganya turut

menderita. Seorang itu mungkin mampu menanggung kesusahan dirinya sendiri tetapi dia tidak sanggup melihat anak isterinya menanggung kesusahan. Inilah yang menyebabkannya menjadi bakhil dan pengecut supaya anak-anak dan isterinya aman dan tenang dan supaya mereka hidup senang dan cukup mempunyai harta benda. Dengan demikian mereka menjadi musuhnya kerana merekalah yang menjadi batu penghalang yang menahannya dari kebaikan dan dari merealisasikan matlamat kewujudan insaniyahnya yang tinggi. Begitu juga mereka mungkin menghalanginya dan mencuaikan kewajipannya untuk menghindari kesulitan yang akan menimpa mereka akibat tindakannya itu, atau kerana mereka tidak sejalan dengannya, sedangkan dia tidak berdaya untuk berpisah dengan mereka dan membulatkan tawajjuhnya kepada Allah. Itulah bentuk-bentuk permusuhan yang berlain-lainan darjatnya, dan semuanya berlaku dalam kehidupan seorang Mu'min di setiap masa.

Kerana itu, keadaan yang rumit ini perlu mendapat peringatan dari Allah untuk menyedarkan hati orang-orang yang beriman supaya mereka berhati-hati dari diserapi dan dipengaruhi tekanan perasaan-perasaan seperti itu.

Kemudian al-Qur'an mengulangkan peringatan ini dalam satu bentuk yang lain pula iaitu peringatan dalam menghadapi fitnah harta dan anak-anak. Kata-kata fitnah itu mempunyai dua pengertian:

Pertama, Allah akan menguji kamu dengan harta kekayaan dan anak-pinak. Oleh itu hendaklah kamu berhati-hati dan berwaspada supaya kamu selamat menempuh ujian itu dan supaya kamu dapat membulatkan keikhlasan dan kebaktian kamu kepada Allah. Ini adalah sama dengan tukang emas yang menguji emas dengan api supaya bersih dari kekotoran-kekotoran yang lain.

Kedua, harta kekayaan dan anak-pinak merupakan fitnah kepada kamu. Ia membawa kamu kepada kederhakaan dan maksiat. Oleh itu, berhati-hatilah dari fitnah ini supaya kamu tidak dihanyut arusnya dan supaya fitnah itu tidak menjauhkan kamu dari Allah.

Kedua-dua pengertian ini hampir-hampir sama.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Abdullah ibn Buraydah katanya: Rasulullah s.a.w. sedang berkhutbah, tiba-tiba datang al-Hassan dan al-Hussin r.a. kedua-duanya memakai baju merah. Kedua-duanya berjalan kemudian jatuh, lalu Rasulullah s.a.w. pun turun dari atas mimbar dan mendukung kedua-duanya dan meletakkan keduanya di hadapannya kemudian beliau bersabda:

«إنّما أموالكم وأولادكم فتنة . نظرت إلى هذين الصّبيّين يمشيان ويعثران ، فلم أصبر حتّى قطعت حديثي ورفعتهما» .

"Sesungguhnya harta kekayaan dan anak-anak kamu itu merupakan fitnah. Aku melihat dua orang kanak-kanak ini berjalan dan jatuh menyebabkan aku hilang sabar dan terus memotong ucapanku dan mengangkatkan kedua-duanya."

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ahlil-Sunnah dari hadith Ibn Waqid. Demikianlah keadaan Rasulullah s.a.w. sendiri dengan dua orang cucunya dari puterinya Fatimah. Pengaruh anak-pinak itu begitu besar sekali kerana itu manusia perlu diberi peringatan dari Allah sendiri yang telah menciptakan hati mereka dan menaruhkan perasaan-perasaan itu di dalamnya supaya mereka dapat mengawalkan hati mereka dari keterlaluan mengikut perasaan-perasaan itu dan sedar bahawa perhubungan-perhubungan mesra mereka dengan anak isteri itu kadang-kadang bertindak seperti musuh yang menentang mereka.

Oleh sebab itulah Allah menunjukkan ganjaran pahala yang tersimpan di sisi-Nya setelah mengingatkan mereka terhadap fitnah harta dan anak-pinak, juga terhadap permusuhan yang tersembunyi pada setengah-setengah anak-anak dan isteri-isteri. Inilah fitnah tetapi, "**Di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar.**"

Kemudian al-Qur'an menyeru orang-orang yang beriman supaya bertaqwa dan ta'at mengikut batas kemampuan dan keupayaan mereka masing-masing:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُوا۟ وَأَطِيعُوا۟ وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

16. **"Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atlah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabiat kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung."**

Dalam ungkapan "**Sedaya upaya kamu**" kelihatan jelas sifat kelembutan dan kasihan belas Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Dia tahu sejauh mana kemampuan mereka untuk bertaqwa dan menjunjung keta'atan kepada-Nya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم وما نهيتكم عنه فاجتنبوه (رواه الشّيخان عن أبي هريرة).

"Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu laksanakannya sedaya upaya kamu dan sebarang apa yang Aku larangkannya hendaklah kamu jauhinya."

Keta'atan menjunjung perintah itu tidak mempunyai batas kerana itu ia wajib dilaksanakan mengikut daya upaya seseorang. Tetapi tidak ada tolak ansur dalam perkara-perkara larangan kerana itu larangan-larangan itu wajib dijauhi sepenuhnya.

Kemudian al-Qur'an menggalakkan mereka supaya mengeluarkan perbelanjaan untuk kebajikan:

وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ

16. "Dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu."

Mereka sebenarnya berbelanja untuk diri mereka sendiri apabila Allah menyuruh mereka berbelanja untuk kebajikan diri mereka. Allah jadikan segala perbelanjaan yang dikorbankan mereka untuk kebajikan itu seolah-olah perbelanjaan kepada diri sendiri dan mengirakannya sebagai kebajikan diri mereka sendiri.

Kemudian al-Qur'an menunjukkan kepada mereka bahawa sifat kikir dan bakhil itu merupakan satu bala yang sentiasa mengancam mereka, dan orang yang paling bahagia dan beruntung ialah orang yang terselamat dan terpelihara dari kongkongannya, dan ni'mat keselamatan itu adalah dari limpah kurnia Allah:

وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

16. "Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabiat kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung."

Kemudian al-Qur'an terus menggalakkan mereka supaya berkorban dan berbelanja untuk kebajikan dan menamakan pengorbanan dan perbelanjaan mereka sebagai pinjaman mereka kepada Allah. Siapakah yang tidak mahu mengambil keuntungan dari peluang memberi pinjaman kepada Allah yang menaunginya itu? Sedangkan Allah akan menerima pinjaman itu dan membalaskannya dengan balasan yang berganda di samping mengurniakan keampunan kepadanya. Allah akan memberi terima kasih kepada para peminjam, dan Allah bersabar apabila manusia tidak menunjukkan kesyukuran yang sewajar kepada-Nya:

إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَـٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾

17. "Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun."

Belajar Dari Sifat-sifat Allah Untuk Mengatasi Kelemahan Diri

Maha sucilah Allah, alangkah limpah-Nya rahmat kemurahan-Nya, dan alangkah agungnya sifat-sifat-Nya. Dia telah menciptakan manusia kemudian memberikan mereka rezeki, kemudian Dia meminta pinjaman dari mereka dari lebihan ni'mat yang dikurniakan

kepada mereka, kemudian dia berterima kasih pula kepada mereka dan melayani mereka dengan sabar terhadap kecuaian mereka bersyukur kepada-Nya. Alangkah Agungnya Engkau, ya Allah!

Allah mengajar kita dengan sifat-sifat-Nya bagaimana kita harus mengatasi kekurangan dan kelemahan diri kita, dan bagaimana kita harus memandang selama-lamanya ke darjat yang lebih tinggi supaya kita melihat Allah dan mencontohi sifat-sifat-Nya mengikut kadar kemampuan dan keupayaan kita yang kecil dan terbatas itu. Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya ke dalam diri manusia untuk menjadikan mereka sentiasa bercita-cita tinggi dan gemar untuk mencapaikan martabat-martabat yang unggul itu mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing. Kerana itu, martabat-martabat yang tinggi itu sentiasa terbuka supaya manusia terus bercita-cita untuk mencapaikan martabat yang sempurna itu sedaya upaya mereka, dan terus berusaha meningkatkan diri mereka sedarjat demi darjat sehingga mereka dapat menemui Allah dengan mendapat sepenuh keredhaan-Nya.

Kemudian al-Qur'an menamatkan penjelajahan ini dengan mengemukakan sifat Allah yang sentiasa melihat dan mengawasi hati manusia:

18. "Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

Segala sesuatu terdedah kepada ilmu pengetahuan Allah, tunduk kepada kuatkuasa-Nya, diatur dan ditadbirkan dengan bijaksana supaya manusia hidup dengan kesedaran bahawa penglihatan Allah sentiasa memandang mereka, kuatkuasa-Nya sentiasa menguasai mereka dan kebijaksanaan-Nya sentiasa mengatur dan mentadbirkan segala sesuatu, sama ada yang nyata atau yang ghaib. Dengan tersematnya kefahaman itu dalam hati manusia, cukuplah untuk mendorong mereka ke arah bertaqwa kepada Allah, menumpukan keikhlasan kepada-Nya dan menyahuti seruan-Nya.

سُورَةُ الطَّلَاقِ

SURAH AT-TALAQ
Surah Perceraian
Surah (65) – Madaniyah – 12 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِذَا طَلَّقۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَأَحۡصُواْ ٱلۡعِدَّةَۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ
رَبَّكُمۡۖ لَا تُخۡرِجُوهُنَّ مِنۢ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخۡرُجۡنَ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖۚ
وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَقَدۡ ظَلَمَ نَفۡسَهُۥۚ لَا تَدۡرِي لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحۡدِثُ
بَعۡدَ ذَٰلِكَ أَمۡرٗا ١

1. **Wahai Nabi! Apabila kamu hendak menceraikan isteri-isteri kamu, maka ceraikan mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddah mereka. Dan hitunglah 'iddah itu dengan betul, dan bertaqwalah kepada Allah Tuhan kamu, dan janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah-rumah mereka dan janganlah mereka keluar darinya (sehingga habis 'iddah mereka) kecuali mereka telah melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata. Dan itulah batas-batas hukum Allah, dan barang siapa yang melanggar batas-batas hukum Allah, maka sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya sendiri. Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu suatu perkembangan yang lain.**

فَإِذَا بَلَغۡنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمۡسِكُوهُنَّ بِمَعۡرُوفٍ أَوۡ فَارِقُوهُنَّ بِمَعۡرُوفٖ وَأَشۡهِدُواْ ذَوَيۡ عَدۡلٖ
مِّنكُمۡ وَأَقِيمُواْ ٱلشَّهَٰدَةَ لِلَّهِۚ ذَٰلِكُمۡ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ﴿٢﴾

2. Apabila mereka hampir habis tempoh 'iddah mereka, maka peganglah (ruju'lah) mereka dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa meruju' atau melepaskan mereka) dan hendaklah kamu (wahai para saksi!) menyempurnakan kesaksian kamu itu kerana Allah semata-mata. Itulah hukum-hukum yang diajarkan kepada orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia mengadakan jalan keluar untuknya.

وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمۡرِهِۦۚ قَدۡ
جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا ﴿٣﴾

3. Dan memberi rezeki kepadanya dari jalan yang tidak terfikir olehnya. Dan barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah itulah Penolong yang cukup baginya. Sesungguhnya Allah itu tetap melaksanakan segala sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah telah menentukan perencanaan-Nya yang rapi bagi tiap-tiap sesuatu.

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي
لَمۡ يَحِضۡنَۚ وَأُوْلَٰتُ ٱلۡأَحۡمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعۡنَ حَمۡلَهُنَّۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مِنۡ أَمۡرِهِۦ
يُسۡرٗا ﴿٤﴾

4. Dan mereka yang putus asa dari kedatangan haidh dari perempuan-perempuan kamu, jika kamu ragu-ragu (mengenai 'iddah mereka), maka 'iddah mereka ialah tiga bulan. Dan demikian juga 'iddah perempuan-perempuan yang belum lagi berhaidh, dan adapun perempuan-perempuan yang mengandung, maka 'iddah mereka ialah sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah menjadikan segala urusannya mudah kepadanya.

ذَٰلِكَ أَمۡرُ ٱللَّهِ أَنزَلَهُۥٓ إِلَيۡكُمۡۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يُكَفِّرۡ عَنۡهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُعۡظِمۡ لَهُۥٓ أَجۡرًا ﴿٥﴾

5. Itulah peraturan-peraturan Allah yang diturunkan kepada kamu. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan membesarkan pahala untuknya.

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنتُم مِّن وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَآرُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا۟ عَلَيْهِنَّ ۚ وَإِن كُنَّ أُو۟لَٰتِ حَمْلٍ
فَأَنفِقُوا۟ عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَـَٔاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۖ وَأْتَمِرُوا۟ بَيْنَكُم
بِمَعْرُوفٍ ۖ وَإِن تَعَاسَرْتُمْ فَسَتُرْضِعُ لَهُۥٓ أُخْرَىٰ ﴿٦﴾

6. Tempatkanlah mereka (isteri-isteri dalam 'iddah) di tempat kediaman kamu mengikut kemampuan kamu. Dan janganlah kamu menyakiti mereka untuk menyulitkan mereka. Dan jika mereka sedang mengandung, maka berikanlah nafkah kepada mereka sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan jika mereka (isteri yang ditalaq) menyusukan anak itu untuk kamu, maka berikanlah upah kepada mereka. Dan berundinglah di antara kamu dengan baik (dalam perkara penyusuan itu), dan jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukan anak itu untuknya.

لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنفِقْ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ۚ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا
إِلَّا مَآ ءَاتَىٰهَا ۚ سَيَجْعَلُ ٱللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

7. Hendaklah orang yang mampu itu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang dipicikkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah sekadar yang dikurniakan Allah kepadanya. Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar kemampuan yang dikurniakan kepadanya. Allah akan jadikan sesudah kesusahan itu kesenangan.

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ عَتَتْ عَنْ أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِۦ فَحَاسَبْنَٰهَا حِسَابًا شَدِيدًا وَعَذَّبْنَٰهَا عَذَابًا
نُّكْرًا ﴿٨﴾

8. Beberapa banyak negeri (yang penduduknya) telah menderhakakan perintah Tuhan mereka dan Rasul mereka, lalu Kami balaskan mereka dengan balasan yang keras dan Kami azabkan mereka dengan azab yang ngeri.

فَذَاقَتْ وَبَالَ أَمْرِهَا وَكَانَ عَٰقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ﴿٩﴾

9. Mereka telah merasakan akibat buruk dari perbuatan mereka dan kesudahan perbuatan mereka ialah kerugian yang besar.

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ قَدْ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾

10. Allah telah menyediakan untuk mereka azab yang amat dahsyat. Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, wahai orang-orang yang berakal! Iaitu orang-orang yang telah beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) kepada kamu.

رَّسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ ءَايَـٰتِ ٱللَّهِ مُبَيِّنَـٰتٍ لِّيُخْرِجَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ مِنَ ٱلظُّلُمَـٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعْمَلْ صَـٰلِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدًا ۖ قَدْ أَحْسَنَ ٱللَّهُ لَهُۥ رِزْقًا ﴿١١﴾

11. Iaitu seorang Rasul yang membaca kepada kamu ayat-ayat Allah yang menjelaskan pengajaran-pengajaran-Nya untuk mengeluarkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan mengerjakan amalan yang salih, nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka akan hidup kekal buat selama-lamanya. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik rezeki.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَـٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ ٱلْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ
كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴿١٢﴾

12. Allahlah yang telah menciptakan tujuh langit dan menciptakan bumi seperti langit-langit itu juga, dan di antara langit dan bumi itulah turunnya perintah-perintah Allah supaya kamu mengetahui bahawa Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam Surah at-Talaq ini, Allah menerangkan hukum-hukum talaq dan menghuraikannya satu persatu mengenai beberapa perkara yang tidak diperincikan di dalam surah yang lain iaitu Surah al-Baqarah yang mengandungi setengah-setengah hukum talaq. Di dalam surah ini, Allah menjelaskan hukum-hukum mengenai masalah-masalah keluarga yang timbul sebagai ekoran dari talaq. Surah ini mengandungi kenyataan mengenai masa jatuhnya talaq yang diredhai Allah dan yang berlaku mengikut peraturan Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ

1. **"Wahai Nabi! Apabila kamu hendak menceraikan isteri-isteri kamu, maka ceraikan mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddah mereka."**

Surah ini juga menerangkan hak dan kewajipan isteri yang telah diceraikan itu untuk tinggal di rumah suami yang menceraikannya di dalam masa 'iddah. Dia tidak boleh diusir keluar dan tidak boleh keluar kecuali dia telah melakukan perbuatan yang keji:

لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنۢ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّآ أَن يَأْتِينَ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ

1. **"Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah-rumah mereka dan janganlah mereka keluar darinya (sehingga habis 'iddah mereka) kecuali mereka telah melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata."**

Ia juga menerangkan hak isteri yang ditalaq selepas cukup 'iddah untuk keluar dari rumah suaminya dan membuat apa-apa keputusan yang disukainya terhadap dirinya selama suaminya tidak meruju' atau memegangnya semula dalam masa 'iddah itu. Dan pegangan itu dilakukan bukan dengan tujuan untuk menyakiti, menyusah dan menghalanginya dari berkahwin dengan orang lain, tetapi dengan tujuan supaya kehidupan mereka sebagai suami isteri pulih kembali dengan baik:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ

2. **"Apabila mereka hampir habis tempoh 'iddah mereka, maka peganglah (ruju'lah) mereka dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik."**

Dan semasa membuat keputusan ruju' atau cerai itu adakanlah saksi-saksi:

وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

2. **"Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu."**

Di dalam Surah al-Baqarah telah dijelaskan masa 'iddah bagi isteri yang ditalaq yang masih berhaidh iaitu tiga quru' dengan erti tiga kali haidh atau tiga kali suci mengikut khilaf Fiqhiyah, dan di dalam surah ini dijelaskan masa 'iddah bagi isteri yang ditalaq yang telah putus haidh dan isteri yang masih kecil yang belum berhaidh:

وَٱلَّٰٓـِٔى يَئِسْنَ مِنَ ٱلْمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمْ إِنِ ٱرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشْهُرٍ وَٱلَّٰٓـِٔى لَمْ يَحِضْنَ

4. **"Dan mereka yang putus asa dari kedatangan haidh dari perempuan-perempuan kamu, jika kamu ragu-ragu (mengenai 'iddah mereka), maka 'iddah mereka ialah tiga bulan. Dan demikian juga 'iddah perempuan-perempuan yang belum lagi berhaidh."**

Setelah itu diterangkan pula 'iddah perempuan hamil:

وَأُولَٰتُ ٱلْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ

4. **"Dan adapun perempuan-perempuan yang mengandung, maka 'iddah mereka ialah sehingga mereka melahirkan anak."**

Kemudian al-Qur'an menjelaskan pula mengenai hukum tempat tinggal bagi isteri yang sedang menjalani tempoh 'iddah dan nafkah bagi isteri yang sedang mengandung sehingga dia melahirkan anak yang dikandungnya:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنتُم مِّن وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَآرُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا۟ عَلَيْهِنَّ ۚ وَإِن كُنَّ أُو۟لَٰتِ حَمْلٍ فَأَنفِقُوا۟ عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ

6. **"Tempatkanlah mereka (isteri-isteri dalam 'iddah) di tempat kediaman kamu mengikut kemampuan kamu. Dan janganlah kamu menyakiti mereka untuk menyulitkan mereka. Dan jika mereka sedang mengandung, maka berikanlah nafkah kepada mereka sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya."**

Kemudian al-Quran menjelaskan pula hukum mengenai penyusuan anak bagi isteri yang ditalaqkan itu setelah dia melahirkannya dan upah yang harus dibayarkan kepadanya kerana penyusuan itu apabila terdapat persetujuan di antara ibu dan bapa untuk kebaikan si bayi, juga hukum mengenai penyusuan apabila tugas itu dilakukan oleh perempuan yang lain:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَـَٔاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۖ وَأْتَمِرُوا۟ بَيْنَكُم بِمَعْرُوفٍ ۖ وَإِن تَعَاسَرْتُمْ فَسَتُرْضِعُ لَهُۥٓ أُخْرَىٰ ﴿٦﴾

6. **"Dan jika mereka (isteri yang ditalaq) menyusukan anak itu untuk kamu, maka berikanlah upah kepada mereka, dan berundinglah di antara kamu dengan baik (dalam perkara penyusuan itu), dan jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukan anak itu untuknya."**

Kemudian al-Qur'an menambahkan penjelasan hukum nafkah dan upah dan menetapkannya mengikut keadaan dan kemampuan suami:

لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنفِقْ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ۚ

7. **"Hendaklah orang yang mampu itu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang dipicikkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah sekadar yang dikurniakan Allah kepadanya."**

Demikianlah nas-nas al-Qur'an mengikuti semua keadaan dan ekoran dari perceraian itu dan menjelaskan hukum-hukumnya dengan terperinci. Tiada bahagian yang runtuh dari rumahtangga yang pecah itu melainkan diletakkannya di tempat yang wajar dan diterangkan hukum-hukumnya dengan tenang, halus dan jelas.

* * * * * *

Seorang pembaca akan berdiri kaget di depan surah ini. Ia menerangkan hukum-hukum talaq dan ekoran-ekorannya. Dan untuk itu ia mengumpulkan segala-galanya iaitu memberi galakan, memberi amaran, membuat ulasan dan kesimpulan bagi tiap-tiap hukum dan menghubungkan persoalan ini dengan takdir Allah di langit dan di bumi. Dan dengan undang-undang Allah yang menentukan kebinasaan terhadap orang-orang yang melanggarkan perintah-Nya dan mengurniakan keselamatan dan kelapangan kepada orang-orang yang bertaqwa kepada-Nya, juga mengulangkan suruhan supaya mengambil sikap yang baik, bertolak-ansur dan mencari keputusan suka sama suka, juga memberi galakan supaya mengutamakan budi yang baik, galakan ke arah kebaikan dan peringatan terhadap takdir Allah yang menentukan urusan penciptaan, pembahagian rezeki, kesenangan dan kesusahan.

Dia akan berdiri kagum di hadapan berbagai-bagai hakikat alam buana yang agung yang dimuatkan dalam surah ini ketika Allah memperkatakan hukum-hukum talaq. Allah telah menjelaskan hukum-hukum itu dengan keraian dan perhatian yang begitu besar sehingga Dia tujukan firman-Nya kepada tubuh Rasulullah s.a.w. sendiri, sedangkan hukum itu mengenai seluruh umat Muslimin. Ini adalah untuk menambahkan perhatian dan kesedaran betapa pentingnya persoalan talaq yang dibicarakan ini. Dia akan berdiri kagum di hadapan butir-butir penjelasan hukum-hukum talaq yang rapi itu dari satu kes ke satu kes, dan di hadapan perintah-perintah Allah yang menekankan supaya setiap hukum itu dipatuhi dengan tepat dan dilaksanakan dengan semangat taqwa dan muraqabah dengan Allah. Seterusnya dia akan berdiri kagum di hadapan galakan-galakan dan amaran-amaran yang panjang lebar yang membuat hati kita merasa seolah-olah talaq ini merupakan persoalan keseluruhan Islam atau keseluruhan agama.

Allah menjelaskan persoalan talaq ini dan memerhatikan bagaimana hukum-hukum talaq itu dilaksanakan. Dia menjanjikan balasan yang paling besar yang diimpikan oleh seseorang Mu'min kepada mereka yang mematuhi hukum-hukum itu dengan penuh taqwa, dan menjanjikan balasan yang paling teruk yang diterima seorang penderhaka kepada mereka yang menyeleweng, teragak-agak melaksanakan hukum-hukum itu dan bertujuan menyusahkan perempuan-perempuan yang ditalaq. Dia menawarkan harapan yang baik dan kebajikan yang tersembunyi kepada orang-orang yang menangani masalah sikap rumahtangga itu dengan cara yang baik, bertolak-ansur, budi yang baik dan kira bicara yang mudah.

Pembaca di dalam surah ini membaca ayat-ayat berikut:

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ رَبَّكُمۡ

1. **"Dan bertaqwalah kepada Allah Tuhan kamu."**

وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَقَدۡ ظَلَمَ نَفۡسَهُۥۚ

1. **"Dan itulah batas-batas hukum Allah, dan barang siapa yang melanggar batas-batas hukum Allah, maka sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya sendiri."**

لَا تَدۡرِي لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحۡدِثُ بَعۡدَ ذَٰلِكَ أَمۡرٗا ١

1. **"Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu suatu perkembangan yang lain."**

وَأَشۡهِدُواْ ذَوَيۡ عَدۡلٖ مِّنكُمۡ وَأَقِيمُواْ ٱلشَّهَٰدَةَ لِلَّهِۚ

2. **"Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa meruju' atau melepaskan mereka) dan hendaklah kamu (wahai para saksi!) menyempurnakan kesaksian kamu itu kerana Allah semata-mata."**

ذَٰلِكُمۡ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ٢

2. **"Itulah hukum-hukum yang diajarkan kepada orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya dia mengadakan jalan keluar untuknya."**

وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمۡرِهِۦۚ قَدۡ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا ٣

3. **"Dan memberi rezeki kepadanya dari jalan yang tidak terfikir olehnya. Dan barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah itulah Penolong yang cukup baginya. Sesungguhnya Allah itu tetap melaksanakan segala sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah telah menentukan perencanaan-Nya yang rapi bagi tiap-tiap sesuatu."**

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مِنْ أَمْرِهِۦ يُسْرًا ﴿٤﴾

4. **"Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah menjadikan segala urusannya mudah kepadanya."**

ذَٰلِكَ أَمْرُ ٱللَّهِ أَنزَلَهُۥٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُعْظِمْ لَهُۥٓ أَجْرًا ﴿٥﴾

5. **"Itulah peraturan-peraturan Allah yang diturunkan kepada kamu. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan membesarkan pahala untuknya."**

سَيَجْعَلُ ٱللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

7. **"Allah akan jadikan sesudah kesusahan itu kesenangan."**

Dia juga membaca amaran Allah yang keras, panjang dan terperinci:

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ عَتَتْ عَنْ أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِۦ فَحَاسَبْنَٰهَا حِسَابًا شَدِيدًا وَعَذَّبْنَٰهَا عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨﴾

8. **"Beberapa banyak negeri (yang penduduknya) telah menderhakakan perintah Tuhan mereka dan rasul mereka, lalu Kami balaskan mereka dengan balasan yang keras dan Kami azabkan mereka dengan azab yang ngeri."**

فَذَاقَتْ وَبَالَ أَمْرِهَا وَكَانَ عَٰقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ﴿٩﴾

9. **"Mereka telah merasakan akibat buruk dari perbuatan mereka dan kesudahan perbuatan mereka ialah kerugian yang besar."**

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا

10. **"Allah telah menyediakan untuk mereka azab yang amat dahsyat."**

Kemudian diiringi pula dengan peringatan-peringatan supaya mereka terselamat dari kesudahan itu dan supaya mereka mengenangkan ni'mat Allah yang besar yang telah mengutuskan Rasul yang membawa nur (al-Qur'an) kepada mereka, juga menawarkan pahala yang besar kepada mereka:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ قَدْ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾

10. "Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah, wahai orang-orang yang berakal! Iaitu orang-orang yang telah beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) kepada kamu."

رَّسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ مُبَيِّنَٰتٍ لِّيُخْرِجَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعْمَلْ صَٰلِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدًا ۖ قَدْ أَحْسَنَ ٱللَّهُ لَهُۥ رِزْقًا ﴿١١﴾

11. "Iaitu seorang Rasul yang membaca kepada kamu ayat-ayat Allah yang menjelaskan pengajaran-pengajaran-Nya untuk mengeluarkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan mengerjakan amalan salih, nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka akan hidup kekal buat selama-lamanya. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik rezeki."

Kemudian Dia membaca satu pengumuman yang besar mengenai penciptaan alam buana yang luas ini:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ ٱلْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ
كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴿١٢﴾

12. "Allahlah yang telah menciptakan tujuh langit dan menciptakan bumi seperti langit-langit itu juga, dan di antara langit dan bumi itulah turunnya perintah-perintah Allah supaya kamu mengetahui bahawa Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Apa yang dibacakannya itu merupakan ulasan-ulasan terhadap hukum-hukum talaq. Dia akan dapati bahawa seluruh surah ini dipusatkan untuk mengaturkan hukum-hukum

talaq dan segala ekorannya, kemudian hukum-hukum itu dihubungkan pula dengan hakikat-hakikat keimanan di bidang penciptaan alam buana dan jiwa, sedangkan persoalan talaq merupakan persoalan keruntuhan bukannya persoalan pembinaan, persoalan penamatan bukannya persoalan pengwujudan, iaitu persoalan keruntuhan sebuah keluarga bukannya keruntuhan sebuah negara. Ini semuanya menyarankan kepada hati kita bahawa persoalan pembangunan rumahtangga itu lebih besar dari persoalan pembangunan sebuah negara.

Apakah makna semuanya ini?

Ia mempunyai beberapa makna yang semuanya menunjukkan betapa luhur dan seriusnya agama ini, dan menunjukkan bahawa agama ini pastilah lahir dari satu sumber yang bukan sumber manusia. Ia dari awal-awal lagi menunjukkan betapa pentingnya kedudukan keluarga di dalam sistem hidup Islam.

Islam merupakan sistem keluarga. Islam memandang rumahtangga sebagai tempat perlindungan, pertemuan dan kediaman. Di bawah naungan rumahtangga berlaku pertemuan di antara hati-hati iaitu pertemuan yang ditegakkan di atas lunas-lunas kasih mesra, saling simpati, saling lindung-melindungi, saling berbudi, juga ditegakkan di atas lunas menjaga dan memelihara kesucian diri. Di bawah lindungan rumahtangga juga lahirnya kanak-kanak dan suburnya muda mudi. Dan dari rumahtangga memanjangnya tali hubungan kasih sayang dan hubungan saling bantu-membantu.

Kerana itulah al-Qur'an menggambarkan rumahtangga dengan gambaran yang halus dan lembut iaitu gambaran hubungan yang terpancar darinya rasa kasih mesra, gambaran hubungan yang memperlihatkan bayang-bayang yang teduh dan embun-embun yang basah, dan gambaran hubungan yang melepaskan bau-bau yang semerbak harum:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ

21. **"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia telah menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepada mereka dan Allah jadikan di antara kamu perasaan mesra dan kasih sayang."**

(Surah ar-Rum)

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ۗ

187. **"Mereka (isteri-isteri) adalah pakaian bagi kamu dan kamu adalah pakaian bagi mereka."**

(Surah al-Baqarah)

Itulah hubungan di antara jiwa dengan jiwa, hubungan ketenteraman dan kemantapan, hubungan kemesraan dan kasih sayang dan hubungan perlindungan dan budi baik, malah dari kata-kata ungkapan al-Qur'an itu sendiri pembaca dapat merasakan rasa kerinduan dan kemesraan. Dari celah-celah kata-kata ungkapan itu dia dapat meni'mati angin yang lembut dan bayang yang teduh. Ia merupakan satu ungkapan yang sempurna yang menggambarkan hakikat hubungan yang diberikan Islam kepada hubungan insaniyah suami isteri yang mesra dan kukuh itu. Dalam waktu yang sama Islam memberi perhatian kepada tujuan-tujuan dari hubungan itu termasuk melanjutkan zuriat keturunan, serta memberikan ciri kebersihan kepada tujuan-tujuan itu. Islam mengakui kebersihan hubungan itu dan keseriusannya dan menyelaraskan di antara tujuan-tujuan hubungan itu dengan kehendak-kehendak keperluannya, apabila Allah berfirman:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ

223. "Isteri-isteri ialah sawah bendang kamu."

(Surah al-Baqarah)

Di sini Islam juga memberi perhatian kepada tujuan menyubur dan membiakkan keturunan.

Islam memberi segala perhatian dan jaminannya kepada rumahtangga ini sebagai sel atau tapak semaian atau tempat pertemuan keluarga. Mengikut tabiat umum Islam, ia tidak berpada dengan memberi radiasi-radiasi rohaniyah, malah ia iringi pula dengan mengadakan undang-undang dan jaminan-jaminan dari segi undang-undang. (1)

Pengkaji yang meneliti undang-undang keluarga di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah dari setiap kedudukan dan keadaannya, dan memperhatikan bimbingan-bimbingan yang disertakan dengan undang-undang itu, juga memperhatikan kenyataan-kenyataan dan kesimpulan-kesimpulan yang dikumpulkan di sekeliling undang-undang itu dan seterusnya memperhatikan bagaimana persoalan keluarga itu dihubungkan secara langsung kepada Allah di setiap tempat sebagaimana yang disebut di dalam surah ini dan surah-surah yang lain... akan menyedari dan memahami sepenuhnya betapa besarnya kedudukan keluarga dalam sistem Islam, dan betapa tingginya nilai keluarga di sisi Allah. Dia telah mengumpulkan di antara taqwa kepada Allah dengan taqwa dalam hubungan rahim dalam ayat pertama Surah an-Nisa'. Firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

---

(1) *Dari buku* السلام العالمي الإسلام *Bab:* إسلام البيت

1. **"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari satu diri (Adam) dan darinya Allah ciptakan isterinya (Hawa) dan dari keduanya Allah mengembang-biakkan lelaki dan perempuan yang amat ramai, dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu saling meminta di antara kamu dengan menyebut nama-Nya, juga bertaqwalah dengan memelihara hubungan rahim. Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."**

(Surah an-Nisa')

Begitu juga Allah telah mengumpulkan di antara ibadat kepada Allah dengan kebaktian kepada dua ibu bapa di dalam Surah al-Isra':

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَـٰنًا

23. **"Dan Tuhanmu telah memerintah supaya kamu jangan beribadat melainkan kepada-Nya sahaja dan supaya kamu berbuat baik kepada dua ibu bapa."**

(Surah al-Isra')

Dan seterusnya Allah telah mengumpulkan di antara syukur kepada Allah dan terima kasih kepada dua ibu bapa dalam Surah Luqman:

أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ

14. **"Bersyukurkan kepada Aku dan kedua-dua ibubapamu."**

(Surah Luqman)

Perhatian yang amat besar terhadap kedudukan keluarga adalah sesuai dengan kehendak takdir Ilahi yang sejak dari mula lagi mahu menegakkan kehidupan umat manusia di atas asas keluarga, iaitu ketika takdir Ilahi memutuskan bahawa sel pertama dari kewujudan bangsa manusia di alam ini ialah keluarga Adam dan isterinya, dan dari sel pertama inilah umat manusia berkembang biak.

Allah S.W.T. memang berkuasa untuk menciptakan berjuta-juta manusia dengan sekaligus sahaja, tetapi takdir Allah telah menentukan bahawa kewujudan mereka adalah bermula dari keluarga Adam kerana satu hikmat yang tersembunyi di sebalik tugas besar keluarga dalam kehidupan manusia, di mana ia memenuhi kehendak fitrah manusia dan kesediaan-kesediaannya, juga menyuburkan syakhsiyahnya dan budi pekertinya yang mulia, malah menerima kesan-kesan yang paling mendalam di dalam hidupnya.

Kemudian perhatian Ilahi yang berat terhadap urusan kekeluargaan dalam sistem hidup Islam selaku agama Allah yang terakhir ini adalah selaras dengan takdir Ilahi yang mula-mula

mengatur penciptaan manusia sama seperti keselarasan yang wujud di dalam setiap ciptaan Allah, di mana tidak terdapat keadaan-keadaan yang tidak seimbang dan bercanggah.

Makna yang kedua bagi huraian surah ini dan perhatiannya yang sebegitu besar terhadap hubungan suami isteri dan keluarga itu ialah sistem hidup Islam adalah bertujuan untuk meninggikan hubungan-hubungan insaniyah ini ke taraf kesucian yang merapatkan hubungan dengan Allah dan menggunakan hubungan ini sebagai sarana untuk membersihkan roh dan perasaan, bukannya seperti hubungan yang di pandang oleh agama-agama paganisme dan para pengikut agama-agama yang sesat yang menyeleweng jauh dari fitrah manusia yang telah diciptakan Allah.

"Islam tidak memerangi dorongan-dorongan keinginan semulajadi dan tidak memandang keinginan-keinginan semulajadi itu sebagai kotor, malah Islam mengawal keinginan-keinginan itu dengan peraturan-peraturan, juga membersih dan mengangkat-kannya dari taraf haiwan ke taraf menjadi paksi kehidupan, di mana beredar sekitarnya peradaban peribadi dan sosial, juga menegakkan hubungan-hubungan seksual di atas asas perasaan kemanusiaan yang luhur yang menjadikan pertemuan dua badan itu sebagai pertemuan dua jiwa, dua hati dan dua roh. Atau dengan ungkapan yang lebih syumul ialah pertemuan dua manusia yang terikat dengan kehidupan bersama, cita-cita bersama, senang susah bersama, dan masa depan bersama yang bertemu dengan zuriat keturunan yang ditunggu-tunggu atau dengan generasi baru yang akan lahir di dalam rumahtangga yang sama, di mana mereka dijaga ayah dan ibu yang tidak bercerai."

Islam menganggapkan perkahwinan sebagai sarana untuk membersih dan meningkatkan diri. Ia menyeru umat Muslimin supaya mengahwinkan lelaki-lelaki dan perempuan mereka apabila harta menjadi batu penghalang untuk merealisasikan sarana yang perlu untuk membersih dan meningkatkan kehidupan seseorang:

وَأَنكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

32. **"Kahwinilah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan mengayakan mereka dengan limpah kurnia-Nya dan Allah Maha Luas Kemurahan-Nya dan Maha Mengetahui."**

(Surah an-Nur)

وَلْيَسْتَعْفِفِ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۗ

33. "Dan orang-orang yang tidak mampu berkahwin hendaklah menjaga kesucian dirinya sehingga Allah mengayakan mereka dengan limpah kurnia-Nya."

(Surah an-Nur)

Islam menamakan perkahwinan itu sebagai ihsan atau langkah pemeliharaan dan kawalan diri, dan dengan itu tersematlah di dalam hati orang-orang Mu'min bahawa hidup tanpa kahwin atau tanpa kawalan diri itu, walaupun dalam masa yang singkat, tidak mendapat keredhaan Allah. Ujar al-Imam Ali Karramallahu wajhahu apabila beliau segera berkahwin selepas kewafatan isterinya Siti Fatimah puteri Rasulullah s.a.w.: "Aku takut menemui Allah dengan keadaan bujang." Kerana itu perkahwinan dalam adat resam orang-orang yang beriman termasuk dalam amalan-amalan keta'atan untuk mendampingkan diri kepada Allah dan meningkatkan dirinya ke martabat yang suci.

Makna yang ketiga bagi huraian ayat-ayat surah ini dan ayat-ayat yang serupa dengannya ialah realisme sistem hidup Islam dalam menangani kehidupan dan jiwa manusia atau fitrahnya. Di samping itu, Islam berusaha mengangkatkan taraf manusia ke taraf yang mulia melalui bakat-bakat kesediaannya dan suasana-suasana hidupnya, kerana itu Islam tidak hanya berpada dengan menetapkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang rapi yang diserahkan kepada pertimbangan hati nurani, dan tidak pula berpada dengan memberi bimbingan sahaja, malah Islam menggunakan realiti kedua-dua sekali dalam menghadapi realiti tabiat jiwa manusia dan realiti hidup mereka.

Yang menjadi pokok pangkal dalam hubungan perkahwinan ialah kemantapan hidup dan kelanjutannya, kerana itu Islam mengawal hubungan ini dengan segala jaminan yang boleh menjaminkan kemantapan hubungan itu dan kelanjutannya. Untuk mencapai matlamat ini Islam mengangkatkan hubungan perkahwinan ke taraf amalan-amalan keta'atan kepada Allah, dan memberi bantuan kepada orang-orang yang miskin lelaki dan perempuan dari wang negara untuk membolehkan mereka mendirikan rumahtangga. Di samping itu Islam mewajibkan peradaban-peradaban yang melarangkan perempuan menunjuk-nunjukkan kecantikan diri mereka supaya perasaan lelaki tenteram dan supaya hati mereka tidak tertarik kepada panggilan-panggilan kejelitaan yang mempesona yang didedahkan di pasar-pasar. Islam juga menetapkan hukuman zina dan hukum menuduh perempuan dengan tuduhan yang curang. Islam telah menetapkan kehormatan bagi rumahtangga. Ia tidak boleh dimasuki melainkan lebih dahulu diminta izin.

Islam mengatur hubungan-hubungan suami isteri dengan undang-undang yang tertentu. Ia menegakkan sistem rumahtangga di atas dasar lelaki sebagai penguasa kerana lelaki merupakan kongsi yang lebih kuat dan lebih mempunyai kemampuan untuk menjadi penguasa rumahtangga. Langkah ini ialah untuk mengelakkan berlakunya kacau-bilau, kucar-kacir dan pertelingkahan-pertelingkahan rumahtangga dan lain-lain lagi dari

berbagai-bagai jaminan dan peraturan untuk memelihara rumahtangga dari segala kegoncangan selain dari nasihat-nasihat dan bimbingan-bimbingan untuk mengawal perasaan, dan selain dari menghubungkan seluruh hubungan itu dengan taqwa kepada Allah dan pengawasan-Nya.

Namun demikian, realiti hidup manusia membuktikan bahawa di sana terdapat keadaan-keadaan yang membawa keruntuhan dan perpecahan dalam rumahtangga walaupun di sana terdapat berbagai-bagai jaminan dan bimbingan-bimbingan yang dituju untuk mengelakkan keruntuhan itu. Keadaan-keadaan yang seperti ini perlu dihadapi secara amali sebagai mengi'tirafkan logik realiti yang tidak lagi berguna dilawan apabila kehidupan suami isteri tidak dapat diteruskan dan apabila usaha untuk mengekalkan hubungan itu menjadi satu usaha yang sia-sia dan tidak dapat ditegakkan lagi di atas mana-mana asas pun.

"Islam tidak menggalakkan pemeluk-pemeluknya supaya segera mengikatkan tali perhubungan perkahwinan yang suci kemudian ia putuskannya kembali sebaik sahaja berlaku pertelingkahan pertama di antara suami isteri, malah Islam mengikatkan tali hubungan itu dengan kuat dan ia sama sekali tidak membiarkan tali hubungan itu terlepas putus melainkan setelah gagal percubaan untuk menyelamatkannya.

"Allah menyeru para suami:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِن كَرِهۡتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَيَجۡعَلَ ٱللَّهُ
فِيهِ خَيۡرٗا كَثِيرٗا ١٩

19. **"Dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri) dengan baik, dan andainya kamu bencikan mereka, maka boleh jadi kamu bencikan sesuatu, tetapi Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak."**

(Surah an-Nisa')

"Dengan ini Allah menggalakkan mereka supaya bersabar walaupun dalam keadaan dilamun perasaan benci terhadap mereka dan dia membuka tingkap harapan yang majhul untuk mereka: **"Boleh jadi kamu bencikan sesuatu, tetapi Allah jadikan padanya kebajikan yang banyak."** Manalah tahu bahawa di sebalik isteri-isteri yang dibencikan itu terdapat banyak kebaikan-kebaikan yang disediakan Allah untuk mereka. Jika tidak wajar bagi mereka berpegang dengan harapan itu, maka tidak ada langkah yang lebih dari langkah memulihkan kembali perasaan-perasaan yang tersinggung dan berusaha mengawal perasaan benci dan memadamkan bunga apinya.

"Apabila keadaan telah melewati batas kasih dan benci dan melarat kepada permusuhan dan kebencian yang meluap, maka Islam tidak juga terus menunjukkan

kepada tindakan menjatuhkan talaq, malah satu usaha damai pastilah lebih dahulu diusahakan oleh orang-orang tengah yang dipilih oleh kedua belah pihak:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِۦ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِن يُرِيدَآ
إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ

35. "Dan jika kamu bimbang perpecahan berlaku di antara mereka berdua, maka hendaklah kamu utuskan seorang pendamai dari keluarga suami dan seorang pendamai dari keluarga isteri. Jika kedua-dua pendamai itu benar-benar bermaksud untuk mengadakan perdamaian nescaya Allah akan memberi taufiq kepada kedua (suami isteri itu) kembali berbaik-baik."

(Surah an-Nisa')

وَإِنِ ٱمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنۢ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَآ أَن يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا
صُلْحًا وَٱلصُّلْحُ خَيْرٌ

128. "Dan jika seorang perempuan bimbang timbul dari suaminya kebencian yang meluap-luap, dan sikap tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka berdua mengadakan perdamaian di antara mereka dengan sebaik-baik perdamaian dan perdamaian itulah yang lebih baik."

(Surah an-Nisa')

"Dan jika usaha perdamaian dari orang-orang tengah tidak berguna lagi, maka perkara ini dianggap telah menjadi begitu berat dan genting. Tiada lagi yang dapat membetulkan kehidupan itu dan tiada lagi harapan untuk mencapai ketenteraman dan kemantapan. Langkah memegang isteri dalam keadaan yang seperti ini merupakan satu usaha yang tetap gagal. Kerana itu langkah yang bijaksana ialah menerima kenyataan dan menamatkan kehidupan suami isteri itu walaupun tidak disukai Islam, kerana perkara yang paling dibencikan Allah ialah talaq. [1]

Dan apabila dia mahu menjatuhkan talaq; maka dia tidak boleh menjatuhkan talaq pada bila-bila masa sahaja yang disukainya, malah mengikut as-Sunnah, talaq itu hendaklah dijatuhkan dalam masa si isteri itu suci dari haidh dan tidak disetubuhi. Peraturan ini dapat menangguhkan perceraian itu untuk beberapa waktu selepas dilanda kemarahan dan perasaan yang meluap-luap itu, dan dalam tempoh ini jiwa suami mungkin berubah dan hatinya mungkin kembali tenang, lalu kedua-dua suami isteri yang bersengketa itu didamaikan Allah dan talaq tidak jadi dijatuhkan.

---

(1) Buku " السلام العالمي والاسلام " *m.s. 65 - 66.*

Kemudian selepas perceraian itu datanglah pula tempoh 'iddah iaitu selama tiga quru' bagi perempuan-perempuan yang berhaidh dan beranak, dan selama tiga bulan bagi perempuan-perempuan yang putus haidh dan perempuan-perempuan yang masih kecil, dan selama tempoh mengandung bagi perempuan-perempuan yang hamil. Dan pada tempoh-tempoh tersebut terdapat peluang-peluang untuk kembali ke pangkuan jika masih ada degup kasih dalam hati dan masih ada hasrat untuk menyambung semula tali suami isteri yang telah putus itu.

Tetapi semua langkah dan usaha ini tidak dapat menolak adanya perceraian yang berlaku dan wujudnya keadaan-keadaan yang pasti dihadapi syari'at secara amali dan realiti, kerana itu syari'at Islam mengatur peraturan-peraturan dan mengubati kesan-kesannya iaitu peraturan dan hukum-hukum yang kemas dan terperinci yang membuktikan realisme Islam dalam menangani masalah-masalah kehidupan rumah-tangga di samping sentiasa berusaha menolaknya maju ke depan dan mengangkatkannya ke langit.

Makna yang keempat bagi surah ini dan huraiannya, yang mengandungi galakan, amaran, ulasan dan penegasan ialah surah ini menghadapi keadaan-keadaan yang berlaku dalam kelompok Muslimin, yang lahir dari keladak-keladak peninggalan adat jahiliyah, di mana kaum wanita mengalami penderitaan dan kezaliman. Keadaan-keadaan seperti ini memerlukan langkah yang keras, penerangan-penerangan yang berkesan kepada jiwa dan perincian hukum-hukum yang halus yang tidak meninggal sebarang peluang kepada tindak-tanduk mempermain-mainkan peraturan dan penyelewengan-penyelewengan kerana adanya kefahaman-kefahaman lapuk terhadap hubungan lelaki dan perempuan yang masih tersemat dalam jiwa mereka, juga kerana berlakunya keruntuhan dan kekacauan dalam kehidupan kekeluargaan.

Keadaan yang seperti ini bukan sahaja berlaku di Semenanjung Tanah Arab malah berlaku di merata pelosok dunia di masa itu. Kedudukan kaum wanita di zaman itu ialah sama dengan kedudukan hamba abdi. Hubungan-hubungan seksual dipandang dengan pandangan yang kotor dan wanita dipandang sebagai syaitan yang menggoda dengan menggunakan kekotoran itu.

Dari lembah antarabangsa yang dalam itu, Islam mengangkat kaum wanita dan hubungan suami isteri ke taraf yang luhur, suci dan mulia, dan memberikan kepada kaum wanita nilai, penghormatan, hak-hak dan jaminan-jaminan yang wajar. Mereka adalah bayi yang tidak boleh ditanam hidup-hidup dan tidak boleh dihina, mereka adalah pinangan-pinangan yang tidak boleh dinikahkan melainkan dengan persetujuan mereka sama ada janda atau dara, mereka adalah isteri-isteri yang mempunyai hak-hak dan jaminan-jaminan dari segi undang-undang. Mereka adalah isteri-isteri yang dicerai yang mempunyai hak-hak yang dijelaskan di dalam surah ini, dalam Surah al-Baqarah dan lain-lainnya.

Islam mengatur semua peraturan dan undang-undang itu bukan kerana kaum wanita di Semenanjung Tanah Arab atau di mana-mana negeri di dunia di waktu itu merasa tidak puas hati dengan kedudukan mereka, dan bukan pula kerana kaum lelaki merasa tidak senang dengan kedudukan kaum wanita, dan bukan pula kerana adanya kesatuan wanita-wanita Arab atau kesatuan wanita antarabangsa, dan bukan pula kerana wanita telah memasuki dewan nadwah atau dewan mesyuarat, dan bukan pula kerana adanya seorang pemimpin di dunia yang menyeru supaya diadakan perubahan kedudukan wanita, malah peraturan dan undang-undang itu merupakan syari'at samawi untuk bumi. Ia merupakan keadilan samawi untuk bumi dan iradat samawi terhadap bumi supaya kehidupan manusia terangkat dari lembah yang dalam itu dan supaya hubungan suami isteri itu bersih dari kekotoran dan supaya suami isteri mempunyai hak-hak dan kehormatan yang layak dengan makhluk insan.

Itulah agama yang luhur. Hanya orang buta sahaja yang berpaling darinya. Hanya orang yang sakit sahaja yang mencelanya dan hanya orang yang hina sahaja yang memeranginya. Tiada orang yang meninggalkan syari'at Allah kerana memilih undang-undang manusia melainkan hanya orang yang tertambat jiwanya di bumi dan mengikut hawa nafsunya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Sekarang marilah kita melihat hukum-hukum yang diterangkan di dalam surah ini selepas keterangan selingan yang tidak begitu jauh dari suasana juzu' ini yang mengandungi penjelasan mengenai penyusunan dan pembinaan kelompok Muslimin. Hukum-hukum yang diterangkan di dalam surah ini adalah berlainan dari ringkasan hukum-hukum yang diterangkan tadi, kerana di dalam surah ini hukum-hukum itu diterang dengan uslub yang hidup, berjiwa, bertenaga, memberi ilham dan berkesan. Inilah titik perbezaan di antara mempelajari hukum secara langsung dari al-Qur'an dengan mempelajari hukum-hukum melalui kitab-kitab Fiqah dan Usul.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنۢ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّآ أَن يَأْتِينَ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ
وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُۥ لَا تَدْرِى لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحْدِثُ
بَعْدَ ذَٰلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

1. **"Wahai Nabi! Apabila kamu hendak menceraikan isteri-isteri kamu, maka ceraikan mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddah mereka. Dan hitunglah 'iddah itu dengan betul dan bertaqwalah kepada Allah**

Tuhan kamu, dan janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah-rumah mereka dan janganlah mereka keluar darinya (sehingga habis 'iddah mereka) kecuali mereka telah melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata. Dan itulah batas-batas hukum Allah dan barang siapa yang melanggar batas-batas hukum Allah, maka sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya sendiri. Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu suatu perkembangan yang lain."

Inilah peringkat pertama dan hukum pertama yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w., **"Wahai Nabi!"** Kemudian ternyata bahawa hukum-hukum itu adalah mengenai orang-orang Islam bukan mengenai tubuhnya. **"Apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu...."** hingga akhir. Tujuan ungkapan ini ialah untuk menarik perhatian dan menggambarkan kesungguhan bahawa persoalan ini adalah satu persoalan yang amat penting hingga Allah menyeru Rasul-Nya untuk menjelaskan persoalan itu kepada beliau supaya beliau sampaikan kepada umatnya. Itulah saranan-saranan psikologikal yang amat jelas maksudnya untuk menarik dan mengembelingkan perhatian.

إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ

Masa Yang Wajar Bagi Suami Menceraikan Isterinya

1. **"Apabila kamu hendak menceraikan isteri-isteri kamu, maka ceraikan mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddah mereka."**

Maksud ayat ini telah diterangkan oleh sebuah Hadith Sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang berbunyi: Kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Bakir, kami telah diceritakan oleh al-Layth, aku telah diceritakan oleh 'Uqayl dari Ibn Syihab, aku telah dikhabarkan oleh Salim bahawa Abdullah ibn 'Umar telah mengkhabarkannya bahawa dia telah menceraikan isterinya semasa didatangi haidh, lalu 'Umar menyebutkan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah s.a.w, pun marah kemudian beliau bersabda:

«ليراجعها، ثمّ يمسكها حتّى تطهر، ثمّ تحيض فتطهر فإن بدا له أن يطلّقها فليطلّقها طاهرا قبل أن يمسّها فتلك العدّة التى أمربها الله عزّ وجلّ».

"Hendaklah dia ruju'kannya, kemudian memegangnya hingga dia suci, kemudian berhaidh pula hingga dia suci. Dan jika ternyata kepadanya bahawa dia mahu menceraikannya juga, maka hendaklah dia jatuhkan talaq semasa dia suci dan sebelum dia bersetubuh dengannya. Itulah 'iddah yang disuruh oleh Allah 'Azzawajalla."

Mengikut riwayat Muslim pula berbunyi:

«فتلك العدّة التى أمر الله أن يطلق لها النّساء»

"Itulah 'iddah yang disuruhkan Allah bagi menceraikan isteri."

Dari keterangan hadith ini nyatalah bahawa di sana ada waktu yang tertentu untuk menceraikan isteri. Dan seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya pada bila-bila masa yang disukainya, malah dia dikehendaki menceraikan isterinya semasa di dalam keadaan suci dari haidh dan tidak berlaku hubungan kelamin di antara keduanya dalam masa itu. Menurut athar-athar yang lain pula, di sana ada lagi satu keadaan yang diharuskan talaq iaitu apabila isteri itu telah hamil dengan jelasnya. Hikmat ditentukannya masa talaq itu ialah untuk menangguhkan penjatuhan talaq beberapa waktu selepas seseorang itu berhasrat untuk menceraikan isterinya. Dalam tempoh itu hatinya yang mendadak panas mungkin kembali tenang dan dapatlah mereka berdua berbaik-baik semula. Begitu juga penentuan masa talaq itu membolehkan suami mendapat kepastian sama ada isterinya hamil atau tidak sebelum dia menjatuhkan talaq. Mungkin si suami tidak mahu menceraikan isterinya apabila dia tahu isterinya itu sedang hamil. Dan jika dia meneruskan talaq setelah jelas isterinya telah hamil bererti dia benar-benar mahu menceraikannya sekalipun isterinya hamil. Syarat suci tanpa persetubuhan itu adalah diadakan untuk mempastikan isteri itu tidak hamil, dan syarat jelas kehamilan itu ialah supaya suami itu benar-benar mengetahui kedudukan isterinya yang sebenar.

Ini adalah usaha pertama untuk membaiki keretakan rumahtangga dan untuk menahan cangkul talaq dari merobohkannya. Ini tidak bererti bahawa talaq tidak gugur melainkan apabila dijatuhkannya dalam masa yang ditentukan itu,. kerana talaq itu tetap gugur pada bila-bila masa sahaja dia mentalaqkan isterinya [1], tetapi ia dibencikan Allah dan dimarahkan Rasulullah s.a.w. Hukum ini sahaja sudah cukup bagi orang yang beriman untuk menahankannya dari menjatuhkan talaq hingga sampai masa yang dibenarkan di mana Allah akan memberi keputusan mengikut iradat-Nya.

وَأَحْصُوا۟ ٱلْعِدَّةَ

1. **"Dan hitunglah 'iddah itu dengan betul"**

supaya perbuatan cuai dari menghitungkan masa 'iddah itu tidak membawa kepada lebihnya masa 'iddah kepada isteri yang diceraikan itu dan merosakkan kepentingannya kerana tertahan dari berkahwin dengan orang lain selepas habis 'iddah itu, atau membawa kepada kurangnya masa 'iddah yang boleh menjejaskan tujuan utama iaitu mempastikan rahim isteri yang tercerai itu bersih dari kehamilan demi memelihara kepentingan keturunan. Perintah mengirakan masa 'iddah dengan teliti itu menunjukkan betapa pentingnya persoalan ini dan betapa beratnya perhatian Allah terhadapnya.

---

(1) *Inilah pendapat fiqah yang rajih, dan di sana terdapat satu pendapat yang mengatakan bahawa talaq itu tidak gugur melainkan dijatuhkan dalam masa yang ditentukan itu.*

وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِينَ بِفَاحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ

Isteri Yang Diceraikan Itu Berhak Tinggal Di Rumah Bekas Suaminya Sepanjang Masa 'Iddah

1. **"Dan bertaqwalah kepada Allah Tuhan kamu, dan janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah-rumah mereka dan janganlah mereka keluar darinya (sehingga habis 'iddah mereka) kecuali mereka telah melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata."**

Inilah peringatan dan amaran pertama dari Allah. Allah mendahulukan perintah bertaqwa kepada-Nya sebelum Dia menyampaikan perintah yang melarangkan para suami supaya jangan mengeluarkan isteri-isteri yang diceraikan itu dari rumah-rumah mereka iaitu rumah-rumah suami mereka. Allah menamakan rumah-rumah suami mereka sebagai rumah isteri mereka sendiri untuk menegaskan bahawa isteri-isteri yang diceraikan itu berhak tinggal di rumah-rumah itu sepanjang masa 'iddah. Mereka tidak boleh dikeluarkan dari rumah-rumah kediaman itu dan mereka sendiri pun tidak boleh keluar darinya melainkan apabila mereka telah melakukan satu perbuatan keji yang nyata. Menurut keterangan hadith yang dimaksudkan dengan perbuatan keji itu mungkin perbuatan zina, dan dalam kes ini isteri yang diceraikan itu hendaklah dikeluarkan dari rumah kediaman mereka untuk menjalani hukuman hudud, dan mungkin pula perbuatan keji itu berupa perbuatan yang menyakiti keluarga suaminya dan mungkin juga berupa perbuatan perseteruan terhadap suami atau perbuatan yang menyakitinya walaupun dia yang menggugurkan talaq, kerana tujuan mengekalkan isteri yang diceraikan itu tinggal di rumah suaminya ialah memberi kesempatan untuk ruju' kembali, dan untuk merangsangkan perasaan kasih mesra dan untuk mengingatkan kembali kenangan-kenangan manis semasa hidup bersama. Walaupun isteri yang diceraikan itu dikira jauh dengan sebab talaq, tetapi ia masih dekat dalam pandangan mata dan kedudukan ini memberi peluang kepada perasaan-perasaan yang baik memain peranannya di antara dua insan yang bercerai itu. Tetapi apabila isteri yang diceraikan itu telah melakukan perbuatan zina yang kotor, atau melakukan perbuatan yang menyakiti keluarga suami atau perbuatan perseteruan terhadapnya, maka tidak ada gunanya lagi untuk berusaha merangsangkan perasaan-perasaan yang baik dan kasih sayang yang terpendam, dan tidak perlu lagi untuk dia tinggal di rumah suaminya dalam masa menjalani 'iddah itu, kerana kehadhirannya di rumah suaminya tidak dapat lagi mencetuskan hubungan-hubungan yang baik, malah memutuskannya terus.

وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ

1. **"Dan itulah batas-batas hukum Allah, dan barang siapa yang melanggar batas-batas hukum Allah, maka sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya sendiri."**

Ini ialah amaran yang kedua. Penjaga hukum-hukum ini ialah Allah sendiri. Oleh itu, siapakah orang yang beriman yang sanggup melanggar hukum-hukum yang diawasi oleh Allah? Orang yang sanggup berbuat begitu sengaja menempah kebinasaan dan kemusnahan. "**Barang siapa yang melanggar batas-batas hukum Allah, maka sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya sendiri.**" Yakni dia menganiayai dirinya sendiri dengan mendedahkannya kepada keseksaan Allah Penjaga dan Pengawal hukum-hukum itu, dia juga menzalimi diri sendiri dengan menganiayai isterinya, kerana dia dan isterinya adalah diciptakan dari satu diri sahaja. Kerana itu suami yang menganiayai isterinya bererti ia menganiayai dirinya sendiri.

لَا تَدْرِي لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَٰلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

1. **"Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu suatu perkembangan yang lain."**

Ungkapan ini sungguh menyentuh hati, kerana siapakah yang mengetahui ilmu Allah yang ghaib dan takdir-takdir-Nya yang tersembunyi di sebalik perintah-Nya yang menetapkan tempoh 'iddah dan perintah-Nya yang menyuruh isteri-isteri yang diceraikan itu agar terus tinggal di rumah-rumah kediaman mereka? Di sana mungkin ada harapan yang melambai dan membisik dan mungkin semuanya membawa kebaikan belaka. Mungkin keadaan akan berubah kepada keadaan yang menyenangkan hati kerana takdir-takdir Allah sentiasa bergerak, sentiasa mengubah, menukar dan sentiasa mencetuskan peristiwa-peristiwa. Oleh itu, berserah kepada pentadbiran dan naungan Allah adalah lebih baik dan lebih selamat. Bertaqwa kepada Allah dan bermuraqabah dengan Allah di sana tetap mendatangkan kebaikan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Jiwa manusia kadang-kadang terkongkong sepenuhnya kepada masa sekarang dengan segala keadaan dan suasana-suasananya hingga pintu-pintu masa depan terus tertutup kepadanya, kerana itu dia hidup dalam penjara masa sekarang yang dirasakannya sebagai masa yang tetap abadi dan merasa bahawa segala keadaan dan suasananya akan sentiasa menemaninya dan memburunya. Inilah yang dikatakan penjara jiwa yang tertutup yang sering merosakkan saraf manusia.

Tetapi hakikat yang sebenar tidak begitu. Takdir-takdir Allah sentiasa bertindak, sentiasa mengubah dan menukar keadaan-keadaan dan sentiasa mencipta sesuatu yang baru yang tidak terlintas di dalam hati manusia. Ia menukarkan kesenangan selepas kesusahan, kesukaran selepas kemudahan, keluasan selepas kepicikan. Allah setiap masa berada dalam urusan pentadbiran dan penciptaan. Dia memperlihatkan urusan-urusan itu kepada makhluk-Nya setelah terlindung dari mereka.

Allah mahu hakikat ini tertanam dalam hati manusia supaya harapan mereka terhadap kebaikan yang akan diciptakan Allah sentiasa segar dan membaharu, dan supaya pintu-pintu harapan berlakunya perubahan keadaan sentiasa terbuka lebar dan supaya jiwa mereka sentiasa bergerak dan basah dengan harapan dan tidak lagi menutup segala pintu masa depan dan tidak lagi hidup dalam penjara masa sekarang, kerana masa mendatang kadang-kadang membawa sesuatu yang di luar dugaan:

لا تدري لعل الله يحدث بعد ذلك أمرا ﴿١﴾

1. **"Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu suatu perkembangan yang lain."**

فإذا بلغن أجلهن فأمسكوهن بمعروف أو فارقوهن بمعروف وأشهدوا ذوي عدل منكم وأقيموا الشهادة لله ۚ ذلكم يوعظ به من كان يؤمن بالله واليوم الآخر ۚ ومن يتق الله يجعل له مخرجا ﴿٢﴾

Peraturan Ruju'

2. **"Apabila mereka hampir habis tempoh 'iddah mereka, maka peganglah (ruju'lah) mereka dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa meruju' atau melepaskan mereka) dan hendaklah kamu (wahai para saksi) menyempurnakan kesaksian kamu itu kerana Allah semata-mata. Itulah hukum-hukum yang diajarkan kepada orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia mengadakan jalan keluar untuknya."**

ويرزقه من حيث لا يحتسب ۚ ومن يتوكل على الله فهو حسبه ۚ إن الله بالغ أمره ۚ قد جعل الله لكل شيء قدرا ﴿٣﴾

3. **"Dan memberi rezeki kepadanya dari jalan yang tidak terfikir olehnya. Dan barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah itulah Penolong yang cukup baginya. Sesungguhnya Allah itu tetap melaksanakan segala sesuatu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah telah menentukan perencanaan-Nya yang rapi bagi tiap-tiap sesuatu."**

Inilah peringkat kedua dan hukum-hukumnya. Maksud sampai tempoh 'iddah ialah penghabisan masa 'iddah. Selama isteri yang diceraikan itu masih belum keluar dari tempoh 'iddah, mengikut 'iddah masing-masing golongan yang telah diterangkan sebelum ini, maka si suami bolehlah meruju'kannya. dan dengan itu si isteri akan

pulang kembali kepangkuannya sebaik sahaja ia meruju'kannya. Ruju' inilah yang dimaksudkan dengan "memegang isteri" atau si suami boleh membiarkan tempoh 'iddah itu berlalu sehingga ia habis dan dengan itu terpisahlah si isteri darinya dan tidak lagi halal baginya melainkan dengan mengadakan 'akad nikah yang baru sebagai isteri baru. Dan sama ada dia meruju'kan isterinya atau berpisah darinya, maka dia diperintahkan Allah supaya bertindak dengan baik dalam kedua-dua keputusan itu. Dia dilarang menyakiti si isteri dengan ruju' itu seperti dia meruju'kan isterinya sebelum hampir tempoh 'iddah dan setelah itu dia ceraikannya pula bagi kali yang kedua atau kali yang ketiga dengan tujuan untuk memanjangkan masa penungguannya tanpa kahwin, atau dia meruju'kannya dengan tujuan untuk menjadikan isterinya tergantung-gantung dan mencari helah supaya isterinya menebuskan dirinya (khulu'). Kedua-dua perbuatan ini berlaku semasa diturunkan surah ini, malah masih terus berlaku apabila suami-suami itu menyeleweng dari taqwa kepada Allah dan taqwa inilah jaminan pertama bagi pelaksanaan hukum-hukum Allah, sama ada dalam masa pergaulan yang baik atau dalam masa perceraian. Si suami juga dilarang menyakiti isteri semasa perceraian dengan melepaskan maki hamun, kata-kata yang kesat dan kemarahan yang meluap-luap kerana hubungan suami isteri hendaklah ditegakkan di atas budi bahasa yang baik dan ditamatkan dengan budi bahasa yang baik untuk mengekalkan kenangan-kenangan hati yang mesra. Mungkin si isteri itu akan pulang kembali kepadanya tanpa menyimpan kenangan-kenangan yang buruk terhadap kata-katanya yang tajam atau sindiran yang pedas yang mengeruhkan kejernihan hatinya apabila dia pulang kembali ke pangkuannya.

Kemudian itulah peradaban Islam yang tulen yang mengawal lidah dan hati.

Semasa bercerai atau ruju' hendaklah diadakan dua orang saksi yang adil untuk menghapuskan keraguan orang ramai, kerana mungkin mereka tahu tentang perceraian itu tetapi tidak tahu tentang ruju'. Di sinilah mungkin timbulnya syak wasangka dan tuduhan-tuduhan yang tidak baik. Islam mahukan kebersihan dan kejelasan dalam hubungan suami isteri, juga kebersihan dan kejelasan pada hati dan lidah orang ramai. Menurut setengah-setengah Fuqaha', ruju' dan perceraian itu sah tanpa saksi. Dan bagi setengah-setengah Fuqaha' yang lain, ia tidak sah melainkan dengan saksi. Tetapi menurut Ijma', pastilah diadakan saksi selepas atau semasa perceraian atau ruju' mengikut kedua-dua pendapat itu.

Selepas dijelaskan hukum, maka diiringi pula dengan arahan dan bimbingan:

2. **"Dan hendaklah kamu (wahai para saksi!) menyempurnakan kesaksian kamu itu kerana Allah semata-mata."**

Oleh kerana ruju' dan talaq itu suatu hukum yang diputuskan Allah, maka kesaksian di atasnya pastilah disempurnakan kerana Allah semata-mata. Dialah yang memerintah

supaya diadakan saksi-saksi itu dan Dialah yang mengawasi kejujuran mereka dan memberi balasan kepada mereka. Dalam masa menunaikan kesaksian itu para saksi adalah berurusan dengan Allah bukan berurusan dengan suami, bukan dengan isteri dan bukan dengan orang ramai.

ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ

2. **"Itulah hukum-hukum yang diajarkan kepada orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat."**

Orang-orang yang dihadapkan dengan hukum-hukum ini ialah para Mu'min yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Allah menyatakan kepada mereka bahawa Dia mengajar kepada mereka sesuatu yang memang menjadi kewajipan mereka. Andainya mereka benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka tentulah mereka akan mengambil pengajaran dan keinsafan darinya. Inilah batu uji dan ukuran keimanan yang didakwakan mereka.

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

2 - 3. **"Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia mengadakan jalan keluar untuknya dan memberi rezeki kepadanya dari jalan yang tidak terfikir olehnya."**

Iaitu jalan keluar dari kesempitan hidup dunia dan Akhirat dan perolehan rezeki yang tidak terduga. Inilah peraturan am dan hakikat yang kekal abadi, tetapi perhubungan hakikat ini dengan hukum-hukum talaq di sini menyarankan betapa halus dan tepatnya ia dilaksanakan apabila mereka bertaqwa kepada Allah dalam urusan talaq ini khususnya, iaitu suatu urusan yang tiada pengawal yang lebih peka dan halus untuk mengawasinya selain dari kesedaran taqwa dan hati nurani. Peluang-peluang mempermain-mainkan urusan talaq ini amat luas, dan tiada penghalang yang dapat menghalanginya melainkan perasaan taqwa kepada Allah dan kesedaran hati nurani.

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ

3. **"Dan barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah itulah penolong yang cukup baginya."**

Ruang-ruang tipudaya dalam hubungan suami isteri ini amat luas dan liku-likunya amat banyak. Kadang-kadang percubaan untuk menghindarkan sesuatu penipuan itu membawa kepada penipuan yang lain pula. Oleh itu, ayat ini menyarankan supaya meninggalkan percubaan-percubaan yang seperti itu dan bertawakkal kepada Allah

kerana Dialah yang akan memberi pertolongan yang cukup kepada mereka yang bertawakkal kepada-Nya dan Dia tetap melaksanakan segala sesuatu yang dikehendaki-Nya. Apa yang telah diputuskan Allah tetap berlaku dan apa yang dikehendaki-Nya tetap terlaksana. Tawakkal bererti berserah kepada kuasa Allah Yang Maha Kuasa dan kepada kekuatan Allah Yang Maha Perkasa yang berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Ayat ini merupakan satu nas yang umum yang dituju untuk mewujudkan persepsi keimanan yang betul dalam hati manusia berhubung dengan iradat Allah dan perencanaan-Nya. Tetapi ia disebut di sini di dalam hukum-hukum talaq kerana ia mempunyai saranan dan implikasinya di bidang ini.

قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

3. **"Sesungguhnya Allah telah menentukan perencanaan-Nya yang rapi bagi tiap-tiap sesuatu."**

Maksudnya, segala sesuatu telah ditetapkan menurut ketetapannya, waktunya, tempatnya, suasana-suasananya, natijah-natijahnya dan sebab-sebabnya yang telah ditetapkan. Tiada suatu pun yang berlaku secara kebetulan atau serampangan di seluruh alam buana ini dan di dalam jiwa manusia dan kehidupannya. Ini adalah satu hakikat agung yang menjadi landasan sebahagian besar dari persepsi keimanan. Kami telah jelaskan hakikat ini dengan panjang lebar ketika mentafsirkan ayat-ayat berikut:

وَخَلَقَ كُلَّ شَىْءٍ فَقَدَّرَهُۥ تَقْدِيرًا ﴿٢﴾

2. **"Dan Allah telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaan-Nya dengan rapi."**

(Surah al-Furqan)

49. **"Sesungguhnya Kami ciptakan segala sesuatu itu dengan perencanaan yang rapi."**

(Surah al-Qamar)

Tetapi hakikat umum ini disebut di sini untuk dikaitkan dengan peraturan-peraturan Allah mengenai talaq dan tempohnya, 'iddah dan waktunya, mengadakan saksi dan pelaksanaannya, dan hukum-hukum ini dicap sebagai undang-undang Ilahi yang tetap berlaku atau sebagai undang-undang am. Ayat ini juga menyarankan ke dalam hati kita bahawa persoalan talaq adalah persoalan yang sungguh penting iaitu sama pentingnya dengan peraturan alam buana yang ditetapkan Allah dalam setiap penciptaan-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي لَمۡ يَحِضۡنَۚ وَأُوْلَٰتُ ٱلۡأَحۡمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعۡنَ حَمۡلَهُنَّۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مِنۡ أَمۡرِهِۦ يُسۡرٗا ﴿٤﴾

Peraturan 'Iddah

4. **"Dan mereka yang putus asa dari kedatangan haidh dari perempuan-perempuan kamu, jika kamu ragu-ragu (mengenai 'iddah mereka), maka 'iddah mereka ialah tiga bulan. Dan demikian juga 'iddah perempuan-perempuan yang belum lagi berhaidh, dan adapun perempuan-perempuan yang mengandung, maka 'iddah mereka ialah sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah menjadikan segala urusannya mudah kepadanya."**

ذَٰلِكَ أَمۡرُ ٱللَّهِ أَنزَلَهُۥٓ إِلَيۡكُمۡۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يُكَفِّرۡ عَنۡهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُعۡظِمۡ لَهُۥٓ أَجۡرًا ﴿٥﴾

5. **"Itulah peraturan-peraturan Allah yang diturunkan kepada kamu. Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan membesarkan pahala untuknya."**

Inilah penentuan masa 'iddah bagi perempuan-perempuan yang bukan perempuan-perempuan berhaidh dan hamil, iaitu perempuan-perempuan yang putus haidh dan perempuan-perempuan yang belum lagi berhaidh kerana masih kecil atau kerana mengidap sesuatu penyakit. Ini ialah kerana masa 'iddah yang telah diterangkan di dalam Surah al-Baqarah itu ialah masa 'iddah bagi perempuan-perempuan yang berhaidh iaitu tiga kali haidh atau tiga kali suci dari haidh mengikut khilaf Ahli Fiqah di dalam masalah ini, sedangkan perempuan-perempuan yang telah putus haidh dan perempuan-perempuan yang belum pernah didatangi haidh, maka hukum 'iddah mereka masih belum jelas, iaitu bagaimana hendak dikirakan 'iddah mereka? Lalu turunlah ayat ini memberi penjelasan dan menghapuskan kesamaran dan keraguan itu dengan menentukan masa 'iddah bagi kedua-dua golongan ini selama tiga bulan. Kerana kedua-dua golongan ini sama-sama tidak berhaidh belaka. Adapun perempuan-perempuan hamil, maka 'iddah mereka ditentukan sehingga mereka melahirkan anak yang dikandung mereka, sama ada masa itu panjang atau pendek selepas mereka dicerai walaupun selama empat puluh malam masa suci dari nifas, kerana kebersihan rahim selepas bersalin itu telah pun dipastikan dan dia tidak perlu menunggu-nunggu lagi. Perempuan hamil yang diceraikan itu akan terpisah dari suami yang menceraikannya itu sebaik sahaja dia bersalin dan tidak ada apa-apa tujuan lagi untuk dia menunggu. Dia

tidak boleh diruju'kan kembali melainkan dengan 'akad nikah yang baru. Demikianlah Allah menentukan takdirnya bagi tiap-tiap sesuatu. Tidak ada sesuatu hukum melainkan di sebaliknya ada hikmat dan tujuannya.

Setelah diterangkan hukum-hukum diiringi pula dengan peringatan-peringatan dan ulasan-ulasan:

4. **"Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah menjadikan segala urusannya mudah kepadanya."**

Kemudahan dalam mengendalikan sesuatu urusan memanglah menjadi impian setiap insan. Ia merupakan satu ni'mat yang amat besar apabila Allah menjadikan urusannya itu mudah dan senang tanpa mengalami sebarang kesulitan dan kesukaran dan tanpa menempuh sebarang kepayahan dan kesusahan. Dia menguruskan segala urusan dengan senang dan mudah. Dia berpuas hati dengan hasil pencapaiannya dan hidup selesa sehingga dia kembali menemui Allah. Ini merupakan satu galakan kepada para suami supaya memudahkan perkiraan dalam urusan talaq untuk mendapatkan ni'mat kemudahan dalam seluruh kehidupannya.

ذَٰلِكَ أَمْرُ ٱللَّهِ أَنزَلَهُۥٓ إِلَيْكُمْ

5. **"Itulah peraturan-peraturan Allah yang diturunkan kepada kamu."**

Ini satu lagi peringatan untuk menarik perhatian kepada sumber peraturan-peraturan yang diterangkan itu, kerana ia adalah diturunkan Allah kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya. Oleh itu, mematuhi peraturan-peraturan ini bererti merealisasi komitmen beriman dan melaksanakan hakikat hubungan di antara mereka dengan Allah.

Kemudian al-Qur'an kembali sekali lagi menyebut taqwa yang ditekankan berturut-turut di dalam pembicaraan hukum talaq ini:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُعْظِمْ لَهُۥٓ أَجْرًا ٥

5. **"Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan membesarkan pahala untuknya."**

Ni'mat pertama ialah memudahkan urusan-urusan kehidupannya, dan ni'mat yang kedua menghapuskan kesalahannya dan membesarkan pahala amalannya selepas menghapuskan kesalahan-kesalahannya. Itulah limpah kurnia Allah yang amat menarik. Ini adalah suatu hukum yang am dan suatu janji yang menyeluruh, tetapi di sini ia dikaitkan dengan hukum talaq supaya hati suami yang hendak menceraikan isterinya

itu sentiasa teringat kepada Allah dan kepada limpah kurnia-Nya yang amat luas, oleh itu, apa perlunya dia menyulit-nyulit dan memayahkan perkara talaq, sedangkan Allah akan melimpahkan ke atasnya ni'mat kemudahan, keampunan dan pahala yang besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنتُم مِّن وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ ۚ وَإِن كُنَّ أُولَاتِ حَمْلٍ فَأَنفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۖ وَأْتَمِرُوا بَيْنَكُم بِمَعْرُوفٍ ۖ وَإِن تَعَاسَرْتُمْ فَسَتُرْضِعُ لَهُ أُخْرَىٰ ﴿٦﴾

6. **"Tempatkanlah mereka (isteri-isteri dalam 'iddah) di tempat kediaman kamu mengikut kemampuan kamu. Dan janganlah kamu menyakiti mereka untuk menyulitkan mereka. Dan jika mereka sedang mengandung, maka berikanlah nafkah kepada mereka sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan jika mereka (isteri yang ditalaq) menyusukan anak itu untuk kamu, maka berikanlah upah kepada mereka. Dan berundinglah di antara kamu dengan baik (dalam perkara penyusuan itu) dan jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukan anak itu untuknya."**

لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ ۚ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا ۚ سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

7. **"Hendaklah orang yang mampu itu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang dipicikkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah sekadar yang dikurniakan Allah kepadanya. Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar kemampuan yang dikurniakan kepadanya. Allah akan jadikan sesudah kesusahan itu kesenangan."**

Tempat Tinggal Dan Nafkah Kepada Isteri Yang Dicerai Sepanjang Masa 'Iddah, Juga Upah Menyusu Bayi

Inilah penerangan yang akhir untuk menjelaskan masalah tempat tinggal bagi perempuan dalam 'iddah dan masalah perbelanjaan di dalam masa 'iddah. Dalam ayat ini, para suami diperintah menempatkan isteri yang diceraikan mereka itu di rumah-rumah kediaman mengikut kemampuan mereka iaitu rumah-rumah kediaman yang tidak kurang dari rumah-rumah kediaman mereka sekarang. Dan mereka hendaklah tidak mempunyai tujuan untuk menyakiti isteri-isteri mereka yang sedang dalam 'iddah itu dengan menyempit-nyempitkan keselesaan tempat tinggal atau merendahkan tarafnya atau

memberi layanan yang buruk. Ayat ini secara khusus menyebutkan perkara nafkah kepada perempuan-perempuan yang hamil sahaja, sedangkan nafkah itu wajib dibayarkan kepada setiap perempuan dalam 'iddah. Ini ialah kerana takut disalah faham bahawa panjang masa mengandung itu membataskan masa memberi nafkah iaitu dengan membayar setengahnya sahaja apabila masa mengandung itu panjang, dan menambahkannya apabila masa mengandung itu pendek. Oleh itu, Allah mewajibkan nafkah ke atas mereka sehingga mereka bersalin iaitu masa penghabisan 'iddah untuk menjelaskan lagi hukum itu.

Kemudian al-Qur'an menghuraikan masalah penyusuan anak. Ia tidak mewajibkan penyusuan itu ke atas si ibu tanpa suatu upah, kerana selama si ibu yang diceraikan itu menyusukan bayi yang dikongsikan bersama di antara suami isteri itu, maka si ibu berhak mendapatkan upah penyusuannya untuk membantu kehidupannya dan membantunya bagi membanyakkan air susunya untuk bayi yang kecil itu. Inilah setinggi-tinggi pembelaan yang diberikan Islam kepada si ibu yang diceraikan itu. Dan di dalam waktu yang sama juga Allah menyuruh si bapa dan si ibu yang berpisah itu supaya mengadakan perundingan yang baik di antara mereka untuk menjaga kepentingan si bayi itu selaku amanah yang dipertaruhkan kepada kedua-duanya supaya kegagalan mereka dalam kehidupan mereka berdua tidak membawa malapetaka kepada anak kecil yang tidak berdosa itu.

Inilah sikap tolak-ansur yang diserukan Allah supaya diamalkan oleh si bapa dan si ibu yang berpisah itu, tetapi jika kedua-dua mereka mengambil sikap tidak mahu bertolak-ansur dan tidak dapat mencapai satu persetujuan mengenai penyusuan dan upahnya, maka hak-hak si bayi itu pasti dijamin:

6. "**Maka bolehlah perempuan lain menyusukan anak itu untuknya.**"

Iaitu dengan mendapatkan perempuan yang lain untuk menyusunya tanpa dibantah si ibu supaya hak si bayi untuk mendapatkan penyusuan itu tidak terhalang dengan sebab sikap mereka yang tidak mahu bertolak-ansur sesudah rumahtangga mereka gagal.

Kemudian al-Qur'an mengemukakan huraian mengenai kadar nafkah, iaitu ia didasarkan di atas kemampuan, kerjasama dan keadilan, di mana si suami yang menceraikan isterinya itu tidak harus melakukan kezaliman dan si isteri yang diceraikan itu tidak harus bersikap sombong dan degil. Sesiapa yang dikurniakan Allah rezeki yang luas hendaklah memberi nafkah dengan keluasan sama ada mengenai tempat kediaman, perbelanjaan hidup seharian dan upah penyusuan anak. Dan sesiapa yang kepicikan rezeki, maka tiada sebarang keberatan di atasnya kerana Allah tidak menuntut mana-mana suami memberi nafkah melainkan mengikut kadar kemampuan yang dikurniakan kepadanya, sedangkan Allahlah yang memberi rezeki dan tiada seorang pun yang

berkuasa mendapatkan rezeki yang tidak dikurniakan Allah kepadanya, kerana di sana tidak ada punca dan khazanah rezeki yang lain selain dari Allah:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا مَآ ءَاتَىٰهَا

7. **"Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar kemampuan yang dikurniakan kepadanya."**

Kemudian al-Qur'an mendorong supaya mereka berpuas hati di samping memberi harapan baru kepada mereka:

7. **"Allah akan jadikan sesudah kesusahan itu kesenangan."**

Kesenangan selepas kesusahan itu adalah bergantung kepada kehendak Allah. Oleh itu, adalah lebih baik bagi suami isteri yang bercerai itu bertawajjuh dan bertaqwa kepada Allah dan menyerahkan segala urusan mereka kepada-Nya, kerana Dialah yang memberi dan yang menahan, yang menghulur dan yang memegang. Di tangan qudrat Allahlah terletak kesusahan dan kesenangan, kepicikan dan kemewahan.

* * * * * *

Sampai setakat ini al-Qur'an telah membicarakan semua hukum talaq dan ekoran-ekorannya hingga sampai kepada satu penyelesaian yang jelas. Ia tidak membiarkan runtuhan-runtuhan dan debu-debu dari rumahtangga yang roboh itu mengganggu ketenteraman jiwa mereka, juga Ia tidak membiarkan saki-baki permusuhan dan pergaduhan itu menimbulkan kegelisahan kepada mereka.

Al-Qur'an juga mengubati segala perasaan yang tidak sihat yang berkecamuk di dalam hati suami isteri yang bercerai itu hingga menghalangi mereka dari bersikap tolak-ansur, mudah kira bicara dan berbudi bahasa yang baik. Ia menghalaukan momok-momok ketakutan kepada kemiskinan, kesusahan dan kehilangan harta dari jiwa si suami apabila dia memberi tempat kediaman yang selesa dan memberi nafkah yang lumayan kepada isteri yang diceraikannya itu atau memberi upah yang agak banyak kepada perempuan yang menyusukan anak-anaknya, juga menghalaukan momok-momok ketakutan seperti itu dari jiwa si isteri yang diceraikan itu yang merasa kesempitan dengan nafkah yang tidak cukup atau yang lobakan tambahan nafkah dari bekas suaminya, kerana itu al-Qur'an menegaskan bahawa Allah akan memberi kesenangan selepas kesusahan kepada mereka yang bertaqwa, juga mengurniakan rezeki yang tidak terduga kepada mereka dan selain rezeki dunia akan dikurniakan pula rezeki Akhirat. Dan pahala yang besar selepas diampunkan dosa-dosanya.

Seterusnya al-Qur'an mengubati segala perasaan marah dan dendam kesumat yang menimbulkan pergaduhan yang membawa kepada perceraian itu dengan mengusapkan perasaan-perasaan itu dengan tangan yang lemah-lembut dan meniupkannya dengan bayu dari rahmat Allah dan menaruh harapan kepada-Nya dan dari pancuran matair perasaan mesra dan budi bahasa yang baik yang terpancar dari semangat taqwa dan harapan yang baik kepada Allah, juga terpancar dari harapan menunggu keredhaan Allah.

Pengubatan yang sempurna, peringatan-peringatan yang memberi kesan yang mendalam dan penegasan yang berulang-ulang ini merupakan jaminan-jaminan bagi menghadapi masalah talaq untuk melaksanakan hukum-hukum syari'at yang telah ditentukan itu. Di sana tidak ada pengawal melainkan hanya kepekaan hati nurani dan perasaan taqwa kepada Allah, kerana suami dan isteri yang bercerai itu masing-masing mempunyai kemampuan untuk melakukan angkara terhadap satu sama lain hingga pecah hempedunya jika pagar-pagar yang mengawalnya hanya pagar undang-undang semata-mata. Larangan yang terkandung dalam ayat yang berikut:

وَلَا تُضَآرُّوهُنَّ

6. **"Dan janganlah kamu menyakiti mereka"**

adalah larangan yang meliputi segala bentuk tindakan yang menyusah dan menyulitkan isteri yang tidak dapat dicakup dengan satu peruntukan undang-undang biar bagaimana luasnya sekalipun. Hal ini adalah terpulang kepada kesedaran hati nurani dan rasa taqwa dan takut kepada Allah yang mengetahui segala isi hati manusia dan segala sesuatu di alam ini, juga terpulang kepada kenangan terhadap ganjaran-ganjaran ganti rugi yang telah dijanjikan Allah kepada orang-orang yang bertaqwa di dunia dan di Akhirat terutama dalam persoalan rezeki yang disebut berulang-ulang kali dengan berbagai-bagai cara itu, kerana persoalan rezeki merupakan satu faktor yang penting dalam menenangkan keadaan dan membasahkan keadaan gersang yang terjadi akibat talaq.

Suami isteri yang bercerai mengikut hukum-hukum dan bimbingan-bimbingan Ilahi ini akan tetap tersimpan di dalam hati masing-masing benih-benih kasih yang tidak pupus dan tanah basah yang dapat menghidup dan menumbuhkan benih-benih itu, di samping budi bahasa yang indah yang mahu digunakan Islam untuk mewarnakan kehidupan kelompok Muslimin agar baunya yang harum menyerbak harum di kalangan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 11)

Setelah selesai menerangkan hukum-hukum tersebut al-Qur'an membawa contoh pengajaran dari malapetaka yang telah menimpa orang-orang yang telah melanggar

perintah Allah dan Rasul-Nya di samping mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada orang-orang Mu'min yang dihadapkan surah dan undang-undang ini kepada mereka:

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ عَتَتْ عَنْ أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِۦ فَحَاسَبْنَٰهَا حِسَابًا شَدِيدًا وَعَذَّبْنَٰهَا عَذَابًا
نُّكْرًا ﴿٨﴾

8. **"Beberapa banyak negeri (yang penduduknya) telah menderhakakan perintah Tuhan mereka dan Rasul mereka, lalu Kami balaskan mereka dengan balasan yang keras dan Kami azabkan mereka dengan azab yang ngeri."**

فَذَاقَتْ وَبَالَ أَمْرِهَا وَكَانَ عَٰقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ﴿٩﴾

9. **"Mereka telah merasakan akibat buruk dari perbuatan mereka dan kesudahan perbuatan mereka ialah kerugian yang besar."**

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَدْ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾

10. **"Allah telah menyediakan untuk mereka azab yang amat dahsyat. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah, wahai orang-orang yang berakal, iaitu orang-orang yang telah beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) kepada kamu."**

رَّسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ مُبَيِّنَٰتٍ لِّيُخْرِجَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ
إِلَى ٱلنُّورِ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعْمَلْ صَٰلِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدًا قَدْ أَحْسَنَ ٱللَّهُ لَهُۥ رِزْقًا ﴿١١﴾

11. **"Iaitu seorang Rasul yang membaca kepada kamu ayat-ayat Allah yang menjelaskan pengajaran-pengajaran-Nya untuk mengeluarkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan mengerjakan amalan yang salih, nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka akan hidup kekal buat selama-lamanya. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik rezeki."**

Ini adalah satu amaran yang panjang dengan pemandangan-pemandangan yang terperinci. Ia merupakan satu peringatan mendalam supaya mengenangkan ni'mat Allah yang telah mengurniakan keimanan dan nur, dan yang telah menjanjikan pahala yang besar di Akhirat dalam bentuk sebaik-baik dan semulia-mulia rezeki.

Penyeksaan Allah terhadap orang-orang yang melanggar perintah-Nya dan Rasul-Nya merupakan satu undang-undang Allah yang berulang-ulang:

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ عَتَتْ عَنْ أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِۦ فَحَاسَبْنَٰهَا حِسَابًا شَدِيدًا وَعَذَّبْنَٰهَا عَذَابًا نُّكْرًا ٨

Negara-negara Yang Menerima Berbagai Bentuk Tindakan Sunnatullah

8. **"Berapa banyak negeri (yang penduduknya) telah menderhakakan perintah Tuhan mereka dan Rasul-Nya, lalu Kami balaskan mereka dengan balasan yang keras dan Kami azabkan mereka dengan azab yang ngeri."**

Kemudian ia menggambarkan akibat buruk dari perbuatan mereka:

فَذَاقَتْ وَبَالَ أَمْرِهَا وَكَانَ عَٰقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ٩

9. **"Mereka telah merasakan akibat buruk dari perbuatan mereka dan kesudahan perbuatan mereka ialah kerugian yang besar."**

Kemudian ia akhiri dengan menggambarkan kesudahan yang merugikan itu:

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا

10. **"Allah telah menyediakan untuk mereka azab yang amat dahsyat."**

Semuanya ini untuk memanjangkan pemandangan azab itu dan menerangkan secara terperinci peringkat-peringkat penyeksaan itu. Ini merupakan satu cara dari cara-cara uslub al-Qur'an untuk menyampaikan kesan-kesan yang mendalam di dalam hati manusia dan meninggalkan kesan yang lama di dalam perasaan mereka. (1)

Persoalan Talaq Merupakan Persoalan Umat Muslimin

Marilah kita berdiri sebentar di hadapan amaran ini, kita melihat Allah menimpakan azab-Nya ke atas berbagai-bagai negeri, sebuah demi sebuah setiap kali mereka melanggar perintah-Nya dan rasul-rasul-Nya dan kita dapati bahawa amaran itu dibawa di sini ketika memperkatakan persoalan talaq dan hukum-hukumnya. Ini bererti bahawa talaq dan hukum-hukumnya mempunyai hubungan dengan undang-undang keseksaan Allah

---

(1) *Lihat bab* " فصل التّناسق الفنى " *dari buku* " التّصوير الفنّى فى القرآن "

yang umum ini, dan perhubungan ini menunjukkan bahawa persoalan talaq bukanlah persoalan keluarga atau pasangan suami isteri, malah persoalan talaq ialah persoalan seluruh umat Muslimin. Mereka adalah bertanggungjawab terhadap persoalan talaq. Perbuatan yang melanggar hukum-hukum talaq ini atau hukum-hukum yang lain dari hukum-hukum agama Allah merupakan perbuatan menderhaka terhadap perintah Allah, iaitu satu perbuatan yang bukan sahaja diseksakan orang-orang perseorangan yang terlibat melakukan penderhakaan itu, malah sebuah negeri dan seluruh umat, di mana berlakunya penderhakaan itu akan turut diseksa bersama, iaitu umat yang menyeleweng dari agama Allah. Sesungguhnya tujuan diturunkan hukum-hukum agama ini ialah supaya dipatuhi dan dilaksanakan seluruhnya dan supaya hukum-hukum itu menguasai kehidupan umat seluruhnya. Oleh itu, barang siapa yang melanggar hukum-hukum Allah walaupun di dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan peribadi bererti dia telah terdedah kepada tindakan Sunnatullah yang telah menimpa negara-negara yang tidak pernah meleset.

Penduduk negeri-negeri itu telah menerima akibat buruk dari perbuatan penderhakaan mereka dan kesudahan hidup mereka ialah mereka telah mendapat kerugian yang amat besar. Akibat itu telah dirasakan mereka di bumi ini lagi sebelum datangnya Hari Hisab yang akhir. Akibat yang dahsyat itu telah diterima oleh berbagai-bagai negeri dan umat yang melanggar agama Allah. Kita juga menyaksi akibat malapetaka ini sebagaimana telah disaksikan oleh datuk nenek kita. Bangsa-bangsa itu telah menerima penyeksaan Allah dalam bentuk kerosakan dan keruntuhan akhlak, dalam bentuk kemiskinan dan kemarau, dalam bentuk kezaliman dan penindasan dan dalam bentuk kehidupan yang huru-hara di mana tiada keamanan, tiada perdamaian, tiada ketenteraman dan kemantapan dan setiap hari kita melihat betapa tepatnya amaran ini.

Selain dari keseksaan-keseksaan yang telah menimpa mereka ialah keseksaan yang amat pedih yang menunggu mereka:

10. "Allah telah menyediakan untuk mereka azab yang amat dahsyat."

Allah sebenar-benar yang berkata.

Agama Islam ini adalah satu sistem hidup kolektif sebagaimana telah kami jelaskan dalam tafsir Surah as-Saff. Ia datang untuk mewujudkan satu kelompok Muslimin yang mempunyai peraturan-peraturan hidup yang istimewa. Ia datang untuk mengendalikan seluruh kehidupan kelompok itu, kerana itu seluruh kelompok Muslimin bertanggungjawab terhadap hukum-hukumnya. Mereka tidak akan melanggar hukum-hukum itu melainkan balasannya mereka ditimpa malapetaka yang telah diperingatkan

Allah itu, iaitu malapetaka yang telah menimpa negeri-negeri yang telah melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya.

Allah Jadikan Syakhsiah Rasulullah Seolah-olah Al-Qur'an

Dalam menghadapi amaran malapetaka itu dan senario-senarionya yang panjang, al-Qur'an menyeru orang-orang yang berakal iaitu orang-orang yang beriman supaya bertaqwa kepada Allah yang telah menurunkan peringatan untuk mereka:

10. **"Sesungguhnya Allah telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) kepada kamu."**

Allah telah menjisim atau memfizikalkan kata-kata peringatan (al-Qur'an) itu dan menyatukannya dengan tubuh Rasulullah s.a.w. iaitu Dia menjadikan tubuh beliau yang mulia itu sebagai peringatan (al-Qur'an) itu sendiri atau sebagai ganti tubuh beliau dalam ungkapan yang berikut:

رَسُولًا يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ مُبَيِّنَٰتٍ

11. **"Iaitu seorang Rasul yang membaca kepada kamu ayat-ayat Allah yang menjelaskan pengajaran-pengajarannya."**

Di sini Allah memberi satu pandangan yang indah, yang memberi pengertian yang amat mendalam, tepat dan mempunyai berbagai makna, iaitu peringatan (al-Qur'an) yang datang dari Allah itu adalah sampai kepada mereka melalui syakhsiyah Rasulullah s.a.w. yang bercakap benar, seolah-olah peringatan (al-Qur'an) itu secara langsung sampai kepada mereka menerusi syakhsiyah beliau yang tidak melindungi sesuatu pun dari hakikat peringatan (al-Qur'an) ini.

Pengertian yang kedua dari saranan ini ialah syakhsiyah Rasulullah s.a.w. itu telah berubah menjadi peringatan (al-Qur'an) dengan erti syakhsiyah Rasulullah s.a.w. merupakan penjelmaan peringatan (al-Qur'an) dalam bentuknya yang berjisim. Syakhsiyah Rasulullah s.a.w. merupakan satu salinan hidup kepada al-Qur'an. Demikianlah keadaan Rasulullah s.a.w., dan demikianlah juga beliau telah disifatkan oleh Siti 'Aisyah r.a. apabila dia berkata:

«كان خلقه القرآن»

"Budi pekerti beliau ialah al-Qur'an."

Demikianlah al-Qur'an itu sentiasa dalam peringatan beliau dalam segala tindak-tanduknya menghadapi kehidupan, seolah-olah beliau sendiri itu al-Qur'an yang sedang menghadapi kehidupan.

Selain dari ni'mat-ni'mat peringatan (al-Qur'an), nur, hidayat dan kebaikan itu, Allah menjanjikan pula ni'mat Syurga di mana mereka akan kekal hidup selama-lamanya. Di samping itu Ia mengingatkan pula bahawa pengurniaan Syurga itu merupakan sebaik-baik rezeki yang dikurniakan Allah, yang tidak boleh dibandingkan dengan rezeki-rezeki-Nya yang dikurniakan di dunia ini.

قَدْ أَحْسَنَ ٱللَّهُ لَهُۥ رِزْقًا ﴿١١﴾

11. **"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik rezeki."**

Allah itulah pengurnia rezeki di dunia dan Akhirat, tetapi rezeki Akhirat lebih baik dari rezeki dunia dan pemilihan-Nya untuk mengurniakan rezeki yang baik itu merupakan suatu pemilihan yang benar dan mulia.

Demikianlah al-Qur'an menyentuh persoalan rezeki sekali lagi di sini, dan dalam sentuhan ini ia memperkecil-kecilkan rezeki di dunia jika dibandingkan dengan rezeki-rezeki di dalam Syurga setelah Allah menjanjikan di bahagian-bahagian awal surah ini untuk mengurniakan rezeki yang luas di dunia ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 12)

Pada akhirnya datang pula pengumuman penciptaan alam buana yang agung, dan dengan pengumuman ini al-Qur'an menghubungkan pokok pembicaraan surah ini, hukum-hukum dan bimbingan-bimbingannya dengan takdir Allah, dengan qudrat kuasa Allah dan dengan ilmu pengetahuan Allah di bidang alam buana yang amat luas ini:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ ٱلْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴿١٢﴾

12. **"Allahlah yang telah menciptakan tujuh langit dan menciptakan bumi seperti langit-langit itu juga, dan di antara langit dan bumi itulah turun-nya perintah-perintah Allah supaya kamu mengetahui bahawa Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."**

Mengenai tujuh langit itu, kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat tentang maksudnya, ukuran tinggi rendahnya dan panjang lebarnya. Demikianlah juga tentang tujuh bumi. Boleh jadi bumi yang kita kenali ini merupakan salah sebuah bumi

dari tujuh buah bumi itu dan bumi-bumi yang baki lagi itu hanya dalam pengetahuan Allah sahaja, dan boleh jadi maksud dari ungkapan:

12. "Seperti langit-langit itu juga"

Maksud Tujuh Langit Dan Tujuh Bumi

ialah bumi adalah sejenis dengan langit dari sudut struktur kejadiannya atau ciri-cirinya. Walau bagaimanapun kita tidak perlu mencuba untuk memadankan nas-nas ini dengan ilmu pengetahuan yang ada pada kita, kerana ilmu pengetahuan kita tidak meliputi seluruh alam buana hingga kita dapat mengatakan dengan tegas dan yakin bahawa inilah yang dikehendaki oleh al-Qur'an. Kita tidak akan mungkin berkata demikian melainkan pada hari manusia telah mengetahui dengan penuh keyakinan segala struktur kejadian alam buana seluruhnya, dan ini adalah angan-angan yang terlalu jauh sekali.

Oleh itu, kita dapat mengambil faedah dari hakikat itu yang disarankan ayat ini dari sudut ia menyedarkan jiwa kita dan dari sudut untuk membentuk kefahaman keimanan universal yang betul.

Isyarat al-Qur'an kepada penciptaan alam buana yang amat besar ini:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلۡأَرۡضِ مِثۡلَهُنَّ

12. "Allahlah yang telah menciptakan tujuh langit dan menciptakan bumi seperti langit-langit itu juga"

Keserlusan Hukum Talaq Di Sisi Allah

mengkagetkan perasaan manusia dan membuat hatinya berdepan dengan pemandangan-pemandangan qudrat Allah Yang Maha Pencipta dan pemandangan keluasan kerajaan-Nya hingga seluruh bumi ini kelihatan di hadapannya begitu kecil. Apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan setengah-setengah kejadian yang ada di bumi, apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan satu peristiwa dari peristiwa-peristiwa yang berlaku di bumi, dan apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan jumlah wang ringgit yang kecil yang dibelanjakan oleh suami kepada isterinya yang diceraikannya itu atau dengan jumlah wang ringgit yang dilepaskan oleh isteri yang diceraikan itu.

Di antara tujuh langit dan tujuh bumi ini turunnya hukum-hukum Allah dan di antaranya ialah hukum talaq yang dibicarakan dalam surah ini. Hukum-hukum talaq itu merupakan hukum-hukum Allah yang amat besar mengikut ukuran-ukuran manusia dan persepsi mereka terhadap tempat dan zaman sejauh yang terdaya difahamkan mereka, dan sebarang perbuatan melanggar hukum-hukum itu bererti melanggarkan satu perintah yang telah bergema di merata pelosok langit dan bumi, dan didengar di alam al-Mala'ul-A'la dan makhluk-makhluk Allah yang lain yang ada di langit dan di bumi.

Perbuatan itu merupakan satu penderhakaan yang keji yang tidak sanggup dilakukan oleh orang-orang yang berakal dan beriman, iaitu orang-orang yang telah didatangi Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah yang menjelaskan segala pengajaran-Nya, termasuk pengajaran mengenai hukum talaq untuk mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur.

Hukum-hukum talaq ini adalah turun di antara langit dan bumi untuk menegakkan 'aqidah di dalam hati orang yang beriman bahawa Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu dan tiada sesuatu pun yang dapat menghalangi kehendak iradat-Nya, dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu di mana tiada sesuatu pun yang terlepas dari ilmu pengetahuan-Nya, sama ada berupa kejadian-kejadian yang wujud di dalam kerajaan alam buana-Nya yang luas atau rahsia-rahsia yang disembunyikan manusia di bawah lipatan-lipatan hati mereka.

Kenyataan ini mempunyai nilai istimewanya di pandang dari dua sudut:

Pertama, Allah yang mengetahui segala sesuatu itulah yang telah menurunkan hukum-hukum talaq ini. Allah turunkan hukum-hukum ini berdasarkan ilmu pengetahuan-Nya Yang Maha Halus yang mengetahui segala keadaan dan suasana hidup manusia, segala kepentingan dan kesediaan-kesediaan kemampuan mereka. Kerana itu hukum-hukum itu amat wajar dipatuhi sepenuhnya oleh mereka tanpa teragak-agak kerana ia disusun oleh Allah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu.

Kedua, talaq ini sendiri adalah terserah kepada hati nurani manusia. Kesedaran mereka terhadap ilmu pengetahuan Allah yang mengetahui segala sesuatu itu merupakan jaminan bagi kepekaan hati nurani mereka untuk menghadapi persoalan talaq, kerana dalam persoalan ini tiada suatu yang lain yang berguna melainkan perasaan taqwa terhadap Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada manusia.

* * * * * *

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan satu pengumuman yang mengkagumkan manusia di samping menggerakkan hati mereka untuk mengetahui perintah-perintah-Nya. Maha Sucilah Allah Pencipta hati manusia dan Yang Maha Mengetahui segala lipatan dan liku-liku rahsia hati mereka.

SURAH AT-TAHRIM
Surah Pengharaman
Surah (66) – Madaniyah – 12 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١

1. Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

قَدۡ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمۡ تَحِلَّةَ أَيۡمَٰنِكُمۡۚ وَٱللَّهُ مَوۡلَىٰكُمۡۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ٢

2. Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarat). Dan Allah itu adalah Penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

وَإِذۡ أَسَرَّ ٱلنَّبِيُّ إِلَىٰ بَعۡضِ أَزۡوَٰجِهِۦ حَدِيثٗا فَلَمَّا نَبَّأَتۡ بِهِۦ وَأَظۡهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ عَرَّفَ بَعۡضَهُۥ وَأَعۡرَضَ عَنۢ بَعۡضٖۖ فَلَمَّا نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتۡ مَنۡ أَنۢبَأَكَ هَٰذَاۖ قَالَ نَبَّأَنِيَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡخَبِيرُ ٣

3. Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah), kemudian apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu 'Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lalu Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah), dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

إِن تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ
وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ ۖ وَالْمَلَائِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

4. **Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan 'Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan), dan jika kamu berdua berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi Pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya.**

عَسَىٰ رَبُّهُ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِّنكُنَّ مُسْلِمَاتٍ مُّؤْمِنَاتٍ قَانِتَاتٍ تَائِبَاتٍ
عَابِدَاتٍ سَائِحَاتٍ ثَيِّبَاتٍ وَأَبْكَارًا ﴿٥﴾

5. **Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah, yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاظٌ شِدَادٌ لَّا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

6. **Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu, dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis, mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَذِرُوا الْيَوْمَ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

7. **Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta ma'af pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ آمَنُوا

مَعَهُۥ ۖ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَٰنِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَٱغْفِرْ لَنَآ ۖ
إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

8. **Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha semoga Tuhan kamu menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai pada hari Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama dengannya. Cahaya keimanan mereka menerangi di hadapan dan di kanan mereka, sedangkan mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ جَٰهِدِ ٱلْكُفَّارَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱغْلُظْ عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ
ٱلْمَصِيرُ ﴿٩﴾

9. **Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bertindaklah dengan keras terhadap mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.**

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱمْرَأَتَ نُوحٍ وَٱمْرَأَتَ لُوطٍ ۖ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ
مِنْ عِبَادِنَا صَٰلِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا وَقِيلَ ٱدْخُلَا
ٱلنَّارَ مَعَ ٱلدَّٰخِلِينَ ﴿١٠﴾

10. **Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang kafir iaitu contoh isteri Nuh dan isteri Lut, kedua-duanya berada di bawah jagaan dua orang hamba dari para hamba Kami yang salih, lalu kedua-duanya mengkhianati suami mereka masing-masing, dan kedua-dua suami itu tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepada mereka dari azab Allah, malah dikatakan kepada mereka: Masuklah kamu (ke dalam Neraka) bersama-sama mereka yang masuk itu.**

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱمْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ٱبْنِ لِى عِندَكَ
بَيْتًا فِى ٱلْجَنَّةِ وَنَجِّنِى مِن فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِۦ وَنَجِّنِى مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١١﴾

11. **Dan Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang yang beriman iaitu contoh perempuan Fir'aun ketika dia berdo'a:**

Wahai Tuhanku! Binakanlah untukku sebuah rumah dalam Syurga dan selamatkanku dari Fir'aun dan perbuatan-perbuatannya dan selamatkanku dari kaum yang zalim.

وَمَرْيَمَ ٱبْنَتَ عِمْرَٰنَ ٱلَّتِىٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا وَصَدَّقَتْ
بِكَلِمَٰتِ رَبِّهَا وَكُتُبِهِۦ وَكَانَتْ مِنَ ٱلْقَٰنِتِينَ ﴿١٢﴾

12. Dan Maryam puteri 'Imran (bonda 'Isa) yang telah memelihara kehormatannya, lalu Kami tiupkan ke dalam rahimnya roh dari ciptaan Kami. Dan dia telah mengakui kebenaran kalimah-kalimah Tuhannya dan kitab-kitab-Nya dan dia adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang ta'at.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila takdir Allah menghendaki untuk menjadikan Islam sebagai agama yang terakhir dan menjadikan sistem hidup Ilahi itu sebagai sistem hidup yang kekal hingga Qiamat, dan menjadikan kehidupan orang-orang yang beriman kepada-Nya itu berlangsung mengikut undang-undang umum alam buana, dan menjadikan agama Islam ini agama yang memimpin kehidupan umat manusia yang merangkumi segala kegiatan hidup mereka di semua bidang...

Apabila takdir Allah menghendaki semua itu, maka Dia telah menjadikan agama ini dalam bentuknya yang ada sekarang ini, iaitu satu bentuk agama yang sempurna, lengkap dan sepadu yang sesuai dengan segala kemampuan-kemampuan manusia dan bakat-bakat kesediaannya dan dalam waktu yang sama Allah meningkatkan kemampuan-kemampuan dan bakat-bakat kesediaan ini ke taraf yang sesuai dengan taraf insan sebagai khalifah Allah di bumi, dan sesuai dengan taraf insan sebagai makhluk yang diutamakan Allah di atas makhluk-makhluk-Nya yang lain dan ditiupkan dalam diri mereka roh dari ciptaan-Nya.

Allah telah menjadikan tabiat agama ini ialah membawa kehidupan manusia maju ke depan iaitu maju serentak dalam segala aspeknya iaitu aspek kesuburan dan pertambahan bilangan mereka dari aspek kemajuan dan kebersihan jiwa mereka. Agama ini tidak pernah melumpuhkan sebarang tenaga pembina yang ada pada mereka dan tidak pernah menindaskan mana-mana bakat mereka yang berguna, malah ia mempergiatkan semua daya tenaga mereka dan menggerakkan segala bakat dan kesediaan mereka, dan dalam waktu yang sama ia menjaga dan mengawal imbangan di antara gerak maju ke depan dengan gerak meningkat ke taraf yang tinggi dan mulia, iaitu taraf yang menyediakan roh manusia di dunia ini supaya sesuai dengan taraf ni'mat-ni'mat di Akhirat atau menyediakan makhluk insan yang fana di bumi ini untuk kehidupan yang kekal di alam Akhirat yang abadi.

Seluruh Hidup Rasulullah Mencerminkan Ciri-ciri 'Aqidah Islamiyah

Apabila takdir Allah telah menjadikan agama Islam sedemikian rupa, maka takdir Allah juga yang memilih Rasulullah s.a.w. seorang manusia yang terjelma pada dirinya segala ciri dan hakikat agama ini. Oleh itu, peribadi Rasulullah s.a.w. dan seluruh kehidupan beliau merupakan satu salinan yang sebenar dan lengkap bagi sifat-sifat, dan tujuan-tujuan agama ini. Beliau adalah seorang manusia yang sempurna seluruh tenaga kemanusiaannya, mempunyai tubuh badan yang tegak, kuat dan sihat, mempunyai pancaindera yang sempurna dan mempunyai daya rasa yang segar. Beliau dapat merasakan dengan sempurna segala sesuatu yang dapat dirasakan melalui pancaindera. Dalam waktu yang sama beliau mempunyai perasaan atau sentimen yang amat besar, mempunyai tabiat yang cergas dan kepekaan yang sempurna, yang dapat meni'mati keindahan, dan mempunyai hati yang terbuka untuk menerima dan menyambut. Dan dalam waktu yang sama juga beliau mempunyai akal yang besar, fikiran yang luas dan kemahuan yang kuat yang dapat menguasai nafsunya. Selain dari kelebihan-kelebihan itu, beliau adalah seorang Nabi yang jiwanya memancar dengan nur yang agung dan rohnya yang mampu menjalani Isra' dan Mi'raj. Beliau seorang Nabi yang diseru dari langit, seorang Nabi yang melihat nur Tuhannya, seorang Nabi yang hakikat dirinya berhubung dengan hakikat segala sesuatu di alam buana di sebalik berbagai-bagai bentuk rupa dan fenomena-fenomena yang lahir, kerana itu anak-anak batu dan batu yang besar memberi salam kepadanya, dan batang pokok tamar rindukannya dan Bukit Uhud menggigil kerananya. Seluruh tenaga ini bekerja dengan imbangan yang sempurna dalam syakhsiyah Rasulullah s.a.w. iaitu satu perimbangan yang selaras dengan perimbangan 'aqidah di mana beliau dipilih untuk memperjuangkannya.

Kemudian Allah jadikan kehidupan peribadi Rasulullah s.a.w. dan kehidupan umumnya sebagai sebuah kitab yang terbuka kepada umatnya dan kepada manusia seluruhnya. Mereka dapat membaca dari kitab ini gambaran-gambaran agama Islam dan dapat melihat pelaksanaan-pelaksanaannya di alam kenyataan, kerana itu Allah tidak jadikan di dalam seluruh kehidupan Rasulullah s.a.w. sesuatu rahsia yang tersembunyi atau sesuatu tabir yang tertutup, malah sebahagian besar dari gerak laku kehidupannya ditayangkan di dalam al-Qur'an. Bahagian-bahagian kehidupannya yang biasanya dirahsiakan dalam kehidupan manusia biasa telah didedahkan oleh al-Qur'an sehingga kepada titik-titik kelemahan manusia yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang, malah manusia hampir-hampir dapat melihat tujuannya dari pendedahan bahagian-bahagian kehidupan Rasulullah s.a.w. kepada orang ramai itu.

Tidak ada pada diri Rasulullah s.a.w. sesuatu yang bersifat peribadi, kerana seluruh diri beliau adalah untuk da'wah belaka. Oleh itu, tidak ada ertinya sebahagian dari kehidupannya tinggal tersembunyi atau disembunyikan. Seluruh kehidupan beliau merupakan senario hakikat agama Islam yang dapat dilihat dengan mata, yang amat dekat dan boleh dilaksanakan di alam kenyataan. Kedatangan Rasulullah s.a.w. ialah untuk memaparkan hakikat agama ini pada diri dan kehidupan beliau sendiri, sebagaimana beliau

memaparkan hakikat agama ini dengan lidah dan bimbingan-bimbingannya, kerana inilah beliau diciptakan Allah dan kerana inilah beliau datang.

Semua butir-butir kehidupan Rasulullah s.a.w. hingga sekecil-kecilnya telah dihafaz dan dipelihara oleh para Sahabatnya, dan dipindahkan kepada orang-orang yang kemudian dari mereka. Tidak ada gerak laku beliau sama ada kecil atau besar sehingga gerak laku beliau dalam kehidupan biasa tiap-tiap hari yang ditinggalkan mereka tanpa dicatat dan dipindahkan kepada orang-orang yang kemudian. Ini juga sebahagian dari perencanaan Allah S.W.T. untuk merakamkan kehidupan Rasulullah s.a.w. atau merakamkan butir-butir hakikat agama ini yang dilaksanakan dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. Catatan-catatan dan rakaman-rakaman ini dilakukan di samping catatan-catatan yang dimuat oleh al-Qur'an sendiri mengenai tingkahlaku-tingkahlaku beliau yang lain untuk tatapan umat manusia kemudian sehingga Qiamat.

* * * * * *

Permulaan surah ini menayangkan satu lambaran dari kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. dan satu gambaran dari perasaan-perasaan atau emosi-emosi manusia dan reaksi-reaksi yang berlaku di antara setengah-setengah isterinya juga yang berlaku di antara mereka dengan beliau, dan seterusnya mendedahkan kesan-kesan dari ledakan emosi-emosi ini dan tindak balasnya dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. dan kehidupan kelompok Muslimin, juga kesan-kesan dalam bimbingan-bimbingan umum untuk umat Muslimin berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di rumahtangga Rasulullah s.a.w. di antara beliau dengan para isterinya.

Masa yang tepat berlakunya peristiwa-peristiwa yang diisyaratkan oleh surah ini tidaklah begitu jelas, tetapi berdasarkan riwayat-riwayat mengenainya dapatlah dipastikan bahawa peristiwa-peristiwa itu berlaku selepas Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan Zainab binti Jahsy.

Rumahtangga Rasulullah s.a.w.

Di sini eloklah kami bentangkan secara ringkas kisah isteri-isteri Rasulullah s.a.w. dan cerita kehidupan rumahtangganya untuk menolong pembaca memahami peristiwa-peristiwa itu dan memahami nas-nas al-Qur'an yang diturun mengenainya di dalam surah ini. Saringan ini kami buat berdasarkan tulisan al-Imam Ibn Hazm dalam kitabnya " جوامع السّيرة " juga berdasarkan sejarah Rasulullah s.a.w. yang ditulis oleh Ibn Hisyam.

Isteri pertama Rasulullah s.a.w. ialah Khadijah binti Khuwaylid. Beliau mengahwininya ketika beliau berusia 25 tahun atau mengikut riwayat yang lain 23 tahun, sementara Khadijah r.a. pula berusia 40 tahun atau lebih empat puluh tahun. Rasulullah s.a.w. tidak berkahwin dengan perempuan yang lain dari Khadijah r.a. sehingga dia wafat tiga tahun sebelum Hijrah dalam usia lima puluh tahun.

Selepas wafatnya Khadijah r.a., Rasulullah s.a.w. telah berkahwin dengan Saudah binti Zam'ah r.a. Tidak ada riwayat yang menceritakan bahawa dia seorang perempuan yang cantik atau muda. Dia hanya janda kepada as-Sakaran ibn 'Amr 'Abdu Syams dari angkatan pertama yang memeluk Islam dan turut berhijrah ke negeri Habsyah. Apabila suaminya meninggal dunia Rasulullah s.a.w. pun mengahwininya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan 'Aisyah r.a. Dia adalah puteri Abu Bakr as-Siddiq r.a. Ketika itu dia masih kecil dan beliau tidak berhubung kelamin dengannya melainkan selepas hijrah ke Madinah. Dia adalah satu-satunya anak dara yang dikahwini Rasulullah s.a.w. dan dia merupakan isteri yang paling disayanginya. Menurut satu cerita dia berusia sembilan tahun semasa berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. dan hidup bersama beliau selama sembilan tahun lima bulan. Beliau wafat meninggalkannya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. berkahwin pula dengan Hafsah binti 'Umar r.a. selepas Hijrah dua tahun beberapa bulan. Dia seorang janda. Beliau mengahwininya setelah bapanya menawarkannya kepada Abu Bakr dan 'Uthman r.a., tetapi tidak mendapat sambutan dari mereka berdua. Kerana itu beliau menjanjikan 'Umar dengan menantu yang lebih baik dari mereka berdua, lalu beliau pun mengahwininya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Zainab binti Khuzaymah. Suaminya yang pertama 'Ubaydah ibn Harith ibn Abdul-Muttalib telah gugur syahid dalam Peperangan Badar. Zainab telah wafat dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. Menurut satu cerita, suaminya sebelum berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. ialah Abdullah ibn Jahsy al-Asadi yang gugur syahid dalam Peperangan Uhud, dan mungkin cerita ini lebih hampir.

Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Ummu Salamah janda Abu Salamah yang telah mendapat luka-luka di dalam Peperangan Uhud dan terus menderita dengan luka-luka itu hingga dia meninggal dunia dengan sebabnya. Selepas kematiannya Rasulullah s.a.w. telah mengahwininya dan memelihara semua anak-anaknya dari suaminya Abu Salamah.

Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Zainab binti Jahsy selepas dia kahwinkannya dengan bekas hambanya dan anak angkatnya Zaid ibn al-Harithah. Tetapi kehidupan mereka tidak bahagia, lalu Zaid pun menceraikannya. Kami telah kemukakan ceritanya dalam Surah al-Ahzab juzu' yang kedua puluh satu. Dia seorang wanita yang cantik jelita. Dialah yang dirasakan oleh 'Aisyah r.a. sebagai seorang isteri Rasulullah yang menandinginya kerana hubungan keturunannya dengan Rasulullah iaitu sepupunya (anak ibu saudaranya) dan kerana kejelitaannya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Juwayriyah binti al-Harith ketua Bani al-Mustaliq, selepas berlakunya Peperangan Bani al-Mustaliq di pertengahan tahun yang keenam hijrah. Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ja'far ibn az-Zubayr dari 'Urwah ibn az-Zubayr dari 'Aisyah r.a. katanya: "Apabila Rasulullah s.a.w. membahagi-bahagikan tawanan perang Bani al-Mustaliq, maka Juwayriyah binti al-Harith telah jatuh kepada bahagian as-Thabit ibn Qays ibn as-Syamas atau sepupunya, lalu Juwayriyah sanggup bermukatabah (membayar harga dirinya untuk mendapatkan kemerdekaannya). Dia seorang wanita yang cantik manis yang dapat memikat hati siapa sahaja yang melihatnya. Dia telah datang menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta bantuan menebuskan dirinya." Ujar 'Aisyah, "Demi Allah, tiba-tiba aku lihat dia berada di pintu bilikku dan aku tidak sukakannya dan aku tahu bahawa Rasulullah s.a.w. akan memandangnya seperti aku memandangnya. Dia pun masuk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: 'Wahai Rasulullah! Saya ialah Juwayriyah binti al-Harith ibn Abu Sirar ketua kaumnya. Saya telah ditimpa bala dan anda tentulah tahu perkara ini, saya telah jatuh kepada bahagian as-Thabit ibn Qays ibn as-Syamas – atau sepupunya – lalu saya sanggup bermukatabah dengannya. Oleh itu, saya datang ke mari untuk meminta bantuan menebuskan diri saya. Sabda beliau, 'Adakah engkau suka mendapatkan sesuatu yang lebih baik dari ini lagi?' Dia bertanya, 'apa dia, wahai Rasulullah?' Jawab beliau, 'Aku akan bayarkan wang tebusan dan berkahwin denganmu?' Juwayriyah berkata, 'Ya, saya setuju, wahai Rasulullah.' Jawab beliau, 'Baiklah aku setuju.'"

Kemudian Rasulullah berkahwin pula dengan Ummu Habybah binti Abu Sufyan selepas Perjanjian Hudaybiyah. Dia seorang wanita Islam yang berhijrah ke negeri Habsyah, dan di sana suaminya Abdullah ibn Jahsy telah murtad iaitu balik semula kepada agama Kristian dan meninggalkannya, lalu Nabi s.a.w. meminangnya dan Najasyi Seri Maharaja negeri Habsyah telah membayar maskahwinnya bagi pihak beliau, dan dari sanalah dia datang ke Madinah.

Sebaik sahaja Khaybar telah dita'luk selepas Perjanjian Hudaybiyah, Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Safiyah bin Hayyi ibn Akhtab, ketua Bani an-Nadhir. Dia adalah isteri Kinanah ibn Abu al-Haqiq, salah seorang dari pemimpin kaum Yahudi juga. Di antara cerita yang disebutkan oleh Ibn Ishaq mengenai kisah perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengannya ialah bahawa Safiyah telah dibawa bersama seorang perempuan yang lain dari tawanan perang. Kemudian Bilal r.a. telah membawa kedua-duanya melalui mayat-mayat orang-orang Yahudi yang terbunuh dalam peperangan itu, dan apabila perempuan yang bernama Safiyah itu melihat mayat-mayat itu dia pun memekik-mekik dan memukul-mukul mukanya dan menaburkan tanah di atas kepalanya, lalu Rasulullah pun berkata: "Jauhkan perempuan yang dirasuk syaitan ini dariku." Dan kemudian beliau menyuruh orang menempatkan Safiyah di belakang beliau lalu beliau pun mencampakkan baju labuhnya ke atas Safiyah. Dengan itu orang-orang Islam pun tahu bahawa Rasulullah s.a.w. telah memilih Safiyah untuk dirinya. Kemudian Rasulullah

s.a.w. telah berkata kepada Bilal r.a. – menurut cerita yang sampai kepadaku – apabila beliau melihat kelakuan perempuan Yahudi yang memekik-mekik itu, "Wahai Bilal! Apakah perasaan belas kasihan telah dicabutkan dari hatimu apabila engkau tergamak membawa kedua-dua perempuan itu melalui mayat-mayat suami mereka?"

Kemudian Rasulullah s.a.w. telah berkahwin pula dengan Maimunah binti al-Harith ibn Hazn iaitu ibu saudara Khalid ibn al-Walid dan Abdullah ibn 'Abbas. Sebelum berkahwin dengan Rasulullah s.a.w., dia menjadi isteri Abu Rahm ibn 'Abdul-'Uzza, dan menurut cerita yang lain Huwaytib ibn 'Abdul-'Uzza. Maimunah merupakan isteri Rasulullah s.a.w. yang paling akhir.

Demikianlah anda dapat lihat bahawa setiap isteri Rasulullah s.a.w. itu mempunyai kisah dan sebab masing-masing yang mendorong beliau berkahwin dengan mereka. Semua isteri beliau kecuali Zainab binti Jahsy dan Juwayriyah bin al-Harith sahaja terdiri dari wanita-wanita muda atau wanita-wanita jelita yang digemari lelaki. Sedangkan 'Aisyah pula merupakan isteri yang paling disayangi beliau. Hinggakan dua orang isteri beliau yang cantik dan muda itu pun bukannya itu sahaja yang menjadikan faktor perkahwinan itu, malah di sana ada lagi faktor yang lain, iaitu faktor kejiwaan dan faktor kemanusiaan. Kita tidak perlu sama sekali menafikan adanya unsur daya penarik dalam perkahwinan itu sebagaimana yang diperhatikan oleh 'Aisyah pada Juwayriyah dan adanya unsur kejelitaan pada isterinya Zainab. Kita sama sekali tidak perlu menafikan unsur-unsur kemanusiaan seperti ini dari kehidupan Rasulullah s.a.w. kerana unsur-unsur seperti ini bukannya menjadi asas tuduhan yang dipertahankan oleh kaum Ansar terhadap Nabi mereka apabila musuh-musuh beliau cuba melemparkan tuduhan-tuduhan kepada beliau. Rasulullah s.a.w. telah dipilih menjadi seorang manusia, tetapi seorang manusia yang luhur. Demikianlah sifat beliau dan demikianlah juga sifat dorongan-dorongan beliau di dalam kehidupannya dan dorongan-dorongan beliau terhadap isteri-isterinya mengikut berbagai-bagai tujuan dan faktor.

Rasulullah s.a.w. hidup di rumahtangganya bersama isterinya selaku seorang manusia biasa yang menjadi Rasul sebagaimana beliau dijadikan Allah begitu dan sebagaimana beliau diperintahkan Allah supaya berkata:

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

93. **"Katakanlah (wahai Muhammad!) Maha Sucilah Tuhanku tidaklah aku ini melainkan hanya seorang manusia biasa yang menjadi Rasul!"**

(Surah al-Isra')

Rasulullah s.a.w. telah hidup dengan penuh kebahagiaan dengan para isterinya, dan beliau telah memberi kebahagiaan kepada mereka sebagaimana diterangkan oleh 'Aisyah r.a. dengan katanya, "Adalah beliau apabila bersunyi dengan isterinya, seorang

yang amat lemah-lembut dan amat mulia budi pekertinya, sentiasa ketawa dan tersenyum [1]". Tetapi beliau berbahagia dan memberi kebahagiaan kepada mereka hanya dari peribadinya sendiri, dari limpah kebaikan hatinya, dari keluruhan budi pekertinya dan dari kebaikan layanan dan pergaulan sahaja. Adapun kehidupan mereka dari segi kebendaan, kebaikannya adalah sekadar cukup untuk hidup sahaja walaupun setelah orang-orang Islam dapat meni'mati kesenangan hidup dengan harta-harta rampasan perang dan harta-harta rampasan bukan perang (fi'i). Di dalam Surah al-Ahzab telah pun dibentangkan kisah para isteri Rasulullah s.a.w. yang menuntut nafkah yang lumayan dari beliau dan bagaimana permintaan itu telah menimbulkan krisis yang akhirnya Rasulullah s.a.w. memberi pilihan kepada mereka sama ada hendak memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat atau memilih kesenangan hidup dan berpisah dengan beliau. Mereka semua memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. [2]

Tetapi kehidupan dalam suasana nubuwah di rumahtangga Rasulullah s.a.w. itu tidaklah bererti terhapusnya perasaan-perasaan dan keinginan-keinginan biasa manusia pada jiwa para isterinya, malah pertelingkahan-pertelingkahan biasa telah berlaku di antara mereka iaitu pertelingkahan-pertelingkahan yang semestinya berlaku di antara perempuan-perempuan yang bermadu yang hidup dalam keadaan seperti ini. Tadi telah dibentangkan dalam cerita yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq mengenai 'Aisyah r.a. yang membayangkan bahawa dia bencikan Juwayriyah sebaik sahaja dia melihatnya kerana dia menduga bahawa Rasulullah s.a.w. akan tertarik kepada kemanisannya apabila beliau melihatnya dan apa yang didugakannya itu telah berlaku. Begitu juga 'Aisyah telah menceritakan hal pertelingkahannya dengan Safiyah katanya: "Aku berkata kepada Nabi s.a.w.: Cukuplah kepada anda dengan Safiyah yang macam itu!" Kata rawi: "Dia ('Aisyah) maksudkan dengan sindiran itu ialah Safiyah itu pendek orangnya." Lalu Nabi s.a.w. berkata kepadanya: "Anda telah mengeluarkan satu perkataan yang andainya perkataan itu dicampurkan dengan air lautan nescaya ia akan mengubahkannya." [3] Seterusnya 'Aisyah r.a. juga telah menceritakan hal dirinya apabila turun kepada Nabi s.a.w. ayat-ayat Surah al-Ahzab yang mengemukakan pilihan kepada para isteri beliau bahawa dia telah memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat dan dia meminta kepada Rasulullah s.a.w. supaya jangan menceritakan pilihan itu kepada isteri-isterinya yang lain. Tujuan permintaannya ini amat jelas. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya Allah tidak membangkitkan aku untuk menyusahkan manusia, tetapi Allah telah membangkitkan aku untuk menjadi guru yang memberi kemudahan kepada mereka. Tiada seorang pun dari mereka (isteri-isteri beliau) yang menanyakan tentang pilihan anda, melainkan aku akan ceritakan pilihan anda kepadanya." [4]

---

(1) *Diriwayatkan oleh as-Sayuti di dalam " الجامع الصّغير " dari Ibn Sa'ad dan Ibn 'Asakir dari 'Aisyah.*

(2) *Lihat Juzu' kedua puluh dua.*

(3) *Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud.*

(4) *Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim.*

Peristiwa-peristiwa yang diceritakan oleh 'Aisyah r.a. mengenai dirinya itu adalah didorong oleh sifatnya yang bercakap benar dan oleh didikan Islamiyah yang cemerlang yang telah diterima olehnya. Peritiwa-peristiwa itu tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan contoh-contoh dari peristiwa-peristiwa yang seumpamanya yang menggambarkan suasana-suasana biasa hidup manusia yang pasti berlaku di dalam kehidupan yang seperti ini, juga menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. telah menunaikan tugas mendidik dan meningkatkan jiwa manusia di rumahtangganya sebagaimana beliau menunaikan tugas itu di kalangan umatnya.

* * * * * *

Peristiwa Pakatan Rahsia Hafsah - 'Aisyah Dan Implikasinya Yang Serius

Peristiwa yang menyebabkan turunnya permulaan ayat surah ini merupakan salah satu contoh peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para isterinya. Beberapa riwayat mengenai peristiwa itu telah diceritakan dan kami akan bentangkannya apabila nas-nas surah ini dibicarakan.

Sesuai dengan peristiwa ini dan dengan arahan-arahan yang dikemukakan dalam peristiwa ini terutama arahan yang menyeru dua orang isteri Rasulullah s.a.w. yang membuat pakatan rahsia terhadap beliau itu supaya bertaubat, al-Qur'an iringkan pula dengan seruan kepada orang ramai Islam supaya bertaubat dan supaya kepala-kepala keluarga yang menjadi penguasa-penguasa rumahtangga itu berusaha mendidik keluarga mereka dan memelihara diri mereka serta keluarga mereka dari api Neraka, di samping menayangkan pemandangan orang-orang kafir yang masuk ke dalam Neraka itu.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan pembicaraan mengenai isteri Nabi Nuh a.s. dan isteri Nabi Lut a.s. sebagai contoh manusia kafir yang berteduh di bawah bumbung orang yang beriman, juga mengenai isteri Fir'aun sebagai contoh manusia yang beriman yang berteduh di bawah bumbung orang yang kafir, dan seterusnya mengenai Maryam binti 'Imran yang telah mengawal kesucian dirinya dan menerima tiupan roh dari ciptaan Allah dan mengakui kebenaran kalimat-kalimat Tuhannya dan kitab-kitab suci-Nya dan dia tergolong dalam golongan manusia yang ta'at.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١

1. **"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

قَدۡ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمۡ تَحِلَّةَ أَيۡمَٰنِكُمۡۚ وَٱللَّهُ مَوۡلَىٰكُمۡۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ٢

2. **"Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarah). Dan Allah itu adalah Penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."**

وَإِذْ أَسَرَّ ٱلنَّبِىُّ إِلَىٰ بَعْضِ أَزْوَٰجِهِۦ حَدِيثًا فَلَمَّا نَبَّأَتْ بِهِۦ وَأَظْهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيْهِ عَرَّفَ بَعْضَهُۥ
وَأَعْرَضَ عَنۢ بَعْضٍ ۖ فَلَمَّا نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتْ مَنْ أَنۢبَأَكَ هَٰذَا ۖ قَالَ نَبَّأَنِىَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٣﴾

3. **"Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah), kemudian apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu 'Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lalu Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah) dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar."**

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ
وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

4. **"Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan 'Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan), dan jika kamu berdua berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya."**

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُۥٓ أَزْوَٰجًا خَيْرًا مِّنكُنَّ مُسْلِمَٰتٍ مُّؤْمِنَٰتٍ قَٰنِتَٰتٍ تَٰٓئِبَٰتٍ
عَٰبِدَٰتٍ سَٰٓئِحَٰتٍ ثَيِّبَٰتٍ وَأَبْكَارًا ﴿٥﴾

5. **"Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah, yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti."**

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab nuzul ayat-ayat ini, di antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari mengenai ayat ini katanya: Kami telah diceritakan oleh Ibrahim ibn Musa, kami telah dikhabarkan oleh Hisyam ibn Yusuf dari ibn Jurayj dari 'Ata' dari 'Abid ibn 'Amir dari 'Aisyah katanya: Biasanya Nabi s.a.w. minum madu di rumah Zainab binti Jahsy dan duduk sebentar di sisinya. Lalu aku pun berpakat

dengan Hafsah iaitu apabila beliau masuk kepada siapa sahaja dari kami berdua hendaklah dia katakan kepada beliau, Anda makan mughafirkah?[1] Saya dapati bau mughafir dari anda. Jawab beliau: "Tidak. Aku hanya minum madu di rumah Zainab. Baiklah aku tidak akan minum lagi, aku telah bersumpah, tetapi jangan beritahu sesiapa." Inilah minuman yang diharamkan ke atas dirinya sedangkan minuman itu halal kepadanya. Lalu turun firman Allah:

1. **"Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu?"**

Dan ternyata bahawa isteri yang dirahsiakan percakapan tadi oleh Rasulullah s.a.w. dan menyuruhnya supaya jangan membocorkannya kepada isteri-isteri yang lain itu rupa-rupanya telah menceritakan rahsia itu kepada isteri beliau yang satu lagi yang telah berpakat dengannya. Lalu Allah memberitahu Rasulullah s.a.w. tentang kebocoran rahsia itu. Beliau pun mendapatkan isteri itu dan menegurnya serta menyebut sebahagian percakapan yang berlangsung di antara dia dengan madunya yang satu lagi itu tanpa menjelaskan segala-galanya sesuai dengan budi bahasanya yang tinggi. Beliau hanya menyebut perkara kebocoran itu secara ringkas sahaja supaya isteri itu tahu bahawa beliau tahu. Ini pun sudah cukup. Isteri itu tercengang kehairanan, lalu menanya beliau, "Siapakah yang memberitahu hal ini kepada anda?" Mungkin terlintas di dalam hatinya bahawa madunya yang satu lagi itulah yang telah menceritakan hal ini kepada Rasulullah s.a.w., tetapi beliau telah menjawab:

3. **"Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar."**

Yakni berita kebocoran itu adalah datang dari sumber yang mengetahui segala sesuatu. Tujuan kenyataan ini ialah Rasulullah s.a.w. mengetahui segala percakapan yang berlaku di antara dia dan madunya yang satu lagi, bukan hanya mengetahui sekadar bahagian yang dicakap beliau kepadanya sahaja.

Akibat peristiwa yang telah mendedahkan pakatan sulit di rumah Rasulullah s.a.w. itu menyebabkan beliau marah dan bersumpah tidak akan menghampiri para isterinya selama sebulan, dan beliau telah berazam hendak menceraikan mereka, dan berita ini telah didengar oleh orang ramai Islam. Kemudian turun ayat-ayat ini dan kemarahan Rasulullah s.a.w. kembali reda, lalu beliau pulang kembali kepada isterinya

---

(1) Sejenis getah yang manis rasanya tetapi busuk baunya.

selepas perincian yang kami akan bentangkan setelah dikemukakan satu riwayat yang lain mengenai peristiwa ini.

Riwayat yang lain ini telah dikeluarkan oleh an-Nasai' dari hadith Anas yang menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai seorang hamba yang disetubuhinya. Hal ini terus diungkit-ungkit oleh 'Aisyah dan Hafsah sehingga beliau mengharamkan hamba itu kepada dirinya lalu turunlah ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَۚ

1. **"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu?"**

Menurut riwayat Ibn Jarir dan Ibn Ishaq, Rasulullah s.a.w. telah mengadakan hubungan kelamin dengan Mariah ibu anaknya Ibrahim di rumah Hafsah dan ini menyebabkan Hafsah marah dan menganggapkan perbuatan itu sesuatu penghinaan terhadap dirinya, lalu Nabi s.a.w. telah berjanji dengan Hafsah bahawa beliau akan mengharamkan Mariah kepada dirinya dan beliau bersumpah untuk berbuat demikian. Dan beliau menyuruh Hafsah menyembunyikan rahsia ini, tetapi Hafsah telah menceritakan hal ini kepada 'Aisyah. Inilah yang dimaksudkan dengan "percakapan" yang disebutkan di dalam surah ini.

Kedua-dua riwayat ini mungkin berlaku, tetapi riwayat yang kedua adalah lebih hampir dengan suasana ayat-ayat surah ini dan lebih hampir kepada akibat peristiwa yang telah menimbulkan kemarahan Rasulullah s.a.w. sehingga hampir membawa kepada menceraikan isteri-isterinya memandangkan perkara itu amat sensitif. Namun demikian, riwayat yang pertama lebih kukuh dari segi sanad dan ia juga mungkin berlaku dan mungkin menimbulkan kesan-kesan yang telah disebutkan itu jika kita memandang kepada taraf rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang mana peristiwa seperti itu dapat dianggap sebagai suatu perkara yang besar. Allah sahajalah yang mengetahui manakah satu yang benar dan tepat di antara dua riwayat itu.

Kesan peristiwa Rasulullah s.a.w. bersumpah untuk tidak menghampiri para isterinya, telah digambarkan oleh sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dalam musnadnya dari Ibn 'Abbas r.a. Hadith ini juga melukiskan sebahagian dari gambaran masyarakat Islam di masa itu katanya: Kami telah diceritakan oleh Abdur Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari az-Zuhri dari 'Ubaydillah ibn Abdullah ibn Abu Thaur dari 'Abbas katanya: Aku sentiasa berhasrat untuk bertanya 'Umar tentang siapakah dua orang isteri Rasulullah s.a.w. yang dibicarakan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدۡ صَغَتۡ قُلُوبُكُمَاۖ

4. "Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan 'Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan)"

sehingga sampai pada masa 'Umar keluar untuk mengerjakan Haji dan aku pun turut keluar untuk mengerjakan fardhu Haji bersamanya. Bila sampai di setengah jalan 'Umar berpusing ke arah yang lain dan aku pun turut berpusing bersamanya membawa bekas air yang diperbuat dari kulit. Dia pergi membuang air, kemudian dia datang kepadaku dan aku pun menuang air ke dalam kedua tangannya, lalu dia mengambil wudhu'. Aku pun bertanya: Wahai Amirul-Mu'minin! Siapakah dua orang perempuan dari isteri Rasulullah s.a.w. yang dibicarakan Allah S.W.T. di dalam firman-Nya:

إِن تَتُوبَا إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا

Jawab 'Umar:

واعجبالك يا ابن عباس

"Awak ini sungguh aneh, wahai Ibn Abbas!"

(Ujar az-Zuhri: Demi Allah, 'Umar tidak suka dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ibn 'Abbas itu tetapi dia tidak menyembunyikannya). Lalu dia berkata: "Itulah 'Aisyah dan Hafsah." Kata Ibn 'Abbas kemudian 'Umar bercerita dengan katanya: "Kita orang-orang Quraysy adalah satu kaum yang menguasai kaum perempuan dan apabila kita datang ke Madinah kita dapati satu kaum yang dikuasai oleh kaum perempuan. Dan di sinilah perempuan-perempuan kita mulai belajar dari perempuan-perempuan mereka." Katanya lagi: "Rumahku terletak di kampung Umayyah ibn Zayd di al-'Awali." Katanya: "Pada suatu hari aku marahkan isteriku, tiba-tiba dia bersoaljawab denganku. Lalu aku kecamkan perbuatannya yang bersoaljawab denganku itu. Lalu dia berkata: Mengapa anda marahkan saya bersoaljawab dengan anda? Demi Allah, isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sendiri bersoaljawab dengan beliau dan salah seorang dari mereka tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam." Katanya lagi: Aku pun keluar mendapatkan Hafsah dan bertanya, "Adakah engkau bersoaljawab dengan Rasulullah s.a.w. dan tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam?" Jawab Hasfah, "Ya" Aku pun berkata kepadanya, "Sesungguhnya kecewa dan rugilah sesiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu. Adakah seorang dari kamu merasa aman dari dimurkai Allah kerana kemurkaan Rasul-Nya, kemudian tiba-tiba dia binasa? Janganlah engkau bersoaljawab dengan Rasulullah s.a.w. dan janganlah engkau minta apa-apa darinya, bahkan mintalah dari hartaku apa sahaja yang engkau suka. Janganlah engkau terpedaya jika jiran engkau itu lebih cantik dan lebih disayangi Rasulullah s.a.w dari engkau. (Dia maksudkan Siti 'Aisyah). Katanya lagi: Aku ada seorang jiran dari orang Ansar dan kami bergilir-gilir turun menemui Rasulullah s.a.w. Dia turun sehari kemudian aku turun sehari. Dia balik membawa berita wahyu dan lain-lain dan aku pun balik

membawa berita yang sama. Katanya lagi: Pada masa itu kami sedang bercakap-cakap bahawa orang-orang Ghassan sedang memasang kasut pada kaki-kaki kuda mereka untuk menyerang kami. Pada suatu hari sahabatku itu turun menemui Rasulullah s.a.w., kemudian dia pulang waktu 'Isya' dan mengetuk-ngetuk pintu rumahku dan memanggilku, lalu aku pun keluar mendapatkannya. Dia pun berkata,"Satu perkara yang besar telah berlaku". Aku terus menyampuk, "Ada apa? Adakah orang-orang Ghassan telah datang menyerang?" Jawabnya, "Tidak. Malah perkara itu lebih besar dan lebih panjang ceritanya dari serangan orang-orang Ghassan, iaitu Rasulullah s.a.w. telah menceraikan isteri-isterinya." Lalu aku pun berkata, "Kecewa dan rugilah Hafsah." Aku telah menduga perkara ini akan berlaku. Selepas sembahyang Subuh aku pun mengenakan pakaianku dan turun untuk menemui Rasulullah s.a.w., aku masuk menemui Hafsah yang menangis dan bertanya, "Adakah Rasulullah s.a.w. telah menceraikan engkau?" Jawab Hafsah, "Anakanda tidak tahu. Beliau sekarang sedang bersendirian di dalam bilik ini." Lalu aku pun pergi mendapatkan seorang budak hitam dan berkata kepadanya, "Pergilah engkau minta izin untuk 'Umar." Budak itu pun masuk ke dalam bilik itu, kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam sahaja." Aku pun pergi dari situ menuju ke mimbar masjid. Tiba-tiba di sana ada sekumpulan orang sedang duduk dan setengah-setengahnya menangis. Aku pun duduk dekat mimbar itu sebentar kemudian perkara yang merungsingkanku itu menguasai hatiku lagi, lalu aku pun pergi mendapatkan budak itu dan berkata, "Pergilah engkau minta izin untuk 'Umar." Dia pun masuk kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam juga." Lalu aku pun keluar dan duduk dekat mimbar. Kemudian perkara yang merungsingkanku itu menguasai hatiku lagi, lalu aku pun pergi mendapatkan budak itu dan berkata, "Pergilah engkau minta izin untuk Umar." Dia pun masuk kemudian keluar mendapatkanku dan berkata, "Hamba telah sebutkan maksud anda kepada beliau, tetapi beliau diam juga." Aku pun berpaling meninggalkan tempat itu. Tiba-tiba budak itu memanggilku dan berkata, "Silalah masuk. Beliau telah memberi keizinan kepada anda." Aku pun masuk dan memberi salam kepada Rasulullah s.a.w. Beliau sedang bersandar di atas tikar anyaman dan bekas-bekas jalur tikar itu kelihatan dilambungnya. Aku pun bertanya, "Adakah benar anda telah menceraikan isteri-isteri anda, wahai Rasulullah?" Beliau pun mengangkatkan kepalanya kepadaku dan berkata, "Tidak." Aku pun berkata, "Allahu akbar! Jika anda melihat keadaan kita, wahai Rasulullah, (tentulah tidak menghairankan) kerana kita orang-orang Quraysy adalah satu kaum yang menguasai kaum perempuan, dan apabila kita datang ke Madinah kita dapati satu kaum yang dikuasai kaum perempuan dan di sinilah perempuan-perempuan kita mulai belajar dari perempuan-perempuan mereka. Pada suatu hari hamba marahkan isteri hamba tiba-tiba dia bersoaljawab dengan hamba, lalu hamba kecamkan perbuatannya yang bersoaljawab dengan hamba itu, lalu dia berkata: Mengapa anda marahkan saya bersoaljawab dengan anda? Demi Allah, isteri-isteri Rasulullah sendiri bersoaljawab dengan beliau dan salah seorang dari mereka tidak bertegur sapa dengannya dari hari siang hingga ke malam. Lalu hamba berkata: Sesungguhnya

kecewalah dan rugilah sesiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu. Adakah seseorang dari kamu merasa aman dari dimurkai Allah kerana kemurkaan Rasul-Nya, kemudian tiba-tiba dia binasa?" Rasulullah s.a.w. pun tersenyum dan aku terus berkata, "Hamba telah masuk menemui Hafsah dan hamba katakan kepadanya: Janganlah engkau terpedaya jika jiran engkau itu lebih cantik dan lebih disayangi Rasulullah s.a.w. dari engkau." Beliau sekali lagi tersenyum, lalu aku pun berkata, "Hamba pohon izin duduk, wahai Rasulullah." Jawab beliau, "Baiklah." Aku pun angkat kepalaku melihat ke dalam rumah, dan demi Allah, aku tidak nampak di dalam rumah itu sesuatu apa pun yang menarik pandangan melainkan hanya kehebatan, martabat beliau sahaja. Kemudian aku berkata, "Berdo'alah kepada Allah, wahai Rasulullah, supaya Dia mengurniakan rezeki yang luas kepada umat anda, kerana sesungguhnya Allah telah mengurniakan rezeki yang luas kepada orang-orang Parsi dan orang-orang Rom sedangkan mereka tidak menyembah Allah." Lalu beliau pun membetulkan duduknya seraya berkata, "Apakah engkau masih ragu-ragu lagi, wahai anak al-Khattab? Mereka adalah umat manusia yang disegerakan ni'mat-ni'mat kesenangan dalam kehidupan dunia ini". Aku pun berkata, "Pohonlah keampunan kepadaku, wahai Rasulullah." Rasulullah s.a.w. ketika itu telah bersumpah tidak akan menghampiri isterinya selama sebulan kerana terlalu marah kepada mereka sehingga beliau ditegur oleh Allah 'Azzawajalla. (Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari beberapa saluran dari az-Zuhri dengan nas ini).

* * * * * *

Inilah cerita peristiwa itu. Sekarang marilah kita tinjau ayat-ayat al-Qur'an yang indah itu.

Surah ini dimulakan dengan satu teguran dari Allah terhadap Rasulullah s.a.w.:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاتَ أَزْوَٰجِكَ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١﴾

1. **"Wahai Nabi! Mengapakah engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah untukmu kerana hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

قَدْ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمْ تَحِلَّةَ أَيْمَٰنِكُمْ وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

2. **Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu membebaskan diri dari sumpah-sumpah kamu (dengan membayar kifarat). Dan Allah itu adalah penaung kamu dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.**

Ini adalah satu teguran yang mengharukan, kerana memanglah seseorang yang beriman itu tidak harus mengharamkan keni'matan yang telah dihalalkan Allah. Rasulullah s.a.w. bukanlah mengharamkan minuman madu atau Mariah itu dengan erti

kata pengharaman syari'i, malah beliau hanya mengambil keputusan hendak menahankan dirinya dari meni'matinya sahaja. Lalu datanglah teguran ini menyarankan bahawa apa sahaja yang telah dihalalkan Allah, maka tidak harus bagi seseorang menahankan diri dari meni'matinya dengan sengaja kerana semata-mata hendak mengambil hati seseorang yang lain. Ulasan al-Qur'an **"dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih"** menyarankan bahawa pengharaman yang seperti itu menjadi satu kesalahan yang harus diperbetulkan dengan keampunan dan rahmat belas kasihan dari Allah. Ini adalah satu saranan yang amat halus.

Adapun perbuatan bersumpah yang diterangkan oleh ayat ini bahawa Rasulullah s.a.w. telah melakukannya, maka Allah telah memfardhukan supaya beliau membebaskan dirinya dengan membayar kifarat yang menghalalkannya. Selama sumpah itu dilakukan dalam perkara yang bukan kebajikan, maka menghindarkan diri dari sumpah seperti itu adalah lebih utama.

وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ

2. **"Dan Allah itu Penaung kamu."**

Dia sentiasa menolong kamu mengatasi kelemahan-kelemahan kamu dan kesulitan-kesulitan yang menyusahkan kamu, dan kerana itu Allah memfardhukan bayaran kifarah untuk membebaskan diri kamu dari sumpah itu supaya terselamat dari kesusahan dan kesukaran itu.

وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

2. **"Dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."**

Allah mengaturkan peraturan-peraturan syari'at-Nya untuk kamu dengan ilmu pengetahuan-Nya yang mendalam dan dengan kebijaksanaan-Nya yang tinggi, dan Dia menyampaikan suruhan-suruhan yang sesuai dengan kemampuan kamu dan sesuai dengan maslahah kamu. Oleh itu, janganlah kamu mengharamkan melainkan sesuatu yang telah diharamkan-Nya, dan janganlah kamu menghalalkan melainkan sesuatu yang telah dihalalkan-Nya. Peringatan ini adalah sesuai dengan arahan yang disebutkan sebelumnya.

Kemudian al-Qur'an menyebut "percakapan" tanpa menyebut maudhu'nya dan perinciannya, kerana maudhu'nya tidak penting dan tidak pula merupakan satu unsur yang kekal dari percakapan itu kerana unsur yang kekal ialah tujuannya dan implikasi-implikasinya:

وَإِذْ أَسَرَّ ٱلنَّبِىُّ إِلَىٰ بَعْضِ أَزْوَٰجِهِۦ حَدِيثًا

3. **"Dan kenangilah ketika Nabi merahsiakan suatu percakapan kepada salah seorang dari isteri-isterinya (iaitu Hafsah)."**

Dari ayat ini kita dapat melihat satu contoh dari satu zaman yang mengkagumkan di dalam sejarah manusia, iaitu satu zaman di mana manusia hidup berhubung secara langsung dengan Allah dan di mana Allah mencampuri urusan hidup mereka secara terus terang dan terperinci. Dan dari ayat ini juga kita dapat mengetahui bahawa Allah telah memberitahu kepada Rasul-Nya apa yang telah dibocorkan di antara dua isterinya mengenai percakapan yang telah dirahsiakannya kepada salah seorang dari isteri-isterinya itu, dan beliau telah menegur isteri yang telah membocorkannya itu dengan hanya menyebut sebahagian yang kecil darinya sahaja, kerana segan memanjang-manjangkannya, dan menyatakan kepadanya bahawa dia mendapat tahu hal kebocoran itu dari sumber Yang Maha Mengetahui:

فَلَمَّا نَبَّأَتْ بِهِۦ وَأَظْهَرَهُ ٱللَّهُ عَلَيْهِ عَرَّفَ بَعْضَهُۥ وَأَعْرَضَ عَنۢ بَعْضٍ ۖ فَلَمَّا نَبَّأَهَا بِهِۦ قَالَتْ مَنْ
أَنۢبَأَكَ هَٰذَا ۖ قَالَ نَبَّأَنِىَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٣﴾

3. **"Apabila isteri itu menceritakan rahsia itu kepada isterinya yang lain (iaitu 'Aisyah), maka Allah telah menyatakan kebocoran rahsia itu kepada Nabi, lalu Nabi pun menerangkan kepadanya (Hafsah) sebahagian dari rahsia yang telah dibocorkannya itu dan tidak menerangkan sebahagian yang lain. Apabila Nabi menceritakan hal itu kepadanya (Hafsah), dia pun bertanya: Siapakah yang telah menceritakan hal ini kepada anda? Jawab Nabi: Aku telah diberitakan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar."**

Menyebut sifat Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar itu adalah memberi kesan yang mendalam dalam suasana peristiwa ini di mana pakatan-pakatan sulit sedang diatur di belakang tabir. Sebutan sifat itu menyedarkan isteri yang bertanya itu kepada hakikat yang mungkin dilupainya, dan seterusnya menyedarkan hati para Mu'minin seluruhnya setiap kali mereka membaca al-Qur'an.

Kemudian ungkapan al-Qur'an berubah dari menceritakan kisah peristiwa itu kepada menghadapkan firman Allah kepada dua orang isteri yang terlibat itu seolah-olah perkara itu sedang berlaku di depan mata:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ
وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

4. "Jika kamu berdua (wahai Hafsah dan 'Aisyah) bertaubat kepada Allah, (maka itulah yang sewajarnya kepada kamu) kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah menyeleweng (dari keikhlasan) dan jika kamu berdua berpakat untuk menyusahkan Nabi, maka Allahlah yang menjadi Pelindungnya, juga Jibril dan orang-orang Mu'min yang salih, dan selain dari itu para malaikat sekalian juga turut menjadi penolongnya."

Apabila kita lewati permulaan ayat ini yang mengandungi seruan Allah kepada keduanya (Hafsah dan 'Aisyah) supaya bertaubat agar hati mereka kembali ke pangkal jalan dan menjurus kepada Allah setelah terjauh dari-Nya dengan sebab perbuatan yang dilakukan mereka, kita akan berdepan dengan satu amaran yang menakutkan. Dan dari amaran yang besar ini dapatlah kita menyedari betapa mendalamnya kesan peristiwa itu kepada hati Rasulullah s.a.w. hingga al-Qur'an terpaksa mengumumkan bahawa Allah, Jibril, orang-orang Mu'min yang salih dan para malaikat sekaliannya akan turut membantu beliau untuk membaiki hati beliau yang telah tersinggung itu dan supaya beliau kembali tenang dan tenteram dari peristiwa yang amat menyentuhkan hatinya itu.

Tentulah kedudukan peristiwa itu pada tanggapan Rasulullah s.a.w. dan dalam skop hidupnya begitu besar dan mendalam kesannya hingga kepada batas yang secucuk dengan amaran ini. Kita mungkin dapat memahami hakikat peristiwa itu dari ayat ini dan dari kenyataan sahabat 'Umar r.a. apabila 'Umar bertanya kepadanya, "Adakah orang-orang Ghassan datang menyerang?" Jawabnya, "Tidak. Malah perkara itu lebih besar dan lebih panjang ceritanya dari serangan orang-orang Ghassan." Ghassan ialah sebuah kerajaan Arab yang berikat dengan kerajaan Rom di Syam di pinggir Semenanjung Tanah Arab dan tentulah serangannya merupakan satu perkara yang besar, tetapi pada hemat orang-orang Islam masalah rumahtangga Rasulullah s.a.w. adalah lebih penting lagi. Mereka memandang ketenteraman hati Rasulullah dan rumahtangganya lebih penting dari segala perkara yang lain. Kekacauan dan kegelisahan hati dan rumahtangga beliau adalah lebih bahaya kepada kelompok Muslimin dari serangan kerajaan Ghassan yang menjadi agen kerajaan Rom itu. Dan penilaian mereka telah bertemu pula dengan penilaian Allah. Ini menjadikan penilaian itu satu penilaian yang betul dan mendalam.

Begitu juga makna ayat yang berikut, yang menjelaskan sifat-sifat perempuan yang mungkin dijadikan Allah sebagai isteri-isteri ganti untuk menggantikan mereka apabila Rasulullah s.a.w. menceraikan mereka, merupakan suatu amaran yang menunjukkan betapa besarnya persoalan ini:

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُۥٓ أَزْوَٰجًا خَيْرًا مِّنكُنَّ مُسْلِمَٰتٍ مُّؤْمِنَٰتٍ قَٰنِتَٰتٍ تَٰٓئِبَٰتٍ
عَٰبِدَٰتٍ سَٰٓئِحَٰتٍ ثَيِّبَٰتٍ وَأَبْكَارًا ﴿٥﴾

5. "Andainya Nabi menceraikan kamu mungkin Tuhannya akan menggantikan kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu

iaitu isteri-isteri yang patuh, beriman, ta'at, sentiasa bertaubat, kuat beribadat dan menjelajah memikirkan kejadian-kejadian Allah yang terdiri dari janda-janda dan dara-dara sunti.

Itulah sifat-sifat yang diserukan Allah secara saranan dan sindiran supaya mereka bersifat dengan sifat-sifat tersebut.

Sifat " مسلمات " dibuktikan dengan sifat-sifat patuh dan ta'at kepada perintah-perintah agama. Sifat " مؤمنات " dibuktikan dengan keimanan yang penuh di dalam hati dan dari keimanan inilah lahirnya sifat keislaman yang patuh. Sifat " قانتات " ialah sifat hati yang ta'at. Sifat " تائبات " ialah sifat menyesal di atas perbuatan maksiat yang telah dilakukan dan balik semula ke jalan ta'at. Sifat " عابدات " ialah sifat menggunakan ibadat sebagai alat untuk berhubung dengan Allah dan menzahirkan 'Ubudiyah kepada-Nya. Sifat " سائحات " ialah sifat suka merenung, memperhati, meneliti dan berfikir pada penciptaan Allah yang indah dan menjelajah dengan hati di dalam kerajaan Allah. Di samping sifat-sifat ini mereka juga terdiri dari janda-janda dan dara-dara sebagaimana isteri-isteri beliau yang ada sekarang terdiri dari janda-janda dan dara-dara.

Semuanya ini merupakan amaran yang pasti dihadapkan kepada mereka memandangkan kesan-kesan buruk perbuatan mereka dalam hati Rasulullah s.a.w. kerana beliau tidak sekali-kali marah terhadap perkara-perkara yang kecil.

Hati Nabi s.a.w. telah tenteram dan redha kembali setelah turunnya ayat-ayat ini yang menghadapkan terus firman Allah kepada beliau dan isteri beliau. Kini rumahtangga beliau yang mulia telah kembali tenang setelah dilanda kegoncangan. Ketenteraman telah pulih kembali dengan bimbingan dan arahan Allah S.W.T. Ini merupakan satu penghormatan kepada rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang sesuai dengan peranannya untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini.

Di samping itu, peristiwa ini merupakan satu gambaran kehidupan rumahtangga seorang tokoh besar yang bertugas untuk membentuk satu umat dan menegakkan satu negara yang tidak ada tolok bandingnya di zaman yang lampau, iaitu satu umat yang bertugas memikul amanah agama Allah dalam bentuknya yang terakhir dan menegakkan sebuah masyarakat Rabbani di alam kenyataan yang dapat dicontohi oleh umat manusia.

Ia merupakan satu gambaran kehidupan seorang manusia yang mulia, luhur dan agung yang hidup dengan sifat-sifat manusia biasa dan dalam waktu yang sama melaksanakan tugas-tugas sebagai seorang Nabi. Kedua-dua sifat itu tidak pernah terpisah satu sama lain, kerana takdir Allah telah menghendaki supaya beliau menjadi seorang manusia yang bersifat Rasul untuk membawa agama-Nya yang terakhir atau sistem hidup yang akhir kepada umat manusia.

Itulah agama yang sempurna yang dibawa oleh Rasul yang sempurna, dan di antara sifat kesempurnaan agama ini ialah manusia yang mengamalkannya tetap menjadi seorang manusia juga. Ia tidak menindas sebarang daya tenaga yang membina yang ada pada seorang manusia. Ia tidak melumpuhkan mana-mana bakat kesediaan manusia yang berguna, dan dalam waktu yang sama ia mendidik dan mengasuh manusia supaya meningkat ke martabat-martabat yang tinggi.

Demikianlah Islam menerapkan pengaruhnya pada orang-orang yang memahaminya dan menyesuaikan hidup mereka dengannya sehingga mereka berubah menjadi satu salinan yang hidup bagi Islam. Pembawaan dan kehidupan Rasulullah s.a.w. yang dijalani setiap hari yang mengandungi pengalaman-pengalaman, percubaan-percubaan, kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan sebagai seorang manusia, yang bercampur dengan hakikat-hakikat da'wah Allah yang meningkatkan darjatnya selangkah demi selangkah seperti yang dapat dilihat dalam pembawaan hidup isteri-isteri beliau, merupakan satu contoh yang praktikal yang dapat dilihat dan diambil teladan oleh sesiapa sahaja yang mahukan contoh teladan yang mudah yang dapat dilaksanakan di alam kenyataan, iaitu contoh teladan yang bukan wujud di awan-awan dan di dalam khayalan-khayalan.

Kini terlaksanalah hikmat perencanaan Allah yang telah menurunkan agama-Nya yang terakhir dengan bentuknya yang sempurna dan sepadu, dan memilih seorang Rasul yang mampu menerimanya dan dapat menterjemahkannya dalam satu gambaran yang hidup, dan menjadikan kehidupan Rasul ini sebagai sebuah kitab yang terbuka yang dapat dibaca oleh semua orang dan dapat dijadikan sumber rujukan generasi demi generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)

Umat Muslimin Diseru Menjunjung Iltizam-iltizam Untuk Menjauhkan Keluarga Dari Api Neraka

Di bawah implikasi peristiwa yang meninggalkan kesan yang amat mendalam pada hati orang-orang Islam ini, al-Qur'an menyeru para Mu'minin supaya menunaikan kewajipan mereka terhadap rumahtangga mereka, iaitu kewajipan mendidik, memimpin dan mengingat untuk memelihara diri mereka dan keluarga mereka dari seksa Neraka, di samping melukiskan kepada mereka satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Neraka dan keadaan orang-orang kafir di sana. Juga menyeru mereka supaya bertaubat dan menggambarkan kepada mereka pemandangan Syurga yang menunggu orang-orang yang bertaubat. Kemudian al-Qur'an menyeru Nabi s.a.w. supaya memerangi orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

6. **"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu, dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis, mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka."**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَعْتَذِرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

7. **"Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta ma'af pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ تُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ يَوْمَ لَا يُخْزِى ٱللَّهُ ٱلنَّبِىَّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ ۖ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَٰنِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَٱغْفِرْ لَنَآ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

8. **"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha semoga Tuhan kamu menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai pada hari Allah tidak akan mengecewakan Nabi dan orang-orang yang beriman yang bersama-sama dengannya. Cahaya keimanan mereka menerangi di hadapan dan di kanan mereka, sedangkan mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah untuk kami cahaya keimanan kami dan ampunkan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ جَٰهِدِ ٱلْكُفَّارَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱغْلُظْ عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٩﴾

9. **"Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bertindaklah dengan keras terhadap mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."**

Tanggungjawab seorang Mu'min terhadap diri dan keluarganya adalah tanggungjawab yang berat dan menakutkan. Di Akhirat sana dia dan keluarganya terdedah kepada

api Neraka. Oleh itu, dia berkewajipan melindungkan dirinya dan keluarganya dari Neraka yang menunggu di sana iaitu Neraka yang bernyala-nyala begitu dahysat dan hebat.

وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ

6. **"Bahan bakarnya ialah manusia dan batu."**

Manusia di dalam Neraka kelak sama seperti batu-batu iaitu hina, murah dan terbuang begitu sahaja tanpa kehormatan. Alangkah dahsyatnya Neraka yang apinya dibakar dengan batu-batu, dan alangkah seksanya Neraka yang mengumpulkan kesakitan yang dahsyat dengan kehinaan yang berat. Dan segala-gala di dalam Neraka adalah dahsyat belaka:

عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ

6. **"Dan yang menguasainya ialah malaikat-malaikat yang kasar dan bengis."**

Tabiat mereka sesuai dengan tabiat azab Neraka yang diawasi mereka:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

6. **"Mereka tidak menderhakakan Allah dalam segala tugas yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang disuruhkan kepada mereka."**

Di antara sifat-sifat mereka ialah ta'at menjunjung segala perintah Allah dan mampu melaksanakan segala suruhan-Nya. Dengan tabiat yang kasar dan bengis inilah mereka telah diserahkan tugas menjaga Neraka yang ganas dan dahsyat. Oleh itu setiap Mu'min berkewajipan memelihara dirinya dan keluarganya dari Neraka sebelum terluput peluang dan sebelum tiba waktu yang tidak berguna lagi dipohon kema'afan. Kini orang-orang kafir yang sedang berdiri di tepi Neraka itu memohon kema'afan, tetapi mereka tidak dipedullikan, malah mereka diberi jawapan yang memutuskan harapan mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَعْتَذِرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

7. **"Wahai orang-orang yang kafir! Janganlah kamu meminta ma'af pada hari ini. Sesungguhnya kamu hanya dibalas mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."**

Janganlah kamu meminta ma'af, kerana hari ini bukannya hari meminta ma'af, malah hari ini adalah hari menerima balasan terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan manusia dan kamu telah mengerjakan amalan-amalan yang dibalaskan dengan Neraka ini.